



K E C A P I K E H I D U P A N K I N I

FAKTA SEKILAS PANDANG

14,189,018
AHLI DAN
7,360,248
MERUPAKAN AHLI
AKTIF YANG MASIH
MENCARUM

RM833,763.57 JUTA
JUMLAH ASET PELABURAN

RM50,876.49
JUTA JUMLAH
PENDAPATAN KASAR



MENINGKAT
5.34%
DARIPADA
RM791,475.72 JUTA
PADA 2017

507,080

MAJIKAN
MENCARUM
KEPADA KWSP



CARUMAN TAHUNAN DITERIMA
DARIPADA PEKERJA DAN
MAJIKAN



RM71,466.97
JUTA



MENURUN 4.26%

DARIPADA RM53,139.68 JUTA PADA 2017



6.15%

KADAR DIVIDEN
SIMPANAN KONVENSIIONAL

RM42.99
BILION

BAYARAN DIVIDEN



5.90%

KADAR DIVIDEN
SIMPANAN SHARIAH

RM4.32
BILION

BAYARAN DIVIDEN



RM47,620.25
JUTA

JUMLAH PENGELUARAN PADA 2018

PERMOHONAN DITERIMA

2,601,022

PERMOHONAN DILULUSKAN

2,475,064

KANDUNGAN

Visi

– Fakta Sekilas Pandang

Pengurusan KWSP

BELANJAWANKU

Panduan Perbelanjaan Untuk Individu & Keluarga di Malaysia
Lembah Klang 2019



Dengan Kerjasama



Berpasukan

61 Pernyataan Pengurusan Risiko
Pelaburan

339 Hartanah KWSP di Malaysia

340 Glosari

ga
anti Lembaga
ajaan
Pelaburan
ga, Ahli Silih Ganti
an Panel Pelaburan
Dilantik
ga, Ahli Silih Ganti
an Panel Pelaburan
matkan Perkhidmatan
nkuasa Lembaga dan
uran
nkuasa Penasihat
8 – 2020
ganisasi
etua Pegawai
etua Pegawai
Kanan

aan Mengikut

elaburan
operasi
strategi

ewangan dan Analisis
tua Audit Negara
wangan

FAKTA SEKILAS PANDANG

14,189
AHLI DAN
7,360,
MERUPAKA
AKTIF YANG
MENCARU

507,08

MAJIKAN
 MENCARUM
 KEPADA KWSP



CARUMAN TAHUNAN DITE
 DARIPADA PEKERJA D
 MAJIKAN



RM71,466
JUTA

APAKAH BELANJAWANKU?




Panduan yang menunjukkan perbelanjaan minimum bulanan atas setiap kategori barangan dan perkhidmatan untuk pelbagai isi rumah di Malaysia.

Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga bagi mencapai taraf hidup yang baik.

Ia berdasarkan pola perbelanjaan sebenar barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah di Lembah Klang.

TARAF HIDUP YANG BAIK ADALAH...



RM 7 JUTA

JUMLAH PENGELUARAN PADA 2018

PERMOHONAN DITERIMA

2,601,022

PERMOHONAN DILULUSKAN

2,475,064

KANDUNGAN

Visi

– Fakta Sekilas Pandang

Pengurusan KWSP

BAGAIMANAKAH MENGGUNAKAN BELANJAWANKU?

LANGKAH

01

Pilih kategori isi rumah anda.

LANGKAH

02

Semak anggaran perbelanjaan untuk kategori isi rumah anda.

LANGKAH

03

Gunakan anggaran perbelanjaan sebagai panduan untuk perbelanjaan bulanan dan peribadi.

LANGKAH

04

Rujuk anggaran perbelanjaan bagi kategori isi rumah yang lain untuk perancangan kewangan masa depan.



“ Mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai bukan hanya keperluan asas malah boleh melibatkan diri dalam masyarakat untuk kehidupan yang lebih baik dan bermartabat ”

Sumber: Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, 2018

Berpasukan

61 Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan

339 Hartanah KWSP di Malaysia

340 Glosari

Lembaga
Silih Ganti Lembaga
Kil Kerajaan
Panel Pelaburan
Lembaga, Ahli Silih Ganti
baga dan Panel Pelaburan
Baru Dilantik
Lembaga, Ahli Silih Ganti
baga dan Panel Pelaburan
Menamatkan Perkhidmatan
Jawatankuasa Lembaga dan
l Pelaburan
Jawatankuasa Penasihat
ah 2018 – 2020
tur Organisasi
alan Ketua Pegawai
kutif/Ketua Pegawai
angan
urusan Kanan
erniagaan Mengikut
stik
gian Pelaburan
gian Operasi
gian Strategi
an
kasan Kewangan dan Analisis
ran Ketua Audit Negara
ata Kewangan

FAKTA SEKILAS PANDANG

14,189
AHLI DAN
7,360,2
MERUPAKA
AKTIF YANG
MENCARU

507,08

MAJIKAN
MENCARUM
KEPADA KWSP




CARUMAN TAHUNAN DITE
DARIPADA PEKERJA D
MAJIKAN



RM71,466
JUTA

KATEGORI

BELANJAWANKU



RM 71.466 JUTA

JUMLAH PENGELUARAN PADA 2018

PERMOHONAN DITERIMA

2,601,022

PERMOHONAN DILULUSKAN

2,475,064

KANDUNGAN


Visi

- Fakta Sekilas Pandang

Pengurusan KWSP

JENIS PERBELANJAAN

BELANJAWANKU



Lembaga
Silih Ganti Lembaga
Kil Kerajaan
Panel Pelaburan
Lembaga, Ahli Silih Ganti
baga dan Panel Pelaburan
Baru Dilantik
Lembaga, Ahli Silih Ganti
baga dan Panel Pelaburan
Menamatkan Perkhidmatan
Jawatankuasa Lembaga dan
l Pelaburan
Jawatankuasa Penasihat
ah 2018 – 2020
struktur Organisasi
alan Ketua Pegawai
kutif/Ketua Pegawai
angan
urusan Kanan

Perniagaan Mengikut

stik
gian Pelaburan
gian Operasi
gian Strategi

an
kasan Kewangan dan Analisis
ran Ketua Audit Negara
ata Kewangan

Berpasukan

61 Pernyataan Pengurusan Risiko
Pelaburan

339 Hartanah KWSP di Malaysia

340 Glosari

FAKTA SEKILAS PANDANG

14,189
 AHLI DAN
 7,360,
 MERUPAKA
 AKTIF YANG
 MENCARU

507,08

MAJIKAN
 MENCARUM
 KEPADA KWSP




CARUMAN TAHUNAN DITE
 DARIPADA PEKERJA D
 MAJIKAN



RM71,466
 JUTA

ANGGARAN PERBELANJAAN BULANAN

BELANJAWANKU



BUJANG (Pengguna Kenderaan Awam)		BUJANG (Pemilik Kereta)		PASANGAN BERKAHWIN (Tiada Anak)	
Makanan:	RM550	Makanan:	RM550	Makanan:	RM870
Tempat tinggal:	RM300	Tempat tinggal:	RM300	Tempat tinggal:	RM870
Kesihatan:	RM30	Kesihatan:	RM30	Kesihatan:	RM70
Pengangkutan:	RM200	Pengangkutan:	RM770	Pengangkutan:	RM1,020
Utiliti:	RM100	Utiliti:	RM100	Utiliti:	RM290
Simpanan:	RM250	Simpanan:	RM250	Simpanan:	RM400
Penjagaan Diri:	RM70	Penjagaan Diri:	RM70	Penjagaan Diri:	RM100
Perbelanjaan Khusus:	RM90	Perbelanjaan Khusus:	RM140	Perbelanjaan Khusus:	RM300
Penglibatan Sosial:	RM150	Penglibatan Sosial:	RM150	Penglibatan Sosial:	RM200
Perbelanjaan Pilihan:	RM130	Perbelanjaan Pilihan:	RM130	Perbelanjaan Pilihan:	RM300

PASANGAN BERKAHWIN (Seorang Anak)		PASANGAN BERKAHWIN (Dua orang Anak)		PASANGAN WARGA EMAS	
Makanan:	RM1,300	Makanan:	RM1,550	Makanan:	RM850
Tempat tinggal:	RM870	Tempat tinggal:	RM870	Tempat tinggal:	RM700
Kesihatan:	RM100	Kesihatan:	RM120	Kesihatan:	RM130
Pengangkutan:	RM1,030	Pengangkutan:	RM1,040	Pengangkutan:	RM500
Utiliti:	RM300	Utiliti:	RM310	Utiliti:	RM290
Penjagaan Anak:	RM650	Penjagaan Anak:	RM1,150	Penjagaan Diri:	RM90
Simpanan:	RM400	Simpanan:	RM400	Pilihan:	RM130
Perbelanjaan Khusus:	RM340	Perbelanjaan Khusus:	RM400	Perbelanjaan Khusus:	RM230
Penglibatan Sosial:	RM240	Penglibatan Sosial:	RM250	Penglibatan Sosial:	RM170
Perbelanjaan Pilihan:	RM380	Perbelanjaan Pilihan:	RM390	Perbelanjaan Pilihan:	RM130

JUMLAH PENGELUARAN PADA 2018

PERMOHONAN DITERIMA

2,601,022

PERMOHONAN DILULUSKAN

2,475,064

KANDUNGAN

Visi

– Fakta Sekilas Pandang

Pengurusan KWSP

BELANJAWANKU



MASA DEPAN BELANJAWANKU

Belanjawanku boleh digunakan oleh pelbagai pihak. Bagi penggubal dasar dan penyelidik misalnya, Belanjawanku boleh digunakan sebagai rujukan untuk mengukur keberkesanan perubahan dasar (seperti gaji minimum dan faedah sosial), dan menilai kesan atau pengaruh luaran ke atas taraf hidup. Bagi orang awam, Belanjawanku dapat digunakan sebagai panduan untuk perancangan kewangan dan perbelanjaan, dan bagi perusahaan, ia dapat digunakan sebagai tanda aras penentuan gaji. Dengan pelbagai penggunaan ini, Belanjawanku adalah alat yang sangat berguna kepada penggubal dasar, NGO, syarikat, dan rakyat Malaysia secara keseluruhan, dalam membuat keputusan berkaitan dasar dan kewangan.

Belanjawanku akan disemak semula, dari semasa ke semasa dengan mengambil kira perubahan harga dan pilihan perbelanjaan isi rumah. Seiring dengan arus pembangunan di Malaysia, di harap Belanjawanku dapat menjadi panduan dalam mencapai impian dan aspirasi rakyat untuk masa depan yang lebih baik.

Berpasukan

61 Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan

339 Hartanah KWSP di Malaysia

340 Glosari

Lembaga

Silih Ganti Lembaga
Kil Kerajaan

Panel Pelaburan

Lembaga, Ahli Silih Ganti
Lembaga dan Panel Pelaburan
Baru Dilantik

Lembaga, Ahli Silih Ganti
Lembaga dan Panel Pelaburan
Menamatkan Perkhidmatan

Jawatankuasa Lembaga dan
Pelaburan

Jawatankuasa Penasihat
2018 – 2020

Struktur Organisasi

Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif/Ketua Pegawai
Operasional

Struktur Kanan

Perdagangan Mengikut

Perdagangan

Perdagangan Pelaburan

Perdagangan Operasi

Perdagangan Strategi

Perdagangan

Perdagangan Kewangan dan Analisis

Perdagangan Ketua Audit Negara

Perdagangan Kewangan

FAKTA SEKILAS PANDANG

14,189
AHLI DAN
7,360,2
MERUPAKA
AKTIF YANG
MENCARUM

507,08

MAJIKAN
MENCARUM
KEPADA KWSP



CARUMAN TAHUNAN DITE
DARIPADA PEKERJA D
MAJIKAN



RM71,466
JUTA



www.kwsp.gov.my
www.swrc.um.edu.my

RM 7 JUTA

JUMLAH PENGELUARAN PADA 2018

PERMOHONAN DITERIMA

2,601,022

PERMOHONAN DILULUSKAN

2,475,064

KANDUNGAN

Visi

Membantu
Ahli Mencapai
Masa Depan
Lebih Baik

Misi

Melindungi
Simpanan
Ahli dan
Menyediakan
Perkhidmatan
Terbaik

Nilai Bersama KWSP

Integriti

Penambahbaikan
Berterusan

Utamakan Pelanggan

Semangat Kerja
Berpasukan

– Fakta Sekilas Pandang

Mesej Pengerusi

Mesej Ketua Pegawai Eksekutif

- 4 Perutusan Pengerusi
- 8 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 12 Mesej Khas KPE:
Pelaburan Berimpak – Apabila KWSP Boleh Menjadi Kuasa Untuk Kebaikan

Prestasi KWSP

- 16 Sorotan Lima Tahun Kewangan
- 18 Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP (1951-2018)
- 20 Struktur Korporat Kumpulan
- 22 68 Cawangan di Seluruh Malaysia
- 26 Diari Korporat 2018

Tadbir Urus KWSP

- 30 Pernyataan Tadbir Urus Korporat
- 36 Pernyataan Tadbir Urus Syariah Bagi Simpanan Syariah KWSP
- 41 Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah
- 43 Pengurusan Risiko
- 52 Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 57 Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga 2018
- 59 Pernyataan Audit Dalam
- 61 Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan

Pengurusan KWSP

- 64 Ahli Lembaga
- 73 Ahli Silih Ganti Lembaga – Wakil Kerajaan
- 74 Ahli Panel Pelaburan
- 78 Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Baru Dilantik
- 78 Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Menamatkan Perkhidmatan
- 79 Ahli Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan
- 80 Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah 2018 – 2020
- 81 Struktur Organisasi
- 82 Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan
- 83 Pengurusan Kanan

Ulasan Perniagaan Mengikut Bahagian

- 94 Statistik
- 100 Bahagian Pelaburan
- 105 Bahagian Operasi
- 108 Bahagian Strategi

Kewangan

- 116 Ringkasan Kewangan dan Analisis
- 119 Laporan Ketua Audit Negara
- 125 Penyata Kewangan
- 339 Hartanah KWSP di Malaysia
- 340 Glosari

Kecapi Kehidupan Kini

BELANJAWANKU untuk



BUJANG

(PENGGUNA KENDERAAN AWAM)

MAKANAN

RM550

TEMPAT
TINGGAL

RM300

KESIHATAN

RM30

PENGANGKUTAN

RM200

UTILITI

RM100

SIMPANAN

RM250

PENJAGAAN
DIRI

RM70

PERBELANJAAN
KHUSUS

RM90

PENGLIBATAN
SOSIAL

RM150

PERBELANJAAN
PILIHAN

RM130

RM1,870

ANGGARAN
PERBELANJAAN/BULAN





Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Seksyen 1

MESEJ PENERUSI

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- 4 Perutusan Pengerusi
- 8 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 12 Mesej Khas KPE: Pelaburan Berimpak – Apabila KWSP Boleh Menjadi Kuasa Untuk Kebaikan

PERUTUSAN PENGERUSI



⤴ **TAN SRI SAMSDUDIN OSMAN**
Pengerusi

“
Tahun 2018 merupakan satu-satunya tahun yang
sungguh mencabar bagi kami di Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja (KWSP) dengan berlakunya pelbagai
peristiwa yang dianggap sebagai pencetus atau
'game-changer' yang menguji ketahanan kami.
”

Tirai 2018 dibuka dengan pelbagai peristiwa suka dan duka. Sejurus pengisytiharan dua kadar dividen buat kali pertama dan memecah rekod untuk tahun 2017 pada awal bulan Februari, kami dikejutkan dengan berita kebakaran bangunan ikonik KWSP Petaling Jaya. Syukur Alhamdulillah, tiada yang tercedera dalam insiden tersebut.

Barangkali peristiwa yang merupakan titik perubahan pada 2018 adalah keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada 9 Mei yang dicatatkan dalam lipatan sejarah Malaysia sebagai tarikh peralihan kerajaan buat pertama kali.

MENGUJI KETAHANAN

Tahun 2018 menguji ketahanan kewangan KWSP apabila kita berhadapan dengan keributan ekonomi seperti yang dialami sewaktu krisis kewangan global pada tahun 2009.

Berlaku risiko penurunan kepada ekonomi global, terutama pada suku kedua dan keempat tahun 2018 berikutan ketidaktentuan pasaran akibat konflik perdagangan berskala besar di antara Amerika Syarikat dan China, seterusnya menyaksikan kedua belah pihak melontar ancaman tarif perdagangan. Ini telah memberi kesan dramatik ke atas negara-negara lain terutamanya yang mempunyai lebih hubungan ekonomi dengan kedua-dua kuasa besar tersebut.

Sepuluh tahun pertama 2018 menyaksikan kebanyakan pasaran membangun di Asia mengalami kesukaran untuk mengekalkan momentum tahun kewangan sebelumnya. Ditambah dengan rangkaian peristiwa yang tidak menentu pada tahun 2018, menyukarkan kami untuk menandingi prestasi yang memecah rekod tahun sebelumnya.

PERUTUSAN PENGERUSI

Walaupun terdapat pengecutan pertumbuhan pada tahun 2018, kami masih berupaya memberikan pulangan pelaburan yang baik, hasil kepelbagaian portfolio yang memberi penekanan ke atas sektor berprestasi tinggi yang memberi daya tahan serta dapat menjana pulangan yang memberangsangkan kepada ahli KWSP.

Berikutan trend menurun dalam pasaran global pada tahun 2018, pendapatan pelaburan kasar KWSP mencatatkan penurunan sebanyak 2.26% daripada tahun 2017 kepada RM50.87 bilion. Sebanyak RM4.62 bilion dijana bagi Simpanan Shariah, berkadar dengan bahagiannya daripada keseluruhan aset Syariah; manakala RM46.26 bilion dijana bagi Simpanan Konvensional.

ASET PELABURAN

RM833.76 bilion

KADAR PULANGAN PELABURAN (ROI)

6.57%

PENDAPATAN PELABURAN KASAR

RM50.87 bilion

JUMLAH PENGAGIHAN DIVIDEN

RM47.31 bilion

SIMPANAN KONVENSIONAL

6.15%

SIMPANAN SHARIAH

5.90%

Walaupun dalam keadaan pasaran tidak menentu, KWSP berupaya mengisytiharkan kadar dividen yang baik iaitu 6.15% untuk Simpanan Konvensional dan 5.90% untuk Simpanan Shariah dengan pembayaran dividen masing-masing berjumlah RM42.99 bilion dan RM4.32 bilion. Pembayaran keseluruhan untuk tahun 2018 adalah RM47.31 bilion.

Kadar dividen yang diisytiharkan adalah di luar jangkaan umum yang menganggarkan sekitar 4% hingga 5% sahaja. Selain dividen nominal, keutamaan KWSP adalah untuk memberikan pulangan melebihi kadar inflasi secara konsisten agar ia dapat mengekalkan dan meningkatkan nilai simpanan ahli dalam jangka panjang serta membantu mereka mencapai masa depan persaraan yang lebih baik.

KECEMERLANGAN OPERASI 2018

Fokus KWSP terhadap kualiti melangkaui aset yang dimiliki dan pendapatan yang dijana. Ia merangkumi hubungan baik yang dijalin dengan ahli, majikan dan pihak berkepentingan serta usaha berterusan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Majoriti daripada 14.19 juta ahli KWSP adalah golongan generasi digital dan harapan daripada generasi inilah yang terus memacu polisi dan inisiatif KWSP. Justeru, sebahagian besar usaha KWSP pada tahun 2018 adalah tertumpu kepada peningkatan kecekapan dan keselamatan operasi untuk memberikan hasil yang lebih baik, meningkatkan pengalaman positif dan mengurangkan kos.

Sukacita saya maklumkan bahawa KWSP menepati sasaran dengan penambahbaikan berterusan kepada keupayaan dan kemampuan operasinya. Ini telah menghasilkan penyelesaian menyeluruh ke atas setiap perkhidmatan dalam talian KWSP termasuk teknologi mudah alih yang menyediakan maklumat dan keselesaan di hujung jari ahli kami. Kemudahan ini membantu ahli untuk membuat keputusan yang tepat selain dapat memberikan maklum balas ke atas perkhidmatan KWSP secara *real-time* untuk penambahbaikan yang berterusan.

Walau bagaimanapun, dalam usaha kami memanfaatkan teknologi untuk berinteraksi dengan ahli, kami sedar masih terdapat golongan ahli yang ingin terus berurusan di kaunter atau berhubung dengan pegawai kami di Pusat Pengurusan Perhubungan. Selaku duta KWSP, pegawai di barisan hadapan sentiasa diberikan latihan, bukan sahaja untuk meningkatkan mutu kerja malah memperkasakan mereka dalam memberikan impak yang baik ke atas pengalaman pelanggan secara keseluruhannya.

PELANCARAN i-SURI

Turut menambahkan seri pada tahun 2018 adalah pelancaran i-Suri iaitu sebuah skim insentif khas yang diperkenalkan untuk golongan suri rumah. Dikonseptualisasikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama KWSP, skim i-Suri memberi peluang kepada golongan suri rumah untuk menikmati keselamatan sosial yang berkualiti selain meningkatkan keselamatan kewangan sepertimana yang dinikmati oleh ahli KWSP.

Insentif yang dinanti-nantikan ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan penjagaan dan memperluaskan perlindungan terutama kepada golongan yang lemah yang merupakan sebahagian dari agenda untuk mencapai taraf negara berpendapatan tinggi.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

PERUTUSAN PENGERUSI

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melancarkan i-Suri di Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa KWSP 2018.

Seramai 616 suri rumah telah mendaftar untuk i-Suri pada hari pertama ia dilancarkan dan di hujung 2018 jumlah ini telah meningkat kepada 63,297.

TERAJU UTAMA KESELAMATAN SOSIAL

KWSP memacu sistem keselamatan sosial bersepadu di mana semua rakan sosial dapat berkongsi data dan beroperasi dengan lebih cekap dalam memberikan perlindungan sosial kepada semua lapisan masyarakat Malaysia.

Populasi penuaan dan perubahan demografi terus menjadi kebimbangan utama kerana ia memberikan cabaran kepada KWSP dalam memenuhi visi untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

Kadar penggantian yang diperlukan untuk menangani perubahan demografi negara masih di tahap rendah menyukarkan golongan bersara untuk meneruskan kehidupan dengan mampan. Meskipun kadar caruman KWSP untuk kedua-dua bahagian pekerja dan majikan adalah tinggi pada 11% dan 12%, ia bukanlah kadar persaraan atau penggantian penuh kerana majoriti ahli KWSP masih berpendapatan rendah dan pengeluaran pra-persaraan yang dibuat telah mengurangkan jumlah simpanan ahli selepas bersara.

KWSP juga secara proaktif menawarkan skim caruman sukarela i-Saraan di mana semua rakyat Malaysia sama ada yang berpendapatan tetap atau tidak, boleh membuka akaun dengan KWSP dan menikmati manfaat yang sama seperti ahli KWSP yang lain.

MELUASKAN SEMPADAN, MERANGKUL PERUBAHAN

KWSP menyambut ulang tahunnya yang ke-67 pada 2018 dan ketika mengimbas pencapaian silam dan kini, kami tidak terlepas pandang kepada pelbagai kemungkinan yang boleh mencabar segala bentuk kejayaan yang sedang dinikmati.

Revolusi Industri 4.0 yang dipacu oleh automasi dan *big data*, sentiasa mengingatkan kami untuk tidak leka dengan pencapaian kami memandangkan kepada kepantasan perubahan yang sedang berlaku. Perubahan ini tidak terhad kepada teknologi malah merangkumi corak pemikiran setiap individu kerana cara seseorang menyesuaikan diri dengan perubahan ini akhirnya akan memberi kesan terhadap cara bekerja, kehidupan dan komunikasi.

Bagi menangani ancaman dan trend yang baru muncul, kita menilai semula penyampaian perkhidmatan semasa untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada. Antara agenda transformasi utama ialah memastikan agar anggota KWSP berada di landasan yang sama dengan peruntukan yang sama.

Terdapat kekuatan dalam budaya KWSP yang boleh kami manfaatkan yang mana mandat KWSP adalah asasnya. Saya berpuas hati dengan tahap kompetensi yang diperlihatkan oleh anggota KWSP dan berasa bangga untuk menyatakan bahawa kami mempunyai ramai anggota yang berbakat yang akan memastikan KWSP akan terus cemerlang dengan keutamaan yang berterusan terhadap pelanggan.

Bukti kepada dedikasi kami adalah empat anugerah yang kami terima dalam tahun 2018 yang mengiktiraf peranan kami sebagai dana persaraan yang ulung. Anugerah tersebut adalah ISSA (International Social Security Association) *Good Practice Awards Asia* dan Pacific Competition 2018 untuk Khidmat Nasihat Persaraan; anugerah '*Life at Work Awards*' daripada TalentCorp Malaysia untuk tiga kategori: *Best Public Sector Organisation*, *CEO Champion* dan *Outstanding Practice (Workplace)*; Asia HRD Awards 2018 untuk *Movers and Shakers Award*; *Malaysian e-Payments Excellence Awards 2018* daripada Payments Network Malaysia; dan '*World Bank's Case Study On EPF*' oleh World Bank mengiktiraf KWSP sebagai salah satu dana persaraan terbaik di dunia.

TABAH MENGHADAPI KESUKARAN

Anugerah ini bukan sekadar pengiktirafan ke atas pencapaian KWSP malah lebih utamanya ia menggariskan dedikasi setiap lelaki dan wanita di KWSP.

Syukur Alhamdulillah, peristiwa-peristiwa di luar jangkaan pada 2018 tidak melemahkan usaha kami untuk mencapai objektif KWSP. Walaupun berhadapan dengan perubahan mengejut ke atas pucuk pimpinan KWSP pada September lalu tiga bulan sebelum penutupan prestasi akhir tahun, ianya tidak menggugat dedikasi dan fokus anggota KWSP.

Pelantikan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Shahril Ridza Ridzuan sebagai Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad sememangnya mengejutkan semua anggota KWSP. Namun, saya berbangga atas dua perkara - pertama, pegawai KWSP telah dipilih oleh Kerajaan untuk mengetuai Khazanah dan kedua, proses pelantikan Tunku Alizakri Alias sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) KWSP berjalan dengan lancar dan tidak menggugat pengurusan dan operasi KWSP.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kedua-duanya di atas pelantikan dan pengiktirafan yang diberikan ke atas sumbangan dan pencapaian mereka. Saya juga berterima kasih kepada semua anggota KWSP yang telah menunjukkan sikap profesional

PERUTUSAN PENGERUSI

sepanjang peralihan jawatan KPE dan menerima perubahan dalam pengurusan sebagai satu khidmat kepada negara.

Rangkaian peristiwa luar biasa ini merupakan peringatan bahawa perubahan akan tetap berlaku sebagai proses biasa atau datang secara mengejut. Di dalam kedua-dua senario, anggota KWSP telah menunjukkan kematangan dan kesungguhan yang terbina atas asas nilai dan budaya yang betul untuk merangka masa depan yang lebih baik.

TADBIR URUS MENJADI PANDUAN UTAMA

KWSP akan terus dipandu oleh dua faktor utama yang memastikan kelancaran operasinya, iaitu ketelusan dan kebebasan. Komposisi Lembaga KWSP yang diasaskan kepada prinsip perwakilan tiga pihak berkepentingan utama iaitu pekerja, majikan dan kerajaan. Ini bermakna semua keputusan utama yang tidak melibatkan urusan pelaburan dibuat secara bebas dengan campur tangan minimum pihak luar.

KWSP terkenal dengan kekuatan tadbir urusnya dan inilah yang menjadi kebanggaan kami. Pada tahun 2018, kami mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Borhan Dolah, Datuk Hashim Paijan dan Dato' Amir Omar ke Lembaga Pengarah KWSP; dan Adnan Zaylani Mohamad Zahid ke Panel Pelaburan KWSP. Kepada ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan KWSP yang telah menamatkan perkhidmatan, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepimpinan dan komitmen anda serta mendoakan kejayaan anda di masa hadapan.

BERSEDIA UNTUK PERTUMBUHAN MAMPAN

Kami menjangkakan bahawa ekonomi dunia pada tahun 2019 akan mengalami peralihan yang ketara. Antara yang paling nyata ialah peningkatan evolusi politik populisme yang mempunyai kecenderungan semulajadi untuk menghalang pertumbuhan. Setakat ini, ianya masih belum memberikan impak



negatif yang serius ke atas pertumbuhan dan kestabilan kewangan namun kami tidak mahu menolak sebarang kemungkinan.

Pasaran akan terus didorong oleh kitaran masa yang baik dan tidak baik. Dengan impak dari tahun 2018, KWSP akan kekal komited dengan strategi pelaburan jangka panjangnya dan sasarannya untuk memelihara dan meningkatkan nilai simpanan persaraan ahli.

Dengan pasukan KWSP yang cemerlang, saya yakin dengan kemampuan KWSP untuk menghadapi ketidakpastian ekonomi dan akan terus membina daya tahan untuk menghadapi cabaran mendatang.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli, majikan dan pihak berkepentingan atas kepercayaan yang diberikan serta sokongan mereka terhadap inisiatif KWSP. Kami akan sentiasa berganding bahu dan sepakat dalam membina rangka kerja keselamatan sosial yang kukuh untuk seluruh rakyat Malaysia.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada KPE dan pasukan pengurusannya serta semua anggota KWSP kini dan terdahulu atas dedikasi dan sikap profesionalisme mereka. Juga, ucapan terima kasih tidak terhingga kepada mantan KPE, Datuk Shahril Ridza di atas kepimpinan dan kebijaksanaan beliau yang telah menyumbang kepada kejayaan KWSP.

Kepada Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan KWSP, terima kasih atas bimbingan dan sokongan anda bersama pasukan profesional KWSP yang berdedikasi. Saya yakin KWSP berada pada kedudukan yang amat baik untuk pertumbuhan jangka panjang yang mampan, Insya-Allah.

Terima kasih.

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

Pengerusi

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“
Tahun 2018 merupakan tahun yang penuh dengan pelbagai peristiwa.
”

Di seluruh dunia, ketidakpastian pasaran telah menyebabkan berbilion-bilion dolar lenyap daripada beberapa pasaran ekonomi utama dan membawa ancaman yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi. Di Malaysia, negara telah mencatat sejarah apabila PRU14 pada bulan Mei membawa perubahan kepada pucuk pimpinan kerajaan Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan.

KWSP juga mendapat perhatian ramai pada tahun ini. Dividen untuk tahun kewangan 2018 yang mencatat sejarah telah mendapat pujian meluas manakala bangunan ikonik KWSP Petaling Jaya diselamatkan daripada kebakaran pada 13 Februari. Walaupun insiden kebakaran tersebut amat menyedihkan, tindakbalas pasukan pengurusan krisis KWSP telah berjaya menanganinya dengan baik dan berkesan, seterusnya menolak pelbagai spekulasi dan maklumat tidak tepat mengenai punca kebakaran.

Dari sudut peribadi, tahun 2018 juga menandakan titik penting dalam kerjaya saya - mengambil alih mandat Ketua Pegawai Eksekutif pada bulan September, satu peranan yang sebelum ini dipikul dengan penuh wibawa oleh Datuk Shahril Ridza Ridzuan. Dengan sokongan yang diberikan oleh pasukan dalam organisasi, serta menyedari akan keyakinan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya, sukacita saya maklumkan bahawa KWSP telah melalui proses peralihan kepimpinannya dengan lancar. Lebih penting lagi, komitmen saya dan warga KWSP untuk mencapai visi KWSP, menegaskan semula peranan kami di Malaysia dan memacu misi KWSP untuk melaksanakan tanggungjawab kami tetap jelas serta tidak berbelah bahagi.



↑ **TUNKU ALIZAKRI RAJA MUHAMMAD ALIAS**
Ketua Pegawai Eksekutif

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

➔ **KWSP terus mencabar tradisi dan ortodoks yang menjadi rintangan kepada anggotanya dalam menjalankan tugas dengan berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat bersama. KWSP berusaha untuk mengeneppikan kerja secara terpinggir, menyamaratakan struktur organisasinya jika perlu, menjadi lebih terbuka, tangkas dan spontan, serta meningkatkan amalan tidak melengahkan tugas sebagai norma kerja di KWSP.**



Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

IKLIM PELABURAN YANG MENCABAR

Iklm pelaburan pada tahun 2018 adalah sukar. KWSP menyaksikan prestasi lemah ekuiti global dan domestik, disusuli dengan ketidaktentuan sekitar perang perdagangan AS-China, peningkatan kadar faedah serta pergolakan sosio-politik di beberapa negara dan mempengaruhi iklim ekonomi global.

Sebagai dana persaraan jangka panjang, kami di KWSP mempunyai tanggungjawab yang kritikal khususnya untuk memelihara dan mengembangkan simpanan ahli serta secara amnya menyumbang kepada penubuhan rangkaian perlindungan sosial yang kukuh untuk Malaysia. Ini sememangnya menjadi suatu cabaran berikutan keadaan ekonomi pada tahun 2018. KWSP perlu mengekalkan momentum prestasi tahun sebelumnya dan memastikan bahawa aktiviti KWSP kekal dalam mandat berasaskan risiko dan strategi pengoptimuman. Pendapatan KWSP mengalami turun naik dari suku tahun ke suku tahun: pada suku tahun pertama (S1), KWSP mencatatkan pendapatan RM12.87 bilion, susut kepada RM12.38 bilion pada S2 dan meningkat kepada RM14.61 bilion pada S3 sebelum mengakhirinya dengan pendapatan yang menurun kepada RM10.90 bilion pada S4.

Namun, kekuatan asas KWSP terus membantu kami mengharungi liku-liku tahun 2018. Kepelbagaian portfolio

yang merangkumi beberapa kelas aset membolehkan KWSP mengharungi cabaran di dalam dan luar negara. KWSP mengurangkan fokus terhadap tahap prestasi pasaran yang buruk; sebaliknya menumpukan kekuatan dan kepakaran kami dalam menentukan apa yang perlu dilakukan. Tumpuan ini membolehkan KWSP memperoleh hasil yang lebih baik. Walaupun ekuiti mengalami penurunan 6.97% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017, kelas aset ini terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan KWSP sebanyak RM11.06 bilion. Kelas aset ini membolehkan KWSP memperoleh pendapatan dividen dengan potensi untuk peningkatan modal dan kekal sebagai komponen penting dalam meningkatkan pulangan kepada portfolio KWSP.

Pelaburan luar negara KWSP juga banyak menyumbang kepada pendapatan untuk tahun 2018. Daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar RM50.87 bilion pada tahun tersebut, KWSP telah menjana RM19.09 bilion mencukupi untuk pembayaran sekurang-kurangnya 2.50% dividen, seterusnya meningkatkan pulangan kepada keseluruhan portfolio KWSP.

Penglibatan KWSP di 40 negara dan 28 matawang membolehkan KWSP untuk menjana pendapatan yang stabil. KWSP telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (*Compounded Annual Growth Rate - CAGR*) selama 10 tahun daripada pendapatan

pelaburan kasar sebanyak 10.26%, jelas telah melangkaui kadar pertumbuhan Malaysia. Oleh itu, ianya lebih memberi manafaat untuk KWSP meningkatkan pendedahan luar negara secara berperingkat kepada 32% daripada jumlah aset bagi mengurangkan risiko penumpuan di pasaran domestik selain memberi fleksibiliti kepada KWSP untuk mengimbangi antara beberapa aset atau pasaran pada masa yang berbeza.


Pasaran secara semula jadinya adalah bersifat kitaran. Terdapat masa yang baik dan buruk dan prestasi KWSP sebagai dana persaraan jangka panjang harus diukur bukan sekadar mengekalkan simpanan ahli, tetapi bagaimana KWSP meningkatkan nilainya.

Sesungguhnya, sejak tahun 2000, KWSP berupaya meningkatkan nilai simpanan ahli sebanyak 8.75% melalui dividen yang diagihkan dalam tempoh 18 tahun yang lalu (lihat Ilustrasi).

Pengisytiharan kadar dividen tahun 2018 sebanyak 6.15% untuk Simpanan Konvensional dengan pembayaran sebanyak RM42.99 bilion, dan 5.90% untuk Simpanan Syariah dengan pembayaran sebanyak RM4.32 bilion, jelas mencerminkan strategi dan kapasiti KWSP untuk mencapai sasaran dengan tepat. Walaupun kadar tersebut tidak dapat menandingi prestasi pada tahun 2017, ianya masih melepasi ramalan dividen di bawah kadar 5% (untuk Simpanan Konvensional).

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

KWSP bukan sekadar menjaga simpanan ahli malah meningkatkan nilai simpanan



Ilustrasi: Sekiranya ahli meletakkan simpanan sebanyak RM1,000 dengan KWSP pada 1 Januari 2000, nilai simpanan pada 31 Disember 2018 akan meningkat kepada RM1,875. Sekiranya ahli memegang jumlah tunai tersebut, nilai wang tersebut akan terhakis sebanyak 35.2% dan akan bernilai hanya RM648 pada hari ini.

KWSP yakin bahawa hala tuju, strategi dan tindakan pelaburannya menyediakan landasan baik untuk terus memberikan hasil yang cemerlang.

SUMBER MANUSIA: MENCABAR TRADISI

Jangkaan, keinginan dan keadaan ekonomi serta kewangan pihak berkepentingan KWSP akan sentiasa berubah. Berlandaskan kenyataan ini, KWSP telah memperkenalkan pelbagai inisiatif selaras dengan misinya untuk melindungi simpanan ahli dan memberikan perkhidmatan terbaik.

Pada November 2018, KWSP telah mula merangka Pelan Induk Transformasi Digital KWSP untuk menyediakan hala tuju organisasi dengan memanfaatkan analitik dan data dengan lebih baik dalam meningkatkan nilai perniagaan selain membina keupayaan yang diperlukan. Pada masa sekarang, perkhidmatan digital i-Akaun telah pun berfungsi sebagai saluran pengumpulan

data yang komprehensif dan membolehkan KWSP mendapatkan risikan perniagaan dan maklumat termasuk mengenal pasti kehendak ahli. Analisis sedemikian membolehkan KWSP menyediakan kandungan yang lebih menepati sasaran, bermanfaat dan berkesan untuk ahli.

Transformasi ini didorong oleh keperluan untuk mempunyai corak pemikiran berasaskan pemasaran dengan sokongan kemampuan digital. Skop transformasi ini sangat besar. Ianya mencabar dan merangkumi semua aktiviti KWSP dari urusan barisan hadapan hingga operasi dalaman dan kepimpinan. Transformasi ini adalah berteraskan sumber manusia yang mana tanpa mereka KWSP tidak dapat merealisasikan transformasi ini dengan jayanya. Oleh itu, KWSP komited untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan anggotanya untuk memastikan mereka dapat menghadapi perubahan ini dan membantu organisasi mencapai potensi sepenuhnya.

Budaya KWSP adalah asas kejayaannya. Visi KWSP - untuk membantu ahli dan negara

secara amnya untuk mencapai masa depan yang lebih baik - ditambah dengan nilai korporat yang kukuh, mewujudkan hala tuju KWSP. Ianya juga secara positif mempengaruhi penglibatan pekerja, kepuasan bekerja dan prestasi. KWSP telah diberi pengiktirafan sebagai majikan pilihan di Malaysia berdasarkan kemampuannya menarik bakat baharu dan muda untuk menyertai organisasi ini.

KWSP terus mencabar tradisi dan ortodoks yang menjadi rintangan kepada anggotanya dalam menjalankan tugas dengan berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat bersama. KWSP berusaha untuk mengeneipkan kerja secara terpinggir, menyamaratakan struktur organisasinya jika perlu, menjadi lebih terbuka, tangkas dan spontan serta meningkatkan amalan tidak melengahkan tugas sebagai norma kerja di KWSP.

Saya berbesar hati menjadi sebahagian daripada pasukan kepimpinan yang cemerlang di KWSP yang telah membawa kepada

MESEJ KHAS KPE: PELABURAN BERIMPAK – APABILA KWSP BOLEH MENJADI KUASA UNTUK KEBAIKAN



Saiz dana KWSP sedang melalui perkembangan yang pesat. KWSP menjangkakan aset di bawah pengurusan mencapai satu trilion ringgit menjelang tahun 2021. Walaupun pencapaian satu trilion ringgit adalah pergerakan semula jadi, memandangkan momentum sumbangan bersih yang diterima secara bulanan, cabaran yang lebih besar terletak pada trilion kedua - iaitu bagaimana kumpulan dana ini dapat dikembangkan dalam berhadapan dengan pertumbuhan global yang semakin perlahan dan persekitaran perdagangan yang tidak menentu. Di samping itu, terdapat impak daripada keadaan populasi yang semakin menua dan perubahan arah aliran tenaga kerja di mana trend aliran sumbangan bersih semasa mungkin akan mengalami penurunan pada masa hadapan.

Seiring dengan perkembangan dana KWSP yang semakin membesar, akan timbul dakwaan bahawa KWSP menghalang kecairan pasaran modal domestik. Walaubagaimanapun, perlu diingat bahawa KWSP mempunyai misi yang penting dan bermakna: menyediakan akses kepada ahli kelas pekerja biasa kepada pemilikan aset modal produktif dalam ekonomi, yang lazimnya di luar jangkauan orang biasa.

Seterusnya, mereka menerima sebahagian daripada kekayaan yang dijana dalam bentuk dividen tahunan yang akan menyumbang kepada pemeliharaan dan peningkatan nilai simpanan persaraan mereka. Ia diharap meletakkan mereka pada kedudukan kewangan yang lebih kukuh serta menjamin kesejahteraan kewangan masa depan mereka.

Pelabur dengan Kesedaran Sosial

KWSP mempunyai kewajiban untuk bertindak dengan mengambil kira kepentingan jangka panjang terbaik untuk penerima faedah KWSP. KWSP secara berterusan dan aktif memanfaatkan saiz dana sebagai 'kuasa yang membawa kebaikan' yang didorong oleh kewujudan nilai jangka panjang yang berkekalan bagi pemegang kepentingan KWSP. Secara tradisinya, KWSP adalah pelabur dengan kesedaran sosial, mengguna pakai kriteria penyaringan negatif untuk menilai sekuriti dan mengelakkan pelaburan yang dilihat sebagai tidak beretika seperti alkohol, tembakau, perjudian, persenjataan dan kuasa nuklear.

KWSP juga telah menggabungkan faktor-faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (Environmental, Social and Governance - ESG) ke dalam proses membuat keputusan dan usaha wajar pelaburan, memandangkan ia berpotensi untuk meningkatkan pulangan sambil memperkukuhkan rangka kerja pengurusan risiko sedia ada. KWSP sedar bahawa penerapan prinsip ESG menyelaraskan dengan lebih baik aktiviti pelabur selari dengan objektif kemasyarakatan yang lebih luas serta menunjukkan komitmen KWSP untuk melabur secara bertanggungjawab dan menggalakkan tadbir urus korporat yang berkesan serta pengawasan pelabur dalam pasaran maju yang cekap dan ekonomi yang mampan di seluruh dunia.

Tadbir Urus pada Teras ESG

Teras ESG yang berjaya atau pelaburan yang mampan adalah amalan tadbir urus yang kukuh. Apabila berbicara tentang pelaburan ESG, ia tidaklah terhad kepada topik seperti perubahan iklim dan kekurangan sumber sahaja tetapi membawa maksud yang lebih besar. ESG juga merangkumi isu-isu sosial seperti amalan buruh, pengurusan bakat,

MESEJ KHAS KPE: PELABURAN BERIMPAK – APABILA KWSP BOLEH MENJADI KUASA UNTUK KEBAIKAN

keselamatan produk, keselamatan data dan banyak lagi. Melangkah ke hadapan, KWSP berhasrat untuk mengukuhkan amalan ini demi menyokong tadbir urus korporat yang mantap daripada syarikat tersenarai, berdasarkan keyakinan KWSP bahawa tadbir urus yang kukuh adalah prasyarat untuk melindungi kepentingan para pemegang saham, dan meletakkan asas untuk kesedaran alam sekitar dan sosial yang lebih kuat.

Penyaringan Positif untuk Pelaburan Sosial

Bagaimanapun, keputusan untuk mengelakkan perniagaan yang tidak sejajar dengan nilai-nilai KWSP sahaja, mungkin tidak mencukupi. Kami sedar akan kesan meluas dalam pelaburan yang merentasi sempadan kewangan. Di KWSP, kesan pengaruh ini lebih luas daripada lingkungan di mana modal kami dilaburkan dan ganjaran kepada keusahawanan. KWSP perlu mempunyai 'kuasa untuk membawa kebaikan' yang berkesan dalam mempengaruhi perubahan positif iaitu dengan berusaha untuk mempengaruhi syarikat-syarikat untuk menangani atau secara aktif menyediakan penyelesaian kepada kebimbangan sosial dan etika dalam perniagaan mereka.

Impak sosial boleh mempunyai kesan positif, negatif atau keduanya. Walaupun pertimbangan kewangan kekal penting, KWSP perlu mengambil kira kesan yang lebih besar setiap aktivitinya kepada masyarakat untuk menekankan perkara yang betul dan meminimumkan perkara yang negatif.

Penyaringan negatif dalam pelaburan adalah lebih mudah untuk dilaksanakan berbanding saringan positif. KWSP sedar bahawa saringan positif memerlukan analisis isu rumit seperti pencemaran, amalan tempatan kerja, kepelbagaian

dan keselamatan produk. Untuk tujuan ini, saya ingin menggesa komuniti pengawal selia, pengendali bursa, penyedia indeks, pengurus dana dan penganalisa sekuriti dalam mengenal pasti peluang-peluang tersebut. KWSP berhasrat untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat pelaburannya untuk menyelaraskan matlamat pelaburan dengan nilai teras KWSP dalam usaha untuk menggalakkan produk mesra alam dan amalan perniagaan dengan tanggungjawab sosial.

Pembiayaan Hijau

Pembiayaan hijau atau pasaran "bon hijau" mendapat perhatian dengan pantas. Sektor ini merupakan saluran bagi penerbit untuk mendapatkan wang khusus bagi projek mesra alam seperti sumber tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan bersih, infrastruktur pengurusan sisa, pembinaan bangunan, air dan penggunaan tanah. Ini adalah bidang yang akan KWSP terokai pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, kerana kebanyakan aset hutang KWSP dilaburkan di dalam negara dan hakikat bahawa industri hijau baru tumbuh di negara ini dan belum mencapai skala ekonomi, ia mungkin mengambil masa sebelum KWSP boleh melabur secara meluas dalam sektor ini.

Pasaran modal di negara ini sedang berkembang dan mempunyai potensi sebagai pusat pembiayaan bertanggungjawab, hijau dan berasaskan kewangan Islam. Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk membina pasaran bon hijau yang mampan sebagai tambahan kepada pasaran hutang sedia ada. Contohnya, pasaran bon dan sukuk bernilai USD318 bilion disokong oleh ekosistem yang terdiri daripada pelbagai penerbit, pelabur institusi, bank, agensi penarafan kredit, agensi penentuan harga bon, institusi jaminan

kewangan serta penyedia perkhidmatan lain yang berkaitan. Dengan inisiatif sokongan kerajaan dan rangka kerja pengawalseliaan untuk menubuhkan 'piawai ESG', industri ini pasti akan didorong untuk merekabentuk lebih banyak produk hutang yang mempunyai elemen kesedaran sosial. Ini seterusnya membolehkan pelabur institusi seperti KWSP mengintegrasikan keperluan keamanan ke dalam rangka kerja keputusan pelaburannya.

Mengekalkan Nilai untuk Generasi Akan Datang

Sesuatu perjalanan yang berjarak beribu batu bermula dengan satu langkah. KWSP telah mengambil langkah pertama dengan mengemukakan permohonannya untuk menjadi penandatanganan kepada United Nations Principle for Responsible Investing (UNPRI). Dengan menandatangani UNPRI, KWSP akan menyertai rangkaian global penggubal dasar UNPRI yang dikendalikan secara bebas, untuk membina sistem kewangan yang mampan atas landasan pelaburan yang bertanggungjawab untuk mewujudkan nilai jangka panjang.

KWSP percaya ini akan meningkatkan keupayaannya untuk memenuhi komitmen bagi memastikan KWSP secara aktif mengambil daya usaha tambahan untuk 'berbuat baik' - mencari dan menemui keseimbangan antara memperoleh pulangan kewangan dengan impak kepada masyarakat yang boleh diukur dan alam sekitar dalam bentuk 'dividen sosial' sambil mengekalkan dan memelihara sumber yang berharga dan persekitaran semula jadi untuk manfaat generasi akan datang.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Kecapi Kehidupan Kini

BELANJAWANKU untuk



BUJANG
(PEMILIK KERETA)

MAKANAN RM550	TEMPAT TINGGAL RM300	KESIHATAN RM30
PENGANGKUTAN RM770	UTILITI RM100	SIMPANAN RM250
PENJAGAAN DIRI RM70	PERBELANJAAN KHUSUS RM140	PENGLIBATAN SOSIAL RM150
PERBELANJAAN PILIHAN RM130	RM2,490 ANGGARAN PERBELANJAAN/BULAN	



Seksyen 2

PRESTASI KWSP

- | | | | |
|----|---|----|---------------------------------|
| 16 | Sorotan Lima Tahun Kewangan | 22 | 68 Cawangan di Seluruh Malaysia |
| 18 | Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP (1951-2018) | 26 | Diari Korporat 2018 |
| 20 | Struktur Korporat Kumpulan | | |

SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN

	2014	2015	2016	2017	2018
RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN					
	RM JUTA				
Pendapatan Pelaburan Kasar	39,076.48	44,234.03	46,557.22	53,139.68	50,876.49
Pendapatan Pelaburan Bersih	37,824.88	40,701.25	37,917.09	49,231.23	31,949.62
Lain-Lain Pendapatan	165.82	231.71	196.31	171.82	200.06
Jumlah Pendapatan	37,990.70	40,932.96	38,113.39	49,403.05	32,149.68
Jumlah Perbelanjaan*	1,175.85	1,245.88	1,248.26	1,412.83	1,483.30
Pendapatan Bersih	36,814.84	39,687.08	36,865.13	47,990.22	30,666.39
Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli	36,656.46	38,243.40	37,076.32	48,130.15	47,312.80
RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN					
	RM JUTA				
Jumlah Dana Ahli**	640,207.42	688,294.55	737,048.39	810,399.34	832,310.41
Jumlah Aset	646,697.25	696,113.49	742,324.48	813,425.35	836,542.19
Jumlah Liabiliti	6,489.83	7,818.94	5,276.09	3,026.01	4,231.78
NISBAH KEWANGAN UTAMA					
	PERATUS (%)				
Pulangan Pelaburan	7.25	7.48	7.12	7.30	6.57
Jumlah Perbelanjaan Ke Atas Jumlah Pendapatan Kasar***	2.99	2.78	2.67	2.86	4.61
Jumlah Perbelanjaan Ke Atas Jumlah Aset	0.18	0.18	0.17	0.17	0.18
Pertumbuhan Pelaburan	11.13	8.42	7.34	8.96	9.87
Kadar Dividen Tahunan: Simpanan Konvensional	6.75	6.40	5.70	6.90	6.15
Kadar Dividen Tahunan: Simpanan Syariah	-	-	-	6.40	5.90

* Terdiri daripada Perbelanjaan Operasi dan Caj Berkanun.


** Terdiri daripada Akaun Caruman, Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (2014-2017), Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (2018) dan Pendapatan Terkumpul.

*** Jumlah Pendapatan Kasar termasuk rosot nilai atas aset kawangan dicatat semula serta rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu.


SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN

- Sek 1
- Sek 2**
- Sek 3
- Sek 4
- Sek 5
- Sek 6


**JUMLAH PENDAPATAN
(RM JUTA)**




**PENDAPATAN BERSIH
(RM JUTA)**




**DIVIDEN DIKREDITKAN KE AKAUN AHLI
(RM JUTA)**




**PENDAPATAN PELABURAN KASAR
(RM JUTA)**



**JUMLAH ASET
(RM JUTA)**



**PULANGAN PELABURAN
(%)**



MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951-2018)

1951

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

1952

- KWSP mempunyai 518,948 ahli dan 11,918 majikan berdaftar dalam rangkaianannya. Caruman dikutip berjumlah RM2.6 juta.

1956

- KWSP melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

1958

- Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.

1960

- Bangunan Ibu Pejabat KWSP di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.

1961

- Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais, rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP.

1963

- Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima atau lebih pekerja.

1967

- Pemprosesan data berautomasi diperkenalkan dengan pemasangan komputer kerangka utama.

1968

- Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

1969

- Liputan KWSP diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

1970

- Saiz aset KWSP meningkat kepada RM2.1 bilion, dengan ahli hampir dua juta orang.

1975

- Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan. Setakat ini, KWSP mempunyai 2.6 juta ahli dan 75,000 majikan berdaftar.

1977

- Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk:
 - i. Meningkatkan kadar caruman pekerja,
 - ii. Membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP,
 - iii. Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

1980

- Jumlah ahli meningkat kepada 3.7 juta dengan majikan berdaftar hampir mencecah 110,000. Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman untuk pekerja dinaikkan daripada 6% kepada 9% dan majikan daripada 7% kepada 11% mulai 1 Disember.

1981

- KWSP menyambut ulangtahun ke-30, Menteri Kewangan, YBM Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan batu asas bangunan baru KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

1982

- Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

1983

- KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal sehingga tahun 1987.

1990

- Untuk pertama kalinya, KWSP melabur dalam bon korporat dan menambah bilangan pengurus portfolionya.

1991

- KWSP menyambut ulang tahun ke-40 dan menggantikan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) dengan Akta KWSP 1991, yang meliberalisasi peraturan pelaburan dan menambah baik skim pengeluaran dan memperkukuhkan penguatkuasaan.

1993

- Buat pertama kalinya KWSP telah terlibat dalam pembiayaan projek dan usahasama, selaras dengan inisiatif penswastaaan kerajaan.

1995

- KWSP memperkenalkan Kursus Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini yang dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada KWSP dan organisasi keselamatan sosial yang lain.

1996

- KWSP melancarkan Skim Pelaburan Ahli, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti.

1997

- Kerja pembinaan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP di Bangi, Selangor dimulakan.

1999

- Jabatan Komputer KWSP memastikan sistem komputer KWSP patuh Y2K.

2000

- KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

2001

- Ahli KWSP meningkat kepada 10 juta dan jumlah aset mencecah RM186 bilion. Pada bulan April, Tan Sri Azlan Zainol dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.

MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951–2018)

2003

- KWSP menubuhkan Pusat Pengurusan Panggilan Telefon dan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan KWSP (one-stop centre) di Pejabat KWSP Wilayah Persekutuan, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur
- Projek Rekaayasa Semula Proses Perniagaan atau dikenali sebagai SERVE (Service Excellence) untuk mereka bentuk dan memperkembangkan proses kerja utama KWSP serta sistem teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penggantian sistem terasnya.

2004

- KWSP memperkenalkan sistem pengurusan Balanced Scorecard sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadikan KWSP sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia dan agensi kerajaan terbaik di Malaysia.
- e-Kiosk, yang membolehkan ahli memperoleh penyata kira-kira mereka menggunakan MyKad ditempatkan di 13 pejabat KWSP negeri dan 28 cawangan di seluruh negara.

2007

- KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga kepada dua; memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.

2008

- Bermula 1 Februari, tanggungan untuk mencarum kepada KWSP dilanjutkan daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun. KWSP juga meletakkan sasaran Simpanan Asas mengikut pelbagai peringkat umur untuk membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 menjelang usia 55 tahun.
- KWSP menubuhkan Kursi Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya.
- KWSP membuka Pejabat Wilayah bagi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa untuk negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan keselamatan sosial agensi-agensi berkaitan di kalangan negara ASEAN.

2009

- KWSP perkenal Polisi Anti-Fraud dan Pendedahan Maklumat.
- KWSP dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

2010

- KWSP lancar Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian diperluaskan termasuk untuk suri rumah.
- KWSP memperkenalkan sistem elektronik Pilihan Pelaburan Ahli yang menggantikan sistem manual permohonan pengeluaran simpanan ahli KWSP untuk melabur dalam saham amanah.

2011

- KWSP memperluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55 dan turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan berkuat kuasa 15 Julai 2011

2012

- KWSP buat kali kedua menerima Penarafan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan Terbaik yang dianugerahkan oleh MAMPU.

2013

- KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan secara online yang membolehkan majikan membayar caruman KWSP melalui i-Akaun di laman web myEPF (www.kwsp.gov.my).
- e-Pengeluaran diperkenalkan bagi membolehkan ahli mengemukakan permohonan pengeluaran secara online menerusi i-Akaun.

2014

- KWSP menyemak semula Simpanan kepada RM196,800 sebagai amaun minimum ahli perlu ada dalam akaun KWSP mereka menjelang umur 55 tahun.
- KWSP memperkenalkan aplikasi mudah alih pertamanya yang dikenali sebagai 'EPF i-Akaun'.
- KWSP memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan di cawangan utamanya di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

2015

- KWSP mengumumkan hasil kaji selidik rundingan ahli yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah maklum balas sebanyak 96,448 responden.
- Sebanyak 65.7% responden merupakan ahli yang berumur 40 tahun dan ke bawah. Ini bermakna ahli yang berumur di bawah 40 tahun semakin berminat dalam merancang masa depan persaraan mereka.

2016

- KWSP memperkenalkan Simpanan Syariah yang merupakan satu inisiatif oleh KWSP bagi membolehkan ahli KWSP memilih untuk akaunnya diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.
- Pendaftaran Simpanan Syariah bermula pada 8 Ogos dan ahli mestilah memilih untuk bertukar ke Simpanan Syariah selewat-lewatnya pada 23 Disember.

2017

- KWSP mengumumkan bahawa ia telah membuat pengklasifikasian data melibatkan bilangan ahli KWSP dan majikan bermula laporan Operasi suku ketiga.
- KWSP mengumumkan empat penambahbaikan ke atas skim dan polisi KWSP yang akan berkuatkuasa 1 Januari 2018 sebagai antara usaha berterusan KWSP untuk menambah baik dan memenuhi jangkaan ahli.

2018

- Buat pertama kalinya KWSP mengisytiharkan 6.40% untuk Simpanan Syariah 2017 dengan jumlah agihan dividen sebanyak RM3.98 bilion.
- Kebakaran bangunan ikonik KWSP Petaling Jaya. Tiada korban dilaporkan dan anggota dipindahkan ke cawangan dan pejabat lain.
- Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melancarkan Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) di Persidangan Keselamatan Sosial KWSP 2018.
- Pada bulan Ogos, Tunku Alizakri Alias memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP menggantikan Datuk Shahril Ridza Ridzuan yang dilantik sebagai Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad.

Sek 1
Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN



HARTANAH

- 100% Affordable Homes Sdn Bhd
- 100% Alpha Real Estate Investment Trust
- 100% Common Icon Sdn Bhd
- 100% Kwasa Land Sdn Bhd
- 100% Kwasa Logistics Sdn Bhd
- 100% Kwasa Properties Sdn Bhd
- 100% Kwasa Utama Sdn Bhd
- 100% Naungan Sentosa Sdn Bhd
- 100% Symphony Insight Sdn Bhd
- 100% Tanjung Wibawa Sdn Bhd
- 100% Yarra Development Holdings (Australia) Sdn Bhd
- 85% PPNK - Harta Sdn Bhd
- 80% YTR Harta Sdn Bhd
- 40% Nusa Gapurna Development Sdn Bhd
- 34% Bandar Eco-Setia Sdn Bhd
- 30% Jelas Puri Sdn Bhd
- 30% Panca Pesona Sdn Bhd
- 29.27% Iskandar Capital Sdn Bhd
- 20% Iskandar Investment Berhad

INSTITUSI KEWANGAN

- 98.33% Rashid Hussain Berhad^
- 63.77% Malaysia Building Society Berhad
- 41.69% RHB Capital Berhad^
- 40.62% RHB Bank Berhad
- 20% HSBC Amanah Takaful (M) Berhad

PEMBINAAN

- 35.48% Malaysian Resources Corporation Berhad

INFRASTRUKTUR/PENGELUARAN

- 100% Pinggiran Ventures Sdn Bhd
- 100% Ekuiti Merdu Sdn Bhd
- 49% PLUS Malaysia Berhad
- 40% Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN



- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4
- Sek 5
- Sek 6

GLOBAL


100% ADF Kwasa Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC	100% Kwasa Singapore (Duo) Pte. Ltd.
100% Kwasa Asia	100% Kwasa Singapore (Solo) Pte. Ltd.
100% Kwasa Capital Limited	100% Kwasa Singapore (Trio) Pte. Ltd.
100% Kwasa Capital Partners Limited	100% Kwasa US
100% Kwasa Emerald	99.5% Cengal Private Equity Investments PLC
100% Kwasa Europe S.à.r.l	99.5% Merbau Investors Offshore LP
100% Kwasa Europe-I	99.47% Cengal Private Equity Investments II PLC
100% Kwasa Global (Jersey) Limited	99.35% Cengal Private Equity Investments III PLC
100% Kwasa Global I (Jersey) Limited	99.25% Meranti Fund LP
100% Kwasa Infrastructure 1	99.25% Meranti Fund II LP
100% Kwasa Infrastructure Alpha	99.18% Merbau Investors Offshore II LP
100% Kwasa Infrastructure Beta	99.01% Merbau Investors Offshore III LP*
100% Kwasa Invest Ltd	99% Jati Private Equity Fund LP
100% Kwasa Korea Ltd	99% Jati Private Equity Fund II LP
	99% Jati Private Equity Fund III LP

Nota:

1. ^ Syarikat ini di dalam proses penggulungan.
2. * Syarikat ini baru ditubuhkan pada tahun 2018.
3. Rujuk Nota 43 dan 44 kepada Penyata Kewangan KWSP 2018 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari, bersekutu dan kepentingan usahasama KWSP.

68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA


- 1 PERLIS**
 - Kangar
- 2 KEDAH**
 - Alor Setar*
 - Kulim
 - Langkawi
 - Sungai Petani*
- 3 PULAU PINANG**
 - Bayan Baru
 - Georgetown*
 - Seberang Jaya*
- 4 PERAK**
 - Ipoh*
 - Kuala Kangsar
 - Manjung
 - Parit Buntar
 - Taiping*
 - Teluk Intan
- 5 SELANGOR**
 - Gombak
 - Kajang*
 - Klang*
 - Kuala Selangor*
 - Petaling Jaya*
 - Puchong
 - Rawang*
 - Shah Alam*
- 6 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
 - Jalan Raja Chulan*
 - Kepong*
 - Kuala Lumpur*
 - Seri Petaling
 - Wangsa Maju
- 7 NEGERI SEMBILAN**
 - Bahau
 - Nilai*
 - Seremban*
- 8 MELAKA**
 - Alor Gajah
 - Bandar Melaka*
 - Jasin



NOTA: * KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN (RAS)
BOLEH DIDAPATI DI CAWANGAN INI.

- 9 JOHOR**
 - Batu Pahat*
 - Johor Bahru*
 - Kluang*
 - Kulai*
 - Mersing
 - Muar
 - Segamat
- 10 PAHANG**
 - Jerantut
 - Kuantan*
 - Pekan
 - Raub
 - Temerloh*

68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA



11 KELANTAN

- Kota Bharu*
- Kuala Krai
- Tanah Merah*

12 TERENGGANU

- Besut
- Dungun
- Kemaman
- Kuala Terengganu*

13 SARAWAK

- Bintulu
- Kuching*
- Limbang
- Miri*
- Sarikei
- Sibu*
- Sri Aman

14 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

- Labuan

15 SABAH

- Beaufort
- Keningau
- Kota Kinabalu*
- Kota Marudu
- Kudat
- Lahad Datu
- Sandakan
- Tawau*

52

LOKASI

SEMENANJUNG MALAYSIA

16

LOKASI

SABAH, SARAWAK & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

68 CAWANGAN DI
SELURUH MALAYSIA

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NO. TELEFON
Perlis	Kangar	Tingkat Bawah, Blok Podium, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis	04-9761190
Kedah	Alor Setar	Aras Bawah, Mezzanine, 8 & 9, Bangunan KWSP Peladang, No. 33, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah	04-7332506
	Kulim	No. 33 & 34, Persiaran 7, Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah	04-4034600
	Langkawi	Lot 260 (103), Langkawi Mall Kuah, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah	04-9671405
	Sungai Petani	Tingkat Bawah & 1, Wisma Keladi, No. 11A, Jalan Bank, 08000 Sungai Petani, Kedah	04-4225800
Pulau Pinang	Bayan Baru	Tingkat Bawah & Tingkat 1, Blok F-2, Lorong Bayan Indah 1, Bay Avenue, 11900 Bayan Baru, Pulau Pinang	04-6442841
	Georgetown	Paras 3, Menara KWSP, No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Georgetown, Pulau Pinang	04-2261000
	Seberang Jaya	Bangunan KWSP Seberang Jaya, No. 3009, Off Lebuhr Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Prai, Pulau Pinang	04-3992000
Perak	Ipoh	Tingkat Bawah, 5, 6, 7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak	05-2420000
	Kuala Kangsar	No. 8B, Tingkat Bawah, Jalan Raja Chulan, 33000 Kuala Kangsar, Perak	05-7767484
	Manjung	No. 260 & 261, Jalan PPMP 3/4, Pusat Perniagaan Manjung Point 3, 32040 Seri Manjung, Perak	05-6883800
	Parit Buntar	No. 2 & 4, Jalan Wawasan 1, Taman Wawasan Jaya, 34200 Parit Buntar, Perak	05-7162428
	Taiping	No. 37 (GF-2) & No. 39 (GF), Persiaran TBC, Taiping Business Centre Jalan Tupai, 34000 Taiping, Perak	05-8085889
	Teluk Intan	No. 1-3G, Jalan Intan 2, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak	05-6215600
Selangor	Gombak	Lot 5, Sunway Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor	03-61850780
	Kajang	Tingkat Bawah, Mezzanine, 1, 2 & 3, No. 1, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor	03-87375223
	Klang	Tingkat Bawah dan Satu, Unit B-G-1, North Tower (Tower B), BBT One The Towers, Lebuhr Batu Nilam 1, Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor	03-33251626

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NO. TELEFON
Selangor	Kuala Selangor	Tingkat GF & 1, No. 1, Jalan Medan Niaga 6, Medan Niaga 45000 Kuala Selangor, Selangor	03-32896504
	Petaling Jaya	Tingkat 9 & 10, Blok 1A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur	03 - 22726800
	Puchong	No.19, Jalan Bandar Lapan Belas, Pusat Bandar Puchong, 47160 Puchong, Selangor	03-80754747
	Rawang	No. 3S-10-G & 3S-10-1, Rawang One, Jalan Pintas Rawang, 48000 Rawang, Selangor	03-60910286
	Shah Alam	Tingkat G, 1 & 2, Corporate Tower IDCC Shah Alam, Jalan Pahat L 15/L, 40200 Shah Alam, Selangor	03-55451577
	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Jalan Raja Chulan	Tingkat Bawah, Mezzanine & 1, Bangunan KWSP, Changkat Raja Chulan, Off Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur
Kepong		No. 1 & 3, Jalan Laman Rimbunan Raya 1, Laman Rimbunan, 52100 Kepong, Kuala Lumpur	03-61794569
Kuala Lumpur		Tingkat Bawah, Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	03-26946566
Seri Petaling		No. 2, Jalan Radin Bagus 6, Bandar Baru Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur	03-90545249
Wangsa Maju		No. 32A, Dataran Wangsa, Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur	03-41499499
Negeri Sembilan		Bahau	No. 4, 5 & 6, Jalan Kiara 1, Pusat Perniagaan Kiara, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
	Nilai	D'Nilai Convention Mall, No. G-6 & M-6, PT 9946 Jalan BBN 1/3F, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan	06-7953323
	Seremban	No. 1 Jalan Dato' A.S. Dawood, 70100 Seremban, Negeri Sembilan	06-7663500
Melaka	Alor Gajah	8670-Lot 10, Kompleks Perniagaan Alor Gajah, Jalan Besar, 78000 Alor Gajah, Melaka	06-5216080
	Malacca	Bangunan KWSP, Jalan MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka	06-2853200
	Jasin	JC 538, Jalan Bestari 5, Bandar Jasin Bestari Seksyen 2, 77200 Bemban, Melaka	06-5565919

68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NO. TELEFON
Johor	Batu Pahat	No. 6 & 8, Jalan Sulaiman, 83000 Batu Pahat, Johor	07-4325436
	Johor Bahru	Tingkat 1, Bangunan KWSP, Jalan Dato' Dalam, 80000 Johor Bahru, Johor	07-2225234
	Kluang	No. 8 & 10, Tingkat Bawah, 1 & 2, Jalan Haji Manan, 86000 Kluang, Johor	07-7724276
	Kulai	No. 259 & 260, Jalan Kenanga 29/8, Indahpura, 81000 Kulai, Johor	07-6625919
	Mersing	Lot. No. 2, Tingkat Bawah, 1 & 2, Bandar Tepian Sungai, Jalan Jemaluang, 86800 Mersing Johor	07-7982633
	Muar	Tingkat Bawah, 1, 2 & 3, No. 9, Jalan Petrie, 84000 Muar, Johor	06-9539288
	Segamat	No. 5 & 6, Jalan Genuang Perdana, Taman Genuang Perdana, 85000 Segamat, Johor	07-9437166
Pahang	Jerantut	Tingkat Bawah, No. 7, Jalan Inderapura, 27000 Jerantut, Pahang	09-2667105
	Kuantan	Bangunan KWSP Pahang, Persiaran KWSP, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang	09-5739666
	Pekan	Tingkat Bawah & Tingkat 1, No. 10, Lorong Peramu Permai 1, Taman Peramu Permai, 26600 Pekan, Pahang	09-4264404
	Raub	No. 79, Jalan Tun Razak, 27600 Raub, Pahang	09-3551188
	Temerloh	No. 1, Jalan Sudirman Utama, 28000 Temerloh, Pahang	09-2962948
Kelantan	Kota Bharu	Tingkat 2, 3 & 5, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan	09-7445191
	Kuala Krai	Lot PT 5556, Taman Yani, 18000 Kuala Krai, Kelantan	09-9606629
	Tanah Merah	Lot 655, Jalan Hospital, 17500 Tanah Merah, Kelantan	09-9554200
Terengganu	Dungun	Tingkat GF & 1, Lot PT 15824 (Unit 22), Sura Gate Commercial Centre, Jalan Sura Jeti, 23000 Dungun, Terengganu	09-8443269
	Jerteh	Tingkat GF & 1, Lot 226, Jalan Dato Kamaruddin, 22000 Jerteh, Terengganu	09-6903778
	Kemaman	Tingkat Bawah & Tingkat 1, PT 10720 & 10721, Taman Cukai Utama Fasa 4, Jln Kubang Kurus, 24000 Kemaman, Terengganu	09-8592132
	Kuala Terengganu	Bangunan KWSP, Jalan Kemajuan, Padang Hiliran, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu	09-6225866

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NO. TELEFON	
Sarawak	Bintulu	Lot 6 & 7, Jalan Court, 97000 Bintulu, Sarawak	086-312909	
	Kuching	Bangunan KWSP, Jalan Uplands, Beg Berkunci 2089, 93598 Kuching, Sarawak	08-240331	
	Limbang	Lot 1565, Tingkat Bawah, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak	085-213051	
	Miri	Lot 1225, Tingkat Bawah & Aras 1, Blok 10, MCLD Centre Point, Jalan Melayu, 98008 Miri, Sarawak	085-418418	
	Sarikei	Tingkat GF & 1, No. 5, Jalan Nenas, 96100 Sarikei, Sarawak	084-655499	
	Sibu	No. 10-12, Tingkat Bawah & 1, Lorong Kampung Datu 5, Jalan Kampung Datu, P.O. Box 1797, 96000 Sibu, Sarawak	084-310611	
	Sri Aman	Tingkat Bawah Lot 654, Blok 3, Daerah Bandar Simanggang, Jalan Hospital, 95000 Sri Aman, Sarawak	083-327357	
	Wilayah Persekutuan Labuan	Labuan	Tingkat Bawah, Lot E004 Financial Park, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan	087-424963
	Sabah	Beaufort	Lot 1, Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Haji, Jalan Kampung Cina, 89807 Beaufort, Sabah	087-225985
Keningau		Beg Berkunci 20, Jalan Masak, 89009 Keningau, Sabah	087-337820	
Kota Kinabalu		Blok A, Bangunan KWSP, Lot 49, Jalan Karamunsing, 88598 Kota Kinabalu, Sabah	088-520100	
Kota Marudu		Bangunan KWSP, Lot No. 2, Taman WTK Fasa II, Jalan Tandek, 89100 Kota Marudu, Sabah	088-662842	
Kudat		Tingkat Bawah, Lot 1, Blok G, Jalan Mawar, Pekan Tomborongus, 89058 Kudat, Sabah	088-622819	
Lahad Datu		Bangunan KWSP, MDLD 3330, Lot 65, Kompleks Fajar, Jalan Segama, 91126 Lahad Datu, Sabah	089-880801	
Sandakan		Lot 3A & 5, Midtown Plaza, Batu 4, Jalan Lintas Utara, 90000 Sandakan, Sabah	089-210681	
Tawau		TB 308, Blok 35, Kompleks Fajar, Jalan Perbandaran, 91000 Tawau, Sabah	089-779740	

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

DIARI KORPORAT 2018

Januari

05 Perasmian KWSP Parit Buntar



09 Dialog KWSP bersama Institusi Pengurusan Dana dan Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia



22 Perasmian KWSP Nilai

29 Lawatan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah

Februari

07 Townhall Prestasi Dua Dividen 2017



12 Taklimat Media Dividen KWSP 2017

19 Perasmian KWSP Muar



27 Sambutan Tahun Baru Cina

Mac

01 Perasmian KWSP Dungun

22 Lawatan daripada EPF Sri Lanka

28 Lawatan daripada Unified Accumulative Pension Fund Kazakhstan

April



21 Persidangan Pengurusan KWSP 2018

Mei

14 Lawatan daripada UiTM Negeri Sembilan



25 Majlis Berbuka Puasa di Ibu Pejabat KWSP

Jun

29 Majlis Sambutan Hari Raya di Ibu Pejabat KWSP

Julai



05 Lawatan daripada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)



06 Perasmian KWSP Kuala Selangor

11 Townhall Utara Bersama Datuk Shahril Ridza Ridzuan

17 Perasmian KWSP Sarikei

Ogos

03 Townhall Khas bersama Datuk Shahril Ridza Ridzuan



08 Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa 2018

DIARI KORPORAT
 2018

09 Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Grab Malaysia



18 EPF Fun Challenge 2018



20 Townhall bersama Tunku Alizakri Alias



29 Lawatan daripada National Pension Scheme Authority Zambia

September

12 Lawatan daripada PERKESO

12 Townhall bersama Tunku Alizakri Alias

18 Persidangan Lembaga Perubatan KWSP 2018



26 Persidangan Ekuiti Persendirian Antarabangsa KWSP 2018

Oktober

01 Ulangtahun KWSP 67 Tahun

05 Lawatan daripada National Pension Service of Korea

05 Lawatan daripada National Pension and Provident Fund, Bhutan

15 Lawatan daripada Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia dan Persatuan Majikan Malaysia



20 Persidangan Undang-Undang KWSP 2018



23 Seminar Pelaburan KWSP 2018



26 Majlis Makan Malam Ibu Pejabat KWSP 2018



31 EPF Knowledge Fair 2018

November

13 Hari Integriti KWSP

19 Perasmian EPF Digital Evolution Blueprint

27 Perasmian KWSP Jerneh

Disember



02 EPF Fun & Wellness Run 2018

Sek 1
 Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

Kecapi Kehidupan Kini

BELANJAWANKU untuk



PASANGAN BERKAHWIN

(TIADA ANAK)

MAKANAN

RM870

TEMPAT
TINGGAL

RM870

KESIHATAN

RM70

PENGANGKUTAN

RM1,020

UTILITI

RM290

SIMPANAN

RM400

PENJAGAAN
DIRI

RM100

PERBELANJAAN
KHUSUS

RM300

PENGLIBATAN
SOSIAL

RM200

PERBELANJAAN
PILIHAN

RM300

RM4,420

ANGGARAN
PERBELANJAAN/BULAN



Seksyen 3

TADBIR URUS KWSP

- | | | | |
|----|---|----|--|
| 30 | Pernyataan Tadbir Urus Korporat | 43 | Pengurusan Risiko |
| 36 | Pernyataan Tadbir Urus Syariah Bagi Simpanan Syariah KWSP | 52 | Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam |
| 41 | Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah | 57 | Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga 2018 |
| | | 59 | Pernyataan Audit Dalam |
| | | 61 | Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan |

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Kami percaya rangka kerja tadbir urus korporat yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang mantap dan amalan pengurusan yang baik dapat menyumbang kepada peningkatan akauntabiliti dan ketelusan. Kami akan terus menumpukan usaha dalam meningkatkan kesedaran dan mempraktikkan tadbir urus korporat yang baik. Sebagai institusi simpanan persaraan terbesar di Malaysia dengan aset pelaburan berjumlah RM833.76 bilion, kami berusaha untuk berada di barisan hadapan dalam memperjuangkan pelaburan lestari dengan menggabungkan prinsip Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam pertimbangan pelaburan kami.

Pada tahun ini, KWSP meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran tadbir urus korporat dan mengamalkan amalan tadbir urus korporat yang baik. Inisiatif ini termasuk:

Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah KWSP

KWSP telah menambahbaik Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah yang telah dilancarkan semula berkuatkuasa 5 Mac 2018. Semakan polisi ini dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi kawalan dalaman sebagai usaha untuk memperkasakan integriti di KWSP. Polisi ini telah menggariskan bahawa anggota dan pihak luar tidak boleh memberi atau menerima sebarang hadiah dengan niat rasuah, sebagai satu dorongan, upah atau bersifat tidak suci hati (*not in good faith*) untuk melindungi kepentingan KWSP dan bagi mengelakkan persepsi negatif yang boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti KWSP pada setiap masa.

Polisi Konflik Kepentingan

Polisi Konflik Kepentingan berkuatkuasa mulai 9 Mac 2018 bertujuan mengekalkan keyakinan pemegang kepentingan terhadap keupayaan KWSP menguruskan simpanan persaraan ahli dengan penuh amanah, telus, profesional dan berintegriti. Polisi ini dijadikan panduan dalam mengekalkan tadbir urus baik bagi setiap operasi dan urusniaga KWSP.

Protokol Serbuan (Raid Protocol)

KWSP telah menyediakan panduan kepada Jabatan dan Cawangan dalam menghadapi serbuan Pihak Berkuasa. Panduan ini menerangkan bagaimana serbuan dijalankan supaya anggota bertenang dan memberi kerjasama. Panduan ini juga menyediakan garis panduan kepada anggota terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam memahami peranan masing-masing. Panduan ini telah dibentangkan semasa Persidangan Pengurusan KWSP pada 20 April 2018 dan ia terhad untuk kegunaan dalaman sahaja.



PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PROSES PELANTIKAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan serta Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dilantik oleh Menteri Kewangan. Menteri Kewangan hanya melantik mereka yang telah terbukti mempunyai rekod integriti, kebolehan dan kebolehpercayaan untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Setiap lantikan adalah untuk penggal dua tahun.

KOMPOSISI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa keahlian Lembaga adalah tidak melebihi daripada 20 orang ahli, termasuk Pengerusi dan KPE. Pada 2018, terdapat 18 ahli Lembaga yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan iaitu:-

1. Pengerusi
2. Lima ahli mewakili Kerajaan termasuk wakil dari Kementerian Kewangan yang juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi
3. Empat ahli mewakili Majikan
4. Empat ahli mewakili Pekerja
5. Tiga ahli Profesional dari pelbagai latar belakang
6. KPE sebagai ahli ex-officio

Panel Pelaburan yang diketuai oleh Pengerusi KWSP terdiri daripada tujuh anggota:-

1. Pengerusi
2. Seorang ahli mewakili Kementerian Kewangan yang juga turut dilantik sebagai Timbalan Pengerusi
3. Seorang ahli mewakili Bank Negara
4. Tiga ahli Profesional
5. KPE sebagai ahli ex-officio

Ahli Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan terdiri daripada individu yang mempunyai pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompetensi dan pengalaman.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga memikul beberapa tanggungjawab tertentu seperti menyelia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan operasi KWSP, mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus risiko ini, serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman.

Akta KWSP 1991 memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk menyediakan hala tuju strategik mengenai isu-isu berkaitan pelaburan. Panel Pelaburan menentu dan meluluskan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko dan alokasi aset.

Lembaga juga bergantung kepada nilai integriti dan ketekunan wajar pengurusan kanan, juruaudit luar dan penasihat untuk menyelia objektif prestasi keseluruhan, inisiatif utama operasi, pelan kewangan dan bajet tahunan, pelaburan utama, penjualan dan cadangan pembiayaan, ulasan prestasi kewangan, pengurusan risiko dan amalan tadbir urus korporat.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif diasingkan selaras dengan amalan terbaik dan untuk memastikan keseimbangan kuasa dan penyeliaan pengurusan serta peningkatan akauntabiliti dan lebih bebas.

Pengerusi mengetuai dan memastikan perbincangan yang efektif dan komprehensif mengenai perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga termasuk isu-isu strategik serta perancangan perniagaan. Pengerusi juga berperanan memantau keputusan Lembaga itu diterjemahkan ke dalam tindakan eksekutif.

Peranan utama KPE ialah untuk menguruskan operasi KWSP secara berkesan sejajar dengan strategi dan polisi serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat dan kepimpinan kepada pengurusan kanan.

Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEE/IPEE)

KWSP melaksanakan Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEE/IPEE) untuk menilai prestasi Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga, Jawatankuasa Strategi KWSP dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Penilaian ini adalah tambahan kepada penilaian ahli Lembaga secara individu dan penilaian oleh rakan kumpulan. BEE/IPEE termasuk penilaian keseluruhan keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan. Penilaian ini dijalankan setiap dua tahun sekali oleh badan profesional bebas.

Diversiti Lembaga

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, KWSP komited memastikan diversiti dalam Lembaga untuk berfungsi dengan cekap. Lembaga berusaha untuk membawa bersama-sama pelbagai pengalaman, kemahiran, pengetahuan, latar belakang industri, etnik dan jantina untuk mencapai objektif pelaburan dan prestasi tadbir urus.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Lembaga dan Panel Pelaburan

Sebanyak sembilan mesyuarat Lembaga dan 21 Mesyuarat Panel Pelaburan telah diadakan pada tahun 2018. Butiran kehadiran ahli di mesyuarat ini adalah seperti berikut.

	LEMBAGA	JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA	JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO	JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN	JAWATANKUASA STRATEGI	JAWATANKUASA PERJAWATAN PELANTIKAN & PERKHIDMATAN	JAWATANKUASA TATERTIB LEMBAGA	JAWATANKUASA RAYUAN TATERTIB LEMBAGA	LEMBAGA PEROLEHAN
Tan Sri Samsudin Osman (<i>Pengerusi</i>)	9/9	-	-	4/4	-	-	-	1/1	-
Datuk Siti Zauyah Md Desa (<i>Timbalan Pengerusi</i>) En. Hazim Jamaluddin (<i>Ahli Silih Ganti</i>)	6/9	6/9	-	2/4	-	-	-	-	-
Tan Sri Zainal Rahim Seman (<i>Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2018</i>) Dato' Mohtar Mohd Abdul Rahman (<i>Ahli Silih Ganti</i>) (<i>Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2018</i>)	-	-	-	-	-	1/1	-	-	-
Datuk Seri Borhan Dolah (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 8 Oktober 2018</i>)	2/2	-	-	-	-	1/1	-	-	-
Dato' Dr Mohd Gazali Abas (<i>Tamat perkhidmatan pada 20 Jun 2018</i>) Dato' Mohamed Elias Abu Bakar (<i>Tamat perkhidmatan pada 20 Jun 2018</i>)	3/4	-	-	-	-	-	1/1	-	-
Dato' Amir Omar (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 4 November 2018</i>)	1/2	-	-	-	-	-	1/1	-	-
Tan Sri Datuk Amar Hj Mohamad Morshidi Abdul Ghani <i>Datu Dr. Sabariah Putit (Ahli Silih Ganti)</i>	2/9	-	-	-	-	-	2/4	-	-
Tan Sri Haji Sukarti Wakiman (<i>Tamat perkhidmatan pada 8 Julai 2018</i>) Datuk Hj Nordin Siman (<i>Ahli Silih Ganti</i>) (<i>Tamat perkhidmatan pada 8 Julai 2018</i>)	1/3	-	-	-	-	-	-	-	-
Datuk Seri Panglima Hashim Pajjan (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 4 November 2018</i>) Datuk Hj Nordin Siman (<i>Ahli Silih Ganti</i>) (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 4 November 2018</i>)	1/2	-	-	-	-	1/1	-	-	-
Tan Sri Azman Shah Haron	7/9	-	4/4	3/3	-	-	3/4	-	-
Datuk Mohd Hasnol Ayub	4/9	-	-	1/1	-	2/4	-	2/3	4/4
Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang Haji Openg	6/9	7/8	-	-	3/3	-	-	3/3	4/5
Tan Sri Dr Lim Wee Chai	4/9	-	1/2	-	2/3	-	-	-	-
Dato' Abdul Halim Mansor	9/9	-	-	-	1/2	-	-	1/1	-
Tuan Hj. Adnan Mat	9/9	-	-	4/4	-	-	-	-	6/7
Hadah Leen	6/9	8/9	-	-	1/2	-	4/4	-	5/7
Catherine Jikunan	7/9	-	4/4	-	-	2/3	-	1/1	-
Datuk Thomas George A/L M.S George	8/9	9/9	-	-	2/2	3/3	-	1/1	-
Khalid Hj. Sufat	9/9	8/9	-	4/4	-	-	-	-	7/7
Zainal Abidin Mohd Kassim	8/9	-	3/4	-	2/2	-	4/4	-	-
EX-OFFICIO									
Datuk Shahril Ridza Ridzuan (<i>Tamat perkhidmatan pada 17 Ogos 2018</i>)	5/5	-	2/2	2/2	2/2	1/1	-	-	4/4
Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 20 Ogos 2018</i>)	4/4	-	2/2	2/2	-	2/2	-	-	3/3

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

	PANEL PELABURAN	JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN
	KEHADIRAN	KEHADIRAN
Tan Sri Samsudin Osman (<i>Pengerusi</i>)	21/21	-
Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir	9/21	-
Jessica Chew Chiang Lian (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 1 Mac 2018 dan tamat perkhidmatan pada 5 Oktober 2018</i>)	9/14	-
Adnan Zaylani Mohamad Zahid (<i>Dilantik berkuatkuasa pada 4 November 2018</i>)	2/2	-
David Lau Nai Pek	17/21	2/2
Rossana Annizah Ahmad Rashid	19/21	2/2
Dato' Md Agil Mohd Natt	20/21	2/2
Datuk Shahril Ridza Ridzuan (<i>Ex-Officio</i>)	14/14	1/1
Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias	7/7	1/1

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dibayar honorarium dan elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat yang dihadiri. Butiran imbuhan bagi Lembaga bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:-

Honorarium dan Elaun Kehadiran Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

JENIS ELAUN	LEMBAGA (RM)	PANEL PELABURAN (RM)	LEMBAGA/PANEL PELABURAN/JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA/JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO/JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN/JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LEMBAGA (RM)	JAWATANKUASA LEMBAGA LAIN (RM)
Honorarium (sebulan)	5,000	5,000	-	-
Pengerusi Mesyuarat	-	-	2,000	1,500
Kehadiran Mesyuarat termasuk Ahli Silih Ganti	-	-	1,500	1,300

Pada tahun 2018, jumlah bayaran honorarium dan elaun Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan adalah sebanyak RM1,851,842.00.

Emolumen Pengurusan Kanan

JAWATAN	EMOLUMEN (RM)
Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	6,047,420.33

KUALITI DAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA

Untuk membantu ahli Lembaga dan ahli mengikuti perkembangan terkini prestasi operasi dan kewangan KWSP, isu-isu utama, cabaran dan peluang, Pengurusan KWSP telah mengeluarkan laporan operasi dan pelaburan serta penyata kewangan secara berterusan dan menepati masa kepada Lembaga.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga dan Panel Pelaburan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan untuk mengawal selia perkara-perkara spesifik berkaitan dengan operasi organisasi. Setiap jawatankuasa melaksanakan tanggungjawab mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan.

JAWATANKUASA	KOMPOSISI	FUNGSI
Jawatankuasa Audit	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Membantu Lembaga dalam menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko (kecuali dalam aktiviti membuat keputusan pelaburan) dan proses tadbir urus KWSP. Mengawasi proses pelaporan kewangan dan kualiti pelaporan kewangan penyata kewangan tahunan dan suku tahunan KWSP. Mempertimbangkan kesesuaian polisi perakaunan KWSP dan perubahan-perubahan kepada polisi ini. Sebanyak sembilan mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018 bagi membincangkan laporan juruaudit dalaman dan juruaudit luar, serta mengawasi perkara-perkara berkaitan fungsi audit dalam dan pelan audit untuk tahun semasa. Mempunyai hubungan profesional dan rasmi dengan juruaudit luar dan telah mengadakan dua mesyuarat bersama juruaudit luar pada tahun 2018 tanpa kehadiran pihak Pengurusan.
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga	Lima orang termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab membantu Lembaga dalam mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi (kecuali dalam membuat keputusan pelaburan). Sebanyak empat mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018.
Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan	Empat orang termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Mengawasi risiko pelaburan, termasuk mencadangkan tahap risiko agregat bagi kelulusan Panel Pelaburan meluluskan polisi dan had pengurusan risiko, mengkaji pendedahan risiko dan menyediakan hala tuju berhubung dengan amalan pengurusan risiko dalam fungsi pelaburan. Sebanyak dua mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2018.
Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan	Enam orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk meluluskan belanjawan tambahan tidak melebihi 5% daripada jumlah belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga. Membantu Lembaga dalam meluluskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesan kewangan seperti hapuskira kerugian selain yang berkaitan dengan Pelaburan. Sebanyak empat mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018.
Jawatankuasa Strategi KWSP	Lapan orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji secara terperinci cadangan pindaan dan perubahan dasar yang berkaitan dengan Skim KWSP. Memperakukan apa-apa cadangan dan perubahan dasar untuk kelulusan Lembaga. Sebanyak dua mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2018.
Jawatankuasa Perjawatan, Pelantikan dan Perkhidmatan	Enam orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk membantu Lembaga dalam mempertimbang dan meluluskan hal-hal berkaitan perjawatan termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan. Sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2018.
Jawatankuasa Tatatertib Lembaga	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab ke atas apa-apa prosiding tatatertib dan mengenakan apa-apa bentuk penalti kepada kakitangan sebagaimana diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah dan Peraturan KWSP (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Sebanyak empat mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2018.
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga	Tujuh orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk mempertimbangkan apa-apa rayuan oleh pekerja terhadap keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib. Sebanyak satu mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018.
Lembaga Perolehan	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barangan. Sebanyak tujuh mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Selain daripada jawatankuasa utama Lembaga dan Panel Pelaburan, jawatankuasa pengurusan yang lain telah ditubuhkan dan melapor terus kepada KPE atau pengurusan kanan yang berkaitan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN	FUNGSI
Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko kawalan dan alokasi aset kepada Panel Pelaburan. Terdiri daripada 11 orang ahli termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (atau Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif semasa ketiadaan KPE) sebagai Pengerusi Mesyuarat. Sebanyak 54 mesyuarat diadakan pada tahun 2018.
Jawatankuasa Perolehan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barangan. Terdiri daripada pengurusan kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif sebagai pengerusi mesyuarat. Sebanyak 12 mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2018.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Lembaga berhasrat untuk menyediakan penilaian yang jelas, seimbang dan komprehensif terhadap prestasi kewangan dan prospek KWSP melalui penyata kewangan tahunan. Ini sebagai tambahan kepada pembekalan pernyataan yang telus dan terkini mengenai prestasi kewangan dan prospek melalui pengumuman keputusan suku tahunan kepada pihak yang berkepentingan. Sila rujuk ke halaman 114 dalam Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga dan pengurusan komited kepada sistem kawalan dalaman, polisi dan prosedur yang teguh untuk memastikan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan dan aset KWSP dilindungi. Sila rujuk ke halaman 52 dalam Laporan Tahunan ini untuk mendapatkan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

Tanggungjawab Korporat

KWSP percaya bahawa perlu ada keseimbangan antara penciptaan nilai dan tanggungjawab korporat.

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

KWSP percaya bahawa komunikasi dengan pihak berkepentingan membentuk satu bahagian penting dalam rangka kerja tadbir urus korporat dan mengakui keperluan untuk bersikap telus dengan pihak berkepentingan. KWSP mengeluarkan laporan suku tahunan mengenai aktiviti pelaburan yang terdiri daripada maklumat alokasi aset, pendapatan yang dihasilkan dari setiap kelas aset dan jumlah saiz dana. Ia juga melaporkan 30 syarikat teratas pelaburan ekuiti pada setiap suku tahun untuk memastikan ketelusan dan memberikan pihak berkepentingan maklumat mengenai pegangan KWSP dalam syarikat tersenarai awam di Malaysia.

KWSP akan terus mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat pelaburan. Pada tahun 2018, pengurusan melawat 31 syarikat (tempatan: 18, di luar negara: 13). KWSP juga telah menghadiri dan mengundi secara aktif di 121 mesyuarat agung tahunan dan 39 mesyuarat agung luar biasa syarikat di mana KWSP melabur.

Memandangkan KWSP menjadi lebih aktif mengawal selia pelaburannya, KWSP telah melantik wakil-wakilnya dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai dan tidak tersenarai. Setakat 31 Disember 2018, KWSP mempunyai wakilnya dalam 10 syarikat tersenarai dan 24 syarikat tidak tersenarai.


PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

Simpanan Shariah KWSP merupakan suatu pilihan simpanan bagi ahli yang diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip syariah.

Suatu rangka kerja tadbir urus syariah telah diwujudkan bagi memastikan Simpanan Shariah KWSP diuruskan mengikut syariah sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 43A Akta KWSP 1991.

STRUKTUR TADBIR URUS SYARIAH

Struktur tadbir urus syariah KWSP adalah seperti berikut:



PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

KOMPONEN	FUNGSI BERKAITAN SIMPANAN SHARIAH KWSP
Lembaga	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) yang merupakan pihak berkuasa bagi penentuan perkara syariah bagi maksud menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah KWSP mematuhi prinsip syariah. Merujuk kepada JKPS mengenai apa-apa perkara berhubungan dengan syariah dan apa-apa perkara yang menghendaki penentuan prinsip syariah. Lembaga adalah terikat ke atas nasihat yang diberikan oleh JKPS. Mewujudkan rangka kerja patuh syariah seperti yang dijelaskan di bawah.
Panel Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk kepada JKPS mengenai sebarang perkara berkaitan pelaburan berhubung syariah dan yang menghendaki penentuan prinsip syariah. Panel Pelaburan adalah terikat ke atas nasihat yang diberikan oleh JKPS.
Jawatankuasa Penasihat Syariah	<ul style="list-style-type: none"> Menentukan penggunaan prinsip syariah mengenai perkara yang berhubungan dengan Simpanan Syariah KWSP. Menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan mengenai perkara berkaitan syariah dan tafsiran prinsip syariah berhubung Simpanan Syariah KWSP. Menentusahkan dan meluluskan laporan pematuhan syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah KWSP bagi Laporan Tahunan KWSP.
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan operasi dan pelaburan Simpanan Syariah KWSP mematuhi prinsip syariah sepenuhnya dengan merujuk kepada JKPS untuk mendapatkan nasihat mengenai perkara yang berkaitan dengan syariah dan melaksanakan setiap ketetapan JKPS.
Rangka Kerja Patuh Syariah	<p>Terdapat empat fungsi diwujudkan oleh Lembaga di bawah rangka kerja ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyelidikan dan penasihat syariah; bertanggungjawab ke atas penyelidikan syariah dan pemberian nasihat syariah. Pemantauan dan semakan syariah; bertanggungjawab ke atas pemantauan dan semakan pematuhan syariah bagi maksud penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah. Pengurusan risiko syariah; bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah bagi maksud mengurangkan kemungkinan berlakunya ketidakpatuhan syariah berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi KWSP. Audit syariah; bertanggungjawab ke atas pengauditan syariah termasuk penilaian berkala bebas dan jaminan objektif ke atas tahap pematuhan syariah.

Sek 1
 Sek 2
Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

PELANTIKAN AHLI JKPS

Lembaga hendaklah melantik tidak kurang daripada tiga orang sebagai ahli JKPS, yang mempunyai kelayakan dalam syariah, atau yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam syariah dan perbankan, kewangan, undang-undang atau bidang lain yang berkaitan.

Lembaga juga menetapkan ahli JKPS hendaklah mempunyai minimum lima tahun pengalaman dalam kewangan Islam dan dua pertiga daripada ahlinya hendaklah mempunyai ijazah dalam syariah termasuk *Fiqh al-Muamalat* atau *Usul al-Fiqh*. Setiap pelantikan adalah untuk tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula.

Pada tahun 2018, Lembaga melantik semula lima orang ahli JKPS termasuk Pengerusi JKPS, yang merupakan cendekiawan syariah terkemuka di dalam bidang kewangan dan perbankan Islam di luar dan dalam negara.

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

KEHADIRAN MESYUARAT JKPS

Sebanyak 13 mesyuarat JKPS, termasuk satu mesyuarat khas telah diadakan dalam tahun 2018. Perincian kehadiran ahli JKPS adalah seperti berikut:

NAMA	KEHADIRAN MESYUARAT
Prof. Dr Mohamad Akram Laldin (Pengerusi)	13/13
Prof. Madya Dr Aznan Hasan (Timbalan Pengerusi)	13/13
Dr Zaharuddin Abdul Rahman	12/13
Prof. Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	13/13
Dr Kamaruzaman Noordin	13/13

Pengurusan KWSP telah melantik Jabatan Undang-Undang sebagai sekretariat JKPS.

HONORARIUM DAN ELAUN JKPS

Ahli JKPS dibayar honorarium dan elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat yang dihadiri sepanjang tahun 2018 seperti berikut:

- Honorarium (sebulan): RM5,000
- Kehadiran mesyuarat: RM1,500

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN DOKUMEN

Bagi membantu JKPS dalam melaksanakan fungsinya, Pengurusan KWSP telah memberikan JKPS akses kepada semua maklumat dan dokumen yang diperlukan, dan JKPS dikehendaki melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen itu.


LAPORAN JKPS

Bagi setiap tahun kewangan, suatu laporan pematuhan syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah KWSP yang diluluskan oleh JKPS dikemukakan di dalam Laporan Tahunan KWSP.

POLISI SYARIAH UNTUK SIMPANAN SHARIAH KWSP

Rangka kerja tadbir urus syariah diperkukuhkan oleh polisi dan prosedur terperinci untuk memastikan pelaksanaan setiap transaksi adalah mematuhi keperluan syariah. JKPS telah merumuskan polisi syariah untuk Simpanan Syariah KWSP yang berkaitan dengan aspek operasi, pelaburan, kewangan dan pengendalian pendapatan tidak patuh syariah yang antaranya adalah seperti berikut:

Model Operasi Simpanan Syariah KWSP



PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

Simpanan Syariah KWSP menggunakan model pengurusan berasaskan portfolio seperti berikut:

1. Simpanan Syariah KWSP dan Simpanan Konvensional KWSP wujud di bawah satu kumpulan wang yang diuruskan oleh Lembaga.
2. Ahli yang memilih Simpanan Syariah KWSP adalah tertakluk kepada akad Wakalah di mana ahli bersetuju melantik Lembaga KWSP sebagai wakil dan pemegang amanah untuk mengurus dan melaburkan kesemua kredit (simpanan) di dalam akaun ahli mengikut prinsip syariah.
3. Selain tadbir urus korporat KWSP, Simpanan Syariah KWSP juga tertakluk kepada rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi syariah berkaitan operasi dan pelaburan yang ditetapkan oleh JKPS dari semasa ke semasa.
4. Aset-aset pelaburan KWSP diasingkan kepada dua portfolio, iaitu portfolio syariah dan portfolio konvensional. Simpanan Syariah KWSP hanya melabur di dalam portfolio syariah.
5. Simpanan Syariah KWSP memanfaatkan struktur dan tenaga kerja sedia ada dengan penambahbaikan aspek perundangan, proses operasi dan sistem teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan-keperluan syariah seperti mana yang ditetapkan oleh JKPS.

Pelaburan Patuh Syariah

Selain daripada pelaburan beretika yang mengelakkan daripada melabur dalam sektor yang menghasilkan dan mempromosikan alkohol, perjudian, hiburan dewasa dan senjata ketenteraan, semua aset pelaburan KWSP juga akan melalui proses saringan syariah berdasarkan kriteria dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh JKPS bagi menyingkirkan elemen tidak patuh syariah seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidakpastian dalam kontrak), *maysir* (perjudian) dan lain-lain elemen terlarang antaranya barangan dan perkhidmatan tidak halal.

Untuk memastikan pematuhan syariah menyeluruh ke atas pelaburan Simpanan Syariah KWSP, JKPS telah menetapkan polisi syariah berkaitan pematuhan dan pemantauan pelaburan patuh syariah yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

Setakat 31 Disember 2018, sebanyak 39.04%, atau RM325.50 bilion, daripada pelaburan KWSP adalah dalam portfolio syariah. Kesemua aset bagi portfolio syariah adalah pelaburan patuh syariah manakala portfolio konvensional mengandungi kedua-dua aset patuh syariah dan tidak patuh syariah. Memandangkan jumlah baki simpanan ahli bagi Simpanan Syariah KWSP adalah lebih rendah berbanding jumlah aset dalam portfolio syariah, kedua-dua Simpanan Syariah KWSP dan Simpanan Konvensional KWSP bersama-sama melabur dalam portfolio syariah. Pendapatan yang terhasil daripada portfolio syariah dialokasikan kepada Simpanan Syariah KWSP mengikut bahagiannya di dalam portfolio tersebut.

Pengkelasan Semula Pelaburan Patuh Syariah

Pelaburan KWSP seperti ekuiti tersenarai dan persendirian, hartanah dan infrastruktur adalah tertakluk kepada saringan syariah berkala yang bertujuan untuk menyemak status syariah bagi pelaburan tersebut.

Untuk pelaburan dalam ekuiti tersenarai, pengkelasan syariah akan disemak secara berkala berdasarkan saringan syariah yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS SC) bagi pasaran domestik dan pembekal indeks syariah yang dilanggan oleh KWSP bagi pasaran global.

Saringan syariah ke atas pelaburan dalam ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur akan dijalankan secara dalaman setiap tahun berdasarkan kriteria dan garis panduan saringan syariah yang ditetapkan oleh JKPS.

Mana-mana pelaburan di atas yang gagal melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan tidak patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio konvensional.

Sebaliknya, mana-mana pelaburan di dalam portfolio konvensional yang berjaya melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio syariah.

Bagi mandat pelaburan patuh syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar, sebarang instrumen patuh syariah yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh syariah akan dilupuskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MPS SC.

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

Pengendalian Pendapatan Tidak Patuh Syariah

Pada tahun 2018, sebahagian besar pendapatan tidak patuh syariah diperolehi daripada caj lewat bayar yang dikenakan ke atas majikan gagal mencarum; dan lebihan keuntungan daripada pengkelasan semula ekuiti patuh syariah kepada tidak patuh syariah yang diperolehi daripada mandat pelaburan patuh syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar.

Caj lewat bayar dan/atau dividen yang dikenakan ke atas majikan dan pihak-pihak lain yang lewat membayar caruman atau apa-apa obligasi kewangan yang kena dibayar kepada KWSP adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan ahli dan sebagai langkah pencegahan.

Bagi Simpanan Syariah KWSP, JKPS membenarkan caj tersebut dikenakan sebagai langkah pencegahan dan penalti kepada pihak yang mungkir, sama ada dalam bentuk *ta'widh* (pampasan) atau *gharamah* (penalti melebihi kadar *ta'widh*). *Ta'widh* yang diluluskan oleh JKPS boleh direkodkan sebagai pendapatan patuh syariah, manakala sebarang amaun melebihi kadar *ta'widh* adalah pendapatan tidak patuh syariah.

Sebarang transaksi yang disyaki tidak patuh syariah akan dilaporkan kepada JKPS untuk menentukan status syariah transaksi tersebut termasuk apa-apa pendapatan yang diperolehi daripadanya.

JKPS menetapkan bahawa pendapatan tidak patuh syariah hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan yang dibenarkan iaitu aktiviti kebajikan seperti bayaran caj berkanun (manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi), dan sebarang lebihan pendapatan tidak patuh syariah (jika ada), boleh digunakan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pelaburan tidak langsung.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, jumlah pendapatan tidak patuh syariah adalah sebanyak RM51.70 juta dan digunakan kesemuanya untuk kebajikan ahli melalui bayaran caj berkanun.

Dividen

Polisi dividen bagi Simpanan Syariah KWSP dikemukakan kepada JKPS bagi mendapatkan pandangan dan perakuan syariah.

Dividen tahunan bagi Simpanan Syariah KWSP adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah KWSP di bawah portfolio syariah, iaitu pendapatan nyata pelaburan patuh syariah dan bukan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan, yang diperuntukkan kepada Simpanan Syariah KWSP mengikut bahagiannya di dalam portfolio syariah.

Dividen Simpanan Syariah KWSP yang diisytiharkan oleh Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah sebanyak 5.90%.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta pengikut-pengikut mereka.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS) telah menyemak pelaburan dan operasi KWSP berhubung Simpanan Syariah KWSP bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 bagi memberikan pandangan sama ada Simpanan Syariah KWSP telah mematuhi prinsip syariah dan ketetapan berkenaan perkara berkaitan syariah yang dibuat oleh kami dan dengan ini membentangkan laporan kami bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018:

1. Kami telah menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan berkenaan perkara-perkara syariah yang dikemukakan kepada kami oleh Pengurusan KWSP melalui keputusan-keputusan syariah yang telah dibuat oleh JKPS berhubung operasi dan pelaburan Simpanan Syariah KWSP bagi memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah termasuk ketetapan dan piawai syariah di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh kami.
2. Pengurusan KWSP dipertanggungjawabkan untuk memastikan Simpanan Syariah KWSP diuruskan mengikut prinsip syariah dengan merujuk kepada JKPS bagi mendapatkan nasihat mengenai perkara syariah dan melaksanakan segala ketetapan dan polisi syariah yang ditentukan oleh JKPS.
3. Dalam menasihati KWSP mengenai perkara syariah, kami telah menerima semua maklumat dan penjelasan yang diperlukan daripada Pengurusan KWSP yang kami anggap perlu dalam membuat keputusan syariah.
4. Kami juga disokong oleh fungsi penyelidikan dan penasihat syariah serta pemantauan dan semakan syariah yang menyediakan pengawasan pematuhan syariah harian bagi Simpanan Syariah KWSP. Selain daripada itu, audit dalaman melaksanakan penilaian sistem kawalan dalaman dan pematuhan ke atas semua polisi dan prosedur yang diputuskan oleh JKPS secara berkala.
5. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, sebanyak 13 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berikut:
 - a. Saringan dan isu-isu syariah berhubung cadangan pelaburan patuh syariah dan pelaburan sedia ada KWSP termasuk dokumen-dokumen berkaitan;
 - b. Isu-isu syariah berhubung pengurusan operasi Simpanan Syariah KWSP termasuk pelaksanaan Simpanan Syariah dalam talian;
 - c. Kajian-kajian syariah yang dilaksanakan oleh Jabatan Simpanan Syariah;
 - d. Pengemaskinian rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi serta garis panduan pematuhan syariah bagi pelaburan dan operasi Simpanan Syariah KWSP, termasuk perkara-perkara syariah yang berkaitan dengan pelaporan kewangan dan polisi dividen; dan
 - e. Laporan pengkelasan semula pelaburan patuh syariah dan laporan pendapatan tidak patuh syariah.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

6. Kami juga telah menerima dan membincangkan laporan semakan syariah yang dikemukakan oleh Jabatan Simpanan Shariah pada setiap suku tahun berdasarkan pelan pemantauan dan semakan syariah yang telah diluluskan oleh kami bagi tahun 2018, bagi tujuan penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah bagi Simpanan Shariah KWSP seperti berikut:
 - a. Pengoperasian Simpanan Shariah KWSP di cawangan-cawangan KWSP;
 - b. Saringan syariah tahunan pelaburan aset alternatif KWSP dan penandaan aset mengikut status syariah;
 - c. Pengkelasan semula status syariah pelaburan KWSP di dalam ekuiti domestik dan global;
 - d. Pelaburan ahli Simpanan Shariah melalui institusi pengurusan dana di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP;
 - e. Pelaburan pengurus dana luar yang menguruskan mandat pelaburan patuh syariah KWSP; dan
 - f. Pengendalian pendapatan tidak patuh syariah daripada operasi dan pelaburan Simpanan Shariah KWSP.
7. Selain itu, Jabatan Audit Dalam telah melaksanakan semakan ke atas aktiviti operasi dan pelaburan berkaitan dengan Simpanan Shariah KWSP dan keputusan semakan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan KWSP.
8. Kami juga mengambil maklum segala usaha yang wajar telah diambil untuk memperbetulkan jurang yang dikenal pasti dan tindakan pengurusan untuk mencegah jurang yang serupa daripada berulang.
9. Pada pendapat kami:
 - a. Kontrak, transaksi, urusaniaga yang telah dimasuki oleh KWSP berhubung Simpanan Shariah KWSP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 yang telah disemak oleh kami adalah mematuhi prinsip syariah;
 - b. Pengagihan keuntungan dan kerugian bagi Simpanan Shariah KWSP seperti yang didedahkan di bawah Nota 36.3 kepada Penyata Kewangan adalah menepati asas-asas yang telah diperakukan oleh kami mengikut prinsip syariah; dan
 - c. Semua pendapatan yang diperolehi oleh Simpanan Shariah KWSP daripada sumber atau melalui cara yang bercanggah dengan prinsip syariah berjumlah RM51.70 juta seperti yang didedahkan di bawah Nota 36.4 kepada Penyata Kewangan telah digunakan untuk aktiviti kebajikan iaitu bayaran manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi.

Kami, ahli-ahli JKPS, dengan ini mengesahkan Simpanan Shariah KWSP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah diuruskan selaras dengan prinsip syariah.

Bagi pihak JKPS,



Nama : **Prof. Dr Mohamad Akram bin Laldin**
Jawatan : Pengerusi JKPS
Tarikh : 1 Mac 2019

Bagi pihak JKPS,



Nama : **Prof. Madya Dr Aznan bin Hasan**
Jawatan : Timbalan Pengerusi JKPS
Tarikh : 1 Mac 2019

PENGURUSAN RISIKO

“Dalam keadaan semasa ketika teknologi dan perubahan tingkahlaku pengguna membentuk semula model perniagaan tradisional, organisasi perlu berinovasi dan memperbaharui model perniagaan mereka agar kekal relevan. Di samping itu, organisasi juga terdedah kepada ketidakpastian pasaran pelaburan, keadaan cuaca yang tidak dijangka dan reformasi politik serta perundangan. Keadaan ini menyumbang kepada persamaan risiko, yang perlu dihadapi oleh semua organisasi. Sesuatu risiko tidak lagi ditakuti atau dielakkan tetapi digunakan sebagai alat untuk mencipta nilai dan meningkatkan tahap prestasi.”

James Lim Tuang Ooi
Ketua,
Jabatan Pengurusan Risiko

INISIATIF UTAMA PENGURUSAN RISIKO 2018

Jabatan Pengurusan Risiko memberikan sokongan berterusan kepada KWSP sepanjang tahun 2018 melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- Memperkayakan analisis data dalam laporan risiko pelaburan untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti dalam membuat keputusan berkaitan risiko.
- Mendigitalkan sistem risiko pelaburan untuk memudahkan akses dan penilaian tepat pada masanya.
- Memperluaskan skop templat penarafan dalaman merangkumi institusi kewangan global.
- Pelaksanaan amalan terbaik berdasarkan kepada hasil penilaian bebas risiko kematangan.
- Mempromosikan Pengujian Program Pengurusan Krisis Keselamatan Siber dan memupuk kesedaran anggota pada peringkat menyeluruh.
- Melaksanakan kawalan risiko dan penilaian sendiri terhadap program Kesediaan Ketahanan Siber KWSP.
- Mengadakan sesi Jaminan Kualiti untuk menilai keberkesanan aktiviti Pengurusan Risiko Operasi (ORM) di peringkat jabatan dan cawangan.

INISIATIF UTAMA PENGURUSAN RISIKO 2019

Jabatan ini akan meneruskan sokongan kepada KWSP untuk mencapai misinya melalui:

- Menyelaraskan parameter risiko kepada Penyataan Tahap Risiko untuk memastikan pelaksanaan pengambilan risiko yang konsisten. Penyataan Tahap Risiko Operasi juga telah ditambah kepada kenyataan toleransi risiko.
- Menggunakan pengesahan sistem dan model risiko yang mempunyai kepentingan strategik kepada KWSP.
- Memperkasa modal insan dalam perkara berkaitan risiko digital.
- Membangunkan Rangka Kerja Risiko Teknologi untuk meningkatkan kesediaan KWSP dalam mengurus dan menangani insiden Keselamatan Siber serta meningkatkan pengawasan pengurusan risiko dan amalan keselamatan IT.
- Mewujudkan program pematuhan bersepadu untuk memastikan kepatuhan kepada semua dasar, piawaian dan standard keperluan keselamatan maklumat.

GAMBARAN UMUM

Dunia perniagaan yang saling berhubung kait pada masa kini memerlukan penilaian moden dalam mentafsir sesebuah risiko. Antara risiko penting yang perlu ditangani secara berterusan adalah pertumbuhan ekonomi dan kesan topografi terhadap perubahan iklim, kesan kepantasan komunikasi terhadap risiko reputasi dan perubahan politik yang tidak dijangka. Hubungan yang tidak dapat dielakkan antara risiko politik, ekonomi, sosial dan risiko alam sekitar tidak boleh dinafikan. Risiko moden yang kompleks memerlukan kita menggunakan data untuk mengenal pasti, mengatur cara

PENGURUSAN RISIKO

dan membuat keputusan. Penggunaan analisis *big data* dan amalan pengurusan risiko yang ke hadapan dan *pre-emptive* seperti analisis senario amatlah disyorkan kerana membolehkan kita menjangkakan ancaman masa hadapan yang berpotensi memberi impak kepada organisasi dan memberikan masa yang cukup untuk mengambil tindakan pembedahan.

Oleh itu, KWSP mendukung pengurusan risiko sebagai komponen menyeluruh dalam kegiatan pelaburan, operasi dan proses membuat keputusan. Dengan komitmen untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko dan tadbir urus, KWSP berupaya mengekalkan pencapaian cemerlang selaras dengan misinya untuk melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan


terbaik. Sama ada risiko strategik, kredit, pasaran, kecairan atau operasi, KWSP terus memanfaatkan budaya pengurusan risiko yang teguh dan rangka kerja pengurusan risiko yang bersepadu untuk merebut peluang dan menangani semua ancaman. KWSP mengambil pendekatan yang proaktif dalam mengenal pasti dan mengurus risiko dalam suasana ketidakpastian dalam persekitaran operasi dan keadaan turun-naik pasaran kewangan.

Pernyataan Tahap Risiko menggariskan secara umum tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP dan menjadi asas bagi peruntukan dana pelaburan. Kajian semula alokasi aset sentiasa dilaksanakan untuk memastikan dana yang dilaburkan adalah selaras dengan tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP.

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

KWSP mengamalkan pendekatan *top-down* dan *bottom-up* dengan mengadakan perbincangan berkenaan isu risiko utama dan proses antara jabatan, cawangan dan pihak pengurusan secara berterusan, yang mewujudkan amalan budaya risiko yang teguh. Bagi menyokong struktur tadbir urus risiko, polisi dan prosedur telah dibangunkan untuk menangani semua bidang risiko utama.


Rajah di bawah menunjukkan Struktur Tadbir Urus Risiko KWSP yang terdiri daripada tiga baris pertahanan.



PENGURUSAN RISIKO

LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Struktur pengurusan risiko KWSP menggariskan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas berkenaan proses pengurusan risiko serta menetapkan risiko utama dan tanggungjawab kawalan:



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA DAN JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC)

BRMC bertanggungjawab membantu Lembaga memantau semua aktiviti pengurusan risiko operasi kecuali aktiviti berkaitan pelaburan dan memastikan agar proses pengurusan risiko diwujudkan dan berfungsi dengan berkesan.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC)

IPRC bertanggungjawab membantu IP dalam mengesyorkan tahap risiko dan alokasi belanjawan risiko yang sesuai. IPRC juga dipertanggungjawabkan untuk mengkaji dan meluluskan pengukuran risiko, polisi, proses dan had yang bersesuaian bagi memastikan keberkesanan yang berterusan.

JAWATANKUASA KHUSUS

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (MORC)

MORC memantau dan melaksana pengurusan risiko operasi (termasuk strategi, budaya, struktur, manusia dan proses) dan memastikan pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko yang berkesan di seluruh organisasi.

Jawatankuasa Risiko Pelaburan (MRC)

MRC bertanggungjawab untuk membangun dan mengkaji semula polisi risiko dan had yang berpatutan dalam pengurusan risiko pelaburan KWSP.

Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan (MIC)

MIC bertanggungjawab untuk menilai dan mengesyorkan cadangan pelaburan kepada IP. MIC juga menilai dan mencadangkan strategi pelaburan, dan prestasi pengurus dana luaran.

Jabatan Pengurusan Risiko (JPR)

Membantu MIC, MRC, MORC, IPRC, BRMC dan IP dalam semua perkara berkaitan pengurusan risiko merangkumi cadangan strategi pelaburan, risiko operasi, pengukuran risiko, penilaian bebas, pemantauan dan pelaporan pendedahan risiko.

Jabatan Pematuhan Pelaburan

Jabatan ini bertanggungjawab dalam membuat pemantauan dan pematuhan ke atas polisi dan had risiko berkaitan pelaburan cawangan.

Bahagian, Jabatan dan Cawangan

Bahagian, jabatan dan cawangan bertanggungjawab untuk menguruskan risiko mengikut fungsi masing-masing secara harian serta memaklumkan risiko penting kepada MORC melalui JPR. Antara peranan dan tanggungjawab utama bahagian, jabatan dan cawangan:

- Mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko;
- Menyemak profil risiko secara berterusan bagi memastikan ianya relevan dan bersesuaian;
- Mengemas kini status risiko, tahap pengurusan risiko dan kawalan;
- Membangun dan melaksanakan pelan tindakan bagi mengurus risiko; dan
- Mematuhi amalan dan garis panduan pengurusan risiko.

PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Terdapat empat elemen pengurusan risiko pelaburan seperti berikut:-

- Rangka Kerja Risiko Pelaburan
- Pengurusan Risiko Pasaran
- Pengurusan Risiko Kredit
- Pengurusan Risiko Kecairan

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan bertujuan untuk mentadbir urus proses pelaburan dan memastikan pengawalan pengurusan risiko dan prosedur yang berkesan tersedia untuk membuat keputusan pelaburan.

Rangka kerja ini menyediakan pendekatan dalam mengurus risiko sedia ada dan risiko yang berpotensi untuk wujud dalam portfolio pelaburan KWSP serta membolehkan KWSP mempunyai satu proses yang berstruktur dalam mengukur, menilai, mengawasi dan menguruskan risiko portfolionya. Ini memastikan KWSP mengoptimumkan pulangan daripada aktiviti pelaburannya dalam lingkungan tahap pernyataan risiko yang diluluskan oleh Lembaga.

Rangka kerja Pengurusan Risiko Pelaburan digambarkan menerusi carta di bawah.



PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian daripada perubahan dalam nilai portfolio dan instrumen kewangan disebabkan oleh pergerakan kadar faedah, tukaran wang asing atau harga ekuiti.

Objektif pengurusan risiko pasaran adalah memastikan pendedahan risiko yang diambil berada dalam lingkungan tahap risiko KWSP. Objektif ini dilaksanakan menerusi semakan tahunan ke atas pelbagai had dan polisi risiko, laporan berkala untuk memantau risiko pelaburan di peringkat portfolio bagi setiap kelas aset dan pengesahan dilaksanakan ke atas metodologi risiko:

- Had konsentrasi nama, pegangan, negara dan sektor – untuk memastikan kepelbagaian dalam pendedahan risiko.
- Nilai berisiko (VaR) – pengukuran statistik untuk menilai kerugian yang mungkin berlaku disebabkan oleh pergerakan kadar faedah dan harga dalam sesuatu jangka masa berdasarkan tahap keyakinan.
- Tempoh – menguruskan sensitiviti harga bagi pelaburan berpendapatan tetap kesan daripada pergerakan kadar faedah.

- *Tracking Error* – merujuk sisihan piawai bagi lebih pulangan portfolio berbanding penanda aras dalam mengukur dan menanda aras prestasi sesuatu portfolio.
- *Backtesting* – proses pengesahan yang dilaksanakan untuk menyemak ketepatan metodologi risiko yang digunakan untuk mengukur VaR bagi portfolio berpendapatan tetap dan ekuiti.
- Ujian tekanan – dipraktikkan untuk mengenal pasti potensi pendedahan risiko pasaran dalam senario 'what-if'. Ia menggabungkan faktor – faktor seperti korelasi, volatiliti dan pulangan dalam senario yang berbeza.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang disebabkan oleh kegagalan rakan niaga atau penanggung obligasi untuk membuat pembayaran yang sepatutnya. KWSP terdedah kepada risiko kredit yang wujud daripada aktiviti pelaburan berpendapatan tetap dan hartanah. Dalam aktiviti pendapatan tetap, risiko kredit berlaku daripada kemungkinan penanggung obligasi tidak dapat menunaikan tanggungjawab mereka pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran balik.

PENGURUSAN RISIKO

Dalam aktiviti hartanah, risiko kredit timbul apabila pihak lain seperti penyewa hartanah KWSP tidak dapat membuat bayaran kadar sewa mereka. Risiko kredit juga mungkin berlaku kesan daripada penurunan penarafan yang menyebabkan kejatuhan nilai pelaburan KWSP dalam instrumen kewangan.

Pengurusan Risiko kredit KWSP melibatkan analisa kredit dan standard pengunderaitan dibuat secara berhemat. Ulasan KWSP dan pengemaskinian standard pengunderaitan kredit adalah setimpal dengan amalan terbaik pasaran.

Di peringkat portfolio, pengurusan risiko kredit yang berikut telah diambil kira dalam mengurus pendedahan risiko kredit:

- Had risiko kredit dan Management Action Triggers (MATs) digabungkan untuk memastikan kriteria kredit minimum dipertimbangkan untuk pelaburan termasuk had konsentrasi nama dan pendedahan rakan niaga adalah minimum.
- Sistem portfolio kredit yang berkesan untuk mengukur risiko kredit portfolio yang berkaitan dengan menggunakan Credit-Value-at-Risk (CVaR).
- Kajian berkala template penarafan kredit dalaman yang sedia ada bagi penanggung obligasi dalam memastikan kesesuaiannya.
- Kesedaran kredit yang tinggi/budaya di seluruh anggota pelaburan di KWSP melalui penglibatan aktif dengan anggota pelaburan di semua peringkat.

Di peringkat urus niaga, pengurusan risiko kredit yang berikut telah diambil kira dalam menguruskan risiko kredit:

- Penilaian bebas risiko dilakukan bagi setiap cadangan pelaburan baharu yang dibentangkan kepada MIC dan IP bagi tujuan membuat keputusan.
- Pemantauan terhadap perubahan kepada pelaburan sedia ada melalui penilaian secara *ad-hoc* dan juga secara berkala.
- Alat penarafan kredit untuk mengukur *creditworthiness* atau *Probability of Default* daripada penanggung obligasi, seperti berikut:
 - i. Templat Penarafan Korporat yang menyediakan penarafan risiko dalaman bagi penanggung obligasi korporat.
 - ii. Templat Penarafan Institusi Kewangan yang menyediakan penarafan risiko dalaman bagi penanggung obligasi institusi kewangan.
 - iii. Alat kredit yang mengukur *Expected Default Frequency* atau *Probability of Default* berfungsi untuk memberi amaran awal kepada KWSP untuk pemantauan rapi terhadap penanggung obligasi masing-masing.

PENGURUSAN RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan merujuk kepada ketidakmampuan KWSP untuk memenuhi komitmen kewangan dan obligasi apabila sampai

tempoh. Risiko kecairan KWSP adalah terhad kerana semua caruman termaktub dalam Akta KWSP 1991 melalui potongan gaji dan ahli dibenarkan untuk membuat pengeluaran di bawah skim pra-persaraan dan persaraan. KWSP menguruskan keperluan kecairan melalui:-

- Pemantauan aliran tunai harian dan pelaksanaan jangkaan aliran tunai bulanan bagi dua belas bulan berganti.
- Peruntukan sebanyak 3.00% daripada nilai aset KWSP untuk instrumen jangka pendek dalam bentuk tunai dan penempatan di institusi kewangan bagi memenuhi pengeluaran ahli dan komitmen kewangan serta obligasi lain.
- Kepelbagaian portfolio pelaburan menerusi penetapan had konsentrasi nama, sektor dan jenis aset.

Dalam jangka masa pertengahan dan panjang, KWSP dapat memenuhi keperluan kecairan melalui pegangan pelaburan yang cair seperti ekuiti yang diniagakan secara awam dan sekuriti pendapatan tetap yang sedia dijual. Profil kematangan aset dan liabiliti KWSP juga dipantau berdasarkan tahap yang telah ditetapkan. Liabiliti kewangan Kumpulan dan KWSP dikategorikan berdasarkan kumpulan kematangan yang relevan mengikut tempoh berbaki pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan sehingga tarikh matang kontrak.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORM)

Elemen utama pengurusan risiko operasi di KWSP adalah seperti berikut:-

- Rangka Kerja Pengurusan Operasi
- Proses dan Metodologi Pengurusan Risiko Operasi
- Kad Skor Risiko Korporat
- Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

RANGKA KERJA PENGURUSAN OPERASI

Risiko operasi merupakan risiko kegagalan hasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia atau sistem, atau daripada kejadian luaran. Tujuan KWSP menggunakan ORM adalah bagi menyokong dan menambah baik akitiviti dalam semua bidang operasi. ORM merupakan bahagian yang penting dalam proses membuat keputusan dan budaya korporat KWSP.

MS ISO 31000:2010 Risk Management - Principles and Guidelines merupakan piawaian pengurusan risiko global yang menetapkan polisi, prinsip, proses dan metodologi dalam menguruskan risiko operasi. KWSP menerimapakai piawai ini sebagai panduan amalan utama dalam kerjanya yang dikaji semula secara berkala untuk memastikan ia dilaksanakan secara berterusan dan sentiasa relevan.

PENGURUSAN RISIKO

KAEDAH DAN PROSES PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Elemen utama dalam proses pengurusan risiko operasi adalah seperti berikut:

- Mewujudkan konteks: Menyatakan objektif organisasi dan menentukan parameter luaran dan dalaman yang perlu diambil kira dalam menguruskan risiko.
- Penarafan risiko: Merangkumi proses mengenal pasti risiko, analisis risiko dan penilaian risiko.
- Rawatan risiko: Merupakan tindakan yang diperlukan untuk mencegah, mengesan atau menguruskan risiko bersih kepada tahap yang boleh diterima.
- Komunikasi dan merunding: Perbincangan dua hala antara JPR dan pihak berkepentingan tentang kewujudan, sifat, bentuk, tahap keseriusan atau penerimaan sesuatu risiko.
- Memantau dan mengkaji semula: Kedua-dua aktiviti ini dirancang dan merupakan bahagian penting dalam proses pengurusan risiko yang melibatkan pemeriksaan atau pengawasan secara berkala.



Sumber: MS ISO 31000:2010 Risk Management - Principles and Guidelines

KADSKOR RISIKO KORPORAT (CRS)

Kaedah CRS, mewujudkan modul Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan atau Risk and Control Self-Assessment (RCSA) yang membolehkan anggota KWSP melaksanakan penilaian sendiri dan mengemas kini profil risiko mereka. CRS dilaksanakan melalui sistem ORM yang merekodkan pemilikan dan butiran risiko, kawalan, tindakan pengurusan dan mengambil kira perubahan kepada kadskor risiko. Kesemua unit bisnes menggunakan kadskor risiko sebagai alat untuk mengurus risiko mereka dengan berkesan.

Akses kepada sistem ORM disediakan secara menyeluruh supaya semua Pemilik Kadskor Risiko, Pemilik Risiko, Pemilik Kawalan dan Pemilik Tindakan Pengurusan boleh menjalankan aktiviti RCSA secara berkesan. Terdapat 102 kadskor risiko yang telah dibangunkan dalam tahun 2018, yang terdiri daripada satu kadskor risiko KPE, tiga kadskor risiko TKPE, 1 kadskor risiko Ketua Pegawai Kewangan (KPK), 29 kadskor risiko jabatan dan 68 kadskor risiko cawangan.

Risiko dipantau dan diuruskan melalui pemilikan yang terdiri daripada barisan pengurusan.


Melalui proses Corporate Digital Assurance (CDA), pemilik kadskor, risiko, kawalan dan tindakan pengurusan perlu memberi pengesahan digital sebanyak empat kali setahun kepada Pengurusan bagi membuktikan bahawa mereka telah mengurus risiko dalam profil mereka dengan teratur.

Penunjuk Risiko Utama (KRI) dikenal pasti dalam kadskor risiko bertindak sebagai sistem amaran awal, bagi membolehkan KWSP memantau risiko yang berpotensi sebelum ia menjadi lebih serius.

JPR melaporkan dan membentangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko kepada MORC, BRMC dan Lembaga KWSP secara berkala untuk makluman dan/atau pembuatan keputusan.

PENGURUSAN RISIKO

Kaedah Kadskor Risiko Korporat:




Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

Rangka Kerja Pelan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCP) bertujuan untuk membangunkan BCP yang tersusun dan konsisten bagi membolehkan KWSP bertindak secara efektif terhadap gangguan perniagaan serta memulihkan operasi pentingnya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ini akan dapat meminimumkan kos kerosakan dan gangguan terhadap operasi perniagaan akibat bencana.

Ilustrasi di bawah menunjukkan komponen Rangka Kerja BCM KWSP:-



PENGURUSAN RISIKO

PELAKSANAAN BCP DI KWSP ADALAH BERDASARKAN KEPADA TIGA KOMPONEN BERIKUT:

Kesediaan Sumber Manusia

Membangunkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan bencana. Pelaksanaannya melalui latihan kesediaan BCP, *tutorial*, *walkthrough*, *call tree*, latihan simulasi krisis dan BCM dalam talian.

Kesediaan Infrastruktur

Pengujian sistem bagi memastikan ianya berada dalam keadaan tersedia dan berfungsi dengan baik sekiranya berlaku bencana.

Kesediaan Pelan

Memastikan BCP sentiasa di semak dan kemaskini mengikut perubahan kepada fungsi kerja semasa. Berdasarkan rangka kerja yang dibangunkan, KWSP telah berjaya menguruskan krisis kebakaran yang berlaku di KWSP Petaling Jaya pada 13 Februari 2018 dan aktiviti pemulihan semula telah berjalan dengan

lancar. Ini meliputi aspek komunikasi kepada semua pihak dalaman dan juga luaran. KWSP Petaling Jaya kembali beroperasi sepenuhnya di lokasi baharu iaitu di Plaza Sentral dan dikenali sebagai KWSP Plaza Sentral.

Bagi meneruskan lagi kesediaan KWSP dalam menghadapi bencana, latihan simulasi krisis akan dijalankan ke atas 68 cawangan terpilih setiap tahun. Pada 2018, KWSP telah melaksanakan dua latihan simulasi krisis bagi menilai ketersediaan cawangan dalam pengurusan pelanggan, pemulihan sistem IT dan aktiviti kesinambungan perniagaan di Pusat Pemulihan Bencana. Laporan penilaian dan cadangan penambahbaikan terhadap latihan simulasi krisis ini telah dibentangkan kepada pihak Lembaga dan Pengurusan serta turut dikongsikan dengan anggota KWSP bagi tujuan pembelajaran.

PENGURUSAN RISIKO TEKNOLOGI

Meningkatkan ketahanan dan keselamatan sistem IT dan infrastruktur IT adalah salah satu keutamaan KWSP. Oleh itu, JPR telah mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan seksyen Pengurusan Risiko Teknologi untuk memberikan sokongan dari segi teknikal dan menyediakan sistem risiko pelaburan yang mantap untuk meningkatkan keupayaan analisis risiko dan pelaporan secara berterusan.

JPR juga menyediakan penilaian risiko untuk sistem dan projek IT serta mencadangkan kawalan keselamatan yang berkesan untuk mengurangkan risiko dengan memberikan perlindungan lebih baik terhadap sistem IT yang kritikal seperti menyimpan, memproses dan menghantar maklumat yang sensitif. Seksyen ini akan menjadi sebahagian daripada Program *Cyber Security Maturity* iaitu di mana mereka akan memantau dan membantu dari perspektif risiko untuk Pengurusan Risiko Maklumat, BCM serta bahagian Perundangan dan Pematuhan.

KWSP memahami keperluan untuk menguruskan risiko teknologi memandangkan berlakunya penambahan terhadap pematuhan dan peraturan di dalam lanskap teknologi dan digital. Sehubungan ini, KWSP akan terus memastikan pengurusan risiko teknologi dan pematuhan yang perlu disediakan.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

KWSP telah mengeluarkan Pernyataan ini selaras dengan *Statement on Risk Management & Internal Control – Guidelines for Directors of Listed Issuers (Garis Panduan)*, yang dikeluarkan oleh pasukan petugas khas industri, disokong oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ini bagi menggalakkan tadbir urus korporat yang baik, walaupun Garis Panduan ini bukan merupakan satu keperluan bagi KWSP.

Garis Panduan ini selaras dengan Prinsip B, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada April 2017 yang menyatakan bahawa Lembaga perlu mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan.

TANGGUNGJAWAB

Lembaga mengakui bahawa ia bertanggungjawab bagi memastikan kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman di KWSP secara keseluruhan. Rangka kerja pengurusan risiko operasi KWSP dirangka untuk mengenal pasti, menganalisis dan menilai risiko-risiko signifikan yang menghalang pencapaian polisi dan objektif organisasi. Dengan yang demikian, sistem kawalan dalaman diwujudkan untuk mengurus dan bukannya untuk menghapuskan semua risiko tersebut. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberikan jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukan secara mutlak.

Terdapat tiga jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab menyelia kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman:

- Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC) menyelia proses kawalan dalaman, tadbir urus dan pengurusan risiko kecuali aktiviti dalam membuat keputusan pelaburan.
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC) menyelia aktiviti pengurusan risiko kecuali dalam aktiviti membuat keputusan pelaburan.
- Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC) menyelia perkara berkaitan pengurusan risiko pelaburan meliputi tahap risiko, ukuran risiko, polisi dan had kecuali aktiviti melibatkan operasi pelaburan. Maklumat lanjut mengenai IPRC ada dinyatakan dalam Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan.

Peranan Pengurusan termasuk:-

- Mengenal pasti risiko yang relevan dalam mencapai objektif dan strategi KWSP.
- Merekabentuk, melaksana dan memantau rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman selaras dengan visi strategik dan tahap risiko keseluruhan KWSP.
- Mengenal pasti perubahan kepada risiko dan risiko yang bakal muncul, mengambil tindakan apabila diperlukan dan seterusnya memaklumkan kepada Lembaga tepat pada waktunya.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

KWSP mempunyai rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik.

Sistem dan proses utama yang telah diwujudkan oleh Lembaga untuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah seperti berikut:

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Lembaga telah mengguna pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM) berasaskan MS ISO 31000:2010 *Risk Management – Principles and Guidelines* yang menggariskan prinsip, polisi dan proses bagi menguruskan risiko operasi di KWSP.

KWSP telah melantik perunding bebas yang berkeelayakan untuk melaksanakan penilaian kematangan risiko ke atas amalan pengurusan risiko di KWSP. Hasil keputusan penilaian mendapati fungsi pengurusan risiko di KWSP adalah komprehensif dan selaras dengan amalan terbaik industri.

KWSP telah menetapkan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas berkenaan proses pengurusan risiko serta menetapkan risiko utama dan tanggungjawab kawalan di bawah struktur pengurusan risiko.

1. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC) bagi mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi dan memastikan proses pengurusan risiko diwujudkan dan berfungsi dengan berkesan. Jawatankuasa ini menyemak semula dan mencadangkan strategi pengurusan risiko dan menilai kecukupan rangka kerja pengurusan risiko.
2. BRMC dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (MORC) yang mengkaji semula rangka kerja pengurusan risiko dan memastikan keberkesanan perlaksanaannya dalam organisasi.

KWSP menerima pakai Model Tiga Barisan Pertahanan. Jabatan dan cawangan yang merupakan barisan pertahanan pertama yang bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran risiko dan kawalan diwujudkan dan beroperasi dengan berkesan sebagai sebahagian operasi harian.

Barisan pertahanan kedua adalah Jabatan Pengurusan Risiko yang membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, metodologi dan cara untuk menguruskan risiko utama di dalam organisasi. Skop tugas terperinci bagi fungsi pengurusan risiko telah dinyatakan di seksyen Pengurusan Risiko.

Jabatan Audit Dalam yang merupakan barisan pertahanan ketiga menyediakan jaminan yang bebas dan munasabah ke atas kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Audit Lembaga.

Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko telah dinyatakan di seksyen Pengurusan Risiko.

Rangka Kerja Kawalan Dalaman

Sistem dan rangka kerja kawalan dalaman adalah berdasarkan Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO) Internal Control Integrated Framework, penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Audit Lembaga membantu Lembaga menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko (kecuali dalam aktiviti membuat keputusan pelaburan) dan proses tadbir urus KWSP.

BAC mengkaji semula isu kawalan dalaman yang dikenal pasti di dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan luaran, dan menilai keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko operasi dan proses tadbir urus.

BAC juga mengkaji semula fungsi audit dengan memberi penekanan ke atas kebebasan audit dalam, skop, sumber dan kualiti pengauditan yang telah dilaksanakan.

Aktiviti BAC yang terperinci dinyatakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga.

Jabatan Audit Dalam mengkaji semula aktiviti utama bisnes KWSP berdasarkan pelan audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga. Skop kerja terperinci Fungsi Audit Dalam ada dinyatakan di dalam Pernyataan Audit Dalam.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

ELEMEN UTAMA KAWALAN DALAMAN

Elemen utama kawalan dalaman wujud di KWSP seperti berikut:

PERSEKITARAN KAWALAN

Persekitaran kawalan menetapkan hala tuju organisasi, mempengaruhi kesedaran kawalan anggotanya. Ianya adalah asas kepada semua komponen kawalan dalaman yang lain, menyediakan disiplin dan struktur. Aktiviti utama yang berkaitan termasuk:

- **Terma Rujukan**
Terma rujukan mendefinisikan peranan dan tanggungjawab semua Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan dinyatakan dalam Pernyataan Tadbir Urus Korporat.
- **Struktur Organisasi**
Struktur organisasi telah mentakrifkan dengan jelas berkenaan akauntabiliti, delegasi tanggungjawab dan tahap autoriti bagi semua aspek bisnes. Jawatankuasa pengurusan bermesyuarat secara kerap untuk mengenalpasti, berbincang dan menyelesaikan isu operasi, kewangan, pelaburan dan isu utama pengurusan serta melaporkan secara berkala kepada Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa berkenaan.
- **Polisi dan Prosedur Sumber Manusia**
KWSP mempunyai garis panduan yang teratur mengenai pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan bagi memastikan kakitangan berdaya saing dan dilatih secukupnya untuk menjalankan tanggungjawab mereka.
- **Pembudayaan Integriti**
Diamanahkan dengan tugas untuk menguruskan simpanan ahli-ahli KWSP, pelbagai program dan inisiatif dilaksanakan untuk memupuk dan menegakkan budaya integriti seperti pengisytiharan harta oleh anggota tepat pada masanya, pengisytiharan konflik kepentingan dalam kedua-dua proses perolehan dan proses pelaburan dan juga polisi tiada hadiah. KWSP telah mengeluarkan Pernyataan Anti-Rasuah yang mengguna pakai pendekatan tolenrasi sifir terhadap rasuah dan perlakuan tidak beretika dalam melaksanakan urusan operasi. Ikrar Integriti Korporat adalah komitmen KWSP bagi mendukung integriti, yakni penting untuk mewujudkan persekitaran bisnes dan operasi yang telus dan selaras dengan amalan terbaik global bagi tadbir urus.
- **Kod Etika KWSP**
Kod Etika KWSP menyediakan panduan kepada anggota dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, selaras dengan Visi, Misi dan Nilai Bersama KWSP. Kod ini bertujuan untuk menjelaskan tingkah laku beretika mengikut undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan.

PENARAFAN RISIKO

Penarafan risiko merangkumi proses dinamik dan berterusan bagi mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif. Aktiviti utama yang berkaitan termasuk:

- **Kadskor Risiko Korporat (CRS)**
Metodologi Kadskor Risiko Korporat (CRS) adalah satu pendekatan pengurusan risiko yang terperinci di mana risiko dikenal pasti berdasarkan sumber dalaman dan luaran, dan dianalisis, dinilai, dirawat dan dipantau.
- **CRS membolehkan Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (RCSA) secara berterusan dilaksanakan supaya anggota boleh membuat penilaian sendiri dan mengemaskini profil risiko mereka.**

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

AKTIVITI KAWALAN

Aktiviti kawalan adalah polisi dan prosedur yang membantu memastikan arahan pengurusan dijalankan dengan berkesan. Ianya membantu memastikan tindakan yang bersesuaian diambil bagi memitigasi risiko yang menghalang pencapaian objektif organisasi. Aktiviti utama yang berkaitan termasuk:

- **Pengurusan Prestasi Perniagaan**

KWSP menggunakan metodologi Balanced Scorecard bagi menterjemah dan melaksanakan strategi selari dengan visi dan misi serta memacu prestasi organisasi. Prestasi organisasi dinilai melalui beberapa Petunjuk Prestasi Utama dan diintegrasikan dengan pengurusan risiko, bagi memastikan Pengurusan dapat mengenalpasti dan mengawalselia risiko utama yang memberi kesan kepada objektif organisasi.

- **Pelan Boleh Ubah 5 tahun**

Pelan Boleh Ubah KWSP memperhalusi hasil-hasil berkaitan, keutamaan-keutamaan dan inisiatif-inisiatif strategik yang akan dilaksanakan bagi 5 tahun yang akan datang untuk memenuhi objektif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang organisasi. Pelan ini dikaji semula oleh Jawatankuasa Pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga.

- **Risk Culture Index**

Risk Culture Index telah diwujudkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama dalam jabatan dan cawangan dengan objektif untuk meningkatkan amalan pengurusan risiko di KWSP.

- **Polisi dan Prosedur**

Polisi dan prosedur bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman (seperti pengasingan tugas, proses penyemakan dan pengesahan secara bebas serta kawalan capaian sistem) yang dinyatakan dalam manual operasi, garis panduan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh KWSP dikemaskini secara kerap dan ditandatangani oleh ketua-ketua Jabatan, Tmbalan Ketua Pengawai Eksekutif dan Ketua Pengawai Eksekutif. Terdapat garis panduan polisi dan had penurunan kuasa yang dikenakan ke atas Pengurusan berkaitan operasi harian.

- **Pengurusan Keselamatan Teknologi Maklumat (IT)**

Pengurusan keselamatan IT di KWSP adalah berdasarkan ISO 27001 *Information Security Management*; satu standard antarabangsa yang menerangkan ciri-ciri sistem pengurusan

keselamatan maklumat yang berkesan. Rangka Kerja dan polisi keselamatan KWSP, merangkumi sistem pengurusan keselamatan IT, menggariskan polisi dan prosedur yang perlu untuk memastikan kerahsiaan, integrity dan perlindungan maklumat dan aplikasi sistem. Seni bina dan reka bentuk keselamatan KWSP sentiasa dikaji semula dan ditambah baik untuk mengukuhkan kawalan berkaitan keselamatan siber dan memitigasi risiko utama siber.

- **Polisi Chinese Wall**

Polisi dan prosedur *Chinese Wall* ini telah diperkenalkan untuk mengawal daripada berlaku sebarang kompromi terhadap prinsip-prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dengan mengawal, menyekat dan mengurus aliran maklumat yang boleh mempengaruhi harga sesuatu saham.

- **Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)**

Pelan dan sistem BCM sentiasa dipantau, diuji, dikemaskini dan kemudiannya disampaikan kepada setiap peringkat dalam organisasi untuk memastikan organisasi sentiasa bersedia sekiranya berlaku krisis atau bencana.

- **Perlindungan Insurans**

Perlindungan insurans yang mencukupi bagi aset utama telah sedia ada bagi memastikan aset KWSP dilindungi dari sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku yang boleh menyebabkan kerugian material.

- **Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah**

KWSP telah mewujudkan Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah untuk memastikan pematuhan yang ketat terhadap keperluan shariah dalam pengurusan Simpanan Shariah. Rangka kerja tersebut menggariskan struktur dan dasar tadbir urus shariah seperti yang dinyatakan di dalam Pernyataan Tadbir Urus Shariah bagi Simpanan Shariah dalam Laporan Tahunan.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Maklumat dan Komunikasi yang menyokong semua komponen kawalan yang lain dengan menyampaikan tanggungjawab kawalan kepada anggota dan menyediakan maklumat dalam kaedah dan tempoh masa yang membolehkan anggota menjalankan tugas mereka. Aktiviti utama yang relevan termasuk:

- **Pelan Kawalan Pengurusan Fraud**
Pelan Kawalan Pengurusan Fraud termasuk Penilaian Risiko Fraud, Polisi Anti Fraud dan Polisi Perlindungan maklumat menggariskan pendekatan KWSP terhadap pencegahan, pengesanan, pelaporan dan pengendalian fraud.
- **Komunikasi Pengurusan Risiko Operasi (ORM)**
Prinsip, rangka kerja dan proses ORM yang diguna pakai oleh KWSP telah disalurkan kepada semua anggota bagi tujuan pemahaman yang lebih baik mengenai amalan yang diguna pakai.

PEMANTAUAN

Pemantauan dan penilaian berterusan berkaitan keberkesanan kawalan dalaman telah dibangunkan ke dalam proses bisnes di peringkat yang berbeza di dalam organisasi. Aktiviti-aktiviti utama yang berkaitan termasuk:

- **Sistem Pengurusan Risiko Operasi**
Satu sistem pengurusan risiko operasi bersepadu digunakan untuk memantau dan mengurus pendedahan KWSP kepada risiko. Risiko utama dikenal pasti dan keberkesanan kawalan dalaman dinilai dan disahkan secara elektronik oleh jabatan dan cawangan masing-masing pada masa yang ditentukan.

Di mana risiko telah dimitigasi masih tidak berada pada tahap boleh terima, pelan tindakan individu akan dikenalpasti dan perlaksanaannya dipantau untuk mengurangkan jurang tersebut.
- **Kekerapan Pelaporan**
Terdapat proses yang mencukupi untuk membincangkan isu mengenai pengurusan risiko dan kelemahan kawalan dalaman dan ia dilaporkan secara kerap kepada Pengurusan melalui pelbagai jawatankuasa. Pengurusan menilai dan berkomunikasi dengan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan pembedahan pada masa yang ditentukan.
- **Aktiviti Pemantauan Oleh Audit Dalam**
Keputusan bagi semua aktiviti pengauditan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan dikomunikasi kepada pihak Pengurusan. Jabatan Audit Dalam mempunyai proses susulan bagi memantau dan membantu memastikan semua pemerhatian audit dan penyelesaian yang dipersetujui ditangani dengan segera.
- **Standard Pengurusan Kualiti**
Semua proses teras KWSP patuh kepada piawaian MS ISO 9001:2015 *Quality Management System*.

JAMINAN MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga berpandangan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP adalah berkesan dan mencukupi untuk melindungi kepentingan ahli. Kajian semula oleh Lembaga terhadap keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman disokong oleh:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun untuk mengawasi aktiviti pengurusan risiko.

- Jawatankuasa Audit Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun, mengkaji semula penemuan dan cadangan yang dikenalpasti oleh juruaudit dalam dan Ketua Audit Negara.
- Ketua Audit Negara yang memberi sijil audit tahunan kepada penyata kewangan.
- Jaminan pihak pengurusan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP adalah beroperasi dengan mencukupi dan berkesan di dalam semua aspek.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi ahli Lembaga bertarikh **20 Februari 2019**.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA 2018

KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit Lembaga dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

Bagi tempoh dari 1 Jun 2017 sehingga 31 Mei 2019

Bil.	Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga	Wakil
1.	Datuk Thomas George A/L M.S. George	Pengerusi – Profesional
2.	Dato' Siti Zauyah Mohd Desa Hazim Jamaluddin (Alternate Member)	Timbalan Pengerusi – Kerajaan
3.	Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang Haji Openg	Majikan
4.	Hadih Leen	Pekerja
5.	Khalid Hj. Sufat	Profesional

MESYUARAT

Jawatankuasa Audit Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Selain itu, Jawatankuasa Audit Lembaga juga mengadakan mesyuarat bersama juruaudit luar sekurang-kurangnya dua kali setahun tanpa kehadiran Pengurusan.

Bagi tahun kewangan 2018, Jawatankuasa Audit Lembaga telah mengadakan mesyuarat sebanyak sembilan kali (tiga Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit Lembaga, empat Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga dan dua Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Bersama Jabatan Audit Negara).

Perbincangan di mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga adalah menyeluruh dan terperinci. Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga diedarkan kepada ahli Jawatankuasa Audit Lembaga selepas setiap mesyuarat. Lembaga akan dimaklumkan mengenai perkara penting yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga.

Maklumat lanjut berkaitan kehadiran Jawatankuasa Audit Lembaga adalah seperti yang terkandung di Pernyataan Tadbir Urus Korporat.

TERMA RUJUKAN

Kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga adalah digariskan di bawah Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga. Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga yang telah diluluskan oleh Lembaga boleh didapati di laman web rasmi KWSP di www.kwsp.gov.my.

RINGKASAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Di sepanjang tahun 2018, Jawatankuasa Audit Lembaga telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Audit Dalam

- Meneliti dan meluluskan plan audit tahunan bagi memastikan kecukupan skop auditan dan liputan secara menyeluruh aktiviti-aktiviti KWSP adalah dirancang berdasarkan penilaian risiko yang dilaksanakan.
- Meneliti dan membincangkan laporan-laporan Audit Dalam yang dibentangkan dalam tahun kewangan semasa serta cadangan-cadangan yang dibuat, punca penyebab utama yang dikenal pasti dan maklum balas Pengurusan terhadap cadangan-cadangan tersebut. Di mana perlu, Jawatankuasa Audit Lembaga telah mengarahkan Pengurusan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kecukupan prosedur kawalan dalaman dan proses aliran kerja berdasarkan saranan dan cadangan penambahbaikan juruaudit dalam.
- Meneliti penemuan penyiasatan dan kajian khas adhoc berhubung bidang-bidang operasi yang spesifik bagi menentukan punca penyebab isu-isu berbangkit serta keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil untuk menangani kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti.
- Memantau tindakan pembetulan yang diambil ke atas isu-isu audit yang belum selesai untuk memastikan risiko-risiko utama dan kelemahan kawalan ditangani dengan sewajarnya.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

- Meneliti keberkesanan proses audit, keperluan tenaga kerja tahunan dan menilai prestasi Jabatan Audit Dalam dua kali setahun dan memberikan maklum balas secara bertulis untuk tujuan penambahbaikan.
- Meneliti dan memperakukan pendedahan ke atas Pernyataan Audit Dalam dan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk dipaparkan dalam Laporan Tahunan 2018.

Audit Luar

- Meneliti semua pemerhatian yang dikenal pasti oleh juruaudit luar serta maklum balas Pengurusan terhadap penemuan tersebut.
- Perjumpaan dengan juruaudit luar dua kali dalam tahun berkenaan diadakan tanpa kehadiran Pengurusan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dan mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan.

Laporan Kewangan

Meneliti laporan kewangan suku tahunan yang belum diaudit dan laporan kewangan tahunan beraudit KWSP sebelum memperakukan kepada Lembaga untuk kelulusan dengan tumpuan ke atas:

- Kesan/Implikasi pindaan atau implementasi ke atas polisi dan praktis perakaunan kepada penyata kewangan.
- Perkara-perkara penting yang dibangkitkan termasuk isu-isu laporan kewangan, pertimbangan penting yang dibuat oleh pengurusan, perkara atau transaksi luar biasa yang signifikan dan bagaimana perkara-perkara ini ditangani.
- Pematuhan kepada peruntukan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia dan peraturan undang-undang yang lain.

Urusniaga Pihak Berkaitan

Meneliti transaksi urusniaga pihak berkaitan oleh KWSP dan semua anak syarikat seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

LATIHAN

Di sepanjang tahun 2018 ahli-ahli Jawatankuasa Audit Lembaga telah menghadiri pelbagai program latihan, persidangan dan seminar seperti berikut:-

Bil.	Program
1.	Annual Accountants Conference 2018
2.	Asian Confederation of Institutes of Internal Auditors Conference 2018: Staying Relevant in a Digital Landscape
3.	Audit Committee Conference 2018
4.	Blockchain in Financial Services
5.	Board Strategy Committee Workshop 2018
6.	Board Strategy Session 2018
7.	EPF Investment Seminar 2018
8.	FinTech And Its Implications On Banking
9.	HYBRID
10.	International Social Security Conference 2018: A Better Tomorrow
11.	Revival Of Good Governance: An Antidote To Corruption – 4 th Annual Malaysia War On Corruption Symposium
12.	Sustainability And Integrated Reporting
13.	Thought Leadership Session 2018
14.	Understanding FinTech And Its Implications For Banks
15.	World Class Digital Transformation And Innovation 2018

FUNGSI AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Lembaga disokong oleh Jabatan Audit Dalam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Jabatan Audit Dalam melapor terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti audit dalaman berdasarkan pelan audit tahunan yang telah diluluskan.

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi KWSP. Jabatan Audit Dalam membantu KWSP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin di dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

Maklumat lanjut berkaitan fungsi audit dalam adalah seperti yang terkandung di Pernyataan Audit Dalam.

PERNYATAAN AUDIT DALAM

PENGENALAN

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi KWSP. Jabatan Audit Dalam membantu KWSP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin di dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Jabatan Audit Dalam melapor secara fungsional kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aktiviti-aktiviti Jabatan Audit Dalam bebas daripada sebarang pengaruh dalam menentukan skop pengauditan dan pelaksanaan kerja serta memaklumkan hasil auditan.

Bagi kepentingan menjaga status kebebasannya, Jabatan Audit Dalam tidak mempunyai sebarang kuasa eksekutif atau pengurusan, autoriti, fungsi atau tanggungjawab kecuali berkaitan dengan pengurusan Jabatan Audit Dalam. Jabatan Audit Dalam juga tidak bertanggungjawab ke atas pembangunan atau pelaksanaan secara terperinci sistem, perancangan, peraturan, polisi atau prosedur baru.

SKOP KERJA

Fungsi Jabatan Audit Dalam merangkumi pengauditan kewangan, operasi, pematuhan dan pengurusan KWSP. Skop kerja Jabatan Audit Dalam yang paling utama adalah menentukan sama ada proses-proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman, sistem pengurusan maklumat dan tadbir urus KWSP seperti yang dirancang dan dilaksanakan oleh Pengurusan adalah mencukupi dan berfungsi dengan berkesan supaya:

- risiko dikenal pasti dan diuruskan dengan sewajarnya.
- sumber-sumber diperolehi secara ekonomik dan digunakan secara efektif dan efisien.
- aset adalah terpelihara.
- maklumat penting mengenai pengurusan, kewangan dan operasi adalah tepat, munasabah dan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- peraturan dan undang-undang, polisi, piawaian dan prosedur yang diguna pakai adalah dipatuhi.
- objektif dan matlamat yang ditetapkan dicapai.

Skop kerja Jabatan Audit Dalam juga merangkumi:

- pelaksanaan penyiasatan khas atas permintaan Pengurusan/Jawatankuasa Audit Lembaga.
- bekerjasama dengan juruaudit luar untuk memastikan liputan auditan adalah mencukupi serta meminimumkan pertindihan kerja.
- penglibatan sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan tertentu yang ditubuhkan untuk pembangunan atau pengimplementasian sistem atau proses baru. Penglibatan tersebut ialah terhadap kepada pemberian khidmat nasihat berkaitan kawalan dalaman dan ini tidak akan menghalang Jabatan Audit Dalam daripada menjalankan auditan ke atas sistem atau proses berkenaan.

Jabatan Audit Dalam akan meneruskan pendekatan risk-based audit plan yang mengutamakan aktiviti pengauditan berdasarkan tahap risiko audit. Pengauditan yang dijalankan telah diberi keutamaan berdasarkan penilaian risiko yang wujud, risiko kawalan dan risiko pengesanan bagi setiap operasi, fungsi dan sistem teknologi maklumat.

Dalam tahun kewangan 2018, 107 laporan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga.

Jabatan Audit Dalam akan melaporkan status pemerhatian audit yang belum diselesaikan kepada Pengurusan pada setiap suku tahun dan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga pada setiap setengah tahun. Status pelaksanaan tindakan penambahbaikan/pencegahan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan akan terus dipantau oleh Jabatan Audit Dalam.

SUMBER JABATAN AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Lembaga meneliti dan meluluskan keperluan sumber manusia Jabatan Audit Dalam bagi memastikan Jabatan Audit Dalam mempunyai bilangan juruaudit yang mencukupi dan kompeten. Semua aktiviti audit dalaman bagi tahun 2018 telah dilaksanakan oleh 89 juruaudit daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran, seperti berikut:

Bil.	Bidang Kepakaran	Bilangan Juruaudit	Peratusan
1.	Kewangan dan Perakaunan	58	65%
2.	Teknologi Maklumat	13	15%
3.	Pentadbiran Perniagaan	16	18%
4.	Kejuruteraan/Juru Ukur Bahan	2	2%
Jumlah		89	100%

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

PERNYATAAN AUDIT DALAM

SIJIL PROFESIONAL DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI YANG BERTERUSAN

Jabatan Audit Dalam komited untuk melengkapkan juruaudit dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Juruaudit juga digalakkan untuk mendapatkan pensijilan dan kelayakan profesional yang bersesuaian. Setakat 31 Disember 2018, 18 juruaudit mempunyai sejumlah 25 pensijilan dan kelayakan profesional yang dianugerahkan oleh pelbagai badan profesional yang diiktiraf. Pensijilan dan kelayakan profesional adalah seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Certified Practising Accountants (CPA) Australia, Certified Internal Auditor (CIA), Certified Information Systems Auditor (CISA) dan sebagainya.

Pada tahun 2018, sebanyak 7,426 jam latihan dalaman dan luaran, seminar dan bengkel dalam pelbagai disiplin teknikal dan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi dan rundingan telah dihadiri oleh juruaudit untuk meningkatkan prestasi kerja dan prospek kerjaya juruaudit. Senarai kursus yang dihadiri adalah seperti berikut:

(A) Kursus Dalaman

Bil. Kursus

- | | |
|----|--|
| 1. | Certified Internal Auditor (Part 1) |
| 2. | Identifying Red Flags (Fraud Auditing) |
| 3. | Improving Audit Findings |
| 4. | Audit Command Language (ACL) Refresher |

(B) Kursus Luaran

Bil. Kursus

- | | |
|-----|---|
| 1. | Asian Confederation of Institutes of Internal Auditors Conference 2018: Staying Relevant in a Digital Landscape |
| 2. | International Social Security Conference 2018: A Better Tomorrow |
| 3. | Business Ethics Conference 2018: FinTech: Business Benefits and Conduct Challenges |
| 4. | Forensic and Fraud Investigation Conference 2018 |
| 5. | 2018 Cyber Security Malaysia Awards, Conference & Exhibition (CSM-ACE 2018) |
| 6. | Data Analytics Certification |
| 7. | Thought Leadership Session |
| 8. | Big Data and Data Analytics |
| 9. | ISO 9001:2015 QMS Requirements |
| 10. | ISO 9001:2015 Internal Audit Training |
| 11. | Real Estate Academy |
| 12. | Private Equity Academy |
| 13. | Global Fixed Income Academy |
| 14. | Infrastructure Academy |
| 15. | Blackrock Private Debt Symposium |

(B) Kursus Luaran

Bil. Kursus

- | | |
|-----|---|
| 16. | Palo Alto Networks Training |
| 17. | JKR Design & Build (Rv.1/2010): Contract Conditions Understanding & Application |
| 18. | Building Information Modelling |
| 19. | Board of Engineers Malaysia (BEM) Safety and Health At Work |
| 20. | Balanced Scorecard Refresher |
| 21. | Business Continuity Institute International Conference 2018 |
| 22. | Leading Digital Transformation |
| 23. | Leading Transformational Change |
| 24. | The Positive Leader |
| 25. | Lean Management – Lean Six Sigma |
| 26. | Design Thinking |

PROGRAM KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN

Jabatan Audit Dalam telah membangunkan dan melaksanakan program jaminan kualiti dan penambahbaikan bagi menilai operasi fungsi audit dalam. Program ini juga merangkumi penilaian kualiti dalaman dan luaran secara berkala serta pemantauan dalaman yang berterusan.

Penilaian dalaman termasuk:-

- semakan berterusan terhadap prestasi aktiviti audit dalam.
- penilaian sendiri ke atas proses, prosedur dan dokumentasi auditan secara berkala.

Keperluan untuk membuat Semakan Semula Jaminan Kualiti adalah termaktub dalam Piagam Audit Dalam di mana ia perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya setiap lima tahun sekali oleh perunding bebas bertauliah. Semakan Semula Jaminan Kualiti ke atas Jabatan Audit Dalam telah dilaksanakan pada tahun 2014.

Berdasarkan penilaian KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd., Jabatan Audit Dalam secara keseluruhan mematuhi Piawaian Antarabangsa untuk Amalan Profesional Audit Dalam (IIA Standards) yang ditetapkan oleh Institut Audit Dalam.

Peraksanaan Semakan Semula Jaminan Kualiti oleh perunding bertauliah yang bebas dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun 2019.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

TANGGUNGJAWAB

Berdasarkan Seksyen 18 (1) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Panel Pelaburan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan pelaburan KWSP dan menggalas tanggungjawab terhadap rangka kerja pengurusan risiko pelaburan. Rangka kerja ini diwujudkan untuk memberi jaminan yang munasabah serta mengurus risiko dan bukannya menghapuskan risiko salah nyata atau kerugian dalam melaksanakan dasar dan objektif pelaburan organisasi.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Rangka kerja pengurusan risiko pelaburan KWSP merangkumi struktur tadbir urus, tahap risiko, alokasi aset, pelbagai polisi dan proses. Rangka kerja ini sentiasa dikaji semula bagi memastikan ianya relevan dan berkesan.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Panel Pelaburan (IP) bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko berkaitan dengan keputusan pelaburan yang dibuat oleh KWSP.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC) bertanggungjawab untuk membantu IP memperakukan tahap risiko dan alokasi belanjawan risiko yang sesuai. IPRC sentiasa mengkaji semula pelbagai pengukuran risiko, polisi, proses dan had bagi memastikan keberkesanan berterusan.

IPRC dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Pengurusan (MRC) untuk memantau dan mengkaji semula aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Jabatan Pengurusan Risiko membantu MRC, IPRC dan IP dalam hal-hal berkaitan pengurusan risiko merangkumi penilaian bebas risiko dan risiko kredit, pemantauan dan laporan bagi pendedahan risiko pelaburan KWSP.

KAWALAN RISIKO

Pernyataan Tahap Risiko yang diluluskan oleh IP menggariskan secara umum tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP dan menjadi asas kepada alokasi dana untuk pelaburan. Kajian semula terhadap alokasi aset sentiasa dilaksanakan untuk memastikan dana yang dilaburkan adalah selaras dengan tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP.

Pelbagai polisi dan had telah disediakan untuk memastikan risiko-risiko dipantau secukupnya bagi setiap kelas aset. Sistem Risiko dan Prestasi telah disediakan dan dipertingkatkan secara berterusan untuk memastikan risiko diukur secara sistematik dan dipantau.

KESIMPULAN

IP berpandangan bahawa amalan pengurusan risiko pelaburan adalah berkesan untuk melindungi pelaburan KWSP. IP dibantu oleh IPRC yang bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mengkaji semula laporan risiko dan pematuhan daripada pihak pengurusan.

Pernyataan ini disediakan berdasarkan resolusi semua Ahli Panel Pelaburan bertarikh 11 Februari 2019.

Kecapi Kehidupan Kini

BELANJAWANKU untuk



PASANGAN BERKAHWIN (SEORANG ANAK)

MAKANAN RM1,300	TEMPAT TINGGAL RM870	KESIHATAN RM100
PENGANGKUTAN RM1,030	UTILITI RM300	PENJAGAAN ANAK RM650
SIMPANAN RM400	PENJAGAAN DIRI RM120	PERBELANJAAN KHUSUS RM340
PENGLIBATAN SOSIAL RM240	PERBELANJAAN PILIHAN RM380	RM5,730 ANGGARAN PERBELANJAAN/BULAN

Seksyen 4

PENGURUSAN KWSP

- 64 Ahli Lembaga
- 73 Ahli Silih Ganti Lembaga
- Wakil Kerajaan
- 74 Ahli Panel Pelaburan



78	Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Baru Dilantik
78	Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Menamatkan Perkhidmatan
79	Ahli Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan

80	Ahli Jawatankuasa Penasihat Shariah 2018 - 2020
81	Struktur Organisasi
82	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan
83	Pengurusan Kanan

AHLI LEMBAGA



Tan Sri Samsudin Osman

Pengerusi, KWSP

Tan Sri Samsudin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga KWSP bermula 1 Februari 2007.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Selain menjadi Pengerusi Lembaga KWSP, beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Kwasa Land Sdn Bhd dan Pengarah di Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Awam daripada Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

Datuk Siti Zauyah Md Desa

*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar),
Kementerian Kewangan*

Datuk Siti Zauyah Md Desa dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula pada 1 Mac 2016.

Datuk Siti Zauyah merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) di Kementerian Kewangan. Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation, Majlis Amanah Rakyat, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pengurusan Aset Air Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Samalaju Industrial Port Sdn Bhd, Petroliaam Nasional Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Kumpulan Wang Amanah Negara. Beliau juga adalah mantan Ahli Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad, Felda Holdings Berhad, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Antarabangsa) dari University of Manchester, United Kingdom. Beliau juga mempunyai Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Negara.



AHLI LEMBAGA



Datuk Seri Borhan Dolah

Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam

Datuk Seri Borhan Bin Dolah telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula pada 8 Oktober 2018.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, beliau pernah memegang beberapa jawatan seperti Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Setiausaha Persekutuan Sabah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pengarah di Jabatan Belia dan Sukan.

Beliau juga merupakan Ahli Tetap Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan Pengerusi Lembaga Pengarah FELCRA Asset Management.

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam daripada University of Hartford, Amerika Syarikat.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Dato' Amir Omar

*Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa),
Kementerian Sumber Manusia*

Dato' Amir Omar telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula pada 4 November 2018.

Beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1988 sebagai Penolong Pengarah Bahagian Pertanian di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Pengarah di Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh, Kementerian Sumber Manusia. Sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha pada tahun 2018, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) di Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkelulusan Diploma Pasca Siswazah dan Sarjana Sastera Ekonomi dari Universiti Manchester, United Kingdom. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran (Ekonomi Luar Bandar) dari Universiti Malaya dan Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Takbiran Awam Negara.



AHLI LEMBAGA



Datuk Seri Panglima Hashim Paijan

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Datuk Seri Panglima Hashim Paijan telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula pada 8 Oktober 2018.

Datuk Seri Panglima Hashim pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah sebelum dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2018. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbir di Kementerian Pembangunan Perindustrian, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan Asian Supply Base.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya.

Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula pada 2 Ogos 2009.

Beliau memulakan karier sebagai Eksekutif Pengurusan bersama Petronas pada 1980 sebelum menyertai Perkhidmatan Awam Sarawak pada 1988 sebagai Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara. Beliau mempunyai pengalaman selama 30 tahun di pelbagai agensi Kerajaan Negeri termasuk di Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi. Antara 2006 hingga 2009, beliau menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Perancangan & Pembangunan) dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran, Keselamatan dan Hal Ehwal Korporat).

Sejak Ogos 2009, beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Swinburne University, Bintulu Port Holding Berhad serta beberapa agensi Kerajaan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pengurusan Statistik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia daripada University of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menghadiri Kursus Senior Executive Fellows di Harvard University, Amerika Syarikat.



AHLI LEMBAGA



Tan Sri Azman Shah Haron

Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia

Tan Sri Azman Shah Haron telah dilantik sebagai ahli Lembaga mewakili Majikan bermula pada 1 Jun 2007.

Tan Sri Azman adalah Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia. Beliau merupakan ahli Lembaga dalam pelbagai syarikat antaranya Alangka-Suka Hotel dan Resorts Berhad, dan beberapa anak syarikat Advance Synergy Berhad termasuk Cherating Holiday Villa Berhad.

Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Perundingan bagi Industri Hospitaliti di Perbadanan Produktiviti Malaysia, ahli Lembaga Perbadanan Produktiviti Malaysia, ahli Lembaga dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Presiden dan Ahli Lembaga Asean Tourism Association, Pengerusi Bersama Working Group Efficiency Issues dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi Confederation of Asia Pacific Employers, Pengerusi Asean Confederation of Employers, Ahli Substantif Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara di Kementerian Sumber Manusia dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Hotel dari Holiday Inn University, Amerika Syarikat.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Datuk Mohd Hasnol Ayub

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah

Datuk Mohd Hasnol Ayub telah dilantik sebagai Ahli Lembaga mewakili Majikan bermula pada 1 Jun 2009.

Selain bertugas sebagai Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Kajian Pembangunan Sabah, beliau juga merupakan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah.

Beliau berkelulusan Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan daripada University of Wales Cardiff, United Kingdom.



AHLI LEMBAGA



Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang Haji Openg

Presiden, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak

Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang Haji Openg telah dilantik sebagai Ahli Lembaga mewakili Majlikan bermula pada 13 Julai 2013.

Datuk Abang Haji Abdul Karim telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Ta Ann Holdings Berhad sejak 2 Oktober 1999 dan Pengerusi Brooke Dockyard and Engineering Works Corporation. Beliau telah menyandang pelbagai jawatan awam termasuk Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak, ahli jawatankuasa umum mewakili Sarawak di Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia dan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas SEMUDAH Cara Perniagaan Sarawak. Beliau adalah Pengasas Presiden Kesatuan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak.

Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Sarawak Convention Bureau, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Permodalan Satok Berhad dan ahli Lembaga Baitulmal dan Wakaf Sarawak. Beliau merupakan Pengarah Pengasas BIMP-EAGA Business Council dan Pengerusi Pertama BIMPEAGA Malaysian Business Council Sarawak.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Sarjana Pengurusan daripada Asian Institute of Management, Filipina.

Tan Sri Dr Lim Wee Chai

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Top Glove Corporation Bhd

Tan Sri Dr Lim Wee Chai telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majlikan pada 1 Julai 2015.

Tan Sri Dr Lim merupakan Pengerusi Eksekutif dan Pengasas Top Glove Corporation Bhd, yang ditubuhkan pada 1991 dan kini merupakan pengeluar sarung tangan terbesar di dunia. Beliau turut menyandang beberapa jawatan lain, termasuk Pengerusi (Bukan Eksekutif) Tropicana Corporation Berhad, Ahli Majlis dan Presiden Terdahulu Yang Terdekat Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia, Presiden Kehormat Dewan Perniagaan dan Industri Persatuan Cina Malaysia, serta Penasihat Kehormat Persekutuan Persatuan Cina Malaysia.

Tan Sri Dr Lim juga telah memegang pelbagai jawatan sebelum ini termasuk Presiden Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia, Pengarah Universiti Malaya dan Persatuan Industri Perubatan Malaysia, Ahli Lembaga di Lembaga Getah Malaysia, serta Ahli Majlis di Majlis Perniagaan Asia Timur.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Fizik dari Universiti Malaya (1982), Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Sul Ross State University (1985), Texas, Amerika Syarikat, dan Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan dari Universiti Selangor (2015), Malaysia. Beliau turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang pentadbiran perniagaan oleh Oklahoma City University (2016), Amerika Syarikat dan Keusahawanan oleh Universiti Sains dan Pentadbiran (2018), Malaysia.



AHLI LEMBAGA



Dato' Abdul Halim Mansor

Presiden, Malaysian Trades Union Congress

Dato' Abdul Halim Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja pada Januari 2017.

Dato' Abdul Halim merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia sejak tahun 2016. Beliau juga merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja Industri Petroleum dan Kimia (NUPCIW) sejak tahun 1986. Pada tahun 2017, beliau dilantik sebagai Presiden bagi ASEAN Trade Union Council mewakili Pekerja di dalam Mesyuarat Negara-Negara ASEAN.

Selain merupakan ahli kesatuan sekerja yang aktif dengan rekod cemerlang, beliau juga memiliki pengetahuan dan pengalaman meluas dalam bidang undang-undang buruh, dasar pekerjaan, hubungan industri dan keselamatan pekerjaan. Beliau sebelum ini merupakan Lembaga Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (SOCSO), ahli Panel Mahkamah Industri dan ahli Lembaga Rayuan SOCSO.

Beliau kini berkhidmat dengan Nylex (Malaysia) Sdn Bhd.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Tuan Hj. Adnan Mat

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Awam Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Tuan Haji Adnan Mat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga mewakili Pekerja bermula pada 1 Jun 2017.

Seorang kakitangan awam dengan rekod jejak kesatuan yang lama, beliau merupakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia.

Tugas hakiki beliau adalah sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah. Beliau kini dipinjamkan di Bahagian Saraan Jabatan Perkhidmatan Awam selepas dipilih sebagai Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains & Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana.

Selaku Setiausaha Agung CUEPACS, beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Beliau juga terlibat secara aktif dalam gerakan Koperasi selaras dengan pelantikan beliau sebagai Penolong Setiausaha Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad (Koop Negara No 66).

Beliau berkelulusan Diploma The Royal Society for the Promotion of Health (RSH London) daripada Institut Kesihatan Umum Kuala Lumpur.



AHLI LEMBAGA



Hadiah Leen

Presiden, Kesatuan Pekerja Bank Sarawak

Hadiah Leen telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula pada 1 Februari 2012.

Beliau ialah kakitangan Hong Leong Bank Berhad, Cawangan Satok, Kuching. Beliau aktif dalam aktiviti kesatuan sekerja. Sejak tahun 2001, beliau merupakan Presiden Kesatuan Pekerja Bank Sarawak, Ketua Wanita Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Bahagian Sarawak. Beliau menjadi ahli Eksekutif Lembaga UNI-Apro Region pada tahun 2005 dan dilantik semula pada tahun 2017. Beliau merupakan ahli mewakili panel pekerja dalam Mahkamah Perusahaan pada tahun 2010 dan dilantik semula pada tahun 2017. Beliau juga merupakan ahli International Society for Labour and Social Security Law, Malaysia.

Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Institute of Professional and Managerial Administration, Kolej Putra, Kuala Lumpur, Diploma in International Labour Standards, Fundamental Principles and Rights at Work daripada the ILO Centre Turin, Italy, dan Sijil Pengurusan Kakitangan daripada Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia. Beliau menyertai Program Pengarah Wanita Malaysia bersama NAM Institute for the Empowerment of Women pada 2013.

Catherine Jikunan

Setiausaha, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia

Catherine Jikunan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula pada 1 Jun 2013.

Beliau merupakan ahli Lembaga mewakili pekerja di Pertubuhan Keselamatan Sosial sejak 2009 dan ahli Lembaga Jemaah Rayuan dari 2005. Beliau turut mewakili pekerja Sabah dalam Majlis Perundingan Gaji Negara sejak 2010 dan Panel Mahkamah Perusahaan Sabah dari 2005 hingga kini. Beliau merupakan Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Sabah; Timbalan Bendahari, Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan dan Naib Presiden Union Network International Asia Pacific. Beliau adalah ahli Majlis Penasihat Buruh Malaysia (National Labour Advisory Council) mewakili pekerja Negeri Sabah dan Labuan.

Beliau berkelulusan Diploma Perbankan dan Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (Kepujian), kedua-duanya daripada Universiti Teknologi Mara. Beliau turut memiliki Ijazah Sarjana dalam Labour Policies and Globalisation daripada University of Kassel and Berlin School of Economy, Jerman.



AHLI LEMBAGA



Datuk Thomas George M.S. George

Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Datuk Thomas George telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Professional bermula pada 1 Jun 2013.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah dan kemudiannya sebagai Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Penyelaras Projek Kanan, Pengurusan Pembangunan dan Program Kualiti, Institut Tadbiran Awam Negara. Datuk Thomas George juga pernah menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia dari 27 Mei 2006 sehingga 21 April 2009 dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya dari 22 April 2009 sehingga beliau bersara.

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam daripada George Washington University, Amerika Syarikat.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Zainal Abidin Mohd Kassim

*Pengarah dan Rakan Kongsi Kanan,
Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd*

Zainal Abidin Mohd Kassim telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula pada 1 Jun 2015.

Beliau kini merupakan Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1978 di Prudential Assurance PLC di London.

Beliau lulus dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Sains Aktuari dari City University, London, dan merupakan Fellow di Institut Aktuari, United Kingdom. Beliau juga merupakan seorang Fellow Persatuan Aktuari Malaysia dan Associate of the Society of Actuaries, Amerika Syarikat. Beliau pernah menjadi Presiden Persatuan Aktuari Malaysia.



AHLI LEMBAGA



Khalid Hj Sufat

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, UMW Holdings Berhad

Khalid Hj Sufat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula pada 1 Jun 2017.

Sebagai seorang akauntan, Khalid Sufat berpengalaman luas dalam industri perbankan dan memegang beberapa jawatan kanan seperti Pengarah Urusan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pengurus Besar Perbankan Pengguna Malayan Banking Berhad dan Pengarah Eksekutif United Merchant Finance Berhad.

Beliau sebelum ini menguruskan tiga buah syarikat tersenarai iaitu Pengarah Eksekutif Tronoh Mines Malaysia Berhad, Timbalan Pengerusi Eksekutif di Furqan Business Organization Berhad dan Pengarah Urusan Kumpulan Seacera Tiles Berhad.

Beliau juga merupakan Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk UMW Holdings Berhad, Chemical Company of Malaysia Berhad dan Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad.

Beliau merupakan Fellow Chartered Certified Accountants (UK), Ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants dan Malaysian Institute of Accountants.

Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

Ketua Pegawai Eksekutif

Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuatkuasa 20 Ogos 2018. Beliau sebelum itu merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Strategi) sejak 1 Januari 2014.

Tunku Alizakri mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan dasar, perancangan strategik, komunikasi, sumber manusia dan pemasaran. Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Ketua Pegawai Operasi di Iclif Leadership and Governance Centre. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pengurusan Strategik di Bank Negara Malaysia, Pengarah, Ketua Strategik dan Hal Ehwal Korporat di DiGi Telecommunications serta Naib Presiden dan Ketua Perancangan Strategik Kumpulan Maybank.

Beliau merupakan Ahli Lembaga KWASA Land Berhad, KWASA Utama Berhad dan Sapura Kencana Petroleum Berhad.

Beliau memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Cornell University dan Sarjana Muda Undang-Undang dari King's College, University of London. Beliau pernah menjadi peguambela dan peguamcara di mahkamah Malaysia dan diiktiraf sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.



AHLI SILIH GANTI LEMBAGA

WAKIL KERAJAAN

- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4**
- Sek 5
- Sek 6



Hazim Jamaluddin

(1.6.2015 – 31.5.2019)

Kerajaan

Timbalan Setiausaha
Bahagian Pelaburan Strategik
(Dasar Pelaburan), Kementerian Kewangan



Dato' Mohtar Mohd Abd Rahman

(1.6.2015 – 31.5.2019)

Kerajaan

Timbalan Ketua Pengarah, Perkhidmatan
Awam (Pembangunan), Jabatan
Perkhidmatan Awam



Dato' Mohamed Elias Abu Bakar

(1.1.2018 – 19.6.2018)

Kerajaan

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi),
Kementerian Sumber Manusia



Datuk Haji Nordin Siman

(1.6.2017 – 31.5.2019)

Kerajaan

Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam
Negeri Sabah



Datu Dr Sabariah Putit

(1.6.2017 – 31.5.2019)

Kerajaan

Timbalan Setiausaha, Kerajaan Negeri
Sarawak

AHLI PANEL PELABURAN

Tan Sri Samsudin Osman



Pengerusi, KWSP

Tan Sri Samsudin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Panel Pelaburan bermula 1 Februari 2007.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Pada masa ini beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Kwasa Land Sdn Bhd dan Pengarah di Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Awam daripada Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir



Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir telah dilantik pada 1 Mei 2014.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Penilai Eksekutif Kanan di CH William Talhar & Wong Sdn Bhd dan Penasihat Pengarah di Asian Development Bank, Manila, Filipina. Beliau juga merupakan Pengarah di Syarikat Danajamin Nasional Berhad, Kuala Lumpur International Airport Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, Malaysia Development Holding Sdn Bhd dan merupakan Ahli Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat, Malaysia.

Beliau mempunyai ijazah dalam Pengurusan Hartanah daripada Universiti Teknologi MARA dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Hull, United Kingdom.

AHLI PANEL PELABURAN

Adnan Zaylani Mohamad Zahid



Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

Adnan Zaylani telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 4 November 2018.

Adnan adalah Penolong Gabenor di Bank Negara Malaysia (BNM) dan beliau memiliki pengalaman hampir 25 tahun dalam bidang operasi pelaburan dan pasaran kewangan. Beliau kini bertanggungjawab ke atas pembangunan sektor kewangan, insurans, kewangan pembangunan, kewangan Islam dan turut mengawasi jabatan Undang-undang. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan menjawat pelbagai jawatankuasa dasar dan pembangunan lain di BNM. Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Perbadanan Jaminan Kredit (CGC), Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Audit INCEIF, Ahli Lembaga Pengarah Labuan FSA dan merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga (BEC) Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa (IILM). Beliau juga merupakan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia.

Adnan memiliki Sarjana dalam Dasar Awam dari Blavatnik School of Government, University of Oxford, MSc dalam Ekonomi Pasaran Global, London School of Economics dan BSc in Economics, London School of Economics.

David Lau Nai Pek



Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Axiata Group Berhad

David Lau Nai Pek telah dilantik pada 1 Jun 2009.

Beliau mempunyai pengalaman profesional melebihi 35 tahun dalam bidang kewangan termasuk menerajui pelbagai organisasi kewangan di Australia, Brunei, China, Malaysia, New Zealand, Belanda dan United Kingdom. Pada Ogos 2011, beliau telah bersara daripada Shell Malaysia setelah berkhidmat dengan Kumpulan Shell selama kira-kira 30 tahun dan menyandang pelbagai jawatan. Antara tugas utama beliau termasuklah berkhidmat sebagai Pengarah Kewangan Shell Malaysia, Pengarah Kewangan Shell China, Pengawal Global Bahagian Eksplorasi dan Pengeluaran di Royal Dutch Shell serta Timbalan Presiden Kewangan Shell International Exploration and Production B.V., Belanda.

Beliau kini merupakan Pengarah Bukan Eksekutif serta Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Axiata Group Berhad, iaitu sebuah syarikat tersenarai awam dan dua syarikat lain yang tidak tersenarai dalam Kumpulan Axiata di samping turut menduduki kerusi lembaga pengarah KKB Engineering Berhad.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perdagangan daripada University of Canterbury, New Zealand dan ahli Institut Akauntan Malaysia dan juga ahli Persatuan Akauntan New Zealand.

AHLI PANEL PELABURAN

Rossana Annizah Ahmad Rashid



Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, IHH Healthcare Berhad

Rossana Annizah Ahmad Rashid telah dilantik pada 1 Jun 2015.

Rossana ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif IHH Healthcare Berhad (IHH). Beliau berkhidmat dalam Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga Acibadem Saglik Yatirimlari Holding A.S, sebuah anak syarikat milik penuh tidak langsung IHH. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Parkway Trust Management Limited (PTM), anak syarikat milik penuh tidak langsung IHH. PTM menguruskan Parkway Life Real Estate Investment Trust yang disenaraikan dalam Singapore Exchange Securities Trading Limited.

Rossana juga berkhidmat sebagai Pengerusi Peringkat Negara Jardine Matheson Group of Companies di Malaysia dan Timbalan Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di edotco Group Sdn Bhd pada bulan Mei 2016 dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas di Celcom Axiata Berhad pada bulan Mei 2017, kedua-duanya merupakan anak syarikat Axiata Group Berhad.

Sebelum ini, Rossana memegang beberapa jawatan kepimpinan dalam sektor telekomunikasi dan perbankan. Beliau pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan pengurusan kanan di TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad dan RHB Bank Berhad, selepas memulakan kerjaya perbankannya dengan Citibank Malaysia.

Dengan pengalaman selama 30 tahun, Rossana mempunyai pengalaman luas dalam strategi perniagaan, model monetisasi yang mampan, memahami pelanggan dan persaingan serta keperluan untuk mengkaji semula model pengewangan yang memfokuskan pada pengurusan pendapatan dan pengurusan kos.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera dalam Perbankan dan Kewangan dari Canberra College of Advanced Education di Australia (kini dikenali sebagai Universiti of Canberra).

Dato' Md Agil Mohd Natt



Pengarah Bukan Eksekutif, Cagamas Berhad

Dato' Md Agil Mohd Natt telah dilantik sebagai Panel Pelaburan pada 1 Jun 2017.

Kerjaya beliau bermula sebagai Pengurus Kewangan Korporat di Bank Bumiputra Malaysia Berhad pada tahun 1977 sebelum berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan di Island & Peninsular Berhad. Beliau juga merupakan Ketua Perwakilan Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1995, iaitu dimana beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif di Aseambankers Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad) dan Timbalan Presiden/Pengarah Eksekutif di Maybank. Sebelum bersara daripada dunia korporat pada tahun 2011, jawatan terakhir beliau merupakan Presiden and Ketua Pegawai Eksekutif di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa, Universiti Kewangan Islam Dunia.

Beliau kini memegang peranan bukan eksekutif bebas di beberapa syarikat termasuk sebagai Pengerusi di Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Manulife Insurance Berhad, dan Manulife Asset Management Services Berhad. Beliau berperanan sebagai ahli Lembaga Cagamas Bhd, Sogo (KL) Sdn Bhd and Sogo (KL) Department Store Sdn Bhd.

Beliau memegang Ijazah Kepujian Ekonomi daripada Universiti Brunel London, Ijazah Sarjana Kewangan dari Cass Business School London, dan pernah menghadiri Advance Management Programme di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias



Ketua Pegawai Eksekutif

Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuatkuasa 20 Ogos 2018. Beliau sebelum itu merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Strategi) sejak 1 Januari 2014.

Tunku Alizakri mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan dasar, perancangan strategik, komunikasi, sumber manusia dan pemasaran. Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Ketua Pegawai Operasi di Iclif Leadership and Governance Centre. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pengurusan Strategik di Bank Negara Malaysia, Pengarah, Ketua Strategik dan Hal Ehwal Korporat di DiGi Telecommunications serta Naib Presiden dan Ketua Perancangan Strategik Kumpulan Maybank.

Beliau merupakan Ahli Lembaga KWASA Land Berhad, KWASA Utama Berhad dan Sapura Kencana Petroleum Berhad.

Beliau memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Cornell University dan Sarjana Muda Undang-Undang dari King's College, University of London. Beliau pernah menjadi peguambela dan peguamcara di mahkamah Malaysia dan diiktiraf sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.

AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN AHLI PANEL PELABURAN YANG BARU DILANTIK

 <p>Datuk Seri Borhan Dolah</p> <p><i>Dilantik pada 8.10.2018</i></p> <p>Kerajaan</p>	 <p>Dato' Amir Omar</p> <p><i>Dilantik pada 4.11.2018</i></p> <p>Kerajaan</p>	 <p>Datuk Seri Panglima Hashim Pajjan</p> <p><i>Dilantik pada 8.10.2018</i></p> <p>Kerajaan</p>	 <p>Tunku Alizakri Alias</p> <p><i>Dilantik pada 20.8.2018</i></p> <p>Ex-Officio</p>	 <p>Adnan Zaylani Mohamad Zahid</p> <p><i>Dilantik pada 4.11.2018</i></p> <p>Bank Negara Malaysia</p>
--	--	--	---	--

AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN AHLI PANEL PELABURAN YANG MENAMATKAN PERKHIDMATAN

 <p>Tan Sri Zainal Rahim Seman</p> <p><i>Tamat perkhidmatan pada 31.5.2018</i></p> <p>Kerajaan</p>	 <p>Dato' Dr Mohd Gazali Abas</p> <p><i>Tamat perkhidmatan pada 20.6.2018</i></p> <p>Kerajaan</p>	 <p>Tan Sri Sukarti Wakiman</p> <p><i>Tamat perkhidmatan pada 8.7.2018</i></p> <p>Kerajaan</p>	 <p>Datuk Shahril Ridza Ridzuan</p> <p><i>Tamat perkhidmatan pada 17.8.2018</i></p> <p>Ex-Officio</p>	 <p>Jessica Chew Cheng Lian</p> <p><i>Tamat perkhidmatan pada Oktober 2018</i></p> <p>Bank Negara Malaysia</p>
---	--	---	--	---

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. Tan Sri Samsudin Osman, *Pengerusi*
2. Datuk Siti Zauyah Md Desa,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Hazim Jamaluddin
3. Tan Sri Azman Shah Haron
4. Tuan Hj. Adnan Mat
5. Khalid Hj. Sufat
6. Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

JAWATANKUASA STRATEGI KWSP

1. Zainal Abidin Mohd Kassim, *Pengerusi*
2. Dato' Amir Omar, *Timbalan Pengerusi*
3. Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun
Abang Haji Openg
4. Tan Sri Dr Lim Wee Chai
5. Hadiyah Leen
6. Dato' Abdul Halim Mansor
7. Datuk Thomas George M.S. George
8. Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

1. Datuk Thomas George M.S. George,
Pengerusi
2. Datuk Siti Zauyah Md Desa,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Hazim Jamaluddin
3. Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun
Abang Haji Openg
4. Hadiyah Leen
5. Khalid Hj. Sufat

JAWATANKUASA PERJAWATAN, PELANTIKAN & PERKHIDMATAN

1. Datuk Seri Borhan Dolah, *Pengerusi*
2. Datuk Seri Panglima Hashim Paijan,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datuk Hj. Nordin Siman
3. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Catherine Jikunan
5. Datuk Thomas George M.S. George
6. Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

1. Tan Sri Azman Shah Haron, *Pengerusi*
2. Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad
Morshidi Abdul Ghani,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datu Dr Sabariah Putit
3. Catherine Jikunan
4. Zainal Abidin Mohd Kassim
5. Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

JAWATANKUASA TATATERTIB LEMBAGA

1. Dato' Amir Omar, *Pengerusi*
2. Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad
Morshidi Abdul Ghani,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datu Dr Sabariah Putit
3. Tan Sri Azman Shah Haron
4. Hadiyah Leen
5. Zainal Abidin Mohd Kassim

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LEMBAGA

1. Tan Sri Samsudin Osman, *Pengerusi*
2. Datuk Seri Borhan Dolah,
Timbalan Pengerusi
3. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun
Abang Haji Openg
5. Dato' Abdul Halim Mansor
6. Catherine Jikunan
7. Datuk Thomas George M.S. George

LEMBAGA PEROLEHAN KWSP

1. Datuk Mohd Hasnol Ayub, *Pengerusi*
2. Khalid Hj. Sufat, *Timbalan Pengerusi*
3. Hadiyah Leen
4. Tuan Hj. Adnan Mat
5. Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN

1. David Lau Nai Pek, *Pengerusi*
2. Dato' Md Agil Mohd Natt,
Timbalan Pengerusi
3. Rossana Annizah Ahmad Rashid
4. Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH 2018-2020



Prof. Dr Mohamad Akram Laldin
Pengerusi

- Pengarah Eksekutif, International Syariah Research Academy for Islamic Finance
- Profesor, International Centre for Education in Islamic Finance
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, International Islamic Financial Market, Bahrain
- Ahli Majlis Pengawasan Syariah, Labuan Financial Services Authority
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Yassar Limited, United Kingdom
- Ahli Penasihat Syariah, Dar Al Takaful, Dubai
- Pengerusi, Maldives Monetary Authority Syariah Board, Maldives
- Ahli Financial Regulation Advisory Council of Experts, Central Bank of Nigeria
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Associate Prof. Dr Aznan Hasan
Timbalan Pengerusi

- Profesor Madya, Jabatan Undang-Undang Islam, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Presiden Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, Hong Leong MSIG Takaful
- Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Lembaga Syariah Tertinggi, Bank Negara Abu Dhabi
- Ahli Lembaga Syariah, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah Kumpulan Maybank
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Global HSBC Amanah
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Global Standard Chartered
- Pengerusi, Lembaga Penasihat Syariah Amanah Raya Berhad



Prof. Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali

- Profesor, IIUM Institute of Islamic Banking and Finance
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)
- Ahli Majlis Pengawasan Syariah, Labuan Reinsurance (L) Ltd
- Ahli Panel Penasihat Syariah, Xeraya Capital Sdn Bhd
- Ahli Lembaga Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Disiplin, Malaysian Bar Council
- Ahli Lembaga Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Dr Kamaruzaman Noordin


- Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Ketua, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Kenanga Investment Bank Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Swiss Re Retakaful
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah La Prudence Takaful, Mauritius
- Pengerusi, Panel Penasihat Syariah LIMRA Group of Companies
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Dr Zaharuddin Abdul Rahman

- Pengasas/Pengarah Urusan, Elzar Shariah Solutions & Advisory Sdn Bhd.
- Professor Adjung, Fakulti Bisnes & Perakaunan, UNISEL
- Ahli Majlis Syura Pulau Pinang
- Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko, UNISZA
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) dan Pengerusi, Jawatankuasa Risiko & Kelestarian YAPIEM
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah EXIM Bank Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).
- Penasihat Syariah, Sedania Salam Capital Sdn Bhd
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

STRUKTUR ORGANISASI



Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ KETUA PEGAWAI KEWANGAN



**Dato' Mohamad Nasir
Ab Latif**

Bahagian Pelaburan



**Dato' Mohd Naim
Daruwish**

Bahagian Operasi



**Sazaliza
Zainuddin**

Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada 15 April 2013.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjaya di KWSP pada 1982 dan telah menyandang pelbagai jawatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan). Ini termasuk sebagai Pegawai Penguatkuasaan Negeri (1990-1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Pelaburan dan Penyelidikan Ekonomi (1995-2003) dan Pengurus Besar di Jabatan Pelaburan Ekuiti Luar Negara (Julai 2009-2013).

Beliau juga merupakan ahli Lembaga di Malaysian Resources Corporation Berhad, Sime Darby Plantation Berhad, Plus Malaysia Berhad, Yinson Holdings Berhad, BBCC Development Sdn Bhd, Battersea Project Company Limited dan Yarra Park City Pty Ltd.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia dan mendapat Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 serta Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan daripada University of Stirling, United Kingdom, pada 1999.

Dato' Mohd Naim Daruwish telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) pada 1 Oktober 2014.

Dato' Mohd Naim memulakan kariernya dengan berkhidmat di Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sebagai Majistret dari tahun 1985 hingga 1992. Kerjaya beliau di KWSP bermula pada tahun 1992 sebagai Pengurus di Bahagian Pendakwaan/Litigasi dan pernah memegang pelbagai jawatan, antaranya sebagai Ketua di Jabatan Penguatkuasaan, Ketua di Jabatan Undang-undang dan Jabatan Caruman.

Mulai Disember 2011 hingga September 2014, beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan kembali semula berkhidmat di KWSP sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) bermula pada 1 Oktober 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Malaya.

Sazaliza Zainuddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan, KWSP pada 3 April 2017.

Sazaliza menganggotai KWSP pada bulan Julai 2006 sebagai Ketua Akaun di Jabatan Kewangan dan telah memegang beberapa jawatan lain sebelum dinaikkan pangkat kepada Ketua Pegawai Kewangan. Jawatan terdahulu yang dipegang termasuk Ketua Jabatan Kewangan, Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan, dan Ketua Jabatan Audit Dalaman. Beliau juga pernah berkhidmat di PricewaterhouseCoopers sebagai Pengurus Kanan sebelum berkhidmat di KWSP.

Beliau merupakan Pengarah di Malaysia Building Society Berhad dari tahun 2017 hingga 2018 dan HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad dari tahun 2013 hingga 2017. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Bukan Eksekutif MBSB Bank Berhad.

Beliau pemegang ACCA dan berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dan Kewangan daripada Southbank University, United Kingdom.

PENGURUSAN KANAN

- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4**
- Sek 5
- Sek 6



Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias

Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Bahagian Strategi



**Dato' Mohamad Nasir
Ab Latif**

Bahagian Pelaburan



**Dato' Mohd Naim
Daruwish**

Bahagian Operasi

Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi. Beliau memberikan bimbingan, nasihat termasuk kepimpinan kepada pengurusan kanan untuk memastikan strategi dan polisi organisasi dapat dicapai. KPE juga menyelia pelaksanaan pelan jangka panjang dan pendek KWSP, dan merupakan penghubung antara pengurusan dan Lembaga. Jabatan-jabatan yang melaporkan secara terus kepada KPE ialah Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalam, Jabatan Integriti & Tadbir Urus dan Jabatan Teknologi Maklumat.

Selain itu, KPE juga memantau Bahagian Strategi. Bagi mencapai Visi dan Misi KWSP, Bahagian Strategi memastikan pelan pertengahan dan jangka panjangnya dilaksanakan, di samping mengekalkan reputasi baik KWSP. Selain itu Bahagian ini juga turut mengurus isu-isu strategik berkaitan modal insan serta pembangunan bakat. Jabatan-jabatan yang di bawah bahagian strategi ialah Jabatan Pengurusan Strategi, People Matters Department, Jabatan Hal Ehwal Korporat dan EPF Learning Campus.

Bahagian Pelaburan merancang dan mengemudi aktiviti pelaburan KWSP, untuk memastikan ianya selaras dengan profil risiko pulangan KWSP. Bahagian ini menetapkan fokus strategik untuk menjana pendapatan dan pertumbuhan pelaburan yang mampan melalui pelaburan yang berhemah. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelidik dan menguruskan dana meliputi pelbagai kelas aset termasuk Jabatan Penyelidikan Ekuiti, Jabatan Ekuiti Domestik, Jabatan Ekonomi & Pasaran Modal, Jabatan Kuantitatif & Analisa Prestasi, Jabatan Ekuiti Luar Negara, Jabatan Pasaran Modal, Jabatan Pasaran Persendirian, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Simpanan Syariah, Jabatan Pengurus Dana Luar dan Jabatan Operasi Pelaburan.

Bahagian Operasi adalah bertanggungjawab terhadap portfolio perkhidmatan operasi yang luas dan fungsi sokongan yang memberi keutamaan terhadap pengurusan prestasi, penyampaian perkhidmatan efektif termasuk keperluan kontraktual. Jabatan-jabatan yang diletakkan di bawah Bahagian Operasi ialah Jabatan Rangkaian Perkhidmatan, Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan, Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran, Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan, Pusat Pengurusan Perhubungan, Jabatan Pengurusan Harta, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Caruman.

PENGURUSAN KANAN



**Sazaliza
Zainuddin**

Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan



**Muhammad Afhzal
Abdul Rahman**

Jabatan Teknologi Maklumat



Nurhisham Hussein

Jabatan Ekonomi & Pasaran Modal



**James Lim
Tuang Ooi**

Jabatan Pengurusan Risiko

Fungsi utama Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan adalah menyediakan perkhidmatan kewangan, perundangan, dan perolehan serta sokongan kepada pelanggan KWSP sendiri serta mempromosikan kesedaran dan memastikan pematuhan terhadap keperluan pentadbiran yang relevan yang berkaitan dengan KWSP. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian ini adalah Jabatan Kewangan, Jabatan Pematuhan Pelaburan, Jabatan Undang-Undang dan Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan.

Jabatan ini berperanan sebagai pemangkin dalam mencapai kecemerlangan operasi berfokuskan pelanggan melalui pelaksanaan inisiatif berkaitan ICT, pemberian perkhidmatan dan sokongan IT serta memastikan tahap kebolehpayaan dan ketersediaan sistem rangkaian dan penyelesaian persekitaran IT bagi membolehkan pengguna melaksanakan tugas dengan teratur dan efisien.

Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal memantau perkembangan dalam ekonomi di semua negara di mana KWSP mempunyai pelaburan. Ini memberikan gambaran mengenai strategi pelaburan dan peruntukan portfolio KWSP, serta membantu mengenal pasti faktor risiko.

Objektif strategik Jabatan Pengurusan Risiko adalah untuk menyediakan amalan pengurusan risiko yang berkesan dan mantap dalam KWSP. Ini untuk memastikan pengurusan risiko yang proaktif dalam menghadapi ketidakpastian dalam persekitaran operasi dan untuk mengurangkan kemungkinan kesan buruk.

PENGURUSAN KANAN



**Nik Affendi
Jaafar**

Jabatan Integriti & Tadbir Urus



Azizul Zainol

Jabatan Perbendaharaan



**Badrul Hisham
Dahalan**

Jabatan Kuantitatif & Analisa Prestasi



Lim Tze Seong

Jabatan Ekuiti Luar Negara

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Korporat mewujudkan satu sistem pengurusan yang cekap, telus dan mempunyai integriti tahap tertinggi.

la untuk menentukan dan menyelesaikan isu-isu semasa yang sangat berpengaruh serta menguatkuasakan langkah pencegahan dan pemulihan untuk mengatasi rasuah, pengendalian kes tatatertib, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang dilarang oleh undang-undang dan peraturan.

Jabatan Perbendaharaan bertanggungjawab menguruskan aliran tunai harian dan mengekalkan tahap tunai optimum untuk memenuhi komitmen KWSP dan memaksimumkan pulangan melalui pelaburan dalam portfolio pendapatan tetap (Kerajaan dan kesetaraan). Jabatan ini juga menguruskan keperluan pertukaran asing KWSP dan melaksanakan dasar perlindungan nilai untuk melindungi nilai risiko pertukaran asing dan kadar faedah.

Jabatan ini bertanggungjawab untuk strategi pelaburan peringkat tinggi (Peruntukan Aset Strategik/ Peruntukan Aset Taktik), analisis pelaburan dan analisis prestasi pelaburan untuk memastikan pulangan pelaburan dioptimumkan dalam tahap risiko tertentu dan selaras dengan objektif pelaburan KWSP.

Jabatan Ekuiti Luar Negara bertanggungjawab untuk mengurus pelaburan ekuiti antarabangsa melalui pengurus portfolio dalaman dan luaran dengan cara yang bijak dan telus untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan. Niat strategik kami adalah untuk menjadi pengurus pelaburan ekuiti luar negara terkemuka dalam industri pencen dan pada masa yang sama memenuhi keperluan pihak berkepentingan

PENGURUSAN KANAN



**Mohamad Hafiz
Kassim**

Jabatan Pasaran Modal



**Muhammad Ameen
Kamaruzaman**

Jabatan Simpanan Syariah



Nor Azam Yahya

Jabatan Penyelidikan Ekuiti



Zaini Shaari

Jabatan Audit Dalam

Fungsi utama Jabatan Pasaran Modal adalah untuk menyediakan pilihan pasaran modal yang komprehensif dengan tujuan meningkatkan nilai kepada pemegang kepentingan.

Jabatan ini melaksanakan fungsi penyelidikan dan penasihat syariah, pemantauan dan semakan pematuhan syariah serta pengurusan risiko syariah di bawah Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Simpanan Syariah yang merangkumi aspek pelaburan dan operasi patuh syariah KWSP.

Jabatan Penyelidikan Ekuiti menyediakan cadangan penyelidikan pelaburan kepada syarikat awam yang disenaraikan dan memantau tadbir urus korporat syarikat-syarikat yang dilaburkan.

Jabatan Audit Dalam menyediakan perkhidmatan bebas, objektif dan perkhidmatan perundingan yang direka untuk menambah nilai dan meningkatkan operasi KWSP.

Ia turut membantu KWSP mencapai objektifnya dengan membawa pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus.

PENGURUSAN KANAN

- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4**
- Sek 5
- Sek 6



**Rohaya
Mohammad Yusof**

Jabatan Pasaran Persendirian



Zalinah A Hamid

Jabatan Ekuiti Domestik



Datin Zainab Hamid

Jabatan Caruman



Dato' Khalid Haron

Jabatan Pengurusan Operasi
Pengeluaran

Fungsi utama Jabatan Pasaran Persendirian adalah untuk mendapatkan peluang di Pasaran Persendirian, termasuk Hartanah Domestik dan Global, yang dapat memenuhi pulangan yang disasarkan.

Fungsi utama Jabatan Ekuiti Domestik adalah untuk melabur dan mengurus portfolio ekuiti domestik berdasarkan peruntukan aset dan mandat pelaburan yang diluluskan dengan cara yang berhemah, telus dan profesional dan dalam masa yang sama, mengoptimumkan pulangan pelaburan dalam parameter risiko yang dibenarkan melalui pengurus portfolio dalaman dan luaran.

Jabatan ini memastikan caruman yang diterima dan dikreditkan ke dalam akaun ahli dengan tepat dalam masa yang ditetapkan. Ia juga bertanggungjawab untuk menguruskan akaun ahli.

Jabatan ini bertanggungjawab memastikan semua permohonan pengeluaran diproses kepada penerima yang betul dalam mematuhi prosedur yang dinyatakan. Jabatan ini juga menyediakan dasar, operasi manual, arahan kerja dan garis panduan untuk semua jenis skim pengeluaran dan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan supaya semua permohonan pengeluaran akan diproses dengan cara yang lebih cepat dan cekap.

PENGURUSAN KANAN



**Hardial Singh
A/L Mitt Singh**

Jabatan Penguatkuasaan



Majidah Yahya

Jabatan Pendaftaran & Operasi
Sokongan



**Mohd Rodzi
Abu Bakar**

Jabatan Rangkaian Perkhidmatan



Norizah Hassalli

Pusat Pengurusan Perhubungan

Jabatan ini memastikan setiap majikan yang berdaftar dengan KWSP membuat caruman bagi pihak pekerja mereka dengan cara yang tepat pada masanya, seperti yang diperuntukkan oleh Akta KWSP 1991. Selain itu, jabatan ini adalah untuk memastikan kepentingan para ahli dijaga dengan baik melalui pengurusan aduan yang komprehensif.

Jabatan ini bertanggungjawab untuk pendaftaran ahli, majikan dan pencalonan ahli. Di samping itu, ia menyediakan perkhidmatan sokongan ke Jabatan Caruman, Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran dalam mengekalkan rekod majikan dan ahli serta perkara berkaitan kewangan.

Jabatan ini bertanggungjawab menyediakan sokongan perkhidmatan, serta tahap pengurusan dan pemantauan efektif untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan KWSP (kaunter dan elektronik).

Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP bertindak sebagai saluran komunikasi kepada pelanggan melalui telefon, e-mel, media sosial (Facebook dan Twitter) dan faks elektronik. Pusat ini bertanggungjawab memastikan hubungan pelanggan yang baik dan memantau kepuasan pelanggan dan indeks pengalaman KWSP.

PENGURUSAN KANAN



Ong Hock Chye

Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan



**Tamilwanan
A/L Palaniappan**

Jabatan Pengurusan Harta



Cindy Tan Ler Chin

Jabatan Pematuhan Pelaburan



**Nor Azian
Mohd Noor**

Jabatan Kewangan

- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4**
- Sek 5
- Sek 6

Jabatan ini bertanggungjawab menjalankan penyelidikan, penambahbaikan yang berterusan dan perubahan kejayaan masa hadapan - untuk mengubah dan menyelaraskan proses operasi dan untuk memenuhi keperluan dan harapan masa depan dalam persekitaran yang dinamik dan kompleks. Ia juga mendorong inisiatif untuk membenamkan budaya yang berkualiti dan inovatif di kalangan kakitangannya.

Fungsi utama jabatan adalah untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat untuk kakitangan dan pelanggan KWSP. Pada masa yang sama, ia juga memastikan semua peraturan pihak berkuasa tempatan berkaitan dipatuhi.

Jabatan bertanggungjawab memastikan pematuhan dasar dan garis panduan dalaman mengenai pelaburan serta pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pelaburan dalam dan luar negeri KWSP. Jabatan ini perlu menyelesaikan semua transaksi pelaburan dan memastikan semua rekod pelaburan dan laporan mematuhi dasar perakaunan KWSP. Ia juga merupakan penjaga untuk Perlindungan Data Peribadi dan *Chinese Wall Policy*.

Jabatan ini mengurus dan mengawal fungsi kewangan KWSP termasuk belanjawan, pembayaran, cukai dan laporan kewangan.

PENGURUSAN KANAN



Zaidatul Mazwin Idrus

Jabatan Undang-Undang



Zalikar Yusoff

Jabatan Pengurusan Perolehan
Bekalan



Balqais Yusoff

Jabatan Pengurusan Strategi



**Mohamad Fahmi
Abdul Rahim**

People Matters Department

Jabatan ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perundangan dan kesetiausahaan kepada Lembaga KWSP. Ia juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan, ahli atau mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta KWSP 1991 dan undang-undang subsidiarinya.

Jabatan ini bertanggungjawab untuk pengambilalihan barangan dan perkhidmatan mengikut dasar dan prosedur perolehan KWSP. Ia juga memastikan proses perolehan yang cekap, berkesan dan beretika untuk mendapatkan nilai terbaik wang semasa dan mengamalkan tadbir urus yang baik.

Jabatan Pengurusan Strategi bertanggungjawab merangka hala tuju dan pelan tindakan strategi peringkat organisasi. Fungsi jabatan adalah merangkumi penyelarasan hala tuju perniagaan sejajar dengan strategi korporat, pemantauan prestasi organisasi selaras dengan visi dan misi, dan memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama yang efisien dan efektif. Jabatan ini turut terlibat aktif dalam pengurusan perhubungan strategik dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memacu penggubalan polisi dan memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru untuk meningkatkan kesejahteraan ahli KWSP dalam memenuhi aspirasi membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

Jabatan ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan Sumber Manusia yang efektif dan menghasilkan modal insan yang cekap. Ia juga bertindak sebagai rakan strategik untuk pembangunan organisasi melalui peningkatan peluang kerjaya dan kemahiran, penstrukturan pengurusan bakat dan perancangan penggantian, mengawal kos sumber manusia, mengoptimumkan tenaga kerja dan memupuk budaya yang berasaskan prestasi.

PENGURUSAN KANAN

- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4**
- Sek 5
- Sek 6



Nurini Kassim

Jabatan Hal Ehwal Korporat



Suhaizam Ismail

EPF Learning Campus

Jabatan Hal Ehwal Korporat KWSP bertanggungjawab menguruskan reputasi organisasi melalui komunikasi dalaman dan luaran yang berkesan dan strategik - dengan matlamat keseluruhan mengukuhkan peranan KWSP sebagai organisasi keselamatan sosial.

Fungsi utama EPF Learning Campus (ELC) adalah untuk merancang dan melaksanakan program latihan yang berkesan untuk memenuhi kompetensi profesional, fungsional dan kepimpinan kakitangan. ELC juga menawarkan pembelajaran alternatif melalui Pengurusan Pengetahuan dan kursus i-Learning yang disokong oleh infrastruktur latihan komprehensif.

Jabatan Operasi Pelaburan

Jabatan Operasi Pelaburan adalah Rakan Perniagaan Bahagian Pelaburan dalam hal-hal berkaitan teknologi maklumat, perakaunan pelaburan bagi anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu, sumber dan pembangunan modal insan. Jabatan ini juga membantu Jabatan Hal Ehwal Korporat dalam hal komunikasi berkaitan isu pelaburan.

Jabatan Pengurusan Dana Luar

Jabatan Pengurus Dana Luar bertanggungjawab mengawasi pengurus dana luar berdasarkan amalan terbaik industri bagi mengoptimumkan pulangan pelaburan dalam kawalan risiko yang berpatutan melalui kepelbagaian pelaburan dengan melantik pengurus dana terbaik dalam kelas aset yang berkenaan di pasaran domestik dan global.

Kecapi Kehidupan Kini

BELANJAWANKU untuk



PASANGAN BERKAHWIN

(DUA ORANG ANAK)

MAKANAN
RM1,550

TEMPAT
TINGGAL
RM870

KESIHATAN
RM120

PENGANGKUTAN
RM1,040

UTILITI
RM310

PENJAGAAN
ANAK
RM1,150

SIMPANAN
RM400

PENJAGAAN
DIRI
RM140

PERBELANJAAN
KHUSUS
RM400

PENGLIBATAN
SOSIAL
RM250

PERBELANJAAN
PILIHAN
RM390

RM6,620

ANGGARAN
PERBELANJAAN/BULAN



- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4
- Sek 5**
- Sek 6



Seksyen 5

ULUSAN PERNIAGAAN MENGIKUT BAHAGIAN

- 94 Statistik
- 100 Bahagian Pelaburan
- 105 Bahagian Operasi
- 108 Bahagian Strategi

STATISTIK

KADAR DIVIDEN



**SENARAI 30 PEGANGAN EKUITI TERTINGGI BERDASARKAN PERATUS DARIPADA TERBITAN SAHAM
SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

Bil	Kaunter	Jumlah
1.	Malaysia Building Society Bhd	63.77%
2.	RHB Bank Bhd	40.62%
3.	Malaysian Resources Corporation Bhd	35.48%
4.	Telekom Malaysia Bhd	16.50%
5.	Axis Real Estate Investment Bh	16.09%
6.	Axiata Group Bhd	15.78%
7.	DiGi.Com Bhd	14.82%
8.	Sunway Reit Bhd	14.81%
9.	MBM Resources Bhd	14.66%
10.	IJM Corporation Bhd	14.65%
11.	Sime Darby Plantation Bhd	14.43%
12.	CIMB Group Holdings Bhd	14.18%
13.	IJM Plantations Bhd	14.08%
14.	Bermaz Auto Bhd	13.54%
15.	Yinson Holdings Bhd	13.52%
16.	United Plantations Bhd	13.46%
17.	Malayan Banking Bhd	13.15%
18.	Aeon Co M Bhd	13.10%
19.	Tenaga Nasional Bhd	12.79%
20.	BIMB Holdings Bhd	12.75%
21.	IOI Corporation Bhd	12.59%
22.	Public Bank Bhd	12.48%
23.	Globetronics Technology Bhd	12.27%
24.	Alliance Bank Malaysia Bhd	12.27%
25.	Hong Leong Bank Bhd	12.26%
26.	Syarikat Takaful Malaysia Bhd	12.20%
27.	Fraser & Neave Holdings Bhd	12.13%
28.	Media Prima Bhd	12.00%
29.	Kuala Lumpur Kepong Bhd	12.00%
30.	MRCB-QUILL REIT Bhd	11.92%

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

STATISTIK

PENGELUARAN MENGIKUT SKIM

Tahun	2018		2017	
	Bilangan	Amaun (RM)	Bilangan	Amaun (RM)
Skim Pengeluaran				
55 Tahun	379,504	15,810,003,592	384,795	17,757,759,010
50 Tahun	160,751	4,712,680,608	154,063	4,738,729,140
Hilang Upaya	5,347	391,038,106	5,117	384,862,946
Meninggalkan Negara	4,032	392,456,135	4,377	427,410,624
Beli Rumah Pertama	91,074	2,149,948,937	86,642	2,107,996,219
Beli Rumah Kedua	5,147	214,335,855	5,259	230,516,514
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	1,748,506	2,001,339,134	1,916,877	1,825,859,748
Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	112,518	1,447,916,201	130,604	1,702,566,769
Kesihatan	6,972	67,403,964	6,266	58,183,038
Kematian	62,658	1,715,602,371	58,281	1,520,975,212
Bayaran Berkala	587	1,122,730	719	1,391,202
Skim Pelaburan Ahli	851,933	9,251,295,326	747,243	8,788,079,682
Pekerja Berpencen/Pesara Pilihan	76,395	2,065,788,771	118,146	2,484,663,943
Pendidikan	140,769	1,319,456,484	89,328	1,695,206,787
Skim Bayaran Bulanan	61	76,842	77	86,357
Pengeluaran Melebihi RM1 Juta	8,018	1,518,976,786	6,882	1,320,100,522
Mengerjakan Haji	427	1,209,732	705	1,965,567
60 Tahun	238,551	4,330,245,142	170,963	4,106,433,535
Pengeluaran Rumah Prima	13	3,820	2	19,140
JUMLAH	3,893,263	47,390,900,534	3,886,346	49,152,805,954
Dividen Tahunan*	2,816	56,771,016	2,566	44,006,013
i) Faedah Tambahan Kematian	21,387	53,485,571	18,225	45,565,000
ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya	883	4,415,000	864	4,320,000
JUMLAH (i dan ii)	22,270	57,900,571	19,089	49,885,000

Tahun	2016		2015		2014	
	Bilangan	Amaun (RM)	Bilangan	Amaun (RM)	Bilangan	Amaun (RM)
Skim Pengeluaran						
55 Tahun	597,771	22,292,814,380	530,459	21,400,282,188	431,639	14,090,666,522
50 Tahun	156,991	4,855,680,128	148,699	4,831,008,499	140,082	3,941,562,511
Hilang Upaya	4,986	360,187,080	4,659	331,060,249	4,447	275,351,499
Meninggalkan Negara	4,467	445,244,745	3,833	377,363,471	3,098	303,592,892
Beli Rumah Pertama	83,401	2,002,008,099	89,071	2,108,847,723	85,704	1,930,598,080
Beli Rumah Kedua	5,752	248,452,755	6,483	287,952,489	6,361	268,710,339
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	1,781,735	1,666,932,871	1,551,508	1,375,789,117	1,381,043	1,148,654,580
Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	148,368	1,956,998,548	164,033	2,212,036,347	157,685	1,751,784,336
Kesihatan	6,101	57,000,845	5,692	51,766,353	4,969	46,057,154
Kematian	56,172	1,386,616,927	52,127	1,233,878,032	49,745	1,089,049,474
Bayaran Berkala	1,159	2,553,546	1,745	3,586,456	1,980	4,231,130
Skim Pelaburan Ahli	710,064	6,305,355,131	602,262	5,855,745,390	443,729	4,859,472,682
Pekerja Berpencen/Pesara Pilihan	51,230	2,157,264,348	48,688	1,972,703,781	68,048	2,520,563,342
Pendidikan	86,725	1,459,203,497	65,787	578,180,407	59,897	372,937,758
Skim Bayaran Bulanan	98	108,725	104	116,982	100	120,276
Pengeluaran Melebihi RM1 Juta	6,143	1,369,448,593	5,471	1,390,499,668	3,874	999,278,093
Mengerjakan Haji	415	1,151,035	390	1,044,974	367	947,163
60 Tahun						
Pengeluaran Rumah Prima						
JUMLAH	3,701,578	46,567,021,253	3,281,011	44,011,862,123	2,842,768	33,603,577,831
Dividen Tahunan*	2,267	42,372,125	1,971	39,595,874	1,596	30,135,786
i) Faedah Tambahan Kematian	18,180	45,459,162	17,201	43,007,028	16,910	42,276,000
ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya	821	4,105,000	771	3,857,000	693	3,465,000
JUMLAH (i dan ii)	19,001	49,564,162	17,972	46,864,028	17,603	45,741,000

* Pengeluaran dividen tahunan 2018 diselaraskan kepada belanja dividen tahun semasa

PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN SIMPANAN DAN JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2018

Lingkungan Simpanan (RM)	Bilangan Lelaki	Bilangan Perempuan	Jumlah	Simpanan (RM)
<1-1,000	199,198	183,438	382,636	181,781,727
1,001-2,000	152,889	123,023	275,912	407,468,550
2,001-3,000	119,407	98,931	218,338	542,809,079
3,001-4,000	101,404	82,728	184,132	642,584,530
4,001-5,000	91,710	75,427	167,137	751,230,090
5,001-6,000	85,401	69,545	154,946	851,583,192
6,001-7,000	76,776	64,152	140,928	915,185,062
7,001-8,000	71,114	59,440	130,554	978,723,353
8,001-9,000	66,135	55,427	121,562	1,032,725,879
9,001-10,000	62,235	53,042	115,277	1,094,856,540
10,001-15,000	270,423	226,358	496,781	6,169,385,295
15,001-20,000	223,628	187,511	411,139	7,165,919,858
20,001-25,000	189,548	160,031	349,579	7,840,648,368
25,001-30,000	163,033	136,951	299,984	8,232,407,001
30,001-35,000	142,754	119,238	261,992	8,502,783,763
35,001-40,000	128,684	107,438	236,122	8,845,397,721
40,001-45,000	117,031	96,229	213,260	9,053,912,995
45,001-50,000	106,991	86,718	193,709	9,195,147,695
50,001-55,000	99,006	79,711	178,717	9,377,826,126
55,001-60,000	92,231	72,700	164,931	9,479,688,181
60,001-65,000	84,820	66,410	151,230	9,446,998,355
65,001-70,000	79,293	60,811	140,104	9,452,667,848
70,001-75,000	73,578	56,073	129,651	9,395,892,195
75,001-80,000	68,757	52,067	120,824	9,360,383,382
80,001-85,000	64,501	48,149	112,650	9,289,642,139
85,001-90,000	59,465	44,042	103,507	9,054,544,981
90,001-95,000	55,639	41,336	96,975	8,967,458,900
95,001-100,000	52,104	38,702	90,806	8,850,209,108
100,001-150,000	372,698	277,060	649,758	79,521,503,352
150,001-200,000	206,706	152,507	359,213	62,028,503,385
200,001-250,000	121,000	89,214	210,214	46,840,420,587
250,001-300,000	73,636	55,519	129,155	35,267,881,498
300,001-350,000	48,716	36,666	85,382	27,602,081,038
350,001-400,000	33,070	24,743	57,813	21,591,292,897
400,001-450,000	24,886	17,673	42,559	18,033,705,997
450,001-500,000	18,867	12,862	31,729	15,029,678,888
500,001-600,000	26,409	16,914	43,323	23,637,723,024
600,001-700,000	17,313	10,052	27,365	17,681,810,480
700,001-800,000	11,881	6,502	18,383	13,721,577,698
800,001-900,000	8,456	4,433	12,889	10,916,492,373
900,001-1,000,000	6,344	3,128	9,472	8,977,302,705
> 1,000,000	28,810	10,800	39,610	66,444,182,762
Jumlah	4,096,547	3,263,701	7,360,248	612,374,018,598

Sumber: Sistem BI KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2017

Sek 1
 Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

STATISTIK

KADAR CARUMAN

Tahun	Pekerja	Majikan	Jumlah
1952 - Jun 1975	5%	5%	10%
Julai 1975 - November 1980	6%	7%	13%
Disember 1980 - Disember 1992	9%	11%	20%
Januari 1993 - Disember 1995	10%	12%	22%
Januari 1996 - Mac 2001	11%	12%	23%
April 2001 - Mac 2002	9%	12%	21%
April 2002 - Mei 2003	11%	12%	23%
Jun 2003 - Mei 2004	9%	12%	21%
Jun 2004 - Disember 2008	11%	12%	23%
Januari 2009 - Disember 2010	8%	12%	20%
Januari 2011 - Disember 2011	11%	12%	23%

Januari 2012 - Februari 2016

Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%

Tahun	Pekerja	Majikan	Jumlah
-------	---------	---------	--------

Mac 2016 - Disember 2017

Ahli berumur di bawah 60 Tahun

Pendapatan RM5,000 dan kurang	8%	13%	21%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	8%	12%	20%

Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun

Pendapatan RM5,000 dan kurang	4%	6.5%	10.5%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	4%	6%	10%

Januari 2018 - Disember 2018

Ahli berumur di bawah 60 Tahun

Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%

Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun

Pendapatan RM5,000 dan kurang	5.5%	6.5%	12%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	5.5%	6%	11.5%

Januari 2019 - Kini

Ahli berumur di bawah 60 Tahun

Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%

Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun

Pendapatan RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	-	4%	4%

PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN UMUR DAN JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2018

Kumpulan Umur (Tahun)	Bilangan Lelaki	Bilangan Perempuan	Jumlah Ahli	Jumlah Ahli (%)	Kumulatif (%)	Jumlah Simpanan (RM)	Jumlah Simpanan (%)	Kumulatif (%)
<16	109	64	173	0.00	0.00	96,971	0.00	0.00
16-25	813,891	670,511	1,484,402	20.17	20.17	10,026,496,319	1.64	1.64
26-30	746,402	670,779	1,417,181	19.25	39.42	36,491,695,354	5.96	7.60
31-35	628,075	514,498	1,142,573	15.52	54.95	67,465,909,982	11.02	18.61
36-40	487,358	386,246	873,604	11.87	66.82	87,141,633,989	14.23	32.84
41-45	407,593	325,716	733,309	9.96	76.78	106,748,304,322	17.43	50.28
46-50	353,429	268,601	622,030	8.45	85.23	117,813,877,230	19.24	69.51
51-55	294,198	209,385	503,583	6.84	92.07	101,352,075,991	16.55	86.07
56-60	205,722	137,421	343,143	4.66	96.74	47,850,186,333	7.81	93.88
61-65	99,323	54,418	153,741	2.09	98.82	22,840,528,334	3.73	97.61
66-70	43,046	19,729	62,775	0.85	99.68	9,633,210,658	1.57	99.18
71-75	14,239	5,363	19,602	0.27	99.94	3,928,876,057	0.64	99.82
76-80	2,935	906	3,841	0.05	100.00	1,018,654,150	0.17	99.99
81-85	206	55	261	0.00	100.00	55,081,947	0.01	100.00
>85	21	9	30	0.00	100.00	7,390,960	0.00	100.00
Jumlah Besar	4,096,547	3,263,701	7,360,248	100.00		612,374,018,598	100.00	

Sumber: Sistem BI KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2018

PURATA SIMPANAN AHLI AKTIF YANG BERUMUR 54 TAHUN MENGIKUT JANTINA

Tahun	Lelaki			Perempuan		
	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)
2008	35,415	5,322,180,264	150,280	17,607	1,705,344,178	96,856
2009	36,387	5,794,733,417	159,253	18,552	1,886,638,751	101,695
2010	40,542	6,507,302,076	160,508	21,486	2,360,738,881	109,873
2011	40,004	6,657,338,898	166,417	22,354	2,647,519,595	118,436
2012	43,230	7,581,549,702	175,377	24,921	3,206,896,233	128,682
2013	45,805	8,427,983,030	183,997	27,363	3,765,478,721	137,612
2014	47,135	9,385,899,753	199,128	29,289	4,382,090,266	149,616
2015	49,878	10,719,311,181	214,911	31,768	5,155,803,817	162,296
2016	50,223	11,201,215,794	223,030	32,109	5,618,243,593	174,974
2017	51,579	12,062,316,509	233,861	33,198	6,067,433,813	182,765
2018	55,250	12,858,768,219	232,738	39,010	6,922,796,631	177,462

PURATA SIMPANAN AHLI YANG BERUMUR 54 TAHUN

Tahun	Ahli Aktif			Ahli Tidak Aktif		
	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)
2008	53,022	7,027,524,442	132,539.78	130,653	2,860,548,303	21,894
2009	54,939	7,681,372,168	139,816.38	134,556	3,055,433,736	22,708
2010	62,028	8,868,040,956	142,968.35	148,844	3,528,282,764	23,705
2011	62,358	9,304,858,493	149,216.76	146,172	3,418,820,359	23,389
2012	68,151	10,788,445,936	158,302.09	157,425	3,802,693,654	24,156
2013	73,168	12,193,461,751	166,650.20	160,131	4,203,516,072	26,250
2014	76,424	13,767,990,019	180,152.70	166,131	4,578,149,209	27,557
2015	81,646	15,875,114,998	194,438.37	169,425	5,343,743,319	31,540
2016	82,332	16,819,459,387	204,288.24	170,844	5,812,652,311	34,023
2017	84,777	18,129,750,322	213,852.23	147,160	6,456,208,469	43,872
2018	94,260	19,781,564,850	209,861.71	151,577	6,660,005,444	43,938

Sumber: Sistem BI KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahunan

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

BAHAGIAN PELABURAN



“Tahun 2018 adalah sangat mencabar berikutan ketidaktentuan dan trend menurun di pasaran global, ditambah pula dengan perang dagangan antara Amerika Syarikat-China dan peningkatan kadar faedah Amerika Syarikat sebanyak empat kali.

Walau bagaimanapun, dengan purata tiga tahun kadar dividen sebenar sebanyak 3.93% bagi Simpanan Konvensional dan 3.68% bagi Simpanan Syariah, KWSP telah berjaya mengatasi mandatnya untuk mengisytiharkan sekurang-kurangnya 2.50% dividen nominal dan 2% dividen sebenar untuk tiga tahun berturut-turut.”

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif



OBJEKTIF

Bahagian Pelaburan menguruskan dana pelaburan KWSP berdasarkan dua objektif utama pelaburan jangka panjang:

- Untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli.
- Untuk memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had toleransi risiko.

SASARAN STRATEGIK

Dalam memastikan objektif ini tercapai, KWSP mempunyai dua sasaran strategik pelaburan:

- Mengisytiharkan dividen nominal tahunan sekurang-kurangnya 2.50%.
- Mengisytiharkan sekurang-kurangnya 2% dividen sebenar (inflasi terlaras) untuk tiga tahun berturut-turut.

Bagi memastikan sasaran strategi pelaburan ini tercapai, pelaburan KWSP adalah berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) bagi mengoptimumkan pulangan pelaburannya dalam lingkungan had toleransi risiko yang ditetapkan.

Selain daripada SAA, KWSP turut mempunyai Alokasi Aset Taktikal (TAA) bagi membolehkan pengurus portfolio melabur dalam julat SAA yang dibenarkan bagi mengambil peluang ke atas keadaan pasaran semasa. Sementara itu, pandangan jangka masa sederhana diambilkira dalam Alokasi Aset Dinamik (DAA) kami setiap suku tahunan.

ALOKASI ASET STRATEGIK (SAA)

Alokasi Aset Strategik adalah satu rangka kerja yang mengoptimumkan pulangan pelaburan KWSP di dalam lingkungan had toleransi risiko. Ini memastikan objektif KWSP untuk memelihara dan menambah nilai caruman ahli dapat dicapai selari

BAHAGIAN PELABURAN



Alokasi Aset Strategik adalah satu rangka kerja yang mengoptimumkan pulangan pelaburan KWSP di dalam lingkungan had toleransi risiko. Ini memastikan objektif KWSP untuk memelihara dan menambah nilai caruman ahli dapat dicapai selari dengan visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

dengan visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

SAA semasa adalah efektif bagi tahun 2017-2019. Pada tahun 2016, KWSP telah mengkaji semula SAA tersebut untuk mengambil kira keadaan pasaran semasa, perubahan regulatori dan polisi perakaunan serta kekangan pelaburan. SAA semasa memperuntukkan 51% daripada aset pelaburan KWSP kepada instrumen pendapatan tetap, 36% kepada ekuiti, 10% kepada hartanah dan infrastruktur, dan selebihnya 3% kepada instrumen pasaran wang.

Setiap kelas aset pelaburan memainkan peranan dalam memastikan objektif pelaburan KWSP dapat dicapai. Pelaburan instrumen pendapatan tetap berfungsi sebagai teras portfolio pelaburan KWSP dengan memberikan pendapatan faedah yang stabil. Pelaburan dalam kelas aset ekuiti pula menambah pulangan kepada portfolio secara keseluruhan dan memberikan

pulangan yang mengatasi kadar inflasi. Portfolio hartanah dan infrastruktur pula melindungi nilai simpanan ahli daripada inflasi melalui pembayaran sewa dan peningkatan nilai aset. Alokasi kepada instrumen pasaran wang pula penting bagi operasi harian KWSP termasuklah pengeluaran simpanan oleh ahli dan perbelanjaan operasi.

SAA ini akan dikaji semula pada tahun 2019 bagi tahun efektif 2020- 2022.

SOROTAN PELABURAN

Tahun 2018 merupakan tahun sangat mencabar berikutan ketidaktentuan dan trend menurun dalam pasaran global, ditambah pula dengan ketegangan perang dagangan Amerika Syarikat dan China dan peningkatan kadar faedah Amerika Syarikat sebanyak empat kali. Faktor ini menyebabkan pengaliran keluar dana daripada pasaran membangun, seterusnya mengakibatkan kejatuhan kedua-dua pasaran bon dan ekuiti.

ASET PELABURAN

RM833.76

bilion

KADAR PULANGAN PELABURAN (ROI)

6.57%

PENDAPATAN PELABURAN KASAR

RM50.87

bilion

PENGAGIHAN DIVIDEN

RM47.31

bilion

PENDEDAHAN PELABURAN LUAR NEGARA

27.1%

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4


Sek 5

Sek 6

BAHAGIAN PELABURAN

Tidak seperti tahun 2017, pasaran ekuiti menunjukkan trend menurun dan ketidakstabilan pasaran. Walaubagaimanapun, turun naik pasaran ini memberikan peluang kepada KWSP untuk mengambil keuntungan dan melabur pada harga yang lebih menarik.

ASET PELABURAN BERBANDING PULANGAN KE ATAS PELABURAN (ROI)



Pendapatan pelaburan kasar untuk 2018 adalah RM50.87 bilion, menurun berbanding pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM53.14 bilion pada 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.62 bilion diatribusikan kepada Simpanan Syariah, mengikut bahagiannya daripada jumlah keseluruhan aset syariah, manakala RM46.25 bilion diatribusikan kepada Simpanan Konvensional. Penurunan pendapatan bagi portfolio Syariah pada tahun 2018 adalah berikutan prestasi kurang baik oleh sektor telekomunikasi, pembinaan dan minyak dan gas bagi portfolio domestik.

Jumlah pendapatan pelaburan kasar untuk 2018 sebanyak RM50.87 bilion adalah bersamaan dengan 6.57% pulangan atas pelaburan, lebih rendah berbanding 7.30% direkodkan pada tahun 2017. Pelaburan

KWSP telah menyumbang kadar pulangan tiga tahun sebanyak 7%, dan ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan memandangkan KWSP adalah sebuah dana seimbang dengan pendedahan sebanyak 50% terhadap instrumen pendapatan tetap.

Pendiversifikasian dalam aset global merentasi 40 negara dan 28 mata wang membolehkan KWSP untuk mengaut keuntungan yang tinggi daripada pelbagai pasaran dan kelas aset, seterusnya membantu meningkatkan prestasi secara menyeluruh. Pelaburan luar negara KWSP yang kini merangkumi lebih kurang 27.1% dari jumlah aset pelaburan setakat 31 Disember 2018, menyumbang lebih kurang 38% kepada pendapatan pelaburan kasar KWSP untuk tahun tersebut, seterusnya menambah nilai keseluruhan portfolio pelaburan KWSP sebanyak 93

mata asas kepada 6.57%. Portfolio luar negara KWSP secara keseluruhan telah merekodkan ROI tahunan bagi tempoh satu-, tiga- dan lima-tahun masing-masing sebanyak 9.17%, 9.91% dan 10.65%.

Pengagihan dividen bagi setiap akaun diperolehi daripada jumlah pendapatan nyata selepas ditolak rosot nilai bersih ke atas aset kewangan, keuntungan atau kerugian tidak nyata bagi transaksi dengan anak syarikat dan syarikat bersekutu, perbelanjaan pelaburan dan operasi, caj berkanun serta dividen atas pengeluaran. Jumlah pengagihan dividen bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM47.31 bilion, di mana RM42.99 bilion adalah untuk Simpanan Konvensional dengan kadar dividen sebanyak 6.15%, manakala sebanyak RM4.32 bilion bagi Simpanan Syariah dengan kadar dividen sebanyak 5.90%. Perbezaan antara

BAHAGIAN PELABURAN

dividen Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional menurun kepada 25 mata asas, lebih baik berbanding 50 mata asas pada tahun 2017.

Dengan kadar dividen sebenar bagi purata tiga tahun sebanyak 3.93% bagi Simpanan Konvensional dan 3.68% bagi Simpanan Syariah, KWSP telah berjaya mengatasi mandatnya untuk mengisytiharkan kadar dividen tahunan sekurang-kurangnya 2.5% dan sekurang-kurangnya 2% kadar dividen sebenar bagi tiga tahun berturut-turut.

Setakat 31 Disember 2018, nilai aset pelaburan KWSP adalah sebanyak RM833.76 bilion, dengan 50.28% dari aset pelaburan KWSP dilaburkan di dalam Instrumen Pendapatan Tetap, 39.14% di dalam Ekuiti, dan baki sebanyak 4.79% dan 5.80% masing-masing adalah di dalam Hartanah & Infrastruktur dan Instrumen Pasaran Wang.

Daripada jumlah aset pelaburan KWSP ini, sebanyak 39.04% atau RM325.50 bilion dilaburkan dalam portfolio Syariah manakala bakinya dilaburkan dalam portfolio Konvensional.

SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA DAN BON SAMA TARAF (SKM)

Pelaburan KWSP dalam Instrumen Pendapatan Tetap terus memberikan aliran pendapatan yang stabil pada tahun 2018. Kelas aset ini merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia & Bon Sama Taraf telah menyumbang sebanyak 18.86% daripada RM50.87 bilion pendapatan kasar yang dicatatkan pada tahun tersebut.

Pegangan KWSP dalam aset Sekuriti Kerajaan Malaysia & Bon Sama Taraf adalah sebanyak RM232.52 bilion pada 31 Disember 2018, meningkat sebanyak RM23.58 bilion atau 11.29% berbanding 2017. Kelas aset ini mewakili 27.88% daripada pelaburan KWSP, meningkat 1.48% berbanding 26.40% pada tahun 2017. Kelas aset ini mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak

RM9.60 bilion, meningkat sebanyak 14.29% berbanding RM8.40 bilion pada tahun 2017. Kelas aset ini mencatatkan ROI sebanyak 4.36%, rendah berbanding ROI tahun lepas sebanyak 4.45%.


Kenaikan kadar pulangan pasaran pada tahun 2018 menyukarkan aktiviti pengambilan keuntungan. Walau bagaimanapun, ia membolehkan KWSP mengimbang semula portfolio bagi purata pulangan pasaran portfolio yang lebih tinggi.

PINJAMAN DAN BON

Kelas aset ini yang merangkumi pelaburan domestik dan global meningkat daripada RM182.94 bilion kepada RM186.69 bilion pada tahun 2018, pertumbuhan yang marginal sebanyak 2.05% berbanding 2017. Walaupun sepanjang tahun ini terdapat beberapa pinjaman dan bon yang telah mencapai tempoh matang dan dibayar balik, namun terdapat juga langganan bon dan pembayaran pinjaman yang nilai pelaburannya adalah signifikan. Langganan bon dan pembayaran pinjaman ini dibuat melalui suntikan dana baru, pewujudan mandat baru dan pelaburan semula pendapatan sepanjang tahun 2018.

Pendapatan pelaburan kasar pada tahun 2018 bagi kelas aset ini adalah sebanyak RM8.78 bilion, menurun 2.98% atau RM270 juta berbanding RM9.05 bilion pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, ROI kelas aset ini meningkat daripada 4.80% pada tahun 2017 kepada 4.84% pada 2018. Namun begitu, portfolio Pinjaman & Bon masih memberikan ROI yang lebih tinggi berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia & Bon Sama Taraf dengan lebih sebanyak 0.48% bagi tahun 2018.

Alokasi Aset Strategik (SAA) mengikut Kelas Utama



<p>Instrumen Pendapatan Tetap</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemeliharaan Modal 	<p>Ekuiti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan Pulangan 	<p>Instrumen Pasaran Wang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlindungan Inflasi 	<p>Hartanah dan Infrastruktur</p> <ul style="list-style-type: none"> - Operasi Harian
---	---	---	---

- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4
- Sek 5**
- Sek 6

BAHAGIAN PELABURAN

EKUITI

KWSP terus melabur dalam kelas aset Ekuiti termasuklah ekuiti tersenarai dan persendirian di pasaran domestik dan global. Saiz kelas aset ini menurun daripada RM334.23 bilion pada tahun 2017 kepada RM326.32 bilion pada Disember 2018, penurunan sebanyak 2.37% atau RM7.91 bilion. Penurunan saiz kelas aset ini turut mengambilkira kenaikan harga ekuiti sedunia dan pergerakan nilai matawang asing berbanding Ringgit Malaysia.

Merangkumi sebanyak 39.14% daripada keseluruhan aset pelaburan, Ekuiti kekal sebagai penyumbang utama pendapatan sebanyak RM29.28 bilion atau 57.55% daripada jumlah pendapatan kasar pelaburan. Ini adalah penurunan daripada RM31.47 bilion yang dicatatkan oleh kelas aset ini pada 2017. Berikutan kejatuhan harga ekuiti terutamanya pada S4 2018. FBMKLCI ditutup 6% lebih rendah, manakala indeks ekuiti global ditutup lebih rendah antara 9% dan 16%. Walau bagaimanapun, kelas aset ini kekal penting dalam menambah nilai pulangan bagi portfolio keseluruhan KWSP.


Selari dengan penurunan pendapatan pelaburan, ROI bagi kelas aset ini turut merekodkan penurunan daripada 11.46% pada tahun 2017 kepada 9.74% pada tahun 2018. Bagi purata tiga dan lima tahun pula, kelas aset ini kekal merekodkan ROI dua digit masing-masing sebanyak 10.52% dan 10.75%, seterusnya menambah nilai kepada pulangan keseluruhan portfolio KWSP.

Caruman bersih yang diterima oleh KWSP setiap bulan memberikan kami peluang untuk melabur pada penilaian yang lebih menarik. Ini membolehkan KWSP terus mengambil keuntungan di masa kejatuhan pasaran.

Kelas aset ini turut memainkan peranan penting dalam perbezaan prestasi antara Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional. Ekuiti Syariah merekodkan ROI sebanyak 8.58% berbanding ekuiti Konvensional yang merekodkan ROI 10.59%. Ini adalah berikutan prestasi yang tidak memberangsangkan oleh saham Syariah dalam sektor telekomunikasi, minyak dan gas dan pembinaan.

INSTRUMEN PASARAN WANG

Walaupun kami menasaskan untuk mengurangkan pegangan dalam kelas aset ini supaya dapat mengoptimumkan pulangan pelaburan, namun pada masa yang sama KWSP perlu mengekalkan baki tunai yang sihat untuk memenuhi keperluan pengeluaran ahli, perbelanjaan pentadbiran dan penggunaan pelaburan. Kelas aset ini merangkumi deposit tetap, kertas komersil dan instrumen lain yang berjangka pendek. Pada penghujung tahun 2018, sebanyak RM48.33 bilion atau 5.80% daripada aset pelaburan KWSP dilaburkan dalam Instrumen Pasaran Wang yang mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM1.11 bilion atau



bersamaan dengan ROI sebanyak 3.72%. Baki tunai pada tahun 2018 adalah lebih tinggi berbanding 2017 sebanyak RM15.13 bilion atau 45.57%.

HARTANAH DAN INFRASTRUKTUR

Strategi KWSP bagi jangka masa panjang dan ke hadapan adalah untuk terus meningkatkan pendedahan kepada kelas aset ini. Pada tahun 2018, kelas aset ini mencatatkan pertumbuhan saiz aset sebanyak 24.03% kepada RM39.90 bilion atau RM7.73 bilion lebih tinggi berbanding RM32.17 bilion pada tahun 2017.

Sebahagian besar daripada pelaburan KWSP dalam kelas aset ini dibuat menerusi syarikat bersekutu atau subsidiarinya, yang mana sebahagian besar daripada pendapatan pelaburan kasar bagi kelas aset ini adalah pendapatan dividen. Pada tahun 2018, kelas aset ini mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM2.10 bilion, menurun sebanyak RM870 juta atau 29.29% berbanding RM2.97 bilion pada tahun 2017. Ini adalah bersamaan dengan ROI sebanyak 4.88% pada tahun 2018, lebih rendah sebanyak 3.67% berbanding 8.55% yang dicatatkan pada tahun 2017.

Kelas aset ini merekodkan ROI sebanyak 7.20% dan 8.02% masing-masing bagi purata tiga dan lima tahun, seterusnya menambah nilai pulangan keseluruhan portfolio pelaburan KWSP dengan memberikan premium berbanding pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap, yang merekodkan ROI sebanyak 4.62% dan 4.73% bagi purata tiga dan lima tahun berturut-turut.

BAHAGIAN OPERASI



MENERAPKAN ORIENTASI PELANGGAN DIJANA OLEH TEKNOLOGI DIGITAL

“ ‘Utamakan Pelanggan’ merupakan budaya teras di Bahagian Operasi KWSP. Ia adalah kunci dalam memastikan semua anggota barisan hadapan kami menghidupkan jenama KWSP dan pada masa sama, memberikan keutamaan kepada pelanggan dan keperluan mereka dalam proses perniagaan kami. Kami komited untuk membawa pendekatan ini ke tahap yang lebih tinggi dengan memanfaatkan pembolehan digital. Ekoran daripada peningkatan dalam ekspektasi perkhidmatan pelanggan, beserta jumlah transaksi harian yang terus meningkat dengan pesat, keperluan KWSP untuk melakukan perubahan dan melengkapkan diri dengan kemahiran serta keupayaan digital kini bukan lagi sebagai pilihan, malah telah menjadi suatu kewajipan perniagaan. Ini memerlukan perubahan dasar kepada strategi dan rangka operasi. Untuk bahagian ini, mengintegrasikan digitalisasi ke dalam proses kami membolehkan pengurusan transaksi dilaksanakan dengan lebih pantas dan efisien selain membolehkan kami menjana maklumat dan memahami serta memberi perkhidmatan terbaik kepada ahli kami.”

*Dato' Mohd Naim Daruwish
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif*

DIGITALISASI MENGERAKKAN INISIATIF KWSP

Setakat Disember 2018, jumlah terkumpul ahli KWSP adalah pada 14.19 juta, dan majoriti adalah daripada generasi digital di mana ekspektasi mereka menggerakkan polisi dan inisiatif KWSP. Berpandukan ini, kami memfokuskan usaha dalam memastikan produk dan perkhidmatan KWSP memenuhi keperluan semasa yang sentiasa berubah.

Beberapa penambahbaikan ketara telah diperkenalkan ke atas kemampuan dan keupayaan operasi semasa KWSP bagi membolehkan perkhidmatan dalam talian hujung-ke-hujung dapat dilaksanakan. Dengan meletakkan maklumat dan kemudahan dalam tangan ahli membolehkan mereka untuk membuat keputusan berinformasi menggunakan platform ini, disamping menyediakan kami dengan maklumat secara real-time agar penambahbaikan perkhidmatan dapat dijalankan secara berterusan.

FUNGSI UTAMA

Bahagian Operasi bertanggungjawab dalam pengurusan akaun ahli dan majikan, termasuk pendaftaran, kutipan caruman, pengeluaran, penamaan, penguatkuasaan terhadap majikan gagal mencarum serta mengawal selia operasi rangkaian perkhidmatan yang meliputi 68 cawangan di seluruh negara.

Pembangunan digital tidak boleh dibuat secara terencil, dan kami sedar bahawa penglibatan yang bermakna juga penting dalam menghasilkan pengalaman berharga kepada pelanggan KWSP. Oleh itu, pelbagai saluran perkhidmatan, termasuk Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC), kaunter, kiosk, kemudahan e-mel, laman web (www.kwsp.gov.my) dan saluran elektronik lain, kekal sebagai komponen perkhidmatan penting dalam memberikan pelanggan akses kepada perkhidmatan KWSP yang pelbagai.

Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan pejabat dan harta KWSP, selain menjadi pemacu utama agenda transformasi operasi.

AGENDA TRANSFORMASI OPERASI

Terdapat kemajuan dalam agenda Transformasi Operasi 2.0 kami di mana kami berharap dapat merealisasikan Rangka Evolusi Digital yang akan menjadi asas kepada KWSP dalam mencapai tahap perniagaan baharu dengan memberikan fokus kepada perkhidmatan pelanggan yang cemerlang.

KWSP telah memanfaatkan teknologi dan mencari penyelesaian yang sesuai di mana capaian data dan maklumat secara real-time dapat dibuat dengan berkesan dan cekap. Aplikasi i-Akaun yang menjadi gerbang utama kepada perkhidmatan dalam talian KWSP yang lain seperti e-Pengeluaran dan e-Caruman, berfungsi sebagai platform untuk menggerakkan agenda transformasi operasi kami. Melalui i-Akaun, kami dapat mengumpul data penting yang boleh membawa kami kepada maklumat pilihan ahli.

JANJI KAMI

Untuk memastikan kualiti perkhidmatan berada pada tahap tertinggi dan memenuhi jangkaan pelanggan, KWSP berpegang teguh kepada piagam ‘Janji Kami’ yang menggariskan komitmen terhadap untuk 11 teras fungsi operasi perkhidmatan pelanggan.

i-AKAUN

i-Akaun menyediakan fungsi layan diri kepada ahli dan majikan untuk memantau caruman, semakan baki simpanan, membuat bayaran, memantau status transaksi dan mengemaskini maklumat peribadi. Pada 2018, fungsi baharu telah diaktifkan antaranya pendaftaran Syariah Simpanan secara dalam talian tanpa perlu ke kaunter KWSP.

Setakat Disember 2018, seramai 6,059,132 ahli telah berdaftar untuk i-Akaun dan ini mewakili 42.70% daripada jumlah keseluruhan ahli KWSP. Manakala 99.08%, atau 502,414, majikan telah berdaftar dengan KWSP melalui i-Akaun.

BAHAGIAN OPERASI

i-AKAUN [AHLI] Akses kepada i-Akaun KWSP anda kini lebih mudah dan pantas dengan pengesahan biometrik

Muat turun atau kemaskini aplikasi i-Akaun terkini untuk:

- Mengakses ringkasan akaun
- Menyemak caruman terakhir dan penamaan
- Mendapatkan maklumat terkini dan lokasi pejabat KWSP
- Menyemak kelayakan pengeluaran dan pelaburan

Boleh digunakan pada Face ID & Touch ID (iOS) dan Fingerprint (Android)

ESOK YANG INDAH MULANYA DI SINI

Kemaskini versi terkini (2.1) atau muat turun daripada:
Google play, App Store

Sampel iklan dalam talian aplikasi i-Akaun (Ahli).

e-PENGELUARAN

Perkhidmatan e-Pengeluaran telah melalui beberapa fasa penambahbaikan untuk mengukuhkan lagi platform ini dan memberikan penyelesaian hujung-ke-hujung kepada transaksi dan proses kami. Pada 2018, sebanyak 90,837 transaksi pengeluaran perumahan dan 182,346 transaksi pengeluaran pendidikan melalui e-Pengeluaran direkodkan. Kemudahan dalam talian ini akan diperluaskan lagi kepada pengeluaran mengikut umur dan pengeluaran kesihatan dalam masa terdekat.

e-CARUMAN

Perkhidmatan e-Caruman membolehkan majikan membayar dan mengemukakan maklumat caruman pekerja (Borang A) secara dalam talian. Pada 2018, sebanyak 99.98% majikan menghantar e-Borang (Borang A) dan 92.54% membuat bayaran menggunakan kemudahan e-bayaran. Sebanyak 2,857,941 transaksi melalui Financial Payment Exchange (FPX) telah dibuat. FPX membolehkan majikan menggunakan kemudahan perbankan mereka sendiri untuk membuat bayaran caruman.

APLIKASI MUDAH ALIH KWSP

Aplikasi mudah alih KWSP – i-Akaun (untuk ahli) dan e-Caruman (untuk majikan) – membolehkan KWSP berurusan dengan ahli dan majikan dengan lebih cekap dan berkesan. Aplikasi mudah alih ini yang datangkan dalam versi Android dan iOS, membolehkan pelanggan membuat

pertanyaan, pengesahan dan transaksi yang berkaitan.

Penambahbaikan berterusan ke atas aplikasi mudah alih i-Akaun ahli ini termasuk memperkenalkan ciri-ciri interface penyata akaun KWSP baharu, push notification, secured inbox dan soalan lazim mengenai Simpanan Syariah. Pada 2018, sebanyak 1,029,419 muat turun aplikasi i-Akaun dengan 13.85 juta akses telah direkodkan.

Aplikasi mudah alih e-Caruman memudahkan majikan yang mempunyai kurang daripada 10 orang pekerja untuk menghantar Borang A dan membuat bayaran caruman secara dalam talian. Majikan mendapat manfaat daripada fungsi yang membolehkan mereka mengakses paparan sejarah Borang A dan arkib maklumat caruman. Pada 2018, sebanyak 108,098 muat turun aplikasi mudah alih e-Caruman direkodkan.

PENDAFTARAN AHLI DAN MAJIKAN

Sebanyak 532,360 ahli baharu didaftarkan pada 2018, menjadikan jumlah keseluruhan ahli KWSP seramai 14.19 juta, di mana 7.36 juta adalah ahli aktif. Manakala seramai 65,632 majikan baharu didaftarkan, naik sebanyak 7.51% daripada 61,050 majikan pada 2017, menjadikan jumlah terkumpul majikan berdaftar kini menjadi 507,080.

KUTIPAN CARUMAN

Pada 2018, jumlah kutipan caruman yang diterima berjumlah RM71.47 bilion; peningkatan sebanyak 9.08% dari 2017. Peningkatan ini berpunca daripada

pertambahan bilangan ahli, majikan dan jumlah upah. Selain itu, kesedaran di kalangan majikan mengenai kepentingan mencarum untuk kesejahteraan persaraan pekerja serta penguatkuasaan berterusan ke atas majikan gagal mencarum juga menyumbang kepada pertumbuhan ini. Bagi memudahkan majikan membuat caruman, KWSP menyediakan pelbagai pilihan saluran pembayaran iaitu melalui kaunter KWSP, ejen bank, kiosk bayaran dan saluran elektronik termasuk aplikasi mudah alih.

PENGELUARAN

Proses permohonan pengeluaran simpanan ahli merupakan salah satu aktiviti utama Bahagian Operasi di mana 2.48 juta permohonan pelbagai skim pengeluaran berjumlah RM48.10 bilion telah diluluskan. Terdapat peningkatan sebanyak 6.90% bilangan permohonan diluluskan dan penurunan sebanyak 2.60% jumlah pengeluaran, berbanding 2017.

PENGUATKUASAAN

Untuk menjamin kepentingan ahli, KWSP telah melaksanakan aktiviti pemantauan dan pengawalseliaan berterusan terhadap bayaran caruman bulanan oleh majikan. Tindakan penguatkuasaan yang tegas tetapi berhemah diambil ke atas majikan yang ingkar. Namun kadar majikan gagal mencarum meningkat sedikit kepada 1.03% berbanding 0.98% pada 2017. Jumlah caruman yang berjaya dikutip oleh aktiviti penguatkuasaan adalah sebanyak RM3.88 bilion berbanding RM3.04 bilion pada 2017. Manakala caj lewat bayar sebanyak RM28.68 juta dan dividen sebanyak RM22.22 juta berjaya dikutip daripada majikan yang gagal mencarum dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Seramai 11,415 pemilik perniagaan dan pemilik syarikat telah diambil tindakan larangan keluar negara di bawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991 kerana gagal menjelaskan caruman tertunggak. Pada 2018, seramai 1,788 individu dikenakan tindakan larangan keluar negara dan 3,758 kes guaman sivil baharu dan 1,989 saman sivil telah didaftarkan di mahkamah terhadap majikan gagal mencarum.

PENAMAAN

KWSP terus memberi penekanan terhadap kepentingan membuat penamaan bagi memudahkan waris ahli menguruskan pengeluaran simpanan apabila berlaku kematian ahli. Kempen ini berjaya meningkatkan kesedaran dan sebanyak 482,437 penamaan baharu telah didaftarkan. Ini menjadikan jumlah terkumpul ahli yang telah membuat penamaan meningkat kepada 4.43 juta ahli setakat ini.

Pada Disember 2017, KWSP memperkenalkan pilihan kepada ahli untuk melantik Amanah Raya Berhad sebagai pentadbir/pemegang amanah kepada simpanan KWSP. Pilihan ini merupakan tambahan kepada peruntukan sedia ada yang membolehkan penamaan mana-mana individu perseorangan.

**PENDAFTARAN
 AHLI DAN MAJIKAN**

532,360
 Ahli Baharu

65,632
 Majikan Baharu

KUTIPAN CARUMAN

RM71.47 Bilion
 Jumlah Caruman Yang Diterima

PENGELUARAN

RM48.10 Bilion
 Diluluskan

PENAMAAN

482,437
 Penamaan Baharu

PENGUATKUASAAN

RM3.88 Bilion
 Kutipan Caruman Tertunggak



Perasmian KWSP Kuala Selangor pada 6 Julai 2018.

INTERAKSI PELANGGAN

Sebanyak 89.02 juta transaksi pelanggan melalui kaunter KWSP, myEPF, kiosk, i-Akaun dan Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC) telah direkodkan. CMC juga merekodkan 1.54 juta interaksi pelanggan, peningkatan sebanyak 12.62% daripada 1.37 juta pada 2017. Saluran layan diri lain seperti laman web KWSP, kiosk dan i-Akaun merekodkan peningkatan sebanyak 39.24% kepada 84.50 juta interaksi.

TAHAP KEPUASAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

Kaji selidik pelanggan merupakan salah satu inisiatif operasi KWSP untuk memahami ekspektasi, persepsi pelanggan dan tahap kepuasan perkhidmatan pelanggan. Berdasarkan kajian yang dilakukan pada 2018 oleh CMC bersama perunding bebas, sebanyak 93.91% tahap kepuasan pelanggan telah direkodkan.

KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN (RAS)

Pada akhir 2018, Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) kini terdapat di 28 cawangan KWSP seluruh negara. RAS telah diperkenalkan pada Julai 2014 dengan menempatkan seramai 51 pegawai yang terlatih dan berkelayakan dalam perancangan kewangan dan persaraan. Seramai 67,639 ahli telah mendapatkan nasihat kewangan daripada pegawai RAS.

KWSP akan terus menerokai dan mengukuhkan aktiviti RAS bagi mendekati lebih ramai pelanggan. RAS adalah sebahagian daripada inisiatif jangka panjang KWSP untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan di kalangan ahli dalam menguruskan kewangan peribadi dan simpanan di samping menjamin persaraan yang selesa.

RAS juga bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pelanggan demi memastikan kesejahteraan masa depan mereka. Ini penting kerana majoriti ahli KWSP tidak menepati simpanan asas berdasarkan peringkat umur dan purata jangka hayat.

Pegawai RAS juga akan mengikuti Mobile Team KWSP dalam memberikan khidmat nasihat persaraan kepada pelanggan sebagai sebahagian daripada program outreach RAS. Inisiatif ini telah mendapat maklum balas positif dari pelanggan yang telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan tersebut. Pada 2018, pegawai RAS telah menjalankan 1,586 program outreach di seluruh negara dan menarik sejumlah 137,673 pelanggan.

Sek 1
 Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
Sek 5
 Sek 6

BAHAGIAN STRATEGI



“Berikutan perubahan semasa yang mendadak, KWSP telah memulakan program Transformasi Digital yang menyaksikan beberapa keputusan utama dibuat merangkumi kaedah 3S (Strategi, Skim, Tawaran Servis/Perkhidmatan) untuk menyelaraskan produk dan perkhidmatan kami dengan kehendak ahli. Memandangkan setiap ahli mempunyai pilihan dan keutamaan pelaburan tersendiri, kami telah beralih daripada menyediakan bentuk pelaburan ‘satu saiz untuk semua’ kepada pilihan pelaburan mengikut kesesuaian untuk ahli kami.”

**Tunku Alizakri
Raja Muhammad Alias**
Ketua Pegawai Eksekutif

MERAPATKAN JURANG KESELAMATAN SOSIAL

Salah satu matlamat jangka panjang KWSP adalah menangani keperluan golongan rentan ekonomi dan yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Tahun 2018 menyaksikan pelbagai pencapaian oleh KWSP dalam memberikan golongan ini keselesaan tentang jaminan kewangan semasa melalui tahun-tahun keemasan mereka.

Bermula dengan pelancaran i-Suri, satu-satunya skim simpanan untuk suri rumah, yang merupakan hasil kerjasama strategik KWSP dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Fasa pertama i-Suri yang dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dibuka kepada suri rumah dan ibu tunggal yang tersenarai dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih). Hanya dengan caruman bulanan serendah RM5, mereka layak menerima insentif Kerajaan sebanyak RM40 sebulan yang dimasukkan ke dalam akaun KWSP mereka dan menikmati faedah yang sama seperti ahli KWSP lain, seperti agihan dividen.

Pada bulan Ogos juga, KWSP telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Grab Malaysia bagi menggalakkan komuniti pemandu *e-hailing* menyimpan untuk persaraan mereka melalui i-Saraan. Ini merupakan sebahagian daripada kempen agresif KWSP untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia dari *gig sector* dan informal untuk menabung demi kesejahteraan masa depan kewangan mereka.

Dengan menyumbang kepada skim tersebut, pemandu Grab boleh menikmati faedah sebagai ahli KWSP seperti agihan dividen tahunan ke atas simpanan persaraan mereka, pelepasan cukai, bantuan kematian dan akses kepada

Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) tanpa sebarang kos. Di samping dividen dan faedah tahunan, kerajaan akan menambah sehingga 15% daripada caruman tahunan atau maksimum RM250 setahun sehingga tahun 2022 untuk ahli di bawah umur 55 tahun.

STRATEGI UNTUK MASA DEPAN

Dalam usaha untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik, kami berusaha memastikan anggota KWSP sentiasa maklum dengan Pelan 5 Tahun Bergerak (5YRP) 2018-2023 dengan mengadakan siri komunikasi secara aktif melalui pelbagai saluran sepanjang tahun 2018. 5YRP 2018-2023 terus menjadi panduan kami dalam merangka dan melaksanakan strategi serta inisiatif bagi tempoh 2018-2023 untuk memenuhi jangkaan cabaran masa depan.

Pilihanraya Umum Ke-14 yang menyaksikan pembentukan sebuah kerajaan baharu, telah memperkukuhkan kembali jalinan kerjasama KWSP dengan kementerian yang berkaitan dalam membangunkan semula Rangka Tindakan Kesejahteraan Sosial Nasional. KWSP bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditugaskan untuk membangunkan rangka tindakan bagi menangani jurang dalam rangka kerja keselamatan sosial negara. Bengkel pertama yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, sektor swasta dan juga badan bukan kerajaan (NGO) telah berjaya dilaksanakan. Tumpuan utama adalah untuk menggalakkan kerjasama antara semua pihak dalam menyokong agenda keselamatan sosial di samping mendapatkan cadangan-cadangan yang boleh dimasukkan dalam pelan tindakan tersebut.

ISSC 2018

Tahun 2018 merupakan tahun kelapan acara tahunan Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSC) yang dianjurkan oleh KWSP, yang berfungsi sebagai platform perkongsian ilmu mengenai isu-isu keselamatan sosial dan persaraan. Penglibatan Citi Malaysia dan Nomura Asset Management Malaysia serta Nomura Securities Malaysia sebagai rakan penaja telah memberikan peluang terbaik kepada KWSP untuk memanfaatkan kepakaran global dalam memacu pertumbuhan dan kemakmuran global selain memperbaiki kehidupan melalui pelaburan dan pengurusan kewangan, selaras dengan mandat KWSP untuk memberikan pulangan mampan kepada lebih 14 juta ahlinya.

Acara ISSC 2018 adalah lebih istimewa apabila Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmikan majlis serta menggunakan platform ini untuk melancarkan Caruman Sukarela Insentif Suri, atau i-Suri, yang menyediakan peluang kepada golongan suri rumah tidak bekerja untuk mendapatkan akses kepada keselamatan sosial yang berkualiti serta faedah persaraan yang dinikmati oleh ahli KWSP.

Bertemakan A Better Tomorrow, persidangan ini telah menarik peserta dari seluruh dunia, terutamanya daripada ahli-ahli Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA). Berlatarbelakangkan Revolusi Industri 4.0, perbincangan persidangan adalah tertumpu kepada usaha untuk mewujudkan masa depan yang mampan dan lebih baik dengan mengenal pasti serta menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini.

PEMBANGUNAN BERTERUSAN MELALUI ANGGOTA KAMI

Tahun 2018 juga menyaksikan KWSP melangkah maju dalam mengukuhkan komitmennya untuk membina dan mengekalkan budaya kerja berprestasi tinggi. Dengan lebih 5,000 anggota daripada empat pejabat dan 68 cawangan, kami terus memberikan tumpuan dalam menarik, membangun dan mengekalkan anggota yang tepat, serta mewujudkan ruang kerja yang kondusif serta menarik demi kemajuan anggota-anggota kami.

Kami juga terdorong untuk memastikan keperluan anggota yang pelbagai dapat dipenuhi, merangkumi pemberian ganjaran dan imbuhan yang kompetitif, menyediakan budaya kerja yang kolaboratif dan lebih fleksibel serta mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan anggota. Pada tahun 2018, Skor Keterlibatan Pekerja KWSP adalah 92%, melebihi tanda aras piawai bagi organisasi global berprestasi tinggi pada 88%.

Mengekalkan Budaya Prestasi Tinggi

Pada tahun 2018, kami telah menaikkan jawatan seramai 393 anggota bukan eksekutif kepada jawatan eksekutif bagi memenuhi kemahiran yang diperlukan dalam agenda transformasi kami. Pelan Peralihan Kerjaya 2.0 diperkenalkan pada 2018 untuk menggalakkan anggota KWSP yang terkesan oleh perubahan organisasi, untuk meneruskan matlamat peribadi mereka. Kami mendedahkan mereka kepada pembangunan keusahawanan, program-program pengurusan kerjaya dan perancangan kewangan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan mereka untuk berjaya sejajar dengan misi bagi membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

Bakat Kukuh dan Perbangunan Kepimpinan

Kami komited dalam membangunkan anggota sedia ada dan menyediakan pelan penggantian untuk jawatan kritikal bagi memastikan operasi yang mampan dan berkembang. Kami sentiasa memantau secara konsisten kesediaan pengganti dan prestasi mereka serta membina kompetensi mereka melalui intervensi pembangunan penggantian yang terancang. Pada tahun 2018, kadar realisasi penggantian kami adalah pada 83%.

Accelerated Development Programme (ADP)


Program pembangunan bakat selama dua tahun ini bertujuan untuk membangunkan anggota utama KWSP dengan keupayaan kepimpinan yang tepat sebagai persediaan ke arah memikul peranan yang lebih besar serta mengekalkan bakat terbaik sedia ada.

Pada tahun 2018, hampir 100 anggota menyertai program ini dengan 74% daripada mereka merupakan Gen-Y, manakala 60% daripada keseluruhan peserta ADP adalah wanita.

BAHAGIAN STRATEGI

Menyediakan Ruang Kerja Masa Depan

KWSP sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik dalam menyediakan ruang kerja untuk masa depan. Dengan memahami keupayaan analisis digital dan data mampu mengubah fungsi Jabatan Sumber Manusia dalam merealisasikan transformasi organisasi secara mampan.



Pada tahun 2018, kami memberikan tumpuan kepada pendidikan kesihatan melalui latihan fizikal secara berkala dan mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan anggota. Antara program yang dilaksanakan termasuk perbincangan bulanan, klinik larian dan kempen kesedaran mengenai pemakanan dan gaya hidup sihat. Antara yang mendapat sambutan pada tahun 2018 adalah KWSP *Fun & Wellness Run* yang menyaksikan lebih 1,200 penyertaan daripada anggota KWSP dan ahli keluarga mereka.

Meningkatkan Motivasi Anggota

Inisiatif MyFlex telah memasuki tahun kedua pada 2018 dengan pengenalan beberapa lagi produk baru. Berteraskan kepercayaan pihak Pengurusan kepada prinsip "Pekerja Bermotivasi adalah Pekerja Produktif", inisiatif ini telah menarik hampir 80% daripada anggota untuk menyertai MyFlex. Dengan menghidupkan nilai-nilai murni setiap hari, kami terus menambahbaik inisiatif ini agar ianya dapat memenuhi keperluan psikografi dan keperluan harian anggota kami.

Selain itu, strategi penglibatan oleh setiap jabatan juga telah menyumbang secara positif kepada pencapaian hari ini. Kami yakin inisiatif ini akan meningkatkan prestasi anggota serta mewujudkan budaya yang memberi kesan di kalangan anggota KWSP yang terkenal sebagai sebuah organisasi yang terbaik untuk kerjaya.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI

Tahun 2018 merupakan tahun penting buat *EPF Learning Campus* (ELC). Ia ditubuhkan sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pembelajaran Asia Pasifik dengan menumpukan kepada keselamatan sosial, dan sejajar dengan itu, ia berfungsi untuk membangunkan program pembelajaran dan pembangunan untuk anggota KWSP bagi menjana tenaga kerja yang berkebolehan dan profesional.

Kerjasama strategik dengan organisasi keselamatan sosial antarabangsa seperti *United Nations System Staff College* (UNSSC) dan *International Training Centre of the International Labour Organisation* (ITC ILO) telah melahirkan program-program pertukaran kemahiran dan pengetahuan yang membolehkan ELC untuk merangka kandungan yang bersesuaian dengan keselamatan sosial untuk anggota KWSP dan juga agensi luaran.

ELC memainkan peranan penting dalam meningkatkan tenaga kerja KWSP untuk menjadi lebih tangkas dan berkeyakinan. Dengan persekitaran yang kian berubah, ELC juga bertanggungjawab dalam mempertingkatkan komitmen anggota untuk mencapai kecemerlangan dan pembangunan fizikal yang berakar-umbikan visi, misi dan nilai korporat KWSP.

Program *mentoring and coaching* telah berjaya dilaksanakan oleh 67 mentee dan 60 mentor dari *Accelerated Leadership Programme* sesi 1.0/2.0. Program ini dijalankan sepanjang 2018, sekaligus membantu meningkatkan kepimpinan strategik melalui perkongsian pengetahuan dan kemahiran, pembangunan peribadi serta memuat turun kemahiran pengurusan tertinggi kepada anggota bawahannya sebagai sebahagian daripada program penggantian KWSP.

Program Khusus mengenai Analisis Data

Selaras dengan agenda transformasi digital KWSP dan inisiatifnya untuk mengautomasi proses semasa, ELC menawarkan program pembelajaran yang berkaitan bagi membangunkan skil anggota ke arah transformasi digital yang menjadi aspirasi KWSP.

Kajian penanda aras telah dijalankan untuk mengenal pasti dan mengukur tahap kesediaan anggota KWSP dari segi kemahiran analisis data dan celik digital. Susulan itu, satu program khas telah dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan anggota dengan kemahiran dan perkakasan yang diperlukan bagi membantu KWSP mencapai matlamatnya.

Pada tahun 2018, satu kaji selidik telah dijalankan untuk mengenal pasti kebolehan dan keupayaan analitikal dalam kalangan anggota KWSP. Seramai 118 anggota daripada pelbagai gred telah mengambil bahagian dalam kaji selidik ini dan hasilnya menunjukkan 80% layak menyertai Program Pensijilan Analisa Data Profesional. Kumpulan pertama yang terdiri daripada 30 peserta, telah mendaftar untuk peringkat asas program pada bulan Julai 2018.

Program Pensijilan Analisis Data Profesional ini, yang mempunyai tiga peringkat kelulusan, adalah antara Rangka Kerja Pembelajaran Analisis Data KWSP 2019 (yang diluluskan pada 2018) yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah anggota KWSP dengan kemahiran menganalisis data yang boleh membantu Pengurusan KWSP dalam mencari penyelesaian berasaskan data.

KERJASAMA STRATEGIK

1. International Training Centre of the International Labour Organisation (ITC ILO) Kursus Eksekutif berkenaan Polisi Pencen

KWSP bekerjasama dengan ITC-ILO untuk menjalankan Kursus Eksekutif Polisi Pencen daripada Turin, Itali di ELC. Para penyelidik dan pakar terkemuka dari ILO dan HelpAge telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan kepakaran mereka dalam berbagai negara untuk meningkatkan sistem keselamatan social di rantau Asia Pasifik. Kursus ini dihadiri oleh wakil daripada 14 negara di seluruh Asia.

2. United Nations System Staff College (UNSSC) - Consensus Building Institute (CBI) Bengkel Pembinaan Persefahaman untuk Pembangunan Keselamatan Sosial yang Mampan

Bengkel ini membina kapasiti para peserta untuk menangani isu-isu pembangunan mampan; perundingan perjanjian; dan memudahcara inisiatif perkongsian pembangunan pelbagai pihak berkepentingan. Program bengkel ini dirangka agar bersesuaian dengan konteks perlindungan sosial yang menggalakkan kerjasama pelbagai pihak.

3. Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC)

Kerjasama dijalankan untuk membangun dan mentauliahkan anggota KWSP yang mendaftar untuk Program Shariah Registered Financial Planning (SRFP). Sehingga Disember 2018, seramai 199 anggota KWSP telah ditauliahkan dengan SRFP. KWSP menasaskan seramai 1,800 anggota barisan hadapannya ditauliahkan dengan SRFP menjelang 2020.

4. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Jabatan Tenaga Kerja; Lembaga Hasil Dalam Negeri

ELC menawarkan program latihan kepada para majikan di Malaysia mengenai hak pekerja mereka. Pada tahun 2018, ELC menganjurkan 24 kursus Tanggungjawab Majikan di bawah Akta KWSP dan 32 bengkel mengenai Tanggungjawab Majikan terhadap Pekerja. Kursus ini diadakan untuk memastikan majikan memahami peruntukan utama yang termaktub dalam Akta KWSP dalam melaksanakan tanggungjawab moral dan undang-undang terhadap hak pekerja mereka. Majikan juga diberi taklimat mengenai kewajiban lain di bawah PERKESO dan LHDN dan undang-undang Buruh.

BAHAGIAN STRATEGI

Program Celik Digital

Program ini melengkapkan anggota dengan kompetensi yang diperlukan dalam teknologi digital untuk mengakses pembelajaran, maklumat dan komunikasi yang akan meningkatkan produktiviti organisasi.

Kompas ICDL digunakan untuk menilai dan mengenal pasti jurang kemahiran digital di kalangan anggota KWSP. Melalui penilaian ini, KWSP mampu merangka program yang khusus dan relevan bagi meningkatkan tahap celik digital anggotanya, sekaligus menyediakan tenaga kerja untuk masa hadapan. Pada tahun 2018, inisiatif pendekatan pembelajaran, termasuk pembelajaran berasaskan pengalaman, telah dilaksanakan untuk meningkatkan celik digital di kalangan anggota. Sebanyak lapan tahap kemahiran diperkenalkan untuk tempoh pelaksanaan selama tiga tahun akan datang.

MINGGU EPF KNOWLEDGE 2018

Dari 29 Oktober hingga 4 November 2018, ELC telah menganjurkan Minggu *EPF Knowledge 2018* melibatkan tiga program utama iaitu program *Behavioural Insight for Policy Development Programme*; *Knowledge Fair 2018*; dan Kejohanan Perancangan Kewangan Nasional MFPC ke-4 telah diadakan.

- **Program Behavioural Insight for Policy Development (13-14 September)**

Program ini telah dilaksanakan bersama Civil Service College Singapore (CSC), United Nations System Staff College (UNSSC) dan International Training Centre of the International Labour Organisation (ITC ILO) merangkumi topik berkaitan keselamatan sosial. Program ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood, Pengerusi Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia atau lebih dikenali sebagai Mercy Malaysia.

- **EPF Knowledge Fair 2018 (31 Oktober - 1 November)**

Program ini melibatkan lebih 600 peserta yang terdiri daripada anggota KWSP, jemputan luar dan 16 penceramah dari pelbagai latar belakang. Sebanyak 30 gerai pameran telah mengambil bahagian dalam program ini yang bertemakan *Better Tomorrow*.

- **Kejohanan Perancangan Kewangan Nasional MFPC ke-4**

KWSP melalui ELC, telah bekerjasama dengan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) untuk

mempromosikan celik kewangan dalam kalangan generasi muda. Seramai 200 pelajar daripada 20 universiti tempatan telah menyertai pertandingan ini. Aktiviti yang dianjurkan sepanjang hari termasuk ceramah, permainan perdagangan, acara *financial freedom fun run*, kuiz dan persembahan pelajar.

CELIK KEWANGAN

Sebagai sebahagian daripada program celik kewangan KWSP, tiga pameran bergerak Celik Kewangan telah diadakan pada tahun 2018 di Kuantan, Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Hampir 1,200 peserta menghadiri pameran ini yang turut disertai oleh rakan penasihat kewangan strategik, Agensi Pengurusan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).


KWSP turut menyertai dua Karnival Jom Heboh anjuran Media Prima di Batu Kawan, Pulau Pinang dan Johor Bahru, Johor. Maklum balas orang ramai terhadap penyertaan KWSP adalah memberangsangkan. Sejumlah 300 pendaftaran i-Saraan telah direkodkan dan lebih daripada 5,000 orang telah mendapatkan nasihat daripada pasukan Khidmat Nasihat Persaraan KWSP di kedua-dua lokasi.

MEMBANTERAS BERITA PALSU DAN TUDUHAN

Sebagai sebuah institusi awam yang berprofil tinggi, KWSP sering menjadi sasaran pihak yang menjalankan penipuan dan penyebaran khabar angin sertayang gemar membangkitkan teori konspirasi. Pada tahun 2018 sahaja, KWSP telah menjadi mangsa serangan dan tuduhan tanpa asas yang bertubi-tubi; manakala ahlinya pula menjadi mangsa penipuan dalam talian. Keadaan ini semakin meningkat semasa negara bersiap sedia untuk menghadapi Pilihanraya Umum Ke-14, yang mana reputasi KWSP sering dijadikan bahan utama agenda parti-parti politik untuk mempengaruhi minda pengikut-pengikut mereka, seterusnya menjatuhkan reputasi KWSP yang menjadi tunjang kepercayaan pihak berkepentingan.

Pada tahun 2018, satu mesej tular telah mendakwa bahawa ahli yang bekerja antara 1990 dan 2018 berhak mendapat insentif sebanyak RM6,000 daripada KWSP. Mesej ini dipautkan ke laman web palsu KWSP yang meminta ahli yang tidak menyedarinya untuk menjawab sebuah kaji selidik bagi menyemak kelayakan mereka untuk insentif tersebut. Sebilangan ahli telah memberi respon kepada kaji selidik tersebut, tanpa menyedari bahawa mereka telah mendedahkan maklumat peribadi. Jelas bahawa kaji selidik tersebut adalah percubaan untuk memancing data peribadi ahli untuk tujuan penipuan.

BAHAGIAN STRATEGI



Sampel mesej aplikasi WhatsApp mengenai penggunaan logo KWSP yang tidak sah dikeluarkan pada 8 Jun 2018.

Penyebaran berita palsu juga telah mengakibatkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai semasa bangunan KWSP di Jalan Gasing, Petaling Jaya, mengalami kebakaran pada bulan Februari 2018. Penyebaran tuduhan palsu telah membangkitkan suasana panik dalam kalangan ahli yang bimbang akan simpanan dan maklumat peribadi mereka terjejas dalam kejadian tersebut.

Oleh kerana KWSP dilihat sebagai proksi kepada negara, persepsi negatif terhadap KWSP turut memberi kesan terhadap reputasi Malaysia secara keseluruhan. Begitu juga sebaliknya, apabila berita palsu mengenai Malaysia turut memberi kesan terhadap reputasi KWSP di pasaran global, seterusnya menaikkan kos aktiviti pelaburan KWSP akibat peningkatan kos menjalankan usaha wajar.

Hubungan rapat dengan media dan interaksi secara langsung dengan ahli KWSP melalui laman *Facebook* dan *Twitter* yang diuruskan bersama Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP membantu dalam mengurangkan keresahan ahli apabila terdapat berita negatif mengenai KWSP. Penggunaan perkhidmatan pemantauan media sosial dan berita harian juga penting dalam mengukur sentimen umum.

KOMUNIKASI KRISIS

Tanggungjawab dalam melindungi dan meningkatkan simpanan ahli adalah tanggungjawab yang dipikul oleh pasukan dalam KWSP, berpandukan visi untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, era digital telah menjadikan ianya sesuatu yang mencabar. Kepantasan berita tular, sama ada benar atau sebaliknya, melalui media sosial dan aplikasi WhatsApp, menunjukkan betapa pentingnya pasukan yang menguruskan krisis di KWSP sentiasa berada dalam keadaan aktif untuk bertindak balas dengan pantas dalam menangani sebarang kemungkinan, seterusnya membina keyakinan dalam kalangan mereka yang terjejas, sama ada secara dalaman atau luaran.

Apabila kebakaran berlaku di bangunan KWSP di Jalan Gasing, Petaling Jaya, pada pagi 13 Februari 2018, laporan berita tersiar dengan sangat pantas di platform media sosial. Antara 13 hingga 16 Februari, sejumlah 69,368 paparan atau sebutan telah direkodkan. Walaupun majoritinya adalah bersentimen neutral, terdapat juga sentimen negatif yang mengaitkannya dengan Pilihanraya Umum ke-14 yang bakal diadakan pada bulan Mei tahun tersebut. Peratusan komen positif sebahagian besarnya disumbang oleh penjelasan rasmi daripada KWSP. Kenyataan rasmi tersebut, yang dikeluarkan pada hari kejadian, memberi jaminan tentang integriti simpanan dan data ahli bagi menangkis berita palsu yang mendakwa bahawa sistem KWSP akan terjejas dalam tempoh enam bulan.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

Kecapi Kehidupan Kini

BELANJAWANKU untuk



PASANGAN WARGA EMAS

MAKANAN RM850	TEMPAT TINGGAL RM700	KESIHATAN RM130
PENGANGKUTAN RM500	UTILITI RM290	PENJAGAAN DIRI RM90
PERBELANJAAN KHUSUS RM230	PENGLIBATAN SOSIAL RM170	PERBELANJAAN PILIHAN RM130
RM3,090 ANGGARAN PERBELANJAAN/BULAN		



Seksyen 6

KEWANGAN

Penyata Kewangan - Halaman 125 hingga 338

116	Ringkasan Kewangan dan Analisis	125	Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Selaku Pemegang Amanah	127	Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018
119	Laporan Ketua Audit Negara	126	Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	128	Penyata-Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018



- Sek 1
- Sek 2
- Sek 3
- Sek 4
- Sek 5
- Sek 6

129	Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
130	Penyata Perubahan Dalam Dana Ahli Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

134	Penyata-Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
137	Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

339	Hartanah KWSP di Malaysia
340	Glosari

RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

KEPUTUSAN KEWANGAN

Pendapatan Pelaburan Kasar

KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM32.66 bilion, RM20.48 bilion atau 39% lebih rendah berbanding RM53.14 bilion yang dicatatkan pada 2017. Daripada jumlah ini, Keuntungan Modal Atas Penjualan Pelaburan menurun daripada RM21.74 bilion kepada RM2.94 bilion. Ini berikutan pelaksanaan MFRS 9, di mana Keuntungan Modal Atas Penjualan Instrumen Ekuiti yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain yang berjumlah RM18.21 bilion tidak lagi diakaunkan sebagai Pendapatan Pelaburan Kasar tetapi diakaunkan sebagai Pendapatan Komprehensif Lain dan kemudiannya dipindahkan kepada Akaun Keuntungan Terkumpul. Dengan melaraskan Keuntungan Modal Atas Penjualan Instrumen Ekuiti sebanyak RM18.21 bilion kepada Keuntungan Modal Atas Penjualan Pelaburan, pertumbuhan tahun ke tahun sedikit menurun sebanyak RM0.59 bilion atau -3%. Penurunan keuntungan modal ini selaras dengan perubahan pasaran yang menyebabkan KWSP kekurangan peluang jualan di dalam pasaran ekuiti.

Sebagai tabung simpanan persaraan yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan modal simpanan ahli, pendapatan pelaburan KWSP bergantung kepada aliran yang mantap dan konsisten dari Faedah dan Keuntungan Dari Pelaburannya, di mana pada 2018, ianya berjumlah RM18.57 bilion, pertumbuhan sebanyak RM1.94 bilion atau 12% berbanding dengan jumlah yang dicatatkan pada tahun 2017. Pertumbuhan ini sejajar dengan pertumbuhan aset KWSP dan menyumbang 57% daripada jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar.

Sementara itu, Dividen Dari Pelaburan menunjukkan pertumbuhan yang baik iaitu; meningkat 5% atau RM519.38 juta kepada RM10.85 bilion pada 2018. Secara keseluruhan, Dividen Dari Pelaburan menyumbang 33% kepada jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar.

Sepanjang tahun ini, Ringgit Malaysia adalah lemah berbanding mata wang utama seperti Dolar AS dan Yen Jepun tetapi mengukuh berbanding British Pound dan Dolar Australia sehingga memberi kesan yang ketara kepada Pendapatan Pelaburan Kasar melalui Keuntungan/(Kerugian) Bersih Atas Tukaran Mata Wang Asing nyata dan tidak nyata. Penurunan keuntungan nyata sebanyak 98% atau bersamaan dengan RM4.17 bilion kepada RM91.58 juta. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian yang tidak nyata menurun sebanyak 94% atau RM2.18 bilion kepada RM128.16 juta pada 2018. Jumlah kedua-duanya adalah kerugian sebanyak RM36.58 juta dan ini mewakili hanya -1% daripada jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar yang dicatatkan pada 2018 berbanding keuntungan berjumlah RM1.95 bilion pada tahun 2017.

Dari segi pecahan di antara Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah untuk Pendapatan Pelaburan Kasar, RM29.64 bilion adalah disumbangkan oleh Simpanan Konvensional manakala baki RM3.02 bilion oleh Simpanan Syariah.

Pendapatan Lain

Pendapatan lain meningkat sebanyak 16% kepada RM200.06 juta daripada RM171.82 juta pada 2017. Peningkatan yang ketara adalah disebabkan oleh keuntungan atas penjualan Hartanah KWSP pada tahun

semasa berjumlah RM21.56 juta berbanding tahun 2017. Selain itu, yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada Institusi Pengurus Dana juga menyumbang kepada pulangan yang lebih tinggi sebanyak RM5.26 juta, selari dengan pertumbuhan saiz pelaburan yang diuruskan oleh Institusi Pengurus Dana iaitu sebanyak RM0.17 bilion. Dividen terkumpul yang dikutip daripada majikan disebabkan pembayaran lewat iaitu sebanyak RM4.31 juta juga menyumbang kepada peningkatan ini.

Perbelanjaan Operasi

Pada 2018, Perbelanjaan Operasi KWSP meningkat sebanyak 5% kepada RM1,410.90 juta berbanding RM1,348.52 juta pada 2017. Penyumbang utama kepada kenaikan ini ialah Kos Pekerja yang meningkat sebanyak RM115.81 juta yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran kepada Pelan Peralihan Kerjaya 2.0 (CTP) yang berjumlah RM115.00 juta. Sementara itu, penurunan dalam Kos Manfaat Pekerja menurun sebanyak RM41.85 juta yang disebabkan oleh semakan ke atas peruntukan bagi kos perubatan dan gratuiti kepada pesara untuk CTP yang mana ianya mengimbangi peningkatan tersebut.

Gaji, Elaun dan Kos Kakitangan

Kos Pekerja meningkat sebanyak 11% kepada RM1,138.23 juta berbanding RM1,022.42 juta pada 2017 disebabkan oleh pembayaran kepada 269 kakitangan yang mengambil Pelan Peralihan Kerjaya 2.0 (CTP) berjumlah RM115.00 juta pada 2018. Pertambahan ini juga adalah akibat daripada kesan kenaikan gaji tahunan, kos latihan serta pembelanjaan perubatan.

Susut nilai dan Caj Pelunasan

Caj susut nilai dan pelunasan merangkumi susut nilai dalam hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan, pelunasan aset tak ketara serta prabayar pajakan tanah. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, caj susut nilai dan pelunasan menaik sebanyak 5% kepada RM88.87 juta, berbanding RM84.89 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan penambahan aset tak ketara bernilai RM20.98 juta yang menyumbang kepada kenaikan susut nilai pada tahun ini.

Kos Penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan termasuk menyelenggara peralatan komputer, bangunan serta kos pembersihan dan juga caj utiliti. Untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018, kos penyelenggaraan meningkat sebanyak 1% kepada RM86.92 juta, berbanding RM86.04 juta pada tahun sebelumnya. Faktor utama peningkatan disebabkan kenaikan kos penyelenggaraan pembekalan barang utiliti bangunan atas pemilikan dan penyewaan premis sebanyak RM3.77 juta. Manakala, kos penyelenggaraan untuk peralatan komputer dan caj utiliti atas pemilikan dan penyewaan premis menurun masing-masing sebanyak RM1.39 juta dan RM0.87 juta yang mengimbangi peningkatan.

Caj Berkanun


Caj berkanun merangkumi bayaran Bantuan Kematian dan Bantuan Hilang Upaya kepada waris dan ahli masing-masing di bawah Seksyen 58(1) dan 58(2) termasuk Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3) dalam Akta KWSP, 1991 yang telah diiktiraf pada tahun tersebut. Kenaikan 12% kepada RM72.40 juta berbanding RM64.31 juta pada tahun 2017 adalah

RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

disebabkan oleh kenaikan bayaran Bantuan Kematian yang diberikan kepada waris dalam tahun 2018 berjumlah RM7.92 juta berbanding tahun 2017.

Keuntungan Bersih

KWSP mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM30.67 bilion yang disumbangkan oleh Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah masing-masing berjumlah RM27.81 bilion dan RM2.86 bilion. Nisbah-nisbah yang digunakan di dalam pengiraan adalah seperti berikut:



KEDUDUKAN KEWANGAN


Aset Pelaburan

Jumlah aset pelaburan meningkat sebanyak RM30.73 bilion atau 4% daripada RM791.48 bilion pada akhir 2017 kepada RM822.21 bilion pada 2018, sejajar dengan caruman bersih dan pendapatan yang diterima untuk tahun ini. Jumlah aset pelaburan terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM498.27 bilion atau 61% dan Aset Syariah berjumlah RM323.94 bilion atau 39% daripada jumlah aset pelaburan.


Setakat Disember 2018, nilai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain berjumlah RM374.27 bilion atau 46% daripada jumlah aset pelaburan, menurun sebanyak RM19.53 bilion atau 5% tahun ke tahun. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI), yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelaburan ekuiti tersenarai, terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM211.09 bilion dan Aset Syariah berjumlah RM163.18 bilion.

Bagi pendedahan KWSP kepada aset yang menjana pendapatan dan berisiko rendah, iaitu Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas (AC) dan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan berjumlah RM292.49 bilion atau 36% dan RM59.14 bilion atau 7% masing-masing. Bagi aset AC, pecahan antara Aset Konvensional dan Syariah adalah RM181.98 bilion dan RM110.51 bilion manakala untuk Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, pecahan Aset Konvensional dan Syariah masing-masing adalah RM37.03 bilion dan RM22.11 bilion.

2018



2017



RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

Pada tahun 2018, pelaburan tambahan juga dibuat ke dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama terutamanya ke dalam kelas aset berkaitan inflasi asing. Secara kumulatif, pegangan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama masing-masing berjumlah RM36.50 bilion atau 4% daripada jumlah aset pelaburan, peningkatan sebanyak RM1.72 bilion atau 5% daripada RM34.78 bilion pada 2017. Jumlahnya terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM30.76 bilion dan Aset Syariah berjumlah RM5.74 bilion.

Terdapat peningkatan sebanyak 52% atau RM14.39 bilion dalam Deposit dengan Institusi Kewangan yang membawa jumlah deposit kepada RM42.01 bilion atau 5% daripada jumlah Aset Pelaburan KWSP.

Selain itu, Lain-Lain Aset Pelaburan adalah Hartanah Pelaburan dan Aset Dipegang Untuk Jualan dimana masing-masing berjumlah RM1.19 bilion dan RM 0.06 bilion.

Liabiliti

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 40% kepada RM4.23 bilion daripada RM3.03 bilion pada tahun 2017, sebahagian besar disebabkan oleh pembelian kontrak tukaran mata wang hadapan dan pemiutang dan liabiliti terakru pada tahun 2018.

Pemiutang dan Liabiliti Terakru

Setakat 31 Disember 2018, pemiutang dan liabiliti terakru KWSP sebanyak RM2.75 bilion adalah lebih tinggi sebanyak 29% berbanding RM2.14 bilion pada 2017. Sebahagian besar peningkatan pemiutang dan liabiliti terakru disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan pelbagai pelaburan.

Caruman

Setakat 31 Disember 2018, caruman terkumpul mencecah RM839.64 bilion menunjukkan peningkatan 9% atau RM71.13 bilion, daripada baki penutup RM768.51 bilion tahun 2017. Simpanan Konvensional merekodkan caruman terkumpul berjumlah RM760.48 bilion manakala Simpanan Syariah pula berjumlah RM79.16 bilion. Simpanan terkumpul ahli dalam Akaun Caruman seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, mencatatkan pertumbuhan berikutan caruman daripada majikan melebihi jumlah pengeluaran yang dibayar kepada ahli dan waris. Ini menyebabkan aliran masuk tunai bersih yang konsisten sepanjang tahun.

Kutipan Caruman Pada Tahun Semasa

Pada 2018, sejumlah RM68.73 bilion telah dikutip daripada majikan, berbanding RM62.69 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.04 bilion atau 10%, sejajar dengan kenaikan jumlah ahli yang aktif. Secara purata, kira-kira RM5.73 bilion telah dikutip setiap bulan pada 2018.

Pengeluaran dan Pengembalian Caruman Pada Tahun Semasa

Jumlah pengeluaran dan pengembalian tahun 2018 berjumlah RM47.62 bilion terdiri daripada RM40.04 bilion untuk Simpanan Konvensional manakala Simpanan Syariah berjumlah RM7.58 bilion, berbanding RM49.40 bilion pada tahun sebelum. Jumlah ini menunjukkan penurunan RM1.78 bilion atau 4%, sebahagian besar adalah daripada Skim Pengeluaran 55 Tahun. Maklumat lanjut mengenai pengeluaran disediakan pada ruangan Statistik dalam Laporan Tahunan ini. Secara purata, kira-kira RM3.97 bilion telah dibayar kepada ahli dan waris setiap bulan pada tahun semasa.

Lain-lain Dana Ahli

Lain-lain Dana adalah sebanyak -RM7.33 bilion setakat pada 31 Disember 2018, merangkumi RM2.48 bilion dalam Akaun Keuntungan Terkumpul (rizab boleh diagih) dan -RM9.81 bilion dalam Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (rizab tidak boleh diagih). Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM49.22 bilion, atau lebih daripada 100%, daripada Lain-lain Dana Ahli sebanyak RM41.89 bilion pada 2017, selari dengan penurunan baki dalam Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain setakat pada 31 Disember 2018 disebabkan penurunan dalam prestasi pasaran stok.



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Untung Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Dana Ahli serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat audit saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara audit utama pada penilaian profesional saya, merupakan perkara yang paling penting dalam pengauditan saya ke atas penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi tahun kewangan semasa. Perkara ini dikendalikan dalam konteks pengauditan saya terhadap penyata kewangan secara keseluruhan, dan dalam memberi pendapat saya mengenainya, saya tidak memberikan pendapat berasingan berhubung perkara ini.

Perkara Audit Utama	Kaedah Perkara Audit Utama Ditangani
<p>1. Pengkelasan Pelaburan Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain</p> <p>Berdasarkan kepada para 5.7.5 MFRS 9, pada peringkat awal pengiktirafan, sesebuah entiti boleh membuat <i>irrevocable election</i> untuk mempersembahkan perubahan nilai saksama pelaburan ekuiti di bawah Pendapatan Komprehensif Lain kecuali bagi pelaburan yang dipegang untuk dijual (<i>Held for Trading</i>).</p> <p>Merujuk kepada Nota 14.2.a Penyata Kewangan, KWSP telah memilih untuk mengkelaskan pelaburan ekuiti pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI) disebabkan pelaburan dibuat untuk memelihara dan meningkatkan modal daripada caruman ahli serta mengekalkan pulangan yang stabil dalam jangka panjang.</p> <p>Pada tahun kewangan semasa, KWSP melaporkan kos pelaburan ekuiti sejumlah RM300.69 bilion, keuntungan modal hasil daripada transaksi penjualan pelaburan ekuiti sejumlah RM18.21 bilion dan kerugian tidak nyata bersih sejumlah RM50.17 bilion. Sehubungan itu, saya menumpukan perhatian ke atas ketepatan pengkelasan di peringkat awal bagi memastikan pengkelasan, pengukuran dan pelaporan adalah tepat</p>	<p>Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain</p> <p>Prosedur Audit meliputi penilaian kawalan utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memahami proses dan tatacara pelaburan yang dibuat terutamanya pelaburan yang dipegang bagi tujuan strategik jangka panjang. • Pengujian, analisis dan simulasi data transaksi pada tahun kewangan semasa bagi memastikan pelaburan ekuiti adalah pelaburan jangka panjang. • Mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan mengenai implikasi pengkelasan kepada FVOCI yang mana keuntungan modal daripada penjualan ekuiti dilaporkan secara konsisten dalam Penyata Komprehensif Lain. • Mengesahkan ketepatan pendedahan terhadap perubahan nilai saksama dan keuntungan modal dalam Penyata Kewangan KWSP. <p>Berdasarkan prosedur di atas, pemilihan pengkelasan pelaburan ekuiti oleh KWSP kepada FVOCI adalah dibenarkan mengikut MFRS 9 dan transaksi ini telah didedahkan sewajarnya dalam Penyata Komprehensif Lain dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Bagi pelaburan ekuiti baharu, disarankan penilaian awal dibuat terhadap pengkelasan pada nilai saksama sama ada melalui Penyata Untung Atau Rugi (FVTPL) atau Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI).</p>

Perkara Audit Utama	Kaedah Perkara Audit Utama Ditangani
2. Pengiraan Keuntungan Boleh Diagih Bagi Tahun Kewangan 2018	
<p>Merujuk kepada Nota 25 Penyata Kewangan, kedudukan Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain pada 31 Disember 2018 adalah negatif RM9.81 bilion. Perkara ini disebabkan pelaporan penurunan nilai saksama pelaburan ekuiti yang telah dikelaskan pada FVOCI.</p> <p>Pada 31 Disember 2018, KWSP telah memperuntukan sejumlah RM47.31 bilion bagi tujuan pembayaran dividen yang terdiri daripada Simpanan Konvensional pada kadar 6.15% dan Simpanan Syariah pada kadar 5.90%.</p> <p>Oleh kerana kedudukan Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain pada 31 Disember 2018 adalah negatif RM9.81 bilion, justeru saya menumpukan perhatian ke atas pematuhan Seksyen 27, Akta KWSP 1991 mengenai pengisytiharan dividen.</p>	<p>Prosedur Audit meliputi penilaian kawalan utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memahami proses pengisytiharan dividen kepada ahli-ahli KWSP. • Menyemak pematuhan terhadap polisi dalaman yang diwujudkan berkaitan penetapan pendapatan boleh agih. • Menyemak dan mengesahkan dokumen-dokumen kewangan yang berkaitan bagi memastikan keupayaan sebenar KWSP sebelum pembayaran dividen dibuat. • Mengesahkan ketepatan peruntukan terhadap dividen yang diisytiharkan bagi tahun kewangan semasa. • Menyemak laporan perundangan bagi mengesahkan pengisytiharan dividen adalah selaras dengan Akta KWSP. • Menyemak pematuhan kepada Seksyen 27 Akta KWSP 1991 mengenai pengisytiharan dividen bagi Simpanan Konvensional yang menyatakan tiada kadar dividen melebihi dua setengah peratus setahun boleh diisytiharkan melainkan Lembaga telah berpuas hati keupayaan untuk menjelaskan segala pembayaran yang dikehendaki supaya tidak terancam oleh pengisytiharan kadar itu. Bagi Simpanan Syariah, kadar pembayaran dividen adalah mengikut prestasi sebenar pelaburan yang dibuat. <p>Berdasarkan prosedur di atas, pembayaran dividen dibuat adalah selaras dengan peruntukan Akta KWSP dan polisi dalaman yang diwujudkan berkaitan dengan penetapan pendapatan yang boleh diagihkan.</p> <p>Pada tahun 2018, KWSP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai dan zakat (RM30.67 bilion) serta keuntungan nyata bersih daripada pelaburan ekuiti (RM18.21 bilion). Dengan ini, baki rizab negatif berjumlah RM9.81 bilion tidak menjejaskan keupayaan KWSP bagi membayar dividen.</p>

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenainya

Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan Penyata Kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan

asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Ketua Audit Negara.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 43 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- b. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- c. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 Mei 2019



PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA SELAKU PEMEGANG AMANAH

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

Kami, TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN dan DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga, selaku wakil Pemegang Amanah kepada KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Dana Ahli dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA pada 31 Disember 2018, hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
GELARAN : PENERUSI KWSP
TARIKH : 20 FEB 2019
TEMPAT : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE
GELARAN : AHLI LEMBAGA KWSP
TARIKH : 20 FEB 2019
TEMPAT : KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Saya, SAZALIZA BIN ZAINUDDIN, selaku wakil Pemegang Amanah dan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA dengan ikhlasnya mengaku bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Dana Ahli dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan]
sesungguhnya diakui]
oleh penama di atas di]
KUALA LUMPUR]
pada 20 FEB 2019]



SAZALIZA BIN ZAINUDDIN

Di hadapan saya



PESURUHJAYA SUMPAH
Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
PENGUNAAN DANA AHLI					
ASET					
Aset Cukai Tertunda	3	41,240	36,306	-	-
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	527,273	402,094	223,612	226,277
Hartanah Pelaburan	5	23,514,203	23,218,301	1,194,154	1,287,196
Aset Tak Ketara	6	320,470	35,362	26,957	20,731
Prabayaran Tanah Milik Pajak	7	52,440	55,285	47,178	49,862
Aset Dipegang Untuk Jualan	8	66,583	216,633	66,389	265,985
Kos Pembangunan Hartanah	9	3,037,704	1,645,190	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	23,781,586	22,069,350
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	11	15,595,301	17,290,131	11,052,696	11,044,130
Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama	12	2,965,158	3,078,745	1,666,000	1,666,000
Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas	13	291,154,477	-	292,486,626	-
Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang	13a	-	259,743,590	-	260,252,320
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	14	381,447,229	-	374,273,589	-
Aset Kewangan Sedia Dijual	14a	-	397,674,740	-	393,796,939
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	15	17,099,237	12,376,482	16,539,126	2,366,442
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Inventori	16 17	93,678,506 102,432	94,837,975 114,170	59,378,178 -	71,343,365 -
Penghutang, Deposit dan Prabayaran	18	3,414,366	3,608,744	1,626,967	2,477,335
Deposit Dengan Institusi Kewangan	19	46,385,338	36,078,398	42,011,917	27,620,438
Baki Bank Dan Wang Tunai		14,892,306	21,755,804	12,167,214	18,938,977
Jumlah Aset		894,294,263	872,167,950	836,542,189	813,425,347
LIABILITI					
Liabiliti Cukai Tertunda	3	80,168	31,830	-	-
Manfaat Pekerja	20	321,810	341,714	321,810	341,714
Peruntukan Bagi Cukai		63,561	50,495	-	-
Pinjaman Dan Overdraf	21	15,827,980	15,687,508	-	-
Pemiutang Pengeluaran Caruman		15,511	16,991	15,511	16,991
Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	15	992,789	492,121	899,050	317,689
Deposit Dan Pendahuluan	22	32,183,025	33,000,453	241,758	209,896
Pemiutang Dan Liabiliti Terakru	23	5,884,583	5,058,816	2,753,654	2,139,722
Jumlah Liabiliti		55,369,427	54,679,928	4,231,783	3,026,012
JUMLAH ASET BERSIH		838,924,836	817,488,022	832,310,406	810,399,335
DANA AHLI					
Caruman	24	839,642,921	768,508,567	839,642,921	768,508,567
Rizab	25	(9,415,497)	41,928,388	(9,808,976)	40,680,416
Keuntungan Berkumpul	26	5,253,197	3,884,438	2,476,461	1,210,352
		835,480,621	814,321,393	832,310,406	810,399,335
Kepentingan Tak Kawal	27	3,444,215	3,166,629	-	-
		838,924,836	817,488,022	832,310,406	810,399,335

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

Sek 1
Sik 2
Sik 3
Sik 4
Sik 5
Sik 6

PENYATA-PENYATA UNTUNG ATAU RUGI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
PENDAPATAN					
Pendapatan Pelaburan Kasar	28	36,614,435	56,889,685	32,661,682	53,139,681
Perbelanjaan Pelaburan	29	(2,559,552)	(2,683,985)	(685,674)	(527,486)
Rosot Nilai Bersih Atas Aset Kewangan Pelaburan	30	(41,842)	(3,956,041)	6,597	(3,358,869)
Rosot Nilai Bersih Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama	31	(14,008)	-	(32,981)	(22,100)
Pendapatan Pelaburan Bersih		33,999,033	50,249,659	31,949,624	49,231,226
Lain-lain Pendapatan	32	977,119	1,225,907	200,061	171,824
Jumlah Pendapatan		34,976,152	51,475,566	32,149,685	49,403,050
Perbelanjaan Operasi	33	(3,274,136)	(3,044,839)	(1,410,902)	(1,348,518)
Caj Berkanun	34	(72,396)	(64,310)	(72,396)	(64,310)
Jumlah Perbelanjaan		(3,346,532)	(3,109,149)	(1,483,298)	(1,412,828)
Keuntungan Bersih		31,629,620	48,366,417	30,666,387	47,990,222
Perkongsian (Kerugian)/Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu		(349,277)	918,819	-	-
Perkongsian Keuntungan Dalam Syarikat Usaha Sama		258,648	573,642	-	-
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai Dan Zakat		31,538,991	49,858,878	30,666,387	47,990,222
Cukai Dan Zakat	35	(312,354)	(283,591)	-	-
Keuntungan Bersih Selepas Cukai Dan Zakat		31,226,637	49,575,287	30,666,387	47,990,222
Bahagian Untuk:					
Pencarum KWSP		31,299,649	49,422,344		
Kepentingan Tak Kawal	27	(73,012)	152,943		
		31,226,637	49,575,287		

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai Dan Zakat		31,226,637	49,575,287	30,666,387	47,990,222
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain:					
<u>Item Tidak Akan Diklasifikasikan Semula Ke Penyata Untung Atau Rugi</u>					
Pelarasan Manfaat Pekerja Untuk Tahun Kewangan Semasa	20	(3,879)	(4,258)	(3,879)	(4,258)
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Ekuiti Yang Dikelaskan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain		(49,801,894)	-	(50,165,173)	-
Keuntungan Nyata Bersih Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain		18,214,809	-	18,214,809	-
		(31,590,964)	(4,258)	(31,954,243)	(4,258)
<u>Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Ke Penyata Untung Atau Rugi</u>					
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Aset Kewangan Sedia Dijual		-	9,852,288	-	9,705,966
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain		(2,280,693)	-	(2,297,962)	-
Keuntungan Bersih Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula Ke Penyata Untung Atau Rugi Atas Penjualan		1,925,528	-	1,925,528	-
Elaun Rosot Nilai Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	25a	132,867	-	132,867	-
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		(567,556)	(1,351,364)	-	-
Pergerakan Bersih Atas Nilai Derivatif Untuk Lindung Nilai Aliran Tunai		52,229	115,995	-	-
Perkongsian Pendapatan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama		(333,450)	(143,851)	-	-
		(1,071,075)	8,473,068	(239,567)	9,705,966
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain		(32,662,039)	8,468,810	(32,193,810)	9,701,708
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif		(1,435,402)	58,044,097	(1,527,423)	57,691,930
Bahagian Untuk:					
Pencarum KWSP		(1,348,552)	57,909,957	(1,527,423)	57,691,930
Kepentingan Tak Kawal		(86,850)	134,140	-	-
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif		(1,435,402)	58,044,097	(1,527,423)	57,691,930

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

KUMPULAN	Tidak Boleh Diagih					Boleh Diagih		Kepentingan Tak Kawal	Jumlah
	Caruman	Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai	Rizab Pertukaran Asing	Lain-lain Rizab	Keuntungan Berkumpul	Jumlah		
	(Nota 24) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 26) (RM'000)	(RM'000)	(Nota 27) (RM'000)	(RM'000)
Pada 1 Januari 2018	768,508,567	40,857,541	(94,834)	1,056,588	109,093	3,884,438	814,321,393	3,166,629	817,488,022
Kesan Ke Atas Pelaksanaan MFRS 9	-	(54,664)	-	105	(405,554)	(422,802)	(882,915)	(73,000)	(955,915)
Baki Dinyatakan Semula Pada 1 Januari 2018	768,508,567	40,802,877	(94,834)	1,056,693	(296,461)	3,461,636	813,438,478	3,093,629	816,532,107
Tambah:									
Keuntungan Bersih Tahun Kewangan Semasa	-	-	-	-	-	31,299,649	31,299,649	(73,012)	31,226,637
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	(2,286,948)	-	-	-	-	(2,286,948)	6,255	(2,280,693)
Keuntungan Bersih Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula Ke Penyata Untung Atau Rugi Atas Penjualan	-	1,925,528	-	-	-	-	1,925,528	-	1,925,528
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Ekuiti Yang Dikelaskan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	(49,801,894)	-	-	-	-	(49,801,894)	-	(49,801,894)
Keuntungan Nyata Bersih Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	18,214,809	18,214,809	-	18,214,809
Elaun Rosot Nilai Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	132,867	-	-	-	-	132,867	-	132,867
Pergerakan Bersih Atas Nilai Derivatif Untuk Lindung Nilai Aliran Tunai	-	-	59,905	-	-	(7,676)	52,229	-	52,229
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing	-	-	-	(556,007)	-	-	(556,007)	(11,549)	(567,556)
Perkongsian Pendapatan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama	-	(11,601)	-	(278,775)	(37,602)	3,072	(324,906)	(8,544)	(333,450)
Pelarasannya Manfaat Pekerja Untuk Tahun Kewangan Semasa	-	-	-	-	-	(3,879)	(3,879)	-	(3,879)
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif	-	(50,042,048)	59,905	(834,782)	(37,602)	49,505,975	(1,348,552)	(86,850)	(1,435,402)
Pergerakan Aset Bersih Daripada Perubahan Pegangan Ekuiti Syarikat Subsidiari	-	-	-	(150)	-	(51,555)	(51,705)	577,595	525,890
Terimaan Dan Pelarasannya Caruman Tahun Kewangan Semasa	71,466,971	-	-	-	-	-	71,466,971	-	71,466,971
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.15% (SK) & 5.90% (SS)	47,312,806	-	-	-	-	-	47,312,806	-	47,312,806
Pelarasannya Dividen Untuk Tahun Terdahulu	5,708	-	-	-	-	-	5,708	-	5,708
Pergerakan Dalam Rizab Lain Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	(29,095)	-	(29,095)	-	(29,095)
	887,294,052	(9,239,171)	(34,929)	221,761	(363,158)	52,916,056	930,794,611	3,584,374	934,378,985
Kurang:									
Pengeluaran Dan Pengembalian Caruman	(47,620,251)	-	-	-	-	-	(47,620,251)	-	(47,620,251)
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.15% (SK) & 5.90% (SS)	-	-	-	-	-	(47,312,806)	(47,312,806)	-	(47,312,806)
Dividen Dikreditkan Kepada Kepentingan Tak Kawal	-	-	-	-	-	-	-	(140,159)	(140,159)
Dividen Pengeluaran Caruman	-	-	-	-	-	(344,345)	(344,345)	-	(344,345)
Pelarasannya Kes-Kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) Dan Akaun Rejek Kepada Penyata Untung Atau Rugi Dan Akaun Keuntungan Berkumpul	(30,880)	-	-	-	-	-	(30,880)	-	(30,880)
Pelarasannya Dividen Untuk Tahun Terdahulu	-	-	-	-	-	(5,708)	(5,708)	-	(5,708)
Pada 31 Disember 2018	839,642,921	(9,239,171)	(34,929)	221,761	(363,158)	5,253,197	835,480,621	3,444,215	838,924,836

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

KUMPULAN	← Tidak Boleh Diagih →					Boleh Diagih		Kepentingan Tak Kawal	Jumlah
	Caruman	Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual	Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai	Rizab Pertukaran Asing	Lain-lain Rizab	Keuntungan Berkumpul	Jumlah		
	(Nota 24) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 26) (RM'000)	(RM'000)		
Pada 1 Januari 2017	704,266,295	30,997,671	(210,829)	2,539,831	67,043	3,034,565	740,694,576	3,112,357	743,806,933
Tambah:									
Keuntungan Bersih Tahun Kewangan Semasa	-	-	-	-	-	49,422,344	49,422,344	152,943	49,575,287
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Aset Kewangan Sedia Dijual Dalam Tahun Kewangan Semasa	-	24,568,032	-	-	-	1	24,568,033	(7,344)	24,560,689
Pelarasan Atas Pengkelasan Semula Keuntungan Yang Diiktiraf Kepada Penyata Untung Atau Rugi	-	(14,708,401)	-	-	-	-	(14,708,401)	-	(14,708,401)
Pergerakan Bersih Atas Nilai Derivatif Untuk Lindung Nilai Aliran Tunai	-	-	115,995	-	-	-	115,995	-	115,995
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing	-	-	-	(1,339,905)	-	-	(1,339,905)	(11,459)	(1,351,364)
Perkongsi Pendapatan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu	-	239	-	(143,338)	(814)	62	(143,851)	-	(143,851)
Pelarasan Manfaat Pekerja Untuk Tahun Kewangan Semasa	-	-	-	-	-	(4,258)	(4,258)	-	(4,258)
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif	-	9,859,870	115,995	(1,483,243)	(814)	49,418,149	57,909,957	134,140	58,044,097
Bahagian Sumbangan Modal Dalam Usaha Sama Oleh Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	48,360	-	48,360	-	48,360
Pergerakan Aset Bersih Daripada Perubahan Pegangan Ekuiti Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	(5,496)	14,985	9,489	14,996	24,485
Terimaan Dan Pelarasan Caruman Tahun Kewangan Semasa	65,523,864	-	-	-	-	-	65,523,864	-	65,523,864
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.90% (SK) & 6.40% (SS)	48,130,148	-	-	-	-	-	48,130,148	-	48,130,148
Pelarasan Dividen Untuk Tahun Terdahulu	8,293	-	-	-	-	-	8,293	-	8,293
	817,928,600	40,857,541	(94,834)	1,056,588	109,093	52,467,699	912,324,687	3,261,493	915,586,180
Kurang:									
Pengeluaran Dan Pengembalian Caruman	(49,396,427)	-	-	-	-	-	(49,396,427)	-	(49,396,427)
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.90% (SK) & 6.40% (SS)	-	-	-	-	-	(48,130,148)	(48,130,148)	-	(48,130,148)
Dividen Dikreditkan Kepada Kepentingan Tak Kawal	-	-	-	-	-	-	-	(94,864)	(94,864)
Dividen Pengeluaran Caruman	-	-	-	-	-	(444,820)	(444,820)	-	(444,820)
Pelarasan Kes-Kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) Dan Akaun Rejek Kepada Penyata Untung Atau Rugi Dan Akaun Keuntungan Berkumpul	(23,606)	-	-	-	-	-	(23,606)	-	(23,606)
Pelarasan Dividen Untuk Tahun Terdahulu	-	-	-	-	-	(8,293)	(8,293)	-	(8,293)
Pada 31 Disember 2017	768,508,567	40,857,541	(94,834)	1,056,588	109,093	3,884,438	814,321,393	3,166,629	817,488,022

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

Sek 1

Sek 2

Sek 3

Sek 4

Sek 5

Sek 6

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

KWSP	Caruman	Tidak Boleh Diagih Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	Boleh Diagih Keuntungan Terkumpul	Jumlah
	(Nota 24) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 26) (RM'000)	(RM'000)
Pada 1 Januari 2018	768,508,567	40,680,416	1,210,352	810,399,335
Kesan Ke Atas Pelaksanaan MFRS 9	-	(84,652)	51,651	(33,001)
Baki Dinyatakan Semula Pada 1 Januari 2018	768,508,567	40,595,764	1,262,003	810,366,334
Tambah:				
Keuntungan Bersih Tahun Kewangan Semasa	-	-	30,666,387	30,666,387
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	(2,297,962)	-	(2,297,962)
Keuntungan Bersih Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula Ke Penyata Untung Atau Rugi Atas Penjualan	-	1,925,528	-	1,925,528
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Ekuiti Yang Dikelaskan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	(50,165,173)	-	(50,165,173)
Keuntungan Nyata Bersih Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	18,214,809	18,214,809
Elaun Rosot Nilai Terhadap Pelaburan Dalam Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	132,867	-	132,867
Pelarasan Manfaat Pekerja Untuk Tahun Kewangan Semasa	-	-	(3,879)	(3,879)
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif	-	(50,404,740)	48,877,317	(1,527,423)
Terimaan Dan Pelarasan Caruman Tahun Kewangan Semasa	71,466,971	-	-	71,466,971
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.15% (SK) & 5.90% (SS)	47,312,806	-	-	47,312,806
Pelarasan Dividen Untuk Tahun Terdahulu	5,708	-	-	5,708
	887,294,052	(9,808,976)	50,139,320	927,624,396
Kurang:				
Pengeluaran Dan Pengembalian Caruman	(47,620,251)	-	-	(47,620,251)
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.15% (SK) & 5.90% (SS)	-	-	(47,312,806)	(47,312,806)
Dividen Pengeluaran Caruman	-	-	(344,345)	(344,345)
Pelarasan Kes-Kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) Dan Akaun Rejek Kepada Penyata Untung Atau Rugi Dan Akaun Keuntungan Berkumpul	(30,880)	-	-	(30,880)
Pelarasan Dividen Untuk Tahun Terdahulu	-	-	(5,708)	(5,708)
Pada 31 Disember 2018	839,642,921	(9,808,976)	2,476,461	832,310,406

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN
 DALAM DANA AHLI
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

KWSP	Caruman	Tidak Boleh Diagih Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual	Boleh Diagih Keuntungan Terkumpul	Jumlah
	(Nota 24) (RM'000)	(Nota 25) (RM'000)	(Nota 26) (RM'000)	(RM'000)
Pada 1 Januari 2017	704,266,295	30,974,450	1,807,649	737,048,394
Tambah:				
Keuntungan Bersih Tahun Kewangan Semasa	-	-	47,990,222	47,990,222
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Atas Penilaian Semula Nilai Saksama Aset Kewangan Sedia Dijual Dalam Tahun Kewangan Semasa	-	24,414,368	-	24,414,368
Pelarasan Atas Pengkelasan Semula Keuntungan Yang Diiktiraf Kepada Penyata Untung Atau Rugi	-	(14,708,402)	-	(14,708,402)
Pelarasan Manfaat Pekerja Untuk Tahun Kewangan Semasa	-	-	(4,258)	(4,258)
Jumlah Pendapatan Komprehensif	-	9,705,966	47,985,964	57,691,930
Terimaan Dan Pelarasan Caruman Tahun Kewangan Semasa	65,523,864	-	-	65,523,864
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.90% (SK) & 6.40% (SS)	48,130,148	-	-	48,130,148
Pelarasan Dividen Untuk Tahun Terdahulu	8,293	-	-	8,293
	817,928,600	40,680,416	49,793,613	908,402,629
Kurang:				
Pengeluaran Dan Pengembalian Caruman	(49,396,427)	-	-	(49,396,427)
Dividen Dikreditkan Kepada Akaun Ahli - 6.90% (SK) & 6.40% (SS)	-	-	(48,130,148)	(48,130,148)
Dividen Pengeluaran Caruman	-	-	(444,820)	(444,820)
Pelarasan Kes-Kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) Dan Akaun Rejek Kepada Penyata Untung Atau Rugi Dan Akaun Keuntungan Berkumpul	(23,606)	-	-	(23,606)
Pelarasan Dividen Untuk Tahun Terdahulu	-	-	(8,293)	(8,293)
Pada 31 Disember 2017	768,508,567	40,680,416	1,210,352	810,399,335

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

Sek 1
 Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai Dan Zakat		31,538,991	49,858,878	30,666,387	47,990,222
<u>Pelarasan Untuk:</u>					
Perkongasian Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama		90,629	(1,492,461)	-	-
Kerugian Tidak Nyata Bersih Atas Tukaran Mata Wang Asing	28	164,874	2,341,854	128,160	2,308,104
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Dari Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	28	(1,094,044)	(4,102,185)	(183,309)	(2,289,656)
Rosot Nilai Bersih Atas Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas	30	(54,250)	-	(54,886)	-
Rosot Nilai Bersih Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang	30	-	(8,728)	-	(8,728)
Rosot Nilai Bersih Atas Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	30	23,016	-	27,375	-
Rosot Nilai Bersih Atas Aset Kewangan Sedia Dijual	30	-	3,397,265	-	3,397,265
Rosot Nilai Bersih Atas Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan	30	177,449	566,101	23,426	(31,070)
Rosot Nilai Bersih Atas Penghutang Sewa	30	(2,373)	1,403	(2,373)	1,403
Rosot Nilai Bersih Atas Deposit Dengan Institusi Kewangan	30	205	-	(139)	-
Rosot Nilai Atas Pembiayaan Komitmen Dan Kontingensi	30	(102,205)	-	-	-
Rosot Nilai Bersih Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu	31	14,008	-	32,981	22,100
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan (Keuntungan)/Kerugian Atas Pelupusan Aset Dipegang Untuk Jualan	32	(13,464)	1,808	(21,557)	3,180
Keuntungan Atas Pelupusan Hartanah Pelaburan	32	(642,288)	(503,541)	-	-
Keuntungan Atas Pelupusan Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu	32	-	(412,155)	-	-
Manfaat Pekerja	20,33	(13,220)	28,636	(13,220)	28,636
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	4,33	60,936	58,187	38,085	42,246
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	5,33	793,145	626,736	35,536	36,388
Pelunasan Aset Tak Ketara	6,33	47,837	16,600	14,753	5,759
Pelunasan Prabayaran Tanah Milik Pajak	7,33	659	661	498	500
Rosot Nilai Bersih Atas Hartanah Pelaburan	5,33	2,057	88,874	(6,497)	10,000
Rosot Nilai Bersih Atas Penghutang Pelbagai	33	52,845	39,109	563	(3,599)
Hapus Kira/Kerugian Bersih	33	84	39	84	39
Keuntungan Atas Pelupusan Syarikat Usaha Sama		-	(61,136)	-	-
Pelunasan Kos Perolehan Pinjaman		18,618	26,006	-	-
Pelarasan Daripada Akaun Kerja Dalam Pembinaan Ke Untung Atau Rugi	4	15,428	-	15,428	-
Pendapatan Dividen		(220,500)	-	-	-
		30,858,585	50,471,951	30,701,443	51,512,789

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

PENYATA-PENYATA
ALIRAN TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

Nota	KUMPULAN		KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
<u>(Tambahan)/Kurangan Dalam Aset Operasi:</u>				
Pembelian Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas	(162,759,198)	-	(162,763,077)	-
Pembelian Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang	-	(619,412,278)	-	(619,412,278)
Penjualan Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas	130,422,613	-	130,420,229	-
Penjualan Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang	-	587,536,992	-	587,575,400
Pembelian Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	(466,756,815)	-	(466,749,852)	-
Pembelian Aset Kewangan Sedia Dijual	-	(1,253,789,062)	-	(1,253,414,043)
Penjualan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	454,182,445	-	454,186,324	-
Penjualan Aset Kewangan Sedia Dijual	-	1,221,992,455	-	1,222,778,583
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(14,026,761)	(117,380)	(14,115,156)	263,402
Deposit Dengan Institusi Kewangan	(15,657,328)	12,769,138	(14,419,225)	12,440,463
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Inventori	12,551,560	(1,282,074)	11,941,762	(755,592)
Hasil Penjualan Inventori	810	17,744	-	-
Penghutang, Deposit Dan Prabayaran	-	3,703	-	-
Faedah Diterima/(Dibayar) Atas Pinjaman	827,600	(251,825)	789,713	(221,353)
Tuntutan Cukai Belum Diterima	17,960	(607,847)	-	-
Faedah/Dividen Terakru	23,742	-	60,000	29,672
Lain-lain Penghutang	530,688	749,136	-	-
	295,881	79,628	-	-
	(60,346,803)	(52,311,670)	(60,649,282)	(50,715,746)
<u>Tambahan/(Kurangan) Dalam Liabiliti Operasi:</u>				
Manfaat Pekerja	(10,564)	(8,631)	(10,564)	(8,631)
Pemiutang Pengeluaran Caruman	(1,480)	1,373	(1,480)	1,373
Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	581,361	(1,981,252)	581,361	(2,340,034)
Deposit Dan Pendahuluan	65,022	2,205,137	31,862	23,132
Pemiutang Dan Liabiliti Terakru	615,166	88,802	613,932	41,192
	1,249,505	305,429	1,215,111	(2,282,968)
Bayaran Cukai Dan Zakat	(452,141)	(177,351)	-	-
Cukai Diperolehi	9,497	289	-	-
	(28,681,357)	(1,711,352)	(28,732,728)	(1,485,925)

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

PENYATA - PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	(223,373)	(63,011)	(72,465)	(24,851)
Pembelian Hartanah Pelaburan	5	(3,101,592)	(1,896,470)	-	(348,464)
Pembelian Aset Tak Ketara	6	(123,176)	(14,148)	-	(4,091)
Kos Pembangunan Hartanah		17,034	-	-	-
Hasil Penjualan Hartanah, Loji Dan Peralatan		1,630,490	80	190	56
Hasil Penjualan Hartanah Pelaburan		-	2,114,458	-	1,230
Hasil Penjualan Aset Dipegang Untuk Jualan		585,330	4,015	543,535	700
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari		(7,921,974)	(79,970,682)	(5,692,533)	(79,967,032)
Pulangan Modal Daripada Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari		3,726,511	78,483,126	3,691,424	78,483,126
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu		(87,318)	(62,525,454)	(64,584)	(62,327,896)
Pulangan Modal Daripada Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu		56,018	60,610,558	56,018	60,610,673
Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama		(855,321)	(899,754)	-	-
Hasil Penjualan Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama		-	558,739	-	-
Pembelian Atas Lain-lain Pelaburan		(2,682,059)	(996,505)	-	-
Pulangan Modal Daripada Lain-lain Pelaburan		614,108	1,136,500	-	-
Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan		(8,365,322)	(3,458,548)	(1,538,415)	(3,576,549)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Caruman Bersih		23,815,840	16,103,831	23,815,840	16,103,831
Hasil Dari Terbitan Saham		3,694,080	3,166,886	-	-
Terimaan Daripada Pinjaman		1,615,070	4,007,805	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman		(1,480,934)	(5,628,279)	-	-
Penebusan Saham		(1,526,477)	(957,706)	-	-
Bayaran Dividen Kepada Saham Biasa		512,311	678,237	-	-
Bayaran Dividen Kepada Kepentingan Tak Kawal		(139,783)	(37,601)	-	-
Dividen Pengeluaran/Pelarasannya		(344,345)	(444,820)	(344,345)	(444,820)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan		26,145,762	16,888,353	23,471,495	15,659,011
(Kurangan)/Tambahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		(10,900,917)	11,718,453	(6,799,648)	10,596,537
Pelarasannya Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing		(361,761)	6,639	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	37	29,527,358	17,802,266	19,073,233	8,476,696
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	37	18,264,680	29,527,358	12,273,585	19,073,233

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

1. MAKLUMAT KORPORAT

KWSP ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951 yang kemudiannya dipinda sebagai Akta KWSP, 1991. KWSP adalah badan pemegang amanah kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan satu Skim Caruman Ditetapkan.

Aktiviti utama KWSP adalah untuk menerima dan mengutip caruman, memproses pengeluaran simpanan dan lain-lain faedah kepada ahli atau waris ahli apabila syarat-syarat pengeluaran dipenuhi serta melaburkan semua wang yang diterima daripada ahli untuk kepentingan ahli. Aktiviti utama Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama adalah seperti yang dinyatakan di Nota 43 dan 44 kepada Penyata Kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Ibu Pejabat KWSP terletak di Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Setakat 31 Disember 2018, KWSP beroperasi di 68 buah cawangan yang terletak di bandar-bandar utama seluruh Malaysia.

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ini diterima dan diluluskan oleh Lembaga KWSP pada 20 Februari 2019.

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Melainkan dinyatakan sebaliknya, polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dengan piawaian perakaunan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelumnya dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan Penyata Kewangan.

2.1 Asas Penyediaan

(a) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards- MFRSs*), Akta KWSP 1991 (Akta 452) dan keperluan berdasarkan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten untuk tempoh yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Berikutan daripada pemakaian MFRS 9, "*Financial Instruments*" dan MFRS 15, "*Revenue from Contracts with Customers*" terdapat perubahan kepada dasar-dasar perakaunan berbanding dengan Penyata Kewangan terdahulu. Perubahan kepada dasar perakaunan adalah seperti berikut:

- i) Instrumen Kewangan;
- ii) Pengiktirafan Pendapatan;
- iii) Rosot Nilai Atas Instrumen Kewangan; dan
- iv) Aset Kontrak Dan Liabiliti Kontrak.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(a) Penyata Pematuhan (Samb.)

Kumpulan dan KWSP berhasrat untuk menerima pakai piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") sebagaimana berikut, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa:

Dasar Perakaunan Baru kepada MFRSs

Deskripsi	Berkuat Kuasa Bagi Tempoh Tahunan Bermula Pada Atau Selepas
MFRS 16 "Leases"	1 Januari 2019
MFRS 17 "Insurance Contract"	1 Januari 2021

Pindaan/Penambahbaikan kepada MFRSs

Deskripsi	Berkuat Kuasa Bagi Tempoh Tahunan Bermula Pada Atau Selepas
MFRS 3 "Business Combinations"	1 Januari 2019
MFRS 9 "Financial Instruments"	1 Januari 2019
MFRS 10 "Consolidated Financial Statements"	Tangguh
MFRS 11 "Joint Arrangements" (Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle)	1 Januari 2019
MFRS 101 "Presentation of Financial Statements"	1 Januari 2019
MFRS 108 "Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors"	1 Januari 2019
MFRS 112 "Income Taxes" (Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle)	1 Januari 2019
MFRS 123 "Borrowing Costs" (Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle)	1 Januari 2019
MFRS 128 "Investments in Associates and Joint Ventures"	1 Januari 2019

Tafsiran IC Baru

Deskripsi	Berkuat Kuasa Bagi Tempoh Tahunan Bermula Pada Atau Selepas
IC Int. 23 Uncertainty Over Income Tax Treatments	1 Januari 2019

Kumpulan dan KWSP merancang untuk mengguna pakai piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang disebut di atas dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2019 untuk piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019.

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran atau pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan Penyata Kewangan masa lalu bagi Kumpulan dan KWSP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah selain yang didedahkan di Nota 2.

(c) Fungsi Dan Pembentangan Mata Wang

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang fungsi KWSP. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam (RM) dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Pertimbangan, Anggaran Dan Andaian Penting Perakaunan

Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, pendedahan yang disertakan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa bagi aset atau liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam Penyatuan Penyata Kewangan:

i. Rosot Nilai Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama

Kumpulan dan KWSP menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Kumpulan menentukan sama ada pelaburannya mengalami rosot nilai berikutan tanda-tanda rosot nilai seperti, antara lain, penurunan nilai berpanjangan di antara nilai pasaran dan amaun dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan prestasi kewangan pelaburan merosot disebabkan oleh perubahan dalam persekitaran ekonomi.

ii. Rosot Nilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang Dan Aset Kewangan Sedia Dijual (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017)/Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI") (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

Kumpulan dan KWSP mengkaji Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dan Aset Kewangan Sedia Dijual (terpakai bagi tahun 31 Disember 2017)/Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI") (terpakai bagi tahun 31 Disember 2018) pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa asetnya mengalami rosot nilai. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, aset itu adalah tertakluk kepada taksiran rosot nilai. Dalam menjalankan taksiran rosot nilai, pertimbangan Kumpulan dan KWSP diperlukan. Penentuan sama ada aset mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif, kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan, tahap tunggakan dan kerugian kepada nisbah cagaran.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(d) Pertimbangan, Anggaran Dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

Pertimbangan (Samb.)

iii. Ukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka

Ukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka ("ECL") untuk aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI") adalah sesuatu yang memerlukan penggunaan model yang kompleks dan andaian penting mengenai keadaan ekonomi masa hadapan dan tingkah laku kredit (misalnya, kemungkinan pelanggan mungkir dan kerugian yang terhasil). Penjelasan mengenai input, teknik-teknik andaian dan anggaran yang digunakan untuk mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka yang lebih terperinci dinyatakan di dalam Nota 2.16, yang juga menyatakan sensitiviti utama Elaun Kerugian Kredit Dijangka terhadap perubahan dalam unsur tersebut.

Beberapa pertimbangan penting juga diperlukan dalam mengaplikasikan keperluan perakaunan untuk mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka seperti:

- (a) Menentukan kriteria untuk peningkatan risiko kredit yang ketara;
- (b) Memilih model dan andaian yang sesuai untuk pengukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka;
- (c) Mengenal pasti bilangan dan wajaran relatif senario berpandangan ke hadapan untuk setiap jenis produk/pasaran dan Elaun Kerugian Kredit Dijangka yang berkaitan; dan
- (d) Mengenal pasti kumpulan aset kewangan yang serupa untuk tujuan mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka.

Maklumat terperinci tentang pertimbangan dan anggaran yang dibuat oleh Kumpulan dalam bidang di atas dinyatakan dalam Nota 2.16.

iv. Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda

Aset Cukai Tertunda diiktiraf berhubung kerugian cukai setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan terhasil berbanding kerugian cukai yang dapat digunakan. Pertimbangan ini diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan boleh cukai masa hadapan, bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Anggaran Dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah. Penyata Kewangan Disatukan telah disediakan oleh Kumpulan berdasarkan andaian dan anggaran pada parameter yang tersedia. Terdapat keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa depan, walau bagaimanapun, mungkin berubah disebabkan oleh perubahan pasaran atau keadaan yang timbul yang berada di luar kawalan Kumpulan. Perubahan tersebut ditunjukkan dalam andaian apabila ianya berlaku.

i. Rosot Nilai Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset tersebut tertakluk kepada taksiran rosot nilai. Kajian rosot nilai meliputi perbandingan di antara amaun dibawa pelaburan dan anggaran jumlah jangkaan pelaburan boleh pulih.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(d) Pertimbangan, Anggaran Dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

Anggaran Dan Andaian (Samb.)

i. Rosot Nilai Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama (Samb.)

Bergantung kepada sifat dan lokasi pelaburan, pertimbangan dibuat oleh Kumpulan dan KWSP untuk memilih kaedah penilaian sesuai seperti, antara lain, nilai aset bersih, aliran tunai masa hadapan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan sebut harga pasaran urus niaga yang paling terkini. Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, Kumpulan dan KWSP membuat andaian tertentu mengenai masa hadapan untuk menganggarkan jumlah yang boleh pulih daripada pelaburan secara individu. Andaian ini dan lain-lain sumber anggaran yang tidak pasti pada tarikh laporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap nilai dibawa pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh Kumpulan dan KWSP termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskaun yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menggabungkan risiko yang berkaitan dan jangkaan hasil masa hadapan berdasarkan arah aliran tertentu masa lalu. Oleh kerana kepekaan yang tinggi terhadap perubahan dalam andaian, Kumpulan dan KWSP percaya bahawa tiada perubahan munasabah dalam andaian utama yang diterangkan di atas boleh menyebabkan nilai dibawa pelaburan melebihi dengan ketara daripada jumlah boleh pulih.

ii. Rosot Nilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang Dan Aset Kewangan Sedia Dijual (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017)/Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

a. Rosot Nilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017) Dan Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

Dalam menganggarkan kerugian rosot nilai ke atas Aset Pelaburan Yang Dipegang Hingga Matang/Pada Kos Terlunas, Kumpulan dan KWSP menilai sama ada bukti objektif rosot nilai wujud akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku dan peristiwa kerugian ini mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa depan pada aset kewangan tersebut.

Apabila terdapat bukti objektif rosot nilai, ianya diiktiraf sebagai perbezaan di antara kos perolehan dan nilai semasa aliran tunai pada masa depan, ditolak sebarang rosot nilai jika ada, yang diiktiraf sebelumnya.

b. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017)/Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

Rosot Nilai Atas Sekuriti Hutang

Sekuriti hutang mengalami rosot nilai jika terdapat tanda-tanda bahawa peristiwa kerugian telah berlaku sejak pengiktirafan awal. Ini biasanya mempunyai kesan negatif ke atas aliran tunai pada masa depan berhubung dengan pembayaran balik sekuriti hutang tersebut.

Rosot Nilai Atas Ekuiti (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 sahaja)

Bagi pelaburan ekuiti, rosot nilai tidak dikenal pasti berdasarkan analisis terhadap aliran tunai sebagaimana instrumen hutang di atas. Ia terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(d) Pertimbangan, Anggaran Dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

Anggaran dan Andaian (Samb.)

iii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

Dalam menganggarkan rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, Kumpulan dan KWSP diperlukan untuk menganggarkan jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, Kumpulan dan KWSP membuat pertimbangan mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh realis bersih cagaran.

iv. Penilaian Hartanah Pelaburan

Pengukuran nilai saksama bagi Hartanah Pelaburan diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan bersesuaian serta memiliki pengalaman terkini berkenaan lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

v. Cukai Tertunda Dan Cukai Pendapatan

Kumpulan dan KWSP adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang percukaian yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

vi. Obligasi Manfaat Perubatan Pesara

Nilai semasa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian adalah digunakan untuk menentukan kos bersih bagi perubatan pesara, termasuk kadar diskaun dan jangkaan kadar kos perubatan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Kumpulan dan KWSP menentukan kadar diskaun yang sesuai pada setiap tiga (3) tahun apabila penilaian aktuari dilaksanakan. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada tahun kewangan 2018. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi Bon Korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kos perubatan dikira berdasarkan purata kos perubatan tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh KWSP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(d) Pertimbangan, Anggaran Dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

Anggaran dan Andaian (Samb.)

vii. **Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara**

Nilai semasa Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian adalah digunakan untuk menentukan jumlah gratuiti bagi pesara, termasuk kadar diskaun, jangkaan kadar kenaikan gaji tahunan dan kadar pelarasan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara.

Kumpulan dan KWSP menentukan kadar diskaun yang sesuai pada setiap tiga (3) tahun apabila penilaian aktuari dilaksanakan. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada tahun kewangan 2018. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi Bon Korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kenaikan gaji tahunan dikira berdasarkan purata kenaikan gaji tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh KWSP.

viii. **Metodologi Yang Dipakai Bagi Agihan Simpanan Syariah Dan Simpanan Konvensional**

Mulai tahun 2017, baki caruman ahli telah diklasifikasikan sebagai Simpanan Syariah (SS) atau Simpanan Konvensional (SK) berdasarkan pilihan yang dibuat oleh ahli. Pendedahan kewangan berkaitan dengan caruman ahli berdasarkan SS dan SK adalah didedahkan pada Nota 36.

Untuk memperolehi keputusan kewangan dan lembaranimbangan tahun semasa untuk SS dan SK, nisbah tertentu telah digunakan untuk mengagihkan butiran pendapatan, perbelanjaan serta item lembaranimbangan. Konsep agihan diperkenalkan dengan tujuan memperoleh keuntungan yang boleh diagihkan untuk kedua-dua SS dan SK dengan adil berdasarkan penyertaan sebenar oleh ahli SS dan SK. Oleh kerana sumber dana yang digunakan untuk melabur dalam aset pelaburan Syariah dibiayai daripada caruman ahli, maka bagi keuntungan yang dijana daripada portfolio Syariah akan diagih kepada ahli SS berdasarkan dana sebenar yang dicarum oleh ahli SS. Baki keuntungan akan diagihkan kepada ahli SK.

Nisbah berikut digunakan oleh KWSP selepas pelaksanaan SS untuk memperuntukkan keuntungan yang boleh diagihkan kepada SS dan SK:

1. Nisbah Pilihan Masuk (*Opt-in Ratio* - OIR) digunakan untuk mengagih baki awal Akaun Keuntungan Terkumpul untuk pembahagian baki yang dimiliki oleh ahli SS dan SK sewajarnya.
2. Nisbah Simpanan Ahli (*Members Savings Ratio* - MSR) digunakan untuk mengagih jenis pendapatan, perbelanjaan dan butiran Lembaranimbangan tertentu kepada simpanan SS dan SK.
3. Nisbah Aset Syariah (*Shariah Assets Ratio* - SAR) digunakan untuk mengagih Lain-lain Aset Bersih dan Lain-lain Keuntungan Bersih untuk tahun semasa yang diklasifikasikan sebagai item am kepada baki komponen Syariah.
4. Nisbah Pendapatan Syariah (*Shariah Income Ratio* - SIR) digunakan untuk mengagih jenis perbelanjaan pelaburan langsung tertentu dan pendapatan yang dijana daripada Portfolio Pelaburan Syariah kepada SS dan SK.

MSR, SAR dan SIR dikira berdasarkan purata bulanan untuk memastikan sebarang perubahan pada pengiraan nisbah pada tahun semasa dinyatakan dengan tepat pada akhir tahun. Sementara itu, OIR dikira dan dipakai sekali pada setiap awal tahun kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 Asas Penyatuan

Penyata Kewangan Kumpulan mengandungi Penyata Kewangan KWSP dan Syarikat Subsidiari yang disediakan pada akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan KWSP serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan dan KWSP memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua urus niaga, baki antara syarikat dan keuntungan atau kerugian tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

2.3 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat Subsidiari adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Syarikat Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status Syarikat Subsidiari akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuan Syarikat Subsidiari. Berdasarkan kaedah ini, Syarikat Subsidiari disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan diukur pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya diukur mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Kawal. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai Muhibah seperti di Nota 2.10(b). Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih Syarikat Subsidiari yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus di Penyata Untung Atau Rugi.

Kepentingan Tak Kawal merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih Syarikat Subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan Tak Kawal diukur pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti Syarikat Subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti Syarikat Subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

Untung atau rugi atas pelupusan Syarikat Subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih Syarikat Subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan Syarikat Subsidiari dan diiktiraf di Penyata Untung Atau Rugi Disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh signifikan, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam KWSP diukur semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai dibawa diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksama daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan selaras dengan MFRS 9. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berasaskan ekuiti atau aset kewangan sedia dijual bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat Bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi. Pengaruh signifikan adalah kuasa yang terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi Syarikat Bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan pelaburan dalam Syarikat Bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk Muhibah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan selepas ditolak rosot nilai terkumpul atas Muhibah.

Bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian Syarikat Bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf di Penyata Untung Atau Rugi Disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam Syarikat Bersekutu dinyatakan pada kos beserta pelarasan untuk menunjukkan perubahan ke atas bahagian aset bersih Kumpulan Syarikat Bersekutu.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam Syarikat Bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

2.5 Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama

Pengaturan bersama ditentukan berdasarkan hak dan obligasi pihak yang terlibat dalam pengaturan bersama dengan mengambilkira bentuk struktur dan perundangan. Terdapat dua (2) jenis pengaturan bersama:

i. Operasi Bersama

Operasi bersama timbul apabila pengendali bersama mempunyai hak terhadap aset-aset dan obligasi berkaitan dengan pengaturan dan turut mengambilkira kepentingannya dalam aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

ii. Usaha Sama

Usaha Sama timbul apabila pengendali bersama mempunyai hak bagi aset bersih dalam pengaturan. Penyatuan berkadar dalam usaha sama tidak lagi dibenarkan.

Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

2.6 Mata Wang Asing

i. Transaksi Dan Baki Dalam Mata Wang Asing

Transaksi dan baki dalam mata wang asing dikira bersamaan dengan mata wang fungsi masing-masing bagi syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal mata wang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan. Aset kewangan dan liabiliti dalam mata wang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh laporan.

Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul di bawah rizab terjemahan mata wang asing di Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan dalam Penyata Untung Atau Rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan perkara bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.6 Mata Wang Asing (Samb.)

ii. Operasi Asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsi yang berbeza berbanding mata wang yang dilaporkan iaitu Ringgit Malaysia (RM) dalam Penyataan Penyata Kewangan telah diterjemah kepada RM seperti berikut:

- i. Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemah pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh laporan;
- ii. Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Untung Atau Rugi diterjemah pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- iii. Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke dalam Penyata Untung Atau Rugi Dan Penyata Pendapatan Komprehensif Lain menerusi Rizab Pertukaran Asing.

2.7 Instrumen Kewangan

i. Pengiktirafan Dan Pengukuran Awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, Kumpulan atau KWSP menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui Penyata Untung Atau Rugi, kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan perolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak hos dan diambil kira sebagai derivatif jika, dan sekiranya, ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri dan risiko ekonomi kontrak hos dan kontrak hos tidak dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Penyata Untung Atau Rugi. Sekiranya kontrak hos dan derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, ianya akan diakaunkan berdasarkan sifat kontrak hos tersebut.

ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan Dan Penilaian Berikutan

Kumpulan dan KWSP mengategorikan instrumen kewangan sebagaimana berikut:

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

Klasifikasi aset kewangan mengikut MFRS 9 berdasarkan kategori pengukuran berikut:

- Kos Terlunas;
- Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain; atau
- Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan Dan Penilaian Berikutan (Samb.)

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018) (Samb.)

Keperluan klasifikasi hutang dan instrumen ekuiti diterangkan di bawah:

a) Instrumen Hutang

Instrumen hutang ialah instrumen yang memenuhi takrifan liabiliti kewangan daripada perspektif penerbit instrumen hutang tersebut. Pengkelasan dan pengukuran instrumen hutang berikutnya bergantung kepada:

i. Model Perniagaan

Model perniagaan mencerminkan bagaimana Kumpulan dan KWSP mengurus aset kewangan untuk menjana aliran tunai. Maksudnya, sama ada matlamat Kumpulan dan KWSP semata-mata untuk mengumpul aliran tunai kontraktual daripada aset, atau untuk mengumpul aliran tunai kontraktual dan aliran tunai yang terjana daripada penjualan aset. Jika matlamat yang disebut tidak terpakai (cth. aset kewangan dipegang untuk tujuan perdagangan), maka aset kewangan diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada model perniagaan "lain". Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Kumpulan dan KWSP dalam menentukan model perniagaan untuk portfolio aset adalah termasuk pengalaman lepas mengenai bagaimana aliran tunai untuk aset-aset ini dikumpulkan, bagaimana prestasi aset dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama, dan bagaimana risiko dinilai dan diuruskan.

ii. Ciri-ciri Aliran Tunai

Model perniagaan terkini adalah memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontrak, atau untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan untuk dijual, Kumpulan dan KWSP akan menilai sama ada aliran tunai kontraktual aset kewangan mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah. Dalam membuat penilaian ini, Kumpulan dan KWSP menganggap sama ada aliran tunai kontraktual selaras dengan kaedah pinjaman asas, iaitu faedah hanya merangkumi pertimbangan untuk nilai masa wang, risiko kredit, risiko pinjaman asas lain dan margin keuntungan yang selaras dengan kaedah pinjaman asas. Aset kewangan dengan derivatif terbenam dianggap keseluruhannya apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah semata pembayaran prinsipal dan faedah.

Berdasarkan faktor-faktor ini, Kumpulan dan KWSP mengkelaskan instrumen hutang ke dalam salah satu (1) daripada tiga (3) kategori pengukuran berikut:

i. Kos Terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah dan yang tidak ditetapkan kategorinya pada Nilai Saksama Penyata Untung Atau Rugi, diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Jumlah bawaan aset-aset ini diselaraskan oleh apa-apa elaun kerugian kredit yang dijangka diiktiraf dan diukur dengan menggunakan metodologi yang dinyatakan di Nota 2.16. Kos Terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada *Effective Interest Rate* ("EIR"). Pelunasan EIR dimasukkan dalam Pendapatan Faedah dalam Penyata Untung Atau Rugi. Kerugian akibat kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dalam Rosot Nilai Bersih Ke Atas Aset Pelaburan Kewangan.

Instrumen hutang Kumpulan dan KWSP yang dikelaskan sebagai Kos Terlunas terdiri daripada Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas, Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, Penghutang, Deposit dan Pembayaran Balik, Deposit dengan Institusi Kewangan dan Bank dan Baki Tunai. Termasuk Aset Pelaburan pada Kos Terlunas adalah Pendapatan Tetap Pelaburan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, Pelaburan Daripada Kerajaan, Bon dan Sekuriti Hutang Swasta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan Dan Penilaian Berikutan (Samb.)

a) Instrumen Hutang (Samb.)

ii. Ciri-ciri Aliran Tunai (Samb.)

ii. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain

Aset kewangan yang dipegang untuk aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset, di mana aliran tunai aset mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah, dan tidak ditetapkan kategorinya pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, diukur pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui pendapatan komprehensif lain, kecuali pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai diukur menggunakan metodologi yang dinyatakan di Nota 2.16, pendapatan faedah dan keuntungan atau kerugian pertukaran asing ke atas kos terlunas aset diiktiraf dalam Untung Atau Rugi. Faedah yang diperolehi semasa memegang aset dilaporkan sebagai Pendapatan Faedah dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada rosot nilai dikelaskan semula daripada pendapatan komprehensif lain kepada Penyata Untung Atau Rugi sebagai Rosot Nilai Aset Pelaburan Kewangan. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada Penyata Untung Atau Rugi dan diiktiraf dalam Pendapatan Pelaburan Kasar.

Instrumen hutang Kumpulan dan KWSP yang dikelaskan sebagai Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain terdiri daripada Instrumen Pendapatan Tetap Pelaburan Global dan Domestik.

iii. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Aset kewangan yang tidak memenuhi kriteria untuk Kos Terlunas atau Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain, termasuk aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan dan derivatif, diukur pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi. Keuntungan atau kerugian pada aset yang kemudiannya diukur pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi dan bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dan dibentangkan dalam Pendapatan Pelaburan Kasar. Faedah yang diperolehi semasa memegang aset dilaporkan sebagai Pendapatan Faedah dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Di samping itu, aset kewangan yang memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain boleh ditetapkan kategorinya terus oleh pengurusan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi pada pengiktirafan awal, dengan syarat penetapan kategori itu menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara perlakuan yang tidak konsisten yang akan timbul daripada mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian atas dasar yang berbeza. Penetapan kategori tersebut ditentukan berdasarkan keperluan instrumen. Sebarang perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dan dibentangkan dalam Pendapatan Pelaburan Kasar. Faedah yang diperolehi diiktiraf dalam Pendapatan Faedah menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pengkelasan Semula Instrumen Hutang

Kumpulan dan KWSP mengklasifikasikan semula pelaburan hutang hanya apabila model perniagaannya untuk menguruskan aset tersebut berubah. Pengkelasan semula berlaku dari permulaan tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan. Perubahan sedemikian dijangka menjadi sangat jarang dan tidak berlaku pada tahun kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan Dan Penilaian Berikutan (Samb.)

b) Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit ekuiti tersebut iaitu instrumen yang tidak mengandungi obligasi kontrak untuk membayar dan keterangan yang mempunyai kepentingan sisa dalam aset bersih penerbit ekuiti.

Kumpulan dan KWSP seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti di Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, kecuali di mana pengurusan telah memilih pengiktirafan awal terhadap pelaburan ekuiti yang dipegang bukan untuk diperdagangkan di Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Apabila pilihan ini digunakan, keuntungan dan kerugian nilai saksama diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan tidak kemudiannya dikelaskan semula kepada Penyata Untung Atau Rugi, termasuk pelupusan. Dividen yang diperoleh semasa memegang pelaburan ekuiti diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi sebagai Pendapatan Pelaburan Kasar apabila hak untuk pembayaran telah ditetapkan.

Keuntungan dan kerugian ke atas pelaburan ekuiti di Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, termasuk dividen yang diterima, dimasukkan ke dalam Pendapatan Pelaburan Kasar dalam keuntungan atau kerugian.

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017)

Pengkelasan aset kewangan berdasarkan MFRS 139 adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkaitan dilabur oleh Kumpulan dan KWSP. Kumpulan dan KWSP menentukan pengkelasan aset kewangan pada waktu pembelian dibuat. Aset Kewangan selain daripada kategori Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan dan Deposit Dengan Institusi Kewangan ditunjukkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pengiktirafan dan penilaian awal aset kewangan adalah sebagaimana berikut:

- i. Pembelian dan penjualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh di mana Kumpulan dan KWSP mempunyai komitmen untuk membeli atau menjual aset kewangan berkaitan.
- ii. Pengiktirafan awal aset kewangan adalah pada nilai saksama termasuk kos urus niaga yang berkaitan.

Polisi perakaunan bagi aset kewangan pelaburan adalah sebagaimana berikut:

a. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan serta mempunyai tempoh kematangan yang juga telah ditetapkan di mana Kumpulan dan KWSP mempunyai hasrat positif serta keupayaan untuk memegang aset pelaburan ini sehingga matang. Seandainya instrumen Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dijual pada kuantum yang melebihi daripada amaun yang tidak ketara, maka keseluruhan portfolio aset kewangan ini dikira sebagai tercemar dan perlu dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang adalah Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bon dan Sekuriti Hutang Persendirian.

Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dinilai berikutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan Dan Penilaian Berikutan (Samb.)

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017) (Samb.)

b. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah aset kewangan bukan derivatif di mana Kumpulan mempunyai hasrat untuk mengkelaskan instrumen pelaburan di bawah kelas aset kewangan ini sewaktu pembelian dibuat yang mana aset kewangan tersebut tidak dikelaskan di bawah lain-lain kelas aset kewangan di bawah MFRS 139.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual adalah instrumen pelaburan ekuiti domestik dan global yang merangkumi Ekuiti Tersiar Harga dan Ekuiti Tidak Tersiar Harga sama ada diuruskan secara dalaman ataupun melalui Pengurus Dana Luar serta instrumen pelaburan berpendapatan tetap domestik dan global.

Penilaian berikutnya ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual adalah pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama termasuk perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing bagi instrumen pelaburan global diiktiraf dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual kecuali bagi transaksi rosot nilai.

Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian bagi kadar pertukaran mata wang asing yang terhasil semasa penilaian semula bagi instrumen pelaburan berpendapatan tetap global diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dalam tempoh di mana perubahan berlaku.

c. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi adalah aset kewangan yang dipegang untuk tujuan dagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini jika ia dibeli untuk tujuan dagangan atau dibeli semula dalam jangka masa yang pendek. Aset kewangan derivatif juga dikelaskan sebagai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi.

Instrumen pelaburan yang boleh dikelaskan sebagai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi adalah Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap yang dikategorikan sebagai portfolio dagangan serta instrumen derivatif sama ada yang dibeli secara terus ataupun yang terbenam dalam kontrak yang dimeterai oleh KWSP pada Penyata Kedudukan Kewangan.

d. Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dan mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Aset kewangan Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan diiktiraf pada tarikh urus niaga di mana Kumpulan mempunyai komitmen untuk memberi pinjaman termasuk kos urus niaga yang berkaitan jika ada. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah pulangan berkesan.

Termasuk dalam Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan adalah aset kewangan Pinjaman Staf dan Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan Dan Penilaian Berikutan (Samb.)

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017) (Samb.)

d. Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan (Samb.)

Pinjaman Staf

Tiada kesan signifikan untuk mencatat aset kewangan Pinjaman Staf pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Terdapat tiga (3) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada staf KWSP pada kadar faedah yang diluluskan oleh Lembaga berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- i. Skim Pinjaman Perumahan;
- ii. Skim Pinjaman Kenderaan; dan
- iii. Skim Pinjaman Peribadi.

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman kepada staf untuk tiga (3) skim di atas adalah tertakluk kepada alokasi dana yang diluluskan oleh Lembaga.

e. Penghutang

Penghutang adalah dinilai pada amaun invois setelah ditolak elaun rosot nilai. Tiada kesan signifikan untuk mencatat Penghutang pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Elaun rosot nilai diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma asal Penghutang sebagaimana polisi rosot nilai yang dinyatakan dalam Nota 2.16.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui Penyata Untung Atau Rugi, adalah tertakluk kepada penilaian semula rosot nilai sebagaimana dinyatakan di Nota 2.16.

Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan, kecuali yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Penyata Untung Atau Rugi akan diukur pada kos terlunas.

Nilai saksama melalui kategori untung atau rugi terdiri daripada liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan), pertimbangan luar jangka dalam gabungan perniagaan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Bagi derivatif yang berkaitan dan perlu diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak tersiar harga di pasaran aktif untuk instrumen yang sama yang mana nilai saksamanya tidak dapat diukur, akan diukur pada kos.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Penyata Untung Atau Rugi akan diukur pada nilai saksama di mana untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

Liabiliti Kewangan (Samb.)

i. Instrumen Lindung Nilai

Lindung Nilai Saksama

Lindung nilai saksama adalah pendedahan terhadap lindung nilai bagi perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf atau komitmen teguh yang tidak diiktiraf, atau bahagian yang dikenal pasti bagi apa-apa aset, liabiliti atau komitmen teguh, yang boleh dikaitkan dengan risiko tertentu dan boleh memberi kesan kepada untung atau rugi.

Dalam lindung nilai saksama, keuntungan atau kerugian daripada pengukuran semula instrumen lindung nilai saksama atau komponen mata wang asing daripada jumlah dibawa diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada akhir tempoh laporan diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian daripada item yang dilindung nilai, kecuali item lindung nilai yang dikategorikan sebagai sedia untuk dijual (yang terpakai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017), yang berkaitan dengan risiko yang dilindung nilai diselaraskan kepada nilai dibawa item yang dilindung nilai dan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi. Untuk item lindung nilai yang dikategorikan sebagai sedia untuk dijual, keuntungan atau kerugian nilai saksama berkaitan dengan risiko lindung nilai diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Lindung Nilai Aliran Tunai

Lindung nilai aliran tunai adalah satu perlindungan daripada pendedahan kepada perubahan aliran tunai yang boleh dikaitkan dengan risiko tertentu terhadap aset atau liabiliti yang diiktiraf atau jangkaan transaksi berkemungkinan tinggi yang boleh menjejaskan untung atau rugi.

Bahagian milik untung atau rugi atas derivatif yang digunakan untuk menguruskan risiko kadar faedah aliran tunai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul dalam rizab lindung nilai aliran tunai. Walau bagaimanapun, jika Kumpulan menamatkan kedudukan lebih awal, untung atau rugi terkumpul diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Lain dibekukan dan dikelaskan semula daripada rizab lindung nilai aliran tunai kepada Penyata Untung Atau Rugi menggunakan kaedah faedah efektif. Bahagian yang tidak efektif dalam keuntungan dan kerugian atas derivatif yang digunakan untuk menguruskan risiko kadar faedah aliran tunai diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

ii. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

NOTA-NOTA KEPADA
 PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.8 Hartanah, Loji Dan Peralatan Serta Susut Nilai

Hartanah, Loji Dan Peralatan adalah dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai dibawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan munasabah.

Nilai dibawa bagi komponen yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Untung Atau Rugi bagi tahun kewangan ianya berlaku.

Tanah Milik Bebas dan Kerja Dalam Pembinaan tidak disusut nilaikan. Semua Hartanah, Loji Dan Peralatan lain disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

Bangunan	30 tahun - 50 tahun
Loji, Bangunan Dan Mesin	5 tahun - 10 tahun
Ubahsuai Pejabat/Bangunan	5 tahun - 10 tahun
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	5 tahun
Kenderaan Bermotor	5 tahun
Kelengkapan Pejabat	5 tahun
Perisian Dan Perkakasan Komputer	3 tahun - 5 tahun

Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap serta Kelengkapan Pejabat bagi kos kurang daripada RM1,000 seunit disusut nilai sepenuhnya pada tahun perolehan.

Ubahsuai Pejabat/Bangunan pada nilai RM100,000 dan lebih akan dipermodalkan. Bagi ubahsuai di mana kos projek adalah bernilai kurang daripada RM100,000, kos ubahsuai berkenaan dicaj sebagai perbelanjaan tahun semasa.

Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Selain dari itu, penilaian ke atas Hartanah yang terdiri daripada Tanah dan Bangunan juga dibuat setiap lima (5) tahun bagi menilai jika terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.16.

Susut nilai bagi pembelian bangunan siap di mana kos tanah dan kos bangunan tidak dapat dikenal pasti semasa perolehan dibuat akan mengikut anggaran usia penggunaan bangunan iaitu 30 hingga 50 tahun.

Bagi setiap Hartanah, Loji Dan Peralatan yang dilupuskan, perbezaan di antara ganjaran pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf di Penyata Untung Atau Rugi. Apabila penggunaan hartanah berubah daripada digunakan sendiri kepada tujuan pelaburan, hartanah tersebut akan dinilai berdasarkan nilai saksama dan dikelaskan di bawah Hartanah Pelaburan.

Sek 1
 Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.9 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan terdiri daripada Tanah dan Bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki oleh Kumpulan sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan. Hartanah Pelaburan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul. Hartanah Pelaburan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai baki bersih sepanjang anggaran usia penggunaan di antara 40 hingga 50 tahun. Apabila Hartanah Pelaburan dilupuskan, atau ianya tidak digunakan langsung dan dijangka tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ianya dihapuskan daripada Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dalam tempoh ianya dilupuskan.

Susut nilai bagi bangunan yang diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan adalah pada usia penggunaan 30 hingga 50 tahun sebagaimana di Nota 2.8. Pada setiap tarikh Penyata Kewangan, Kumpulan perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Penilaian semula ke atas Hartanah Pelaburan dibuat setiap lima (5) tahun sekali bagi menilai jika terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.16.

2.10 Aset Tak Ketara

a. Lesen Dan Perisian Teknologi Maklumat

Perbelanjaan yang wujud daripada Lesen Dan Perisian Teknologi Maklumat khusus diukur pada kos pengiktirafan. Selepas pengiktirafan awal, Aset Tak Ketara adalah dibawa pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Aset Tak Ketara akan dilunaskan berdasarkan asas garis lurus di sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi selama lima (5) tahun dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa Aset Tak Ketara mungkin telah mengalami rosot nilai.

b. Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebih kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi kepentingan tak kawal ke atas aset bersih yang dikenal pasti akan diperolehi dan liabiliti yang ditanggung. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang dibeli melebihi kos pembelian yang diiktiraf, keuntungannya diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi. Selepas pengiktirafan awal, Muhibah diukur pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibah disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang menggambarkan nilai dibawa mungkin mengalami rosot nilai. Rosot nilai atas Muhibah tidak boleh dicatat semula. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2.16.

2.11 Prabayaran Tanah Milik Pajak

Tanah Milik Pajak dinyatakan pada kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Prabayaran Tanah Milik Pajak dilunaskan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai sisa bersih di sepanjang usia pajakan.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dalam tempoh ianya dilupuskan. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Penilaian semula ke atas Prabayaran Tanah Milik Pajak dibuat setiap lima (5) tahun bagi menilai jika terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.16.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.12 Aset Dipegang Untuk Jualan

Aset bukan semasa atau pelupusan Kumpulan yang terdiri daripada aset dan liabiliti dikelaskan sebagai Aset Dipegang Untuk Jualan dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai dibawa dan nilai saksama ditolak kos jualan, sekiranya nilai dibawa tersebut akan dipulih semula melalui jualan dan bukan melalui penggunaan berterusan.

Tiada susut nilai atau pelunasan diperuntukkan ke atas aset tersebut setelah ia dikelaskan sebagai aset bukan semasa dipegang untuk jualan. Aset tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan dan perbezaan di antara kutipan bersih pelupusan dan jumlah dibawa diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian pada tempoh pelupusan.

Aset yang tidak lagi dikelaskan sebagai aset bukan semasa dipegang untuk jualan akan dinilai pada amaun yang lebih rendah di antara jumlah nilai dibawa sebelum aset tersebut dikelaskan sebagai aset bukan semasa dipegang untuk jualan, diselaraskan bagi sebarang susut nilai atau penilaian semula yang mungkin diiktiraf jika aset tersebut tidak dikelaskan sebagai aset bukan semasa dipegang untuk jualan dan jumlah boleh dikutip semula pada tarikh selepas ia diputuskan untuk tidak dijual.

2.13 Kos Pembangunan Hartanah

Kos Pembangunan Hartanah terdiri daripada semua kos langsung yang berkaitan dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diagih berdasarkan asas yang munasabah kepada aktiviti yang berkaitan. Kos Pembangunan Hartanah Kumpulan adalah diakaunkan sebagai aset yang dinyatakan pada kos atau nilai realis bersih yang mana terendah.

2.14 Aset Kontrak Dan Liabiliti Kontrak

Aset Kontrak adalah hak ke atas hasil yang diterima bagi barangan atau perkhidmatan yang dipindahkan kepada pelanggan. Bagi kes pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan, aset kontrak adalah lebih pendapatan kumulatif yang diperolehi setakat bil semasa.

Kumpulan dan KWSP menilai Aset Kontrak bagi rosot nilai pada setiap tempoh pelaporan dan pelunasan diukur pada jumlah yang sama sepanjang tempoh kerugian kredit dijangka bagi Aset Kontrak.

Liabiliti Kontrak adalah obligasi Kumpulan dan KWSP untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan selepas menerima hasil jualan atau caj dikenakan ke atas pelanggan. Dalam hal pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan, Liabiliti Kontrak adalah lebih dari caj terkini berbanding pendapatan kumulatif yang diperolehi. Liabiliti Kontrak termasuk bayaran pendahuluan yang diterima daripada pelanggan dan lain-lain pendapatan ditangguhkan di mana Kumpulan dan KWSP telah mengenakan caj atau menerima bayaran sebelum barangan dihantar atau perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

2.15 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai Dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, di bank (termasuk yang diuruskan oleh Pengurus Dana Luar), deposit dengan institusi kewangan dan pelaburan mudah cair di mana risiko perubahan pada nilai saksama adalah rendah serta tempoh asal kematangan adalah pada tiga (3) bulan atau kurang. Tunai Dan Kesetaraan Tunai ini digunakan oleh Kumpulan dan KWSP untuk menguruskan komitmen jangka pendek.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.16 Rosot Nilai

Aset Bukan Kewangan

Aset Bukan Kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk rosot nilai setiap tahun. Aset Bukan Kewangan yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak boleh dipulihkan.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai dibawa Aset Bukan Kewangan melebihi nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menilai rosot nilai, Aset Bukan Kewangan dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset Bukan Kewangan selain daripada Muhibah yang mengalami rosot nilai disemak untuk kemungkinan rosot nilai dicatat semula pada setiap tahun pelaporan.

Rosot nilai akan dicaj dalam Penyata Untung Atau Rugi. Bagi aset-aset bukan kewangan lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun boleh pulih, ianya diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi kecuali bagi rosot nilai dicatat semula atas Aset Bukan Kewangan yang dinilai semula di mana ianya diambil kira ke Akaun Lebihan Penilaian Semula.

Aset Kewangan

Kemerosotan Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

Kumpulan dan KWSP menggunakan pendekatan tiga (3) peringkat untuk mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka (ECLs) bagi kategori aset kewangan berikut yang tidak diukur pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi:

- Instrumen hutang yang diukur pada Kos dan Nilai Saksama Yang Dilunaskan Melalui Pendapatan Komprehensif Yang Lain;
- Komitmen pinjaman; dan
- Kontrak jaminan kewangan.

Tiada ECL diiktiraf ke atas pelaburan ekuiti.

Aset kewangan bergerak melalui tiga (3) peringkat berikut berdasarkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal:

Tahap 1: 12 Bulan Elaun Kerugian Kredit Dijangka

Bagi pendedahan di mana tidak terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal dan tidak mengalami kejatuhan kredit semasa pengiktirafan awal, bahagian Elaun Kerugian Kredit Dijangka seumur hidup yang dikaitkan dengan kebarangkalian peristiwa ingkar yang berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang diiktiraf.

Tahap 2: Jangka Hayat Elaun Kerugian Kredit Dijangka - Kredit Tidak Terjejas

Bagi pendedahan di mana terdapat kenaikan risiko kredit yang ketara sejak pengiktirafan awal tetapi tiada kredit terjejas, Jangka Hayat Elaun Kerugian Kredit Dijangka (iaitu menggambarkan tempoh hayat aset kewangan yang lain) diiktiraf.

Kumpulan dan KWSP menilai jika pendedahan telah meningkat dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal (Tahap 2) melalui kriteria berikut:

- Kemerosotan nilai kredit seperti yang ditentukan oleh dasar kemerosotan KWSP;
- Kehilangan Permulaan Kadar Kredit; dan
- Penstrukturan dan Penjadualan semula disebabkan oleh peningkatan risiko kredit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.16 Rosot Nilai (Samb.)

Aset Kewangan (Samb.)

Tahap 3: Jangka Hayat Elaun Kerugian Kredit Dijangka - Kredit Terjejas

Pendedahan dinilai sebagai kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut telah berlaku. Bagi pendedahan yang telah menjejaskan kredit Jangka Hayat, Elaun Kerugian Kredit Dijangka diiktiraf dan hasil faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif kepada kos dilunaskan (bersih daripada peruntukan) dan bukannya jumlah bawaan kasar.

Kumpulan atau KWSP menilai jika pendedahan mengalami penurunan nilai kredit melalui kriteria berikut:

Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas

- (1) Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- (2) Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- (3) Penamatan operasi perniagaan/mufliis (bagi kes yang telah difailkan);
- (4) Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
- (5) Syarikat yang dilaburkan telah dikelaskan sebagai PN17;
- (6) Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- (7) Syarikat yang melabur menerima Sijil Audit Bersyarat.

Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain

- (1) Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- (2) Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- (3) Penamatan operasi perniagaan/mufliis (bagi kes yang telah difailkan);
- (4) Syarikat yang dilaburkan telah dikelaskan sebagai PN17;
- (5) Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- (6) Syarikat yang melabur menerima Sijil Audit Bersyarat.

Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

- (1) Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- (2) Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- (3) Peminjam menghentikan operasi perniagaan/kebankrapan (apabila memfailkan kes itu);
- (4) Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
- (5) Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- (6) Peminjam menerima Sijil Audit Bersyarat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.16 Rosot Nilai (Samb.)

Aset Kewangan (Samb.)

Tahap 3: Jangka Hayat Elaun Kerugian Kredit Dijangka - Kredit Terjejas (Samb.)

Pengukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka

Elaun Kerugian Kredit Dijangka diukur sama ada dalam tempoh 12 bulan atau sepanjang hayat bergantung kepada sama ada peningkatan ketara dalam risiko kredit telah berlaku sejak pengiktirafan awal atau sama ada sesuatu aset dianggap mengalami kredit terjejas.

Tahap 1 Dan 2

Kerugian kredit yang dijangkakan daripada pendedahan Tahap 1 dan 2 adalah produk diskaun Kebarangkalian Ingkar (PD), Pendedahan Pada Ingkar (EAD) dan Kerugian Akibat Kemungkinan (LGD), yang ditakrifkan seperti berikut:

- a. Kebarangkalian Ingkar (PD) mewakili kemungkinan peminjam ingkar terhadap obligasi kewangannya, sama ada dalam tempoh 12 bulan akan datang atau sepanjang tempoh baki obligasi.
- b. Pendedahan Pada Ingkar (EAD) didasarkan pada jumlah yang dijangkakan oleh Kumpulan pada masa kegagalan, dalam tempoh 12 bulan akan datang atau sepanjang hayat yang selebihnya.
- c. Kerugian Akibat Kemungkinan (LGD) mewakili jangkaan Kumpulan tentang tahap kerugian pada pendedahan yang mungkir.

Elaun Kerugian Kredit Dijangka ditentukan dengan pengiraan Kebarangkalian Ingkar, Pendedahan Pada Ingkar dan Kerugian Akibat Kemungkinan untuk setiap bulan akan datang bagi setiap pendedahan individu. Ketiga-tiga komponen ini digandakan dan diselaraskan untuk kemungkinan kelangsungan hidup.

Tahap 3

Tahap 3 Elaun Kerugian Kredit Dijangka diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kaedah asal hasil efektif aset kewangan. Nilai dibawa aset kewangan dikurangkan dan amaun kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Maklumat Masa Hadapan

Penilaian SICR dan pengiraan Elaun Kerugian Kredit Dijangka kedua-duanya memasukkan maklumat masa hadapan. Kumpulan telah melakukan analisis sejarah dan mengenal pasti pemboleh ubah ekonomi utama yang memberi kesan kepada risiko kredit dan kerugian kredit yang dijangka untuk setiap portfolio. Penilaian pakar juga telah digunakan dalam proses ini. Ramalan pemboleh ubah ekonomi ini disediakan oleh Jabatan Ekonomi Dan Pasaran Modal KWSP secara tahunan dan memberikan pandangan anggaran terbaik ekonomi dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Selain itu, Jabatan Ekonomi Dan Pasaran Modal KWSP juga menyediakan senario lain yang mungkin bersama-sama dengan wajaran senario.

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017)

Kesemua aset kewangan (kecuali aset yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi), dinilai pada setiap tarikh laporan kewangan, sama ada terdapat bukti objektif bahawa ia mengalami rosot nilai lanjutan daripada sebarang aktiviti yang akan memberi kesan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan tersebut. Jangkaan kerugian daripada sebarang aktiviti masa hadapan tanpa mengira kemungkinannya adalah tidak diiktiraf. Pelaburan dalam instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau penurunan berterusan nilai saksama di bawah kos adalah bukti objektif ia mengalami rosot nilai. Sekiranya terdapat sebarang bukti objektif, rosot nilai bagi aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.16 Rosot Nilai (Samb.)

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017) (Samb.)

Polisi perakaunan berhubung pengiktirafan rosot nilai ke atas aset kewangan semasa penilaian berikutan adalah seperti berikut:

i. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Kumpulan membuat semakan sama ada terdapat bukti objektif bahawa Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang telah mengalami rosot nilai secara berkala. Aset kewangan ini dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif hasil daripada beberapa petunjuk yang berlaku selepas penilaian awal ke atas aset kewangan berkaitan dibuat. Ia memberi implikasi kepada jangkaan aliran tunai daripada aset kewangan tersebut yang boleh dianggarkan dengan munasabah.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan untuk menentukan sama ada bukti objektif terhadap rosot nilai telah berlaku bagi Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang adalah seperti berikut:

- (a) Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- (b) Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- (c) Penamatan operasi perniagaan/muflis (bagi kes yang telah difailkan);
- (d) Menerima perintah penggulungan operasi perniagaan;
- (e) Syarikat yang dilabur diklasifikasi sebagai PN17;
- (f) Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- (g) Syarikat yang dilabur menerima Sijil Audit Bersyarat.

Amaun rosot nilai dikira sebagai perbezaan di antara nilai dibawa Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang akan diterima di masa hadapan daripada aset kewangan tersebut yang didiskaunkan menggunakan kaedah asal hasil efektif aset kewangan tersebut. Nilai dibawa Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang menurun dan amaun rosot nilai akan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Seandainya sewaktu penilaian semula dibuat pada tempoh berikutnya mendapati bahawa amaun rosot nilai telah menurun di mana penurunan ini boleh dihubungkan dengan bukti objektif selepas rosot nilai telah diiktiraf, maka rosot nilai dicatat semula diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Apabila Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang tidak dapat dikutip, ia akan dihapus kira melalui akaun elaun rosot nilai. Tindakan hapus kira hanya dilaksanakan apabila semua prosedur yang berkaitan telah selesai serta amaun kerugian telah dikenal pasti bagi aset tersebut.

ii. Aset Kewangan Sedia Dijual

Kumpulan membuat semakan sama ada terdapat bukti objektif bahawa Aset Kewangan Sedia Dijual telah mengalami rosot nilai secara berkala. Kaedah semakan yang digunakan oleh Kumpulan adalah bergantung kepada jenis instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual seperti berikut:

a. Instrumen Pelaburan Ekuiti

Rosot nilai diiktiraf apabila berlaku penurunan nilai saksama yang signifikan atau secara berterusan berbanding dengan kos asal pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Jika terdapat bukti ianya berlaku, jumlah kerugian tidak nyata terkumpul yang telah diiktiraf dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual sebelum ini dikeluarkan dan rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi. Amaun rosot nilai yang diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi adalah perbezaan di antara kos pembelian dengan nilai saksama semasa tolak dengan jumlah rosot nilai yang telah diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi sebelum ini. Sebarang rosot nilai yang pernah diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi tempoh terdahulu bagi instrumen pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual tidak dicatat semula dalam Penyata Untung Atau Rugi tempoh semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.16 Rosot Nilai (Samb.)

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017) (Samb.)

ii. Aset Kewangan Sedia Dijual (Samb.)

b. Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap

Kaedah semakan rosot nilai bagi Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual adalah konsisten seperti kaedah yang digunakan bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang. Kriteria yang konsisten turut digunakan oleh KWSP untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif terhadap rosot nilai telah berlaku sebagaimana berikut:

- i. Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- ii. Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- iii. Penamatan operasi perniagaan/mufflis (bagi kes yang telah difailkan);
- iv. Syarikat yang dilabur diklasifikasi sebagai PN17;
- v. Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- vi. Syarikat yang dilabur menerima Sijil Audit Bersyarat.

Amaun rosot nilai bagi Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual dikira sebagai perbezaan di antara nilai dibawa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang akan diterima di masa hadapan daripada aset kewangan tersebut yang didiskaunkan menggunakan kadar asal pulangan berkesan aset kewangan tersebut. Nilai dibawa aset kewangan ini akan menurun dan amaun rosot nilai akan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi. Sekiranya penilaian semula dibuat pada tempoh berikutnya mendapati amaun rosot nilai telah menurun, di mana penurunan ini boleh dihubungkan dengan bukti objektif selepas rosot nilai telah diiktiraf, maka rosot nilai dicatat semula diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

iii. Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

Kumpulan dan KWSP membuat semakan sama ada terdapat bukti objektif bahawa Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan telah terjejas secara berkala. Aset kewangan ini dianggap terjejas apabila terdapat bukti objektif hasil daripada beberapa petunjuk yang berlaku selepas penilaian awal ke atas aset kewangan berkaitan dibuat yang memberi implikasi kepada jangkaan aliran tunai yang akan diterima di masa hadapan daripada aset kewangan tersebut yang boleh dianggarkan dengan munasabah.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan untuk menentukan sama ada bukti objektif terhadap rosot nilai telah berlaku bagi Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan termasuk berikut:

- i. Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- ii. Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- iii. Penamatan operasi perniagaan peminjam/mufflis (bagi kes yang telah difailkan);
- iv. Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
- v. Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- vi. Syarikat peminjam menerima Sijil Audit Bersyarat.

Amaun rosot nilai dikira sebagai perbezaan di antara nilai dibawa Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang akan diterima di masa hadapan daripada aset kewangan tersebut yang didiskaunkan menggunakan kadar asal pulangan berkesan aset kewangan tersebut. Nilai dibawa Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan akan menurun melalui penggunaan akaun elaun dan amaun rosot nilai akan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Sekiranya penilaian semula dibuat pada tempoh berikutnya mendapati amaun rosot nilai telah menurun di mana penurunan ini boleh dihubungkan dengan bukti objektif selepas rosot nilai telah diiktiraf, maka rosot nilai penarikbalikan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.16 Rosot Nilai (Samb.)

Aset Kewangan (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017) (Samb.)

iii. Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan (Samb.)

Apabila Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan tidak dapat dikutip, ia akan dihapus kira melalui akaun elaun rosot nilai. Tindakan hapus kira hanya dilaksanakan apabila semua prosedur yang berkaitan telah selesai serta amaun kerugian telah dikenal pasti ke atas aset tersebut.

Elaun rosot nilai atas Pinjaman Staf diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma dan syarat Pinjaman Staf sebagaimana polisi rosot nilai yang diluluskan.

iv. Penghutang

Rosot nilai atas Penghutang diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut prosedur yang diluluskan.

Sekiranya penilaian semula dibuat pada tempoh berikutnya mendapati amaun rosot nilai telah menurun atau boleh dipulih semula, maka rosot nilai atas Penghutang dicatat semula dalam Penyata Untung Atau Rugi.

2.17 Inventori

Inventori Kumpulan terdiri daripada hartanah yang telah siap dan inventori hotel yang diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai nyata bersih.

Inventori kos hartanah yang telah siap ditentukan berdasarkan asas khusus yang dikenal pasti. Kos ini termasuk kos berkaitan dengan pembelian tanah, kos langsung dan belanja pembangunan yang sewajarnya.

Kos inventori hotel dikira menggunakan kaedah "Masuk Dahulu-Keluar Dahulu" dan termasuk perbelanjaan semasa pembelian inventori dan kos-kos lain yang terlibat untuk membawa inventori tersebut ke lokasi semasa.

Nilai nyata bersih adalah anggaran harga jualan dalam persekitaran dagangan yang normal selepas ditolak anggaran kos siap dan kos yang berkaitan untuk melaksanakan jualan.

2.18 Cukai Dan Zakat

a. Cukai

KWSP dikecualikan daripada cukai pendapatan berdasarkan perenggan 20 – Jadual 6, Bahagian I, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Cukai pendapatan Syarikat Subsidiari atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai dibawanya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga ke tahap di mana keuntungan boleh dicukai berkemungkinan untuk digunakan ke atas perbezaan sementara, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.18 Cukai Dan Zakat (Samb.)

a. Cukai (Samb.)

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset dinyatakan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi kecuali jika ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam Penyata Kedudukan Kewangan, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal yang mana cukai tertunda dimasukkan dalam Muhibah atau Muhibah Negatif terhasil.

b. Zakat

Zakat yang dinyatakan adalah mewakili zakat perniagaan yang dibayar oleh Syarikat Subsidiari yang mematuhi prinsip-prinsip Shariah dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Shariah. Zakat dikira berdasarkan kaedah modal kerja pada kadar 2.5%.

2.19 Manfaat Pekerja

a. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus, caruman kepada Institusi Keselamatan Sosial dan bayaran gratuity kepada staf kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

b. Pelan Caruman Ditetapkan

Caruman dibuat kepada KWSP bagi pekerja yang telah memilih untuk menerima faedah KWSP.

c. Manfaat Jangka Panjang

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Lain-lain Pendapatan Komprehensif dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

Bayaran manfaat pekerja jangka panjang selepas persaraan atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akruan di Penyata Untung Atau Rugi tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja. Jenis-jenis manfaat pekerja jangka panjang yang akan diiktiraf secara akruan ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Faedah perubatan pesara;
- ii. Gratuity kepada pesara; dan
- iii. Bayaran Award Cuti Gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini).

Pengiraan amaun tanggungan faedah perubatan dan tanggungan gratuity kepada pesara adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap tiga (3) tahun.

Pengiraan amaun tanggungan bagi gratuity kepada staf kontrak dan bayaran Award Cuti Gantian kepada staf yang bersara adalah berdasarkan angka sebenar pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan serta kelayakan mengikut terma dan syarat perkhidmatan. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun tanggungan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.19 Manfaat Pekerja (Samb.)

d. Manfaat Penamatan

Manfaat Penamatan perlu dibayar apabila staf menerima pemberhentian sukarela sebagai gantian untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf Manfaat Penamatan apabila terdapat komitmen ketara untuk menamatkan perkhidmatan staf semasa mengikut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan menarik kembali pelan tersebut.

e. Manfaat Pemilikan Ekuiti

Skim Pilihan Saham untuk staf Kumpulan (ESOS) membenarkan stafnya (termasuk pengarah eksekutif) selain daripada staf di Syarikat Subsidiarinya yang berstatus dorman, untuk mendapatkan pemilikan saham biasa dalam Syarikat Subsidiari tersebut. Tiada kos bayaran atau obligasi diiktiraf. Apabila pilihan dilaksanakan, ekuiti bertambah melalui amaun ganjaran yang diterima.

2.20 Pinjaman Dan Overdraf

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga. Pada tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Sebarang perbezaan antara amaun kutipan (selepas ditolak kos urus niaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi sepanjang tempoh pinjaman. Faedah, dividen, kerugian dan keuntungan berkaitan dengan suatu instrumen kewangan atau bahagian komponen yang dikelaskan sebagai tanggungan adalah seperti yang dilaporkan dalam perbelanjaan pelaburan dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Pinjaman dikelaskan sebagai tanggungan semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian tanggungan untuk sekurang-kurangnya selama 12 bulan selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Yuran yang dibayar bagi memperolehi kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman setakat mana sebahagian atau keseluruhan kemudahan pinjaman, yang berkemungkinan diluluskan.

2.21 Peruntukan Bagi Liabiliti

Peruntukan Bagi Liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lalu dan berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa ke atas wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menjelaskan obligasi.

2.22 Liabiliti Kos Invokasi Di Bawah Seksyen 50(3)

Liabiliti Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 adalah bertujuan membiayai bayaran caruman syer pekerja bagi potongan yang dibuat atas gaji pekerja bersama amaun dividen atas caruman tersebut sekiranya majikan gagal membayar syer caruman pekerja tersebut didedahkan sebagai Caj Berkanun dalam Penyata Untung Atau Rugi KWSP serta sebahagian daripada Pemiutang Dan Liabiliti Terakru dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

2.23 Aset Dan Liabiliti Luar Jangka

Aset Luar Jangka merupakan jangkaan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu (1) atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf Aset Luar Jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.23 Aset Dan Liabiliti Luar Jangka (Samb.)

Kumpulan tidak mengiktiraf Liabiliti Luar Jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di Penyata Kewangan. Liabiliti Luar Jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu (1) atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti Luar Jangka juga wujud bagi kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

2.24 Akaun Caruman Ahli

Caruman dikreditkan ke akaun ahli mengikut bulan caruman atas dasar terimaan tunai kecuali kes pengkreditan berasaskan Invokasi Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 seperti dinyatakan di Nota 2.22.

2.25 Dividen Dikreditkan/Dibayar Kepada Ahli

Dividen tahunan dikira atas baki pembuka pada 1 Januari (selepas ditolak pengeluaran) dan dicampur caruman mengikut bulan caruman dan dikreditkan ke akaun ahli pada penutupan akhir tahun kewangan. Dividen ke atas pengeluaran adalah dikira dari awal tahun pengeluaran sehingga ke tarikh akaun caruman didebitkan. Pendapatan yang diterima dalam tahun semasa diagih kepada semua ahli KWSP secara maksimum selepas mengiktiraf semua perbelanjaan tahun semasa berlandaskan polisi perakaunan KWSP yang diluluskan oleh Lembaga.

2.26 Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual

a. Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)

Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain telah diwujudkan untuk mengakaunkan pergerakan perubahan nilai saksama bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Akaun Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain dikreditkan apabila terdapat perubahan positif kepada nilai saksama Aset Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Sebaliknya, akaun rizab ini didebit apabila berlaku perubahan negatif kepada nilai saksama Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain atau terdapat transaksi penjualan bagi Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain.

b. Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017)

Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual telah diwujudkan untuk mengakaunkan pergerakan perubahan nilai saksama bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual. Akaun Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual dikreditkan apabila terdapat perubahan positif kepada nilai saksama Aset Kewangan Sedia Dijual. Sebaliknya, akaun rizab ini didebit apabila berlaku perubahan negatif kepada nilai saksama Aset Kewangan Sedia Dijual atau terdapat transaksi penjualan bagi Aset Kewangan Sedia Dijual. Apabila berlaku rosot nilai ke atas sesuatu item Aset Kewangan Sedia Dijual, keseluruhan baki yang wujud dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual bagi item berkenaan akan dikitar semula di mana rosot nilai diiktiraf sepenuhnya dalam Penyata Untung Atau Rugi.

2.27 Pengiktirafan Pendapatan

a. Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Pendapatan diiktiraf sebagaimana dinyatakan dalam kontrak dengan pelanggan iaitu pertukaran untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk amaun yang dikutip bagi pihak ketiga. Kumpulan atau KWSP mengiktiraf pendapatan apabila (atau semasa) memindahkan kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau semasa) pelanggan memperoleh kawalan ke atas aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.27 Pengiktirafan Pendapatan (Samb.)

a. Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (Samb.)

Kumpulan atau KWSP memindahkan kawalan ke atas suatu barangan atau perkhidmatan pada sesuatu masa kecuali salah satu daripada kriteria di bawah dipenuhi:

- (i) Pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh Kumpulan atau KWSP; atau
- (ii) Keupayaan Kumpulan atau KWSP menyediakan atau menambah baik aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset disediakan atau ditambah baik.

Pendapatan merangkumi nilai saksama bayaran yang diterima atau boleh diterima bagi penjualan barangan atau perkhidmatan dalam aktiviti rutin Kumpulan. Pendapatan diiktiraf sebagai nilai bersih selepas cukai, bayaran balik, rebat dan diskaun dan tidak mengambil kira jualan dalam intra-Kumpulan. Pendapatan Kumpulan dijelaskan di bawah:

i. Faedah, Pembiayaan Dan Pendapatan Keuntungan Dan Perbelanjaan

Pendapatan faedah dan perbelanjaan untuk kesemua instrumen kewangan diukur pada kos yang dilunaskan dan aset kewangan yang menjana faedah/keuntungan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi akan diiktiraf dalam pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah dalam Penyata Untung Atau Rugi menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pendapatan faedah ke atas pemberian pinjaman dan pembiayaan diiktiraf berasaskan akruan. Apabila sesuatu akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar, faedah akan digantung dan pelarasan secara retrospektif akan dibuat daripada tarikh pertama berlaku tunggakan sehingga ia diterima atas dasar tunai. Akaun pelanggan dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila pembayaran balik tertunggak selama enam (6) bulan atau lebih.

Yuran pengurusan pinjaman dan komisen diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pengaturan kontrak.

ii. Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi berasaskan akruan apabila hak Kumpulan untuk menerima dividen wujud. Bagi dividen dari ekuiti tersiar harga, pengiktirafan adalah pada tarikh *ex-dividend*.

iii. Keuntungan Modal

Keuntungan modal yang diperolehi atas penjualan instrumen pelaburan turut diiktiraf atas dasar akruan serta mengambil kira kesan atas pertukaran mata wang asing bagi instrumen pelaburan global. Keuntungan modal diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan instrumen pelaburan telah dipindahkan kepada pembeli.

iv. Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf berasaskan akruan.

v. Pengiktirafan Pendapatan Atas Penjualan Hartanah

Pendapatan hasil daripada jualan hartanah siap diukur pada harga transaksi tetap yang dipersetujui di bawah perjanjian jual beli ditolak jangkakan bayaran ganti rugi yang ditentukan (LAD), berdasarkan kaedah nilai yang dijangkakan.

Pendapatan daripada penjualan hartanah yang siap diiktiraf apabila kawalan aset dipindahkan kepada pelanggan dan kemungkinan Kumpulan dan KWSP akan menerima bayaran bagi menukar aset yang akan dipindahkan kepada pelanggan.

vi. Faedah Dan Dividen Atas Caruman Lewat Bayar

Faedah Dan Dividen Atas Caruman Lewat Bayar diakaunkan dalam Penyata Untung Atau Rugi atas dasar terimaan tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.27 Pengiktirafan Pendapatan (Samb.)

b. Terpakai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

Pendapatan adalah nilai saksama bayaran yang diterima atau akan diterima bagi penjualan barangan atau perkhidmatan dalam aktiviti rutin Kumpulan. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai, bayaran balik, rebat dan diskaun dan tidak mengambil kira jualan dalam intra-Kumpulan.

Pendapatan diiktiraf apabila amaun pendapatan boleh diukur secara munasabah, faedah ekonomi masa depan berkemungkinan mengalir masuk ke entiti dan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Kumpulan seperti yang dijelaskan di bawah.

Amaun pendapatan dianggap boleh diukur secara munasabah selepas mengambil kira semua pertimbangan mengenai penjualan. Kumpulan membuat anggaran berasaskan peristiwa terdahulu, jenis pelanggan, jenis dan spesifikasi bagi setiap urus niaga.

i. Faedah, Pembiayaan Dan Pendapatan Keuntungan Dan Perbelanjaan

Pendapatan faedah dan perbelanjaan untuk kesemua instrumen kewangan diukur pada kos yang dilunaskan dan aset kewangan yang menjana pendapatan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual dan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi akan diiktiraf dalam Pendapatan Faedah dan Perbelanjaan Faedah dalam Penyata Untung Atau Rugi menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pendapatan faedah ke atas pemberian pinjaman dan pembiayaan diiktiraf atas asas akrual. Apabila sesuatu akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar, faedah akan digantung dan pelarasan secara retrospektif akan dibuat daripada tarikh pertama berlaku tunggakan sehingga ia diterima atas dasar tunai. Akaun pelanggan dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila pembayaran balik tertunggak selama enam (6) bulan atau lebih.

Yuran pengurusan pinjaman dan komisen diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pengaturan kontrak.

ii. Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi berasaskan akrual apabila hak Kumpulan untuk menerima dividen wujud. Bagi dividen dari ekuiti tersiar harga, tarikh pengiktirafan adalah pada tarikh *ex-dividend*.

iii. Keuntungan Modal

Keuntungan modal yang diperolehi atas penjualan instrumen pelaburan turut diiktiraf atas dasar akrual serta mengambil kira kesan atas pertukaran mata wang asing bagi instrumen pelaburan global. Keuntungan modal diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan mata wang instrumen pelaburan telah dipindahkan kepada pembeli.

iv. Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf berasaskan akrual.

v. Pengiktirafan Pendapatan Atas Penjualan Hartanah

Pendapatan daripada penjualan hartanah siap diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli.

vi. Faedah Dan Dividen Atas Caruman Lewat Bayar

Faedah Dan Dividen Atas Caruman Lewat Bayar diakaunkan dalam Penyata Untung Atau Rugi atas dasar terimaan tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.28 Pajak

a. Pajak – Kumpulan Sebagai Penyewa (Pajakan Operasi)

Pajakan aset di mana risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan masih kekal di atas tuan sewa, dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah perbelanjaan ini (bersih dari sebarang insentif yang diterima dari tuan pajak) dicajkan dalam Penyata Untung Atau Rugi mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan.

Bayaran pendahuluan yang telah dibuat ke atas tanah milik pajak dianggap sebagai prabayaran sewa pajakan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan.

Sekiranya pajakan operasi ditamatkan sebelum tempoh pajakan tamat, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada tuan pajak dalam bentuk penalti akan diiktirafkan sebagai perbelanjaan pada tempoh penamatan dibuat.

b. Pajak – Kumpulan Sebagai Tuan Pajak (Pajakan Operasi)

Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset tersebut adalah termasuk dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan jenis aset tersebut. Pendapatan pajakan akan diiktiraf mengikut tempoh pajakan menggunakan kaedah garis lurus.

2.29 Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi Pengurusan Risiko Kewangan KWSP secara keseluruhannya adalah untuk mengoptimalkan pembentukan nilai untuk ahli-ahlinya disamping meminimalkan potensi impak buruk daripada perubahan kadar faedah dan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu.

KWSP perlu memastikan aktiviti-aktiviti pelaburan adalah seimbang di antara sasaran dividen tahunan dan pelbagai risiko kewangan.

Keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko KWSP diguna pakai untuk meminimumkan potensi kesan buruk ke atas penilaian kewangan. Pelaburan KWSP adalah berdasarkan kepada alokasi strategik yang luas untuk jangka masa panjang dan alokasi dana yang optimum secara strategik untuk kelas-kelas aset. Alokasi Aset Strategik atau SAA secara lazimnya adalah berdasarkan kepada profil risiko/pulangan penanda aras untuk setiap kelas aset. Kepelbagaian potensi alokasi aset akan menghasilkan magnitud risiko yang berbeza. Berdasarkan pulangan dan risiko tertentu untuk setiap alokasi aset, Panel Pelaburan boleh menyelaraskan alokasi dana bagi KWSP sehingga mencapai alokasi optimum yang strategik.

Alokasi Aset Strategik melibatkan aras tertinggi dalam membuat keputusan pelaburan dan merupakan langkah terpenting di dalam proses pelaburan kerana ia menentukan tahap risiko majoriti bagi pelaburan.

Keputusan mengenai Alokasi Aset Strategik adalah tertakluk kepada Penyataan Risiko Kawalan KWSP seperti berikut:

- i. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada 10% jangkaan dividen menurun ke tahap kurang daripada 2.50% pada mana-mana tahun sepanjang sepuluh (10) tahun akan datang.
- ii. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada satu per tiga jangkaan dividen tahunan menurun kurang daripada inflasi +2% pada mana-mana tahun sepanjang tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- iii. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada 10% jangkaan terdapat nilai Aset Kewangan Sedia Dijual negatif pada akhir mana-mana tahun yang lebih besar daripada 5% dari nilai buku aset.

Antara keputusan lain di dalam proses pelaburan ialah mengenai Alokasi Aset Taktikal (TAA), yang membenarkan KWSP untuk mempelbagaikan alokasi bagi setiap kelas aset berpandukan kepada alokasi strategik yang ditentukan di dalam Alokasi Aset Strategik dan mencegah lebihan lencongan daripada Alokasi Aset Strategik.

Dalam mencapai misinya, KWSP perlu mengurus pelbagai risiko yang timbul dari persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Risiko-risiko ini termasuklah risiko operasi dan risiko kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.29 Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (Samb.)

2.29.1 Risiko Operasi

Risiko Operasi ditakrifkan sebagai risiko kegagalan hasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia atau sistem, atau daripada kejadian luaran.

Pengurusan Risiko Operasi (*Operational Risk Management, ORM*) adalah bagi menyokong dan menambah baik aktiviti di dalam semua bidang operasi. Pengurusan Risiko Operasi merupakan bahagian yang penting dalam proses membuat keputusan dan budaya korporat KWSP.

Kaedah Kad Skor Risiko Korporat (*Corporate Risk Scorecard, CRS*) merupakan pendekatan pengurusan risiko yang konsisten dengan piawaian MS ISO 31000:2010 *Risk Management - Principles and Guidelines* yang telah diguna pakai dalam pelaksanaan pengurusan risiko operasi di KWSP. Salah satu daripada ciri utama kaedah kad skor ini adalah ciri Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (*Risk and Control Self-Assessment, RCSA*) yang membolehkan anggota KWSP menilai sendiri dan mengemaskini profil risiko mereka.

2.29.2 Risiko Kewangan

Risiko Kewangan adalah risiko yang berkaitan dengan perubahan pelbagai aspek ekonomi yang memberi implikasi kepada kestabilan kewangan KWSP. Terdapat tiga (3) jenis risiko kewangan yang dihadapi oleh KWSP sebagaimana berikut:

- i. Risiko Pasaran (yang terdiri daripada risiko harga, risiko kadar faedah dan risiko tukaran wang asing);
- ii. Risiko Kecairan; dan
- iii. Risiko Kredit.

Polisi terperinci mengenai setiap jenis risiko kewangan yang disenaraikan di atas adalah sebagaimana yang didedahkan di Nota 40.

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

3. CUKAI TERTUNDA

	Nota	KUMPULAN	
		2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Pada 1 Januari		(4,476)	(341,683)
Pelarasan Pada Baki 1 Januari		(655)	340,316
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi	35	41,261	(3,109)
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Pendapatan Komprehensif Lain		3,368	-
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		(570)	-
Pada 31 Disember		38,928	(4,476)
Amaun Berikut Ditunjukkan Selepas Pelarasan:			
Aset Cukai Tertunda		(41,240)	(36,306)
Liabiliti Cukai Tertunda		80,168	31,830
		38,928	(4,476)
Aset Cukai Tertunda:			
- Selesai Dalam Tempoh 12 Bulan		(90)	(1,973)
- Selesai Selepas Tempoh 12 Bulan		(41,150)	(34,333)
		(41,240)	(36,306)
Liabiliti Cukai Tertunda:			
- Selesai Dalam Tempoh 12 Bulan		859	885
- Selesai Selepas Tempoh 12 Bulan		79,309	30,945
		80,168	31,830

Aset dan Liabiliti Cukai Tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

Komponen dan pergerakan dalam Aset dan Liabiliti Cukai Tertunda dalam tahun kewangan semasa sebelum pelarasan adalah seperti berikut:

3.1 (ASET)/LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	Kerugian Belum Guna (RM'000)	Pelarasan Nilai Saksama Dari Gabungan Perniagaan (RM'000)	Hartanah, Loji Dan Peralatan (RM'000)	Lain-lain (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pada 1 Januari 2017	(7,584)	33,147	4,477	(371,723)	(341,683)
Pelarasan Pada Baki 1 Januari	4,099	(19,352)	194	355,375	340,316
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi	(661)	(329)	(697)	(1,422)	(3,109)
Pada 31 Disember 2017/ Pada 1 Januari 2018	(4,146)	13,466	3,974	(17,770)	(4,476)
Pelarasan Pada Baki 1 Januari	4,052	15	265	(4,987)	(655)
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi	-	(334)	7,475	34,120	41,261
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Pendapatan Komprehensif Lain	-	3,368	-	-	3,368
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing	-	-	-	(570)	(570)
Pada 31 Disember 2018	(94)	16,515	11,714	10,793	38,928

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

4.1 KUMPULAN

	Nota	Tanah Milik Bebas	Bangunan	Loji Bangunan Dan Mesin	Ubahsuai Pejabat/ Bangunan	Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	Kenderaan Pejabat	Kelengkapan Pejabat	Perisian Dan Perkakasan Komputer	Kerja Dalam Pembinaan	Jumlah
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Kos											
Pada 1 Januari 2017		18,648	362,098	21,539	188,554	86,880	6,730	33,476	210,946	116,444	1,045,315
Tambahan		-	153	1,244	7,500	3,169	907	995	7,481	41,562	63,011
Jualan		(123)	(126)	(21)	(23)	(586)	(105)	(516)	(3,961)	-	(5,461)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	15	(138)	773	280	(1)	186	9,000	(10,116)	(1)
Hapus Kira		-	-	(1,434)	-	(1,806)	(428)	(4,896)	(34,030)	-	(42,594)
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		-	-	-	-	-	-	(10)	-	-	(10)
Reklasifikasi Kepada Aset Tak Ketara	6	-	-	-	-	-	-	-	-	(14,966)	(14,966)
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018		18,525	362,140	21,190	196,804	87,937	7,103	29,235	189,436	132,924	1,045,294
Tambahan		-	-	22	10,564	3,984	1,057	2,398	17,628	187,720	223,373
Jualan		-	(367)	(3)	-	(369)	(368)	(109)	(715)	-	(1,931)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	(4,560)	9,021	546	-	6,641	10,580	(37,656)	(15,428)
Hapus Kira		-	-	(3,354)	(7,574)	(948)	(5)	(597)	(11,587)	-	(24,065)
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		-	-	-	-	-	-	(32)	-	-	(32)
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	-	(344)	-	-	-	-	-	-	-	(344)
Reklasifikasi Kepada Aset Tak Ketara	6	-	-	-	-	-	-	-	-	(20,979)	(20,979)
Pada 31 Disember 2018		18,525	361,429	13,295	208,815	91,150	7,787	37,536	205,342	262,009	1,205,888
Susut Nilai Berkumpul											
Pada 1 Januari 2017		371	186,319	21,175	154,749	64,822	4,483	23,122	177,579	-	632,620
Tambahan	33	-	8,387	5,639	13,312	4,297	839	3,823	21,890	-	58,187
Jualan		-	(61)	(11)	(18)	(557)	(110)	(516)	(3,941)	-	(5,214)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	(13,607)	(26)	13,608	17	8	-	-	-
Hapus Kira		-	-	(1,393)	-	(1,802)	(428)	(4,753)	(34,009)	-	(42,385)
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		-	-	-	-	-	-	(8)	-	-	(8)
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018		371	194,645	11,803	168,017	80,368	4,801	21,676	161,519	-	643,200
Tambahan	33	-	8,379	2,925	18,872	5,127	805	4,155	20,673	-	60,936
Jualan		-	(190)	(3)	-	(363)	(23)	(110)	(679)	-	(1,368)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	(1,478)	-	-	-	1,478	-	-	-
Hapus Kira		-	-	(3,354)	(7,573)	(882)	(3)	(591)	(11,581)	-	(23,984)
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		-	-	-	-	-	-	(25)	-	-	(25)
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	-	(144)	-	-	-	-	-	-	-	(144)
Pada 31 Disember 2018		371	202,690	9,893	179,316	84,250	5,580	26,583	169,932	-	678,615
Nilai Buku Bersih											
Pada 1 Januari 2017		18,277	175,779	364	33,805	22,058	2,247	10,354	33,367	116,444	412,695
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018		18,154	167,495	9,387	28,787	7,569	2,302	7,559	27,917	132,924	402,094
Pada 31 Disember 2018		18,154	158,739	3,402	29,499	6,900	2,207	10,953	35,410	262,009	527,273

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

4.2 KWSP

	Tanah Milik Bebas	Bangunan	Loji Bangunan Dan Mesin	Ubahsuai Pejabat/ Bangunan	Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	Kenderaan Pejabat	Kelengkapan Pejabat	Perisian Dan Perkakasan Komputer	Kerja Dalam Pembinaan	Jumlah	
	Nota	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	
Kos											
Pada 1 Januari 2017		12,431	253,761	21,397	156,728	17,166	5,455	31,575	176,727	43,120	718,360
Tambahan		-	-	1,244	7,209	2,795	778	992	4,142	7,691	24,851
Jualan		(123)	(126)	(21)	-	(122)	(104)	(516)	(3,227)	-	(4,239)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	4	792	138	-	185	8,997	(10,116)	-
Hapus Kira		-	-	(1,434)	-	(1,806)	(428)	(4,896)	(34,030)	-	(42,594)
Reklasifikasi Kepada Aset Tak Ketara	6	-	-	-	-	-	-	-	-	(14,966)	(14,966)
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018		12,308	253,635	21,190	164,729	18,171	5,701	27,340	152,609	25,729	681,412
Tambahan		-	-	22	3,885	1,052	970	1,452	2,626	62,458	72,465
Jualan		-	-	(3)	-	(343)	(363)	(110)	(681)	-	(1,500)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	(4,560)	9,021	546	-	6,641	10,580	(37,656)	(15,428)
Hapus Kira		-	-	(3,354)	(7,574)	(948)	(5)	(597)	(11,587)	-	(24,065)
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	-	(344)	-	-	-	-	-	-	-	(344)
Reklasifikasi Kepada Aset Tak Ketara	6	-	-	-	-	-	-	-	-	(20,979)	(20,979)
Pada 31 Disember 2018		12,308	253,291	13,295	170,061	18,478	6,303	34,726	153,547	29,552	691,561
Susut Nilai Terkumpul											
Pada 1 Januari 2017		-	133,139	11,489	127,208	14,383	3,582	22,131	147,367	-	459,299
Tambahan	33	-	4,795	1,717	10,337	2,655	644	3,487	18,611	-	42,246
Jualan		-	(60)	(11)	-	(121)	(105)	(516)	(3,212)	-	(4,025)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	-	(9)	-	-	9	-	-	-
Hapus Kira		-	-	(1,393)	-	(1,802)	(428)	(4,753)	(34,009)	-	(42,385)
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018		-	137,874	11,802	137,536	15,115	3,693	20,358	128,757	-	455,135
Tambahan	33	-	4,787	1,758	11,338	2,017	638	3,757	13,790	-	38,085
Jualan		-	-	(3)	-	(340)	(18)	(109)	(673)	-	(1,143)
Pelarasan/Reklasifikasi		-	-	(1,478)	-	-	-	1,478	-	-	-
Hapus Kira		-	-	(3,354)	(7,573)	(882)	(3)	(591)	(11,581)	-	(23,984)
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	-	(144)	-	-	-	-	-	-	-	(144)
Pada 31 Disember 2018		-	142,517	8,725	141,301	15,910	4,310	24,893	130,293	-	467,949
Nilai Buku Bersih											
Pada 1 Januari 2017		12,431	120,622	9,908	29,520	2,783	1,873	9,444	29,360	43,120	259,061
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018		12,308	115,761	9,388	27,193	3,056	2,008	6,982	23,852	25,729	226,277
Pada 31 Disember 2018		12,308	110,774	4,570	28,760	2,568	1,993	9,833	23,254	29,552	223,612

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

5. HARTANAH PELABURAN

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Kos					
Pada 1 Januari		26,081,688	26,443,220	1,724,564	1,458,661
Jualan		(1,646,694)	(2,276,107)	-	(1,230)
Tambahan		3,101,592	1,896,470	-	348,464
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	(92,693)	(81,331)	(92,693)	(81,331)
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		(833,164)	(51,590)	-	-
Pelarasan		15,391	151,026	-	-
Pada 31 Disember		26,626,120	26,081,688	1,631,871	1,724,564
Susut Nilai Terkumpul					
Pada 1 Januari		(2,735,618)	(2,522,105)	(425,981)	(410,045)
Jualan		131,274	334,178	-	221
Susut Nilai Tahun Semasa	33	(793,145)	(626,736)	(35,536)	(36,388)
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	28,690	20,231	28,690	20,231
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		89,792	22,530	-	-
Pelarasan		222,496	36,284	-	-
Pada 31 Disember		(3,056,511)	(2,735,618)	(432,827)	(425,981)
Rosot Nilai Terkumpul					
Pada 1 Januari		(127,769)	(1,387)	(11,387)	(1,387)
Rosot Nilai Tahun Semasa	33	(8,554)	(117,965)	-	(10,000)
Rosot Nilai Dicatat Semula	33	6,497	29,091	6,497	-
Jualan		69,981	-	-	-
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		4,439	1,704	-	-
Pelarasan		-	(39,212)	-	-
Pada 31 Disember		(55,406)	(127,769)	(4,890)	(11,387)
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember		23,514,203	23,218,301	1,194,154	1,287,196

NOTA-NOTA KEPADA
 PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

5. HARTANAH PELABURAN (SAMB.)

Berikut merupakan Penyata Untung Atau Rugi yang berkaitan dengan Hartanah Pelaburan:

Nota	KUMPULAN		KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Pendapatan Sewa	1,598,689	1,577,206	106,498	111,011
Perbelanjaan Operasi				
- Susut Nilai	33 (793,145)	(626,736)	(35,536)	(36,388)
- Rosot Nilai Tahun Semasa	33 (8,554)	(117,965)	-	(10,000)
- Rosot Nilai Dicatat Semula	33 6,497	29,091	6,497	-
- Pelbagai	(21,513)	(15,097)	(21,607)	(15,097)
Keuntungan Bersih Yang Berkaitan Dengan Hartanah Pelaburan	781,974	846,499	55,852	49,526

Hartanah Pelaburan Kumpulan dinyatakan pada kos, termasuk kos transaksi. Nilai saksama Hartanah Pelaburan Kumpulan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan semasa adalah berjumlah RM32,279.86 juta (2017: RM26,969.43 juta), yang ditentukan berdasarkan penilaian di antara tahun 2015 hingga 2018. Manakala nilai saksama Hartanah Pelaburan KWSP pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM2,162.67 juta (2017: RM2,300.67 juta). Penilaian dilaksanakan mengikut tempoh frekuensi berdasarkan polisi perakaunan yang diterima pakai oleh KWSP oleh Pegawai Penilai luar yang mempunyai akreditasi dalam bidang penilaian tanah. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kaedah perbandingan melibatkan analisa jual beli bagi hartanah yang serupa serta faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai atau harga hartanah berkenaan.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, syarikat subsidiari KWSP di United Kingdom telah mencagarkan Hartanah Pelaburan Kumpulan sebanyak RM11,578.93 juta (2017: RM3,026.80 juta) sebagai cagaran bagi pinjaman kepada bank yang dibuat sebagaimana yang didedahkan dalam Nota 21.1 dan 21.2.

6. ASET TAK KETARA

Nota	KUMPULAN		KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Muhibah Daripada Penyatuan	6a 188,790	-	-	-
Lesen Dan Perisian Teknologi Maklumat	6b 131,680	35,362	26,957	20,731
Pada 31 Disember	320,470	35,362	26,957	20,731

Sek 1
 Sek 2
 Sek 3
 Sek 4
 Sek 5
 Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

6. ASET TAK KETARA (SAMB.)

a. Muhibah Daripada Penyatuan

Muhibah Daripada Penyatuan pada 31 Disember 2018 timbul daripada perolehan Asian Finance Bank Berhad (“AFB”) pada 7 Februari 2018 oleh Malaysia Building Society Berhad (“MBSB”), subsidiari milik KWSP dengan jumlah pertimbangan belian sebanyak RM662.99 juta. Pertimbangan belian tersebut dilunaskan melalui kombinasi tunai sebanyak RM396.89 juta dan terbitan 225,507,974 saham biasa baru dalam MBSB pada harga RM1.18 sesaham.

b. Lesen Dan Perisian Teknologi Maklumat

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Kos					
Pada 1 Januari		205,844	176,730	117,747	98,690
Tambahan		123,176	14,148	-	4,091
Reklasifikasi Daripada Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	20,979	14,966	20,979	14,966
Pada 31 Disember		349,999	205,844	138,726	117,747
Pelunasan Terkumpul					
Pada 1 Januari		(170,482)	(153,882)	(97,016)	(91,257)
Pelunasan Tahun Semasa	33	(47,837)	(16,600)	(14,753)	(5,759)
Pada 31 Disember		(218,319)	(170,482)	(111,769)	(97,016)
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember		131,680	35,362	26,957	20,731

7. PRABAYARAN TANAH MILIK PAJAK

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Kos					
Pada 1 Januari		67,535	67,627	59,107	59,199
Hapus Kira		-	(92)	-	(92)
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	(2,241)	-	(2,241)	-
Pada 31 Disember		65,294	67,535	56,866	59,107
Pelunasan Terkumpul					
Pada 1 Januari		(12,250)	(11,640)	(9,245)	(8,796)
Pelunasan Tahun Kewangan Semasa	33	(659)	(661)	(498)	(500)
Hapus Kira		-	51	-	51
Reklasifikasi Kepada Aset Dipegang Untuk Jualan	8	55	-	55	-
Pada 31 Disember		(12,854)	(12,250)	(9,688)	(9,245)
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember		52,440	55,285	47,178	49,862

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

8. ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN

Nota	KUMPULAN		KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Nilai Buku Bersih				
Pada 1 Januari	216,633	1,959	265,985	1,674
Tambahan	60	-	-	-
Jualan	(216,499)	(151)	(265,985)	-
Reklasifikasi Daripada Prabayaran Tanah Milik Pajak	7	-	2,186	-
Reklasifikasi Daripada Hartanah Pelaburan	5	61,100	64,003	61,100
Reklasifikasi Daripada Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	-	200	-
Reklasifikasi Daripada Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	11.2a	115,316	-	203,211
Reklasifikasi Daripada Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan	-	38,409	-	-
Pada 31 Disember	66,583	216,633	66,389	265,985

Nilai saksama Aset Dipegang Untuk Jualan Kumpulan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan adalah berjumlah RM118.94 juta (2017: RM637.99 juta) yang telah ditentukan berdasarkan penilaian dari tahun 2015 hingga 2018. Termasuk dalam nilai ini adalah nilai saksama Aset Dipegang Untuk Jualan KWSP pada 31 Disember 2018 berjumlah RM118.73 juta (2017: RM592.10 juta). Penilaian dilaksanakan oleh Pegawai Penilai luar yang mempunyai akreditasi dalam bidang penilaian tanah. Penilaian adalah berdasarkan kaedah perbandingan melibatkan analisa jual beli bagi hartanah yang serupa serta faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai atau harga hartanah berkenaan.

Aset Dipegang Untuk Jualan bagi KWSP adalah terdiri daripada satu (1) Bangunan KWSP Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, satu (1) Tanah di Labuan dan satu (1) Bangunan Rumah Kedai di Kudat, Sabah. Aset-aset ini masih dalam proses penjualan yang dijangka dijual sepenuhnya dalam tahun 2019.

9. KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

	KUMPULAN	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Tanah Milik Bebas/Tanah Milik Pajakan		
Pada 1 Januari	1,645,190	1,575,741
Pelarasan Kos Pembangunan	-	6,760
Jualan	-	(102,678)
	1,645,190	1,479,823
Kos Diiiktiraf Dalam Tahun Semasa:		
Kos Pembangunan	1,392,514	165,367
Pada 31 Disember	3,037,704	1,645,190

Termasuk dalam Kos Pembangunan Hartanah Kumpulan adalah kos Tanah Milik Bebas RM584.52 juta (2017: RM584.52 juta) dan kos Tanah Milik Pajakan RM2,288.72 juta (2017: RM925.01 juta).

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	Nota	KWSP	
		2018 Kos/Nilai Buku (RM'000)	2017 Kos/Nilai Buku (RM'000)
Ekuiti Tersiar Harga Domestik		4,634,853	4,440,649
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	10.a.	2,752,952	2,045,955
Elaun Rosot Nilai		(66,396)	(13,135)
		2,686,556	2,032,820
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	10.a. 10.b.	16,488,140	15,699,448
Elaun Rosot Nilai		(27,963)	(103,567)
		16,460,177	15,595,881
Pada 31 Disember		23,781,586	22,069,350
Harga Pasaran			
Ekuiti Tersiar Harga Domestik		3,748,517	4,039,442

Tiada rosot nilai diakaunkan untuk Ekuiti Tersiar Harga Domestik walaupun harga pasaran lebih rendah daripada kos pada tahun 2018 dan 2017. Ini adalah kerana, nilai boleh pulih bagi Ekuiti Tersiar Harga Domestik adalah lebih tinggi daripada kos dan ianya dinilai menggunakan teknik penilaian berdasarkan Polisi Perakaunan KWSP yang diluluskan oleh Lembaga.

Senarai Syarikat Subsidiari adalah seperti di Nota 43.

Butiran lanjut yang melibatkan suntikan modal baru/tambahan serta penurunan pelaburan sama ada secara penebusan saham atau pulangan modal yang melibatkan transaksi signifikan pada tahun kewangan 2018 dalam Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari adalah sebagaimana berikut:

10.a. Suntikan Modal Tambahan

i. Tanjung Wibawa Sdn. Bhd.

Setakat 31 Disember 2018, KWSP telah membuat suntikan modal tambahan sebanyak RM1,074.60 juta ekuiti ke dalam Tanjung Wibawa Sdn. Bhd., syarikat subsidiari milik penuh KWSP. Pertambahan jumlah pelaburan ini adalah untuk projek pembangunan bercampur baru di Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

ii. KWASA Asia

Suntikan modal tambahan ke dalam KWASA Asia setakat 31 Disember 2018 sebanyak USD185.23 juta bersamaan dengan RM729.57 juta adalah digunakan untuk pelaburan melalui KWASA Emas I, syarikat milik penuh KWASA China iaitu anak syarikat KWASA Asia.

iii. KWASA Global (Jersey) Limited

Setakat 31 Disember 2018, KWSP telah membuat suntikan modal tambahan sebanyak £90.75 juta atau bersamaan dengan RM489.33 juta ke dalam KWASA Global (Jersey) Limited untuk pembelian dua aset iaitu Sainsbury Nottingham dan Sainsbury Rugby berjumlah £33.75 juta bersamaan dengan RM182.43 juta dan baki selebihnya adalah suntikan untuk Battersea Project Development.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMB.)

10.b. Pulangan Modal

i. KWASA Global 2 (Jersey) Limited

Setakat 31 Disember 2018, jumlah pulangan modal bersih diterima daripada KWASA Global 2 (Jersey) Limited adalah sebanyak £33.75 juta atau bersamaan dengan RM182.43 juta hasil daripada penjualan dua aset iaitu Sainsbury Nottingham dan Sainsbury Rugby.

ii. ADF KWASA Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC

Disebabkan oleh pembiayaan semula aset milik anak syarikat ADF KWASA Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC iaitu Daehwa Logistics Center, KWSP telah menerima jumlah pulangan modal sebanyak KRW41.58 bilion atau bersamaan dengan RM152.26 juta setakat 31 Disember 2018 daripada ADF KWASA Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC.

iii. KWASA Global (Jersey) Limited

Setakat 31 Disember 2018, KWSP telah menerima pulangan modal sebanyak £17.99 juta atau bersamaan dengan RM95.33 juta daripada KWASA Global (Jersey) Limited disebabkan oleh aktiviti pembiayaan semula aset anak syarikatnya iaitu KWASA UK Duo Limited.

10.c. Suntikan Dan Pulangan Modal Dalam Syarikat Subsidiari "Fund-Of-Funds"

i. Di sepanjang tahun 2018, KWSP telah membuat suntikan modal tambahan sebanyak RM1,699.33 juta kepada sepuluh (10) subsidiari milik KWSP bagi tujuan menampung keperluan pelaburan dana persendirian di luar negara berdasarkan komitmen modal yang diluluskan seperti berikut:

- (1) Cengal Private Equity Investments plc - RM80.07 juta
- (2) Cengal Private Equity Investments II plc - RM456.49 juta
- (3) Cengal Private Equity Investments III plc - RM228.66 juta
- (4) Jati Private Equity Fund II L.P. - RM174.79 juta
- (5) Jati Private Equity Fund III L.P. - RM191.55 juta
- (6) Merbau Investors Offshore L.P. - RM8.15 juta
- (7) Merbau Investors Offshore II L.P. - RM72.59 juta
- (8) Merbau Investors Offshore III L.P. - RM136.33 juta
- (9) Meranti Fund L.P. - RM224.11 juta
- (10) Meranti Fund II L.P. - RM126.59 juta

ii. Jumlah pulangan modal daripada tujuh (7) syarikat subsidiari KWSP "Fund-Of-Funds" bagi tahun 2018 sebanyak RM1,492.43 juta adalah seperti berikut:

- (1) Cengal Private Equity Investments plc - RM632.59 juta
- (2) Cengal Private Equity Investments II plc - RM390.58 juta
- (3) Jati Private Equity Fund L.P. - RM51.63 juta
- (4) Jati Private Equity Fund II L.P. - RM159.41 juta
- (5) Merbau Investors Offshore L.P. - RM141.83 juta
- (6) Merbau Investors Offshore II L.P. - RM67.64 juta
- (7) Meranti Fund L.P. - RM48.75 juta

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

11.1 KUMPULAN

	2018 Kos/Nilai Buku (RM'000)	2017 Kos/Nilai Buku (RM'000)
Ekuiti Tersiar Harga Domestik	8,942,212	8,935,816
Elaun Rosot Nilai	(4,549)	-
	8,937,663	8,935,816
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	2,610,728	2,590,495
Elaun Rosot Nilai	(12,641)	(14,811)
	2,598,087	2,575,684
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	472,001	482,390
Keuntungan Dan Pelarasan Dalam Syarikat Bersekutu	3,587,550	5,296,241
Pada 31 Disember	15,595,301	17,290,131

a. Butiran Syarikat Bersekutu di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan yang material adalah seperti berikut:

Nama Entiti	Nota	Kaedah Pengukuran	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan	Kepentingan Berkesan Hak Mengundi		Amaun Dibawa	
					2018 %	2017 %	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
RHB Bank Berhad		Perakaunan Ekuiti	Perbankan	Malaysia	40.62	40.70	10,474,763	10,410,626
Malaysian Resources Corporation Berhad		Perakaunan Ekuiti	Syarikat pemegang pelaburan serta menjalankan aktiviti berkaitan pembinaan, perkhidmatan pembangunan hartanah dan pengurusan kepada syarikat subsidiarinya	Malaysia	35.48	34.90	1,862,216	1,768,976
Konsortium Lebuhraya Utara - Timur (KL) Sdn Bhd		Perakaunan Ekuiti	Pengendali konsesi lebuhraya	Malaysia	40.00	40.00	1,124,014	1,133,046
Syarikat Bersekutu Yang Tidak Material	11.1 c						2,134,308	3,977,483
Jumlah Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu							15,595,301	17,290,131

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB.)

11.1 KUMPULAN (SAMB.)

- b. Jadual di bawah adalah ringkasan maklumat kewangan bagi Syarikat Bersekutu yang material kepada Kumpulan. Maklumat ini menunjukkan jumlah yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Syarikat Bersekutu yang signifikan mengikut piawaian perakaunan dan tidak mengikut peratusan pegangan saham KWSP. Ringkasan penyata kewangan berikut mengambil kira pelarasan yang telah dibuat bagi entiti yang menggunakan kaedah ekuiti termasuk pelarasan nilai saksama dan pengubahsuaian bagi perbezaan dalam dasar perakaunan:

	RHB Bank Berhad		Malaysian Resources Corporation Berhad		Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Ringkasan Penyata						
Kedudukan Kewangan						
Jumlah Aset	243,165,679	230,209,926	8,711,718	13,636,121	2,655,888	2,637,933
Jumlah Liabiliti	219,769,731	207,025,498	3,814,750	8,930,444	2,452,980	2,412,444
Jumlah Aset Bersih	23,395,948	23,184,428	4,896,968	4,705,677	202,908	225,489
Petikan Daripada Penyata						
Untung Atau Rugi						
Pendapatan	6,805,712	6,387,134	1,879,726	3,409,033	183,365	237,791
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai Bagi Tahun Kewangan Semasa	2,308,912	1,956,040	99,318	413,380	(22,580)	(861)
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain Bagi Tahun Kewangan Semasa	87,508	(64,274)	(1,532)	(3,141)	-	-
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Semasa	2,396,420	1,891,766	97,786	410,239	(22,580)	(861)
Dividen Diterima Daripada Syarikat Bersekutu Bagi Tahun Kewangan Semasa	285,379	195,843	27,292	20,940	-	-
Bahagian Milik Kumpulan Dalam %	40.62%	40.70%	35.48%	34.90%	40.00%	40.00%
Bahagian Aset Bersih Milik Kumpulan	9,488,014	9,421,934	1,713,274	1,606,016	988,624	997,656
Muhibah	986,749	988,692	148,942	162,960	135,390	135,390
Amaun Dibawa	10,474,763	10,410,626	1,862,216	1,768,976	1,124,014	1,133,046

c. Syarikat Bersekutu Yang Tidak Material

Selain daripada kepentingan di dalam Syarikat Bersekutu seperti di atas, Kumpulan juga mempunyai kepentingan di dalam beberapa Syarikat Bersekutu secara individu yang tidak material yang menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Jumlah Amaun Dibawa Untuk Syarikat Bersekutu Secara Individu Tidak Material	2,134,308	3,977,483
Jumlah Agregat Bahagian Kumpulan:		
Kerugian Tahun Semasa	(874,260)	(21,031)
Keuntungan/(Kerugian) Komprehensif Lain	24,137	(76,035)
Jumlah Kerugian Komprehensif	(850,123)	(97,066)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB.)

11.2 KWSP

		2018 Kos/Nilai Buku (RM'000)	2017 Kos/Nilai Buku (RM'000)
	Nota		
Ekuiti Tersiar Harga Domestik		8,942,212	8,935,815
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	11.2a	2,123,125	2,123,125
Elaun Rosot Nilai		(12,641)	(14,810)
		2,110,484	2,108,315
		11,052,696	11,044,130
Harga Pasaran			
Ekuiti Tersiar Harga Domestik		9,576,640	9,874,741

- a. Pada tahun 2017, KWSP telah mengkelaskan semula kos pelaburan dalam Columbia Asia Sdn Bhd sebanyak RM203.21 juta daripada Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu kepada Aset Dipegang Untuk Jualan di mana penjualan telah selesai pada 23 Mac 2018.

Senarai Syarikat Bersekutu adalah seperti di Nota 44.

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA

12.1 KUMPULAN

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	2,343,565	2,347,925
Elaun Rosot Nilai	(2,868)	-
	2,340,697	2,347,925
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	2,350,068	2,583,854
Elaun Rosot Nilai	(4,361)	-
	2,345,707	2,583,854
Keuntungan Dan Pelarasan Dalam Syarikat Usaha Sama	(1,721,246)	(1,853,034)
Pada 31 Disember	2,965,158	3,078,745

NOTA-NOTA KEPADA
 PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA (SAMB.)

12.1 KUMPULAN (SAMB.)

- a. Butiran Syarikat Usaha Sama yang mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama material adalah seperti berikut:

Nama Entiti	Nota	Kaedah Pengukuran	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan	Kepentingan Pemilikan Mengenai Hak Pengundian		Amaun Dibawa	
					2018 %	2017 %	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Battersea Project Holding Company Ltd		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	United Kingdom	20.00	20.00	1,266,411	1,014,894
Melati Asia Holdings Limited		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Kepulauan Cayman	51.00	51.00	562,758	720,521
Yarra Park City Pty Ltd		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Australia	49.00	49.00	441,583	407,460
The Arena Unit Trust		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Jersey	50.00	50.00	323,804	416,269
PLUS Malaysia Berhad	12.1a (i)	Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Malaysia	49.00	49.00	-	-
Syarikat Usaha Sama Yang Tidak Material	12.1c						370,602	519,601
Jumlah Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama							2,965,158	3,078,745

- 12.1a(i) Kumpulan tidak meneruskan perkongsian kerugian dalam PLUS Malaysia Berhad sejak tahun 2017 mengikut piawaian perakaunan MFRS 128 Perenggan 39 setelah amaun pelaburan dibawa menjadi sifar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA (SAMB.)

12.1 KUMPULAN (SAMB.)

- b. Jadual di bawah adalah ringkasan maklumat kewangan bagi Syarikat Usaha Sama yang material kepada Kumpulan. Maklumat ini menunjukkan jumlah yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Syarikat Usaha Sama yang signifikan mengikut piawaian perakaunan dan tidak mengikut peratusan pegangan saham KWSP. Ringkasan penyata kewangan berikut mengambil kira pelarasan yang telah dibuat bagi entiti yang menggunakan kaedah ekuiti termasuk pelarasan nilai saksama dan pengubahsuaian bagi perbezaan dalam dasar perakaunan:

	Battersea Project Holding Company Ltd		Melati Asia Holdings Limited		Yarra Park City Pty Ltd	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan						
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	256,545	1,148,797	5,379	5,579	91,892	228,941
Lain-lain Aset	12,157,891	8,686,619	1,098,090	1,407,229	1,162,876	633,963
Jumlah Aset	12,414,436	9,835,416	1,103,469	1,412,808	1,254,768	862,904
Liabiliti Kewangan (Tidak Termasuk Pemiutang Perdagangan)	6,055,536	3,090,211	-	-	250,078	-
Lain-lain Liabiliti	26,846	1,670,735	22	22	116,023	45,129
Jumlah Liabiliti	6,082,382	4,760,946	22	22	366,101	45,129
Jumlah Aset Bersih	6,332,054	5,074,470	1,103,447	1,412,786	888,667	817,775
Petikan Daripada Penyata Untung Atau Rugi						
Pendapatan	1,053,119	1,292,598	-	-	3,611	1,250
Pendapatan Faedah	-	-	-	-	-	-
Susut Nilai Dan Pelunasan	(9,096)	-	-	-	(3,717)	(827)
Perbelanjaan Faedah	(4,489)	(808,570)	-	-	-	-
Cukai	(11,439)	-	-	-	7,646	-
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai Bagi Tahun Kewangan Semasa	(47,367)	484,029	307,866	88,031	(11,654)	(7,057)
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain Bagi Tahun Kewangan Semasa	1,529,935	-	820	361	-	-
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Semasa	1,482,568	484,029	308,686	88,392	(11,654)	(7,057)
Dividen Diterima Daripada Syarikat Usaha Sama Pada Tahun Kewangan Semasa	-	-	436,081	-	-	-
Bahagian Milik Kumpulan Dalam %	20.00%	20.00%	51.00%	51.00%	49.00%	49.00%
Bahagian Aset Bersih Milik Kumpulan	1,266,411	1,014,894	562,758	720,521	435,447	400,710
Muhibah	-	-	-	-	6,136	6,750
Amaun Dibawa	1,266,411	1,014,894	562,758	720,521	441,583	407,460

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA (SAMB.)

12.1 KUMPULAN (SAMB.)

- b. Jadual di bawah adalah ringkasan maklumat kewangan bagi Syarikat Usaha Sama yang material kepada Kumpulan. Maklumat ini menunjukkan jumlah yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Syarikat Usaha Sama yang signifikan mengikut piawaian perakaunan dan tidak mengikut peratusan pegangan saham KWSP. Ringkasan penyata kewangan berikut mengambil kira pelarasan yang telah dibuat bagi entiti yang menggunakan kaedah ekuiti termasuk pelarasan nilai saksama dan pengubahsuaian bagi perbezaan dalam dasar perakaunan: (Samb.)

	The Arena Unit Trust		PLUS Malaysia Berhad	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan				
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	48,842	75,042	3,615,683	3,317,302
Lain-lain Aset	1,773,905	1,885,214	27,996,290	29,113,479
Jumlah Aset	1,822,747	1,960,256	31,611,973	32,430,781
Liabiliti Kewangan (Tidak Termasuk Pemiutang Perdagangan)	1,115,639	1,072,265	30,200,000	30,400,000
Lain-lain Liabiliti	59,500	55,453	2,598,509	2,624,709
Jumlah Liabiliti	1,175,139	1,127,718	32,798,509	33,024,709
Jumlah Aset Bersih	647,608	832,538	(1,186,536)	(593,928)
Petikan Daripada Penyata Untung Atau Rugi				
Pendapatan	109,709	107,241	3,873,318	3,898,221
Pendapatan Faedah	-	-	122,346	117,649
Susut Nilai Dan Pelunasan	(116,439)	(23,751)	(1,087,219)	(1,102,326)
Perbelanjaan Faedah	(24,025)	(66,250)	(1,522,367)	(1,530,315)
Cukai	-	-	(18,729)	13,340
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai Bagi Tahun Kewangan Semasa	(86,577)	-	(92,532)	(109,599)
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain Bagi Tahun Kewangan Semasa	-	17,241	5,565	(6)
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Semasa	(86,577)	17,241	(86,967)	(109,605)
Dividen Diterima Daripada Syarikat Usaha Sama Pada Tahun Kewangan Semasa	-	-	220,500	343,000
Bahagian Milik Kumpulan Dalam %	50.00%	50.00%	49.00%	49.00%
Bahagian Aset Bersih Milik Kumpulan	323,804	416,269	-	-
Muhibah	-	-	-	-
Amaun Dibawa	323,804	416,269	-	-

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA (SAMB.)

12.1 KUMPULAN (SAMB.)

c. Syarikat Usaha Sama Yang Tidak Material

Selain daripada kepentingan di dalam Syarikat Usaha Sama seperti di atas, Kumpulan juga mempunyai kepentingan di dalam beberapa Syarikat Usaha Sama secara individu yang tidak material menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Jumlah Amaun Dibawa Untuk Syarikat Usaha Sama Secara Individu Tidak Material	370,602	519,601
Jumlah Agregat Bahagian Kumpulan:		
Keuntungan Tahun Semasa	114,077	269,652
Jumlah Pendapatan Komprehensif	114,077	269,652

12.2 KWSP

	2018 Kos/Nilai Buku (RM'000)	2017 Kos/Nilai Buku (RM'000)
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	1,666,000	1,666,000
	1,666,000	1,666,000

Senarai pelaburan dalam syarikat usaha sama adalah seperti di Nota 44.

13. ASET PELABURAN PADA KOS TERLUNAS

13.1 KUMPULAN

	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Nota		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	135,483,859	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	68,132,606	-
Sekuriti Hutang Persendirian	67,460,860	-
Kertas Komersil	661,486	-
Sekuriti Cagamas	3,338,187	-
Bon Konvensional	163,084	-
Bon Islamik	6,098,742	-
Sijil-sijil Boleh Niaga	5,481,344	-
Sijil-sijil Boleh Niaga Islamik	4,516,725	-
	291,336,893	-
Elaun Rosot Nilai	40.1b (182,416)	-
	291,154,477	-

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

13. ASET PELABURAN PADA KOS TERLUNAS (SAMB.)

13.1 KUMPULAN (SAMB.)

Struktur kematangan bagi Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas Kasar adalah seperti berikut:

	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Nota	(RM'000)	(RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	25,795,026	-
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	265,541,867	-
40.1a	291,336,893	-

13.2 KWSP

	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Nota	(RM'000)	(RM'000)
Sekuriti Kerajaan Malaysia	135,483,859	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	68,132,606	-
Sekuriti Hutang Persendirian	68,819,918	-
Kertas Komersil	661,486	-
Sekuriti Cagamas	3,338,187	-
Bon Konvensional	163,084	-
Bon Islamik	6,078,386	-
Sijil-sijil Boleh Niaga	5,481,344	-
Sijil-sijil Boleh Niaga Islamik	4,516,725	-
	292,675,595	-
Elaun Rosot Nilai	(188,969)	-
40.1b	292,486,626	-

Struktur kematangan bagi Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas Kasar adalah seperti berikut:

	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Nota	(RM'000)	(RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	25,927,714	-
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	266,747,881	-
40.1a	292,675,595	-

Butiran mengenai Aset Pelaburan Pada Kos Terlunas ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2018 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

13a. ASET PELABURAN DIPEGANG SEHINGGA MATANG

13a.1 KUMPULAN

	Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Sekuriti Kerajaan Malaysia		-	92,410,183
Terbitan Pelaburan Kerajaan		-	85,201,624
Sekuriti Hutang Persendirian		-	54,931,655
Elaun Rosot Nilai	40.1b	-	(50,418)
		-	54,881,237
Kertas Komersil		-	698,863
Sekuriti Cagamas		-	3,798,580
Bon Konvensional		-	120,498
Bon Islamik		-	14,357,307
Sijil-sijil Boleh Niaga		-	4,060,071
Sijil-sijil Boleh Niaga Islamik		-	4,214,502
Saham Keutamaan Boleh Tukar		-	725
		-	259,743,590

Struktur kematangan bagi Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang Kasar adalah seperti berikut:

	Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan		-	27,287,669
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan		-	232,506,339
	40.1a	-	259,794,008

NOTA-NOTA KEPADA
 PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

13a. ASET PELABURAN DIPEGANG SEHINGGA MATANG (SAMB.)

13a.2 KWSP

	Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Sekuriti Kerajaan Malaysia		-	92,410,183
Terbitan Pelaburan Kerajaan		-	85,201,624
Sekuriti Hutang Persendirian		-	55,440,385
Elaun Rosot Nilai	40.1b	-	(50,418)
		-	55,389,967
Kertas Komersil		-	698,863
Sekuriti Cagamas		-	3,798,580
Bon Konvensional		-	120,498
Bon Islamik		-	14,357,307
Sijil-sijil Boleh Niaga		-	4,060,071
Sijil-sijil Boleh Niaga Islamik		-	4,214,502
Saham Keutamaan Boleh Tukar		-	725
		-	260,252,320

Struktur kematangan bagi Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang Kasar adalah seperti berikut:

	Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan		-	27,292,751
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan		-	233,009,987
	40.1a	-	260,302,738

Butiran mengenai Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang yang ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2017 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

14. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

14.1 KUMPULAN

	31 DISEMBER 2018 Nilai Saksama (RM'000)	31 DISEMBER 2017 Nilai Saksama (RM'000)
INSTRUMEN PELABURAN EKUITI		
EKUITI TERSIAR HARGA		
Ekuiti Domestik Diuruskan Secara Dalaman	126,466,725	-
Ekuiti Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	13,273,862	-
Ekuiti Global Diuruskan Secara Dalaman	89,020,595	-
Ekuiti Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	52,328,852	-
	281,090,034	-
EKUITI TIDAK TERSIAR HARGA		
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	1,722,796	-
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	19,997,294	-
	21,720,090	-
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN SECARA DALAMAN		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Secara Dalaman	19,447,325	-
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Secara Dalaman	3,444,937	-
	22,892,262	-
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN OLEH PENGURUS DANA LUAR		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	20,249,047	-
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	15,299,757	-
	35,548,804	-
LAIN-LAIN INSTRUMEN PELABURAN		
Sekuriti Hutang Persendirian Domestik Diuruskan Secara Dalaman	12,354,032	-
Sekuriti Hutang Persendirian Global Diuruskan Secara Dalaman	7,842,007	-
	20,196,039	-
	381,447,229	-

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

14. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)

14.1 KUMPULAN (SAMB.)

Struktur kematangan bagi Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain untuk Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Kasar adalah seperti berikut:

	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Nota		
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	3,856,124	-
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	74,780,981	-
40.1a	78,637,105	-

Lanjutan daripada pelaksanaan MFRS 9, elaun rosot nilai bagi pelaburan berpendapatan tetap berjumlah RM132.87 juta tidak lagi didedahkan di dalam Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain tetapi diakaunkan dalam Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 25a.

Butiran mengenai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain yang ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan setakat 31 Disember 2018 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai di Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

14.1.a Kumpulan Telah Mengkelaskan Pelaburan Ekuiti Berikut Untuk Dikelaskan Sebagai Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain:

	31 DISEMBER 2018 Nilai Saksama (RM'000)	31 DISEMBER 2017 Nilai Saksama (RM'000)
PELABURAN EKUITI MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN		
Bursa Malaysia	139,740,587	-
Bursa Saham Hong Kong	17,497,383	-
Bursa Saham New York	15,421,279	-
Bursa Saham Singapura	14,132,940	-
NASDAQ	11,203,988	-
Bursa Saham Thailand	9,975,698	-
Bursa Saham London	9,718,191	-
Bursa Saham Tokyo	8,850,120	-
Bursa Saham Korea Selatan	8,751,518	-
Bursa Saham Indonesia	8,228,717	-
Bursa Saham Taiwan	6,795,042	-
Bursa Saham Filipina	5,510,300	-
Lain-lain Bursa Ekuiti Tersiar Harga	25,264,271	-
Ekuiti Tidak Tersiar Harga	21,720,090	-
	302,810,124	-

Kumpulan telah memilih untuk mengelaskan pelaburan ekuiti di atas pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain kerana pelaburan dibuat untuk memelihara dan meningkatkan nilai modal daripada caruman ahli serta mengekalkan pulangan yang stabil dalam jangka panjang.

Dividen yang diiktiraf atas pelaburan ekuiti yang dikelaskan pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain berjumlah RM9,778.08 juta.

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan nilai modal daripada caruman ahli, Kumpulan dan KWSP telah menjual RM158,772.28 juta pelaburan ekuiti yang dikelaskan pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain yang menghasilkan keuntungan bersih sebanyak RM18,214.81 juta yang telah terangkum dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan bersih ini telah dipindahkan ke Akaun Keuntungan Berkumpul. Kesan bersih ke atas pelaburan ekuiti yang dijual ini tidak akan memberi kesan material ke atas pendapatan dividen pada masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

14. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)

14.2 KWSP

	31 DISEMBER 2018 Nilai Saksama (RM'000)	31 DISEMBER 2017 Nilai Saksama (RM'000)
INSTRUMEN PELABURAN EKUITI		
EKUITI TERSIAR HARGA		
Ekuiti Domestik Diuruskan Secara Dalaman	126,466,725	-
Ekuiti Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	13,273,862	-
Ekuiti Global Diuruskan Secara Dalaman	89,020,595	-
Ekuiti Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	52,328,852	-
	281,090,034	-
EKUITI TIDAK TERSIAR HARGA		
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	1,803,894	-
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	17,798,300	-
	19,602,194	-
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN SECARA DALAMAN		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Secara Dalaman	19,447,325	-
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Secara Dalaman	3,444,937	-
	22,892,262	-
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN OLEH PENGURUS DANA LUAR		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	20,290,408	-
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	15,299,757	-
	35,590,165	-
LAIN-LAIN INSTRUMEN PELABURAN		
Sekuriti Hutang Persendirian Domestik Diuruskan Secara Dalaman	7,256,927	-
Sekuriti Hutang Persendirian Global Diuruskan Secara Dalaman	7,842,007	-
	15,098,934	-
	374,273,589	-

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

14. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)

14.2 KWSP (Samb.)

Struktur kematangan bagi Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain untuk Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Kasar adalah seperti berikut:

	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Nota		
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	3,285,453	-
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	70,295,908	-
40.1a	73,581,361	-

Lanjutan daripada pelaksanaan MFRS 9, elaun rosot nilai bagi pelaburan berpendapatan tetap berjumlah RM132.87 juta tidak lagi didedahkan di dalam Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain tetapi diakaunkan dalam Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 25a.

Butiran mengenai Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain yang ditaksir sebagai rosot nilai bagi KWSP setakat 31 Disember 2018 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai di Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

14.2a KWSP Telah Mengkelaskan Pelaburan Ekuiti Berikut Untuk Dikelaskan Sebagai Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain:

	31 DISEMBER 2018 Nilai Saksama (RM'000)	31 DISEMBER 2017 Nilai Saksama (RM'000)
PELABURAN EKUITI MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN		
Bursa Malaysia	139,740,587	-
Bursa Saham Hong Kong	17,497,383	-
Bursa Saham New York	15,421,279	-
Bursa Saham Singapura	14,132,940	-
NASDAQ	11,203,988	-
Bursa Saham Thailand	9,975,698	-
Bursa Saham London	9,718,191	-
Bursa Saham Tokyo	8,850,120	-
Bursa Saham Korea Selatan	8,751,518	-
Bursa Saham Indonesia	8,228,717	-
Bursa Saham Taiwan	6,795,042	-
Bursa Saham Filipina	5,510,300	-
Lain-lain Bursa Ekuiti Tersiar Harga	25,264,271	-
Ekuiti Tidak Tersiar Harga	19,602,194	-
	300,692,228	-

KWSP telah memilih untuk mengelaskan pelaburan ekuiti di atas pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain kerana pelaburan dibuat untuk memelihara dan meningkatkan nilai modal daripada caruman ahli serta mengekalkan pulangan yang stabil dalam jangka panjang.

Dividen yang diiktiraf atas pelaburan ekuiti yang dikelaskan pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain berjumlah RM9,739.68 juta.

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan nilai modal daripada caruman ahli, KWSP telah menjual RM158,772.28 juta pelaburan ekuiti yang dikelaskan pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain yang menghasilkan keuntungan bersih sebanyak RM18,214.81 juta yang telah terangkum dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan bersih ini telah dipindahkan ke Akaun Keuntungan Terkumpul. Kesan bersih ke atas pelaburan ekuiti yang dijual ini tidak akan memberi kesan material ke atas pendapatan dividen pada masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

14a. ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

14a.1 KUMPULAN

Nota	31 DISEMBER 2018 Nilai Saksama (RM'000)	31 DISEMBER 2017 Nilai Saksama (RM'000)
INSTRUMEN PELABURAN EKUITI		
EKUITI TERSIAR HARGA		
Ekuiti Domestik Diuruskan Secara Dalaman	-	132,731,266
Ekuiti Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	15,057,867
Ekuiti Global Diuruskan Secara Dalaman	-	93,410,744
Ekuiti Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	60,792,394
	-	301,992,271
EKUITI TIDAK TERSIAR HARGA		
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	-	1,161,238
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	-	14,477,222
	-	15,638,460
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN SECARA DALAMAN		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Secara Dalaman	-	16,299,269
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Secara Dalaman	-	3,487,705
	-	19,786,974
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN OLEH PENGURUS DANA LUAR		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	19,372,188
Elaun Rosot Nilai	40.1b	(76,058)
	-	19,296,130
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	16,529,464
	-	35,825,594
LAIN-LAIN INSTRUMEN PELABURAN		
Sekuriti Hutang Persendirian Domestik Diuruskan Secara Dalaman	-	16,441,648
Elaun Rosot Nilai	40.1b	(163,429)
	-	16,278,219
Sekuriti Hutang Persendirian Global Diuruskan Secara Dalaman	-	8,153,222
	-	397,674,740

Struktur kematangan bagi Aset Kewangan Sedia Dijual untuk Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Kasar adalah seperti berikut:

Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	-	1,440,994
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	-	78,842,502
	40.1a	80,283,496

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

14a. ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL (SAMB.)

14a.2 KWSP

Nota	31 DISEMBER 2018 Nilai Saksama (RM'000)	31 DISEMBER 2017 Nilai Saksama (RM'000)
INSTRUMEN PELABURAN EKUITI		
EKUITI TERSIAR HARGA		
Ekuiti Domestik Diuruskan Secara Dalaman	-	132,731,266
Ekuiti Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	15,057,867
Ekuiti Global Diuruskan Secara Dalaman	-	93,410,744
Ekuiti Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	60,792,394
	-	301,992,271
EKUITI TIDAK TERSIAR HARGA		
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	-	1,139,419
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	-	13,167,720
	-	14,307,139
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN SECARA DALAMAN		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Secara Dalaman	-	13,127,356
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Secara Dalaman	-	3,487,705
	-	16,615,061
INSTRUMEN PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DIURUSKAN OLEH PENGURUS DANA LUAR		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	19,420,860
Elaun Rosot Nilai	40.1b	(76,058)
	-	19,344,802
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luar	-	16,529,464
	-	35,874,266
LAIN-LAIN INSTRUMEN PELABURAN		
Sekuriti Hutang Persendirian Domestik Diuruskan Secara Dalaman	-	17,018,409
Elaun Rosot Nilai	40.1b	(163,429)
	-	16,854,980
Sekuriti Hutang Persendirian Global Diuruskan Secara Dalaman	-	8,153,222
	-	393,796,939

Struktur kematangan bagi Aset Kewangan Sedia Dijual untuk Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Kasar adalah seperti berikut:

Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	-	1,443,483
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	-	76,293,533
40.1a	-	77,737,016

Butiran mengenai Aset Kewangan Sedia Dijual yang ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2017 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

15. ASET/LIABILITI KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

KUMPULAN	Nota	31 DISEMBER 2018			31 DISEMBER 2017		
		Nilai Notional (RM'000)	NILAI SAKSAMA		Nilai Notional (RM'000)	NILAI SAKSAMA	
			ASET (RM'000)	LIABILITI (RM'000)		ASET (RM'000)	LIABILITI (RM'000)
Aset Pelaburan Dipegang Untuk Dagangan		-	11,962,576	-	-	10,010,041	-
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		-	4,565,594	-	-	-	-
Instrumen Lindung Nilai:	15c						
- Kontrak Tukaran Mata Wang Hadapan		36,097,199	172,335	646,195	39,999,676	1,945,585	67,231
- Swap Mata Wang Bersilang		1,644,821	77,291	252,659	1,644,821	93,425	250,458
- Swap Kadar Faedah		9,168,897	13,802	93,737	10,568,489	4,602	174,432
Lain-lain Aset Kewangan Derivatif		-	307,639	198	-	322,829	-
	40.1a	46,910,917	17,099,237	992,789	52,212,986	12,376,482	492,121

KWSP	Nota	31 DISEMBER 2018			31 DISEMBER 2017		
		Nilai Notional (RM'000)	NILAI SAKSAMA		Nilai Notional (RM'000)	NILAI SAKSAMA	
			ASET (RM'000)	LIABILITI (RM'000)		ASET (RM'000)	LIABILITI (RM'000)
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		-	5,076,156	-	-	-	-
Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	15a, 15b	-	10,899,448	-	-	-	-
Instrumen Lindung Nilai:	15c						
- Kontrak Tukaran Mata Wang Hadapan		36,091,357	172,268	646,193	39,999,676	1,945,586	67,231
- Swap Mata Wang Bersilang		1,644,821	77,291	252,659	1,644,821	93,425	250,458
- Swap Kadar Faedah		189,540	6,324	-	189,540	4,602	-
Lain-lain Aset Kewangan Derivatif		-	307,639	198	-	322,829	-
	40.1a	37,925,718	16,539,126	899,050	41,834,037	2,366,442	317,689

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

15. ASET/LIABILITI KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

- a. Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi untuk KWSP adalah tidak bercagar dan pada kadar faedah berjulat di antara 0.50% hingga 8.00% setahun kecuali pendahuluan modal kepada Ekuiti Merdu Sdn Bhd, Affordable Homes Sdn Bhd, KWASA Capital Partners Limited, Pinggiran Ventures Sdn. Bhd. dan KWASA Infrastructure I di mana tiada faedah dikenakan atas pendahuluan modal berkenaan.

Kesemua Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi ini tiada tempoh pembayaran balik kecuali KWASA Land Sdn Bhd, Tanjung Wibawa Sdn Bhd, KWASA Utama Sdn Bhd, KWASA Europe S.à.r.l. dan KWASA Europe-I di mana tempoh pembayaran balik adalah selepas tamat tempoh pinjaman, iaitu di antara tahun pertama (1) sehingga kelima belas (15) daripada tarikh perjanjian pendahuluan modal.

- b. Pada tahun kewangan semasa, Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi di atas merupakan baki pendahuluan modal yang telah gagal Ujian Pembayaran Hanya Prinsipal Dan Faedah ("SPPI") berdasarkan MFRS 9. Sebelum ini, Pendahuluan Modal ini dikelaskan sebagai Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan seperti di Nota 16.
- c. Instrumen lindung nilai diukur pada nilai saksama dan digunakan oleh Kumpulan dan KWSP untuk melindungi perubahan dalam nilai saksama aset kewangan akibat daripada perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing dan kadar faedah pasaran. Kesemua derivatif dikira sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan dikira sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif dan perubahan keuntungan atau kerugian atas penilaian semula kontrak derivatif diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Termasuk di dalam instrumen lindung nilai bagi Kumpulan adalah Swap Kadar Faedah yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dibawa pada nilai saksama berjumlah RM93.74 juta (2017: RM174.43 juta) dan nilai notional berjumlah RM9,168.90 juta (2017: RM10,568.49 juta). Kumpulan menggunakan Swap Kadar Faedah untuk menguruskan pendedahan kepada pergerakan kadar faedah ke atas pinjaman bank melalui pertukaran sebahagian daripada pinjaman itu daripada kadar terapung kepada kadar tetap.

Swap Kadar Faedah bagi kadar terapung dan kadar tetap masing-masing diselesaikan pada setiap bulan dan suku tahunan. Kumpulan akan menyelesaikan perbezaan diantara kadar faedah tetap dan terapung atas dasar bersih. Kontrak Swap Kadar Faedah ini akan ditukar dari kadar faedah terapung kepada kadar faedah tetap dan akan ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai untuk mengurangkan pendedahan aliran tunai Kumpulan yang disebabkan oleh kadar faedah yang berubah-ubah atas pinjaman.

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

16. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

16.1 KUMPULAN

	Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Pinjaman Dan Pembiayaan		57,197,922	59,757,353
Kemudahan Pinjaman Secara Islamik:			
Hartanah		4,340,082	2,408,566
Pinjaman Peribadi		20,562,134	22,505,977
Pinjaman Staf		206,803	199,973
Sewa Beli		213,898	262,827
Pinjaman Penyambung Dan Berjangka		7,887,287	4,650,385
Kemudahan Pinjaman Secara Konvensional:			
Pembiayaan Akhir:			
Rancangan Pembiayaan Perumahan Biasa		1,063,043	2,829,098
Rancangan Pembiayaan Perumahan Kos Rendah		3,367	16,580
Pinjaman Staf		77,403	80,305
Pinjaman Kepada Syarikat Bersekutu		3,110,996	2,838,184
Sewa Beli		17,319	18,747
Pinjaman Penyambung Dan Berjangka		1,043,820	1,466,004
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Kasar		95,724,074	97,033,999
Elaun Rosot Nilai Atas:			
Pinjaman Dan Pembiayaan	40.1b	(496)	-
Pinjaman Staf	40.1b	(213)	(153)
Pinjaman Peribadi	40.1b	(2,044,859)	(2,195,871)
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Bersih		93,678,506	94,837,975

Struktur kematangan Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Kasar adalah seperti berikut:

	Nota	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan		6,302,876	1,046,430
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan		89,421,198	95,987,569
	40.1a	95,724,074	97,033,999

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

16. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)

16.2 KWSP

		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
	Nota		
Pinjaman Dan Pembiayaan		57,197,922	59,757,353
Kemudahan Pinjaman Secara Islamik:			
Pinjaman Staf		165,526	158,696
Kemudahan Pinjaman Secara Konvensional:			
Pinjaman Staf		77,023	77,897
Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari	16.2a, 16.2b	1,962,936	11,351,947
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Kasar		59,403,407	71,345,893
Elaun Rosot Nilai Atas:			
Pinjaman Dan Pembiayaan	40.1b	(496)	-
Pinjaman Staf	40.1b	(213)	(153)
Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari	40.1b	(24,520)	(2,375)
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Bersih		59,378,178	71,343,365

- Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari KWSP tidak bercagar dan tanpa faedah kecuali pendahuluan modal kepada Kwasa Singapore Solo Pte. Ltd., Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd. dan Kwasa Singapore Trio Pte. Ltd. di mana faedah dikenakan sebanyak 4.00% setahun.
- Lanjutan daripada pelaksanaan MFRS 9 mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari telah disemak menggunakan Ujian Pembayaran Hanya Prinsipal Dan Faedah (SPPI). Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari yang gagal ujian 'SPPI' telah diklasifikasikan sebagai Pendahuluan Modal Kepada Syarikat Subsidiari Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi seperti di Nota 15.

Struktur kematangan Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Kasar adalah seperti berikut:

		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
	Nota		
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan		3,243,952	11,351,947
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan		56,159,455	59,993,946
	40.1a	59,403,407	71,345,893

Butiran mengenai aset Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan yang ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2018 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

17. INVENTORI

	KUMPULAN	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Pada Kos		
Inventori	269	179
Pada Nilai Nyata Bersih		
Tanah Dipegang Untuk Jualan	102,163	113,991
	102,432	114,170

Kos inventori yang diiktiraf sebagai belanja dalam tahun semasa berjumlah RM0.15 juta (2017: RM157.68 juta).

Termasuk dalam inventori adalah tanah yang dipegang untuk jualan dengan nilai dibawa seperti berikut:

	KUMPULAN	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Tanah Didaftarkan Atas Nama Syarikat Subsidiari	102,163	113,991
	102,163	113,991

18. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN

	Nota	KUMPULAN	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Sumbangan Dana Kursi		26,535	26,535
Prabayaran		43,363	94,403
Deposit Sewa		5,862	2,952
Penghutang Sewa		82,755	81,107
Pendahuluan Tidak Bercagar Untuk Projek Usaha Sama		463,014	416,852
Hartanah-Ditarik Balik		133,505	135,405
Penghutang Perdagangan		428,342	410,238
Tuntutan Cukai Atas Dividen Belum Diterima		1,131,276	964,214
Akruan Pelbagai Item Bukan Pelaburan Dan Deposit		633,763	482,556
Akruan Pendapatan Dividen		458,906	303,881
Akruan Penjualan Pelaburan		527,443	1,177,826
Akruan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan		36,862	25,327
Caj Perkhidmatan Belum Terima		6,421	6,978
		3,978,047	4,128,274
Elaun Rosot Nilai	40.1b	(563,681)	(519,530)
		3,414,366	3,608,744

NOTA-NOTA KEPADA
 PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

18. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN (SAMB.)

Struktur kematangan Penghutang, Deposit Dan Prabayaran Kasar adalah seperti berikut:

	KUMPULAN	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	1,815,634	3,269,050
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	2,162,413	859,224
	3,978,047	4,128,274

	Nota	KWSP	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Sumbangan Dana Kursi		26,535	26,535
Prabayaran		6,020	5,746
Deposit Sewa		1,801	1,760
Penghutang Sewa		8,152	13,302
Amaun Terhutang Daripada Syarikat Subsidiari		122,915	83,639
Tuntutan Cukai Atas Dividen Belum Diterima		270,750	330,749
Akruan Pelbagai Item Bukan Pelaburan Dan Deposit		2,346	2,583
Akruan Pendapatan Dividen		837,442	664,389
Akruan Penjualan Pelaburan		349,517	1,349,224
Akruan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan		765	43
Caj Perkhidmatan Belum Terima		6,421	6,978
		1,632,664	2,484,948
Elaun Rosot Nilai	40.1b	(5,697)	(7,613)
		1,626,967	2,477,335

Struktur kematangan Penghutang, Deposit Dan Prabayaran Kasar adalah seperti berikut:

	KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	1,598,399	2,130,380
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	34,265	354,568
	1,632,664	2,484,948

Butiran mengenai aset Penghutang, Deposit dan Prabayaran yang ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2018 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 40.1b.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

19. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	Nota	KUMPULAN	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Deposit Bermasa		14,889,023	14,963,819
Deposit Tetap		10,176,759	12,114,242
Komoditi Murabahah		11,487,665	5,361,542
Deposit Berkanun Dengan Bank Negara Malaysia		1,053,000	-
Akaun Pasaran Wang Bank Negara Malaysia	37	106,371	134,256
Akaun Pasaran Wang Bank Mata Wang Pelbagai		4,326,907	109,105
Akaun Pasaran Wang Bank Of New York Mellon		61,720	623,328
Akaun Pasaran Wang Diuruskan Oleh Pengurus Dana Dalamn		2,383	-
Akaun Pasaran Wang Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luaran		4,282,324	2,772,106
		46,386,152	36,078,398
Elaun Rosot Nilai		(814)	-
		46,385,338	36,078,398

Struktur kematangan bagi Deposit Dengan Institusi Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	45,333,152	36,078,398
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	1,053,000	-
	46,386,152	36,078,398

	Nota	KWSP	
		31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Deposit Bermasa		14,889,023	14,963,819
Deposit Tetap		5,959,867	3,656,283
Komoditi Murabahah		12,386,174	5,361,541
Akaun Pasaran Wang Bank Negara Malaysia	37	106,371	134,256
Akaun Pasaran Wang Bank Mata Wang Pelbagai		4,326,907	109,105
Akaun Pasaran Wang Bank Of New York Mellon		61,720	623,328
Akaun Pasaran Wang Diuruskan Oleh Pengurus Dana Luaran		4,282,324	2,772,106
		42,012,386	27,620,438
Elaun Rosot Nilai		(469)	-
		42,011,917	27,620,438

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

19. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)

Struktur kematangan Deposit Dengan Institusi Kewangan bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2018 adalah ditunjukkan dalam Nota 40.3b.

	KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	42,012,386	27,620,438
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	-	-
	42,012,386	27,620,438

Tahap kecairan bagi Akaun Pasaran Wang Bank Negara Malaysia adalah kurang daripada tiga (3) bulan, maka ianya akan diambil kira sebagai tunai dan kesetaraan tunai di dalam Penyata Aliran Tunai KWSP dan Kumpulan.

20. MANFAAT PEKERJA

	Nota	KUMPULAN DAN KWSP		
		Manfaat Perubatan Pesara (RM'000)	Gratuiti Bagi Pesara (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pada 1 Januari 2017		42,497	274,954	317,451
Peruntukan Yang Dibuat Dalam Tahun Semasa Yang Diiktiraf Ke Penyata Untung Atau Rugi	33	7,524	21,112	28,636
(Keuntungan)/Kerugian Atas Penilaian Aktuari Atas Pelan Manfaat Pekerja Yang Diiktiraf Dalam Pendapatan Komprehensif Lain		(4,342)	8,600	4,258
Bayaran Dibuat Dalam Tahun Semasa		(5,779)	(2,852)	(8,631)
Pada 31 Disember 2017/Pada 1 Januari 2018		39,900	301,814	341,714
Peruntukan Yang Dibuat Dalam Tahun Semasa Yang Diiktiraf Ke Penyata Untung Atau Rugi	33	(15,116)	1,896	(13,220)
Kerugian/(Keuntungan) Atas Penilaian Aktuari Atas Pelan Manfaat Pekerja Yang Diiktiraf Dalam Pendapatan Komprehensif Lain		7,370	(3,491)	3,879
Bayaran Dibuat Dalam Tahun Semasa		(6,129)	(4,434)	(10,563)
Pada 31 Disember 2018		26,025	295,785	321,810

Struktur kematangan Manfaat Pekerja adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	10,698	8,744
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	311,112	332,970
	321,810	341,714

Sek 1
Sek 2
Sek 3
Sek 4
Sek 5
Sek 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

20. MANFAAT PEKERJA (SAMB.)

20.1 Manfaat Perubatan Pesara

- a. Pergerakan nilai semasa obligasi tidak dibiayai adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Pada 1 Januari	39,900	42,497
Kos Dicatat Semula/Kos Perkhidmatan Semasa	(15,854)	5,557
Kos Faedah	738	1,967
Manfaat Dibayar Daripada Pelan	(6,129)	(5,779)
Kerugian/(Keuntungan) Aktuari Bersih	7,370	(4,342)
Pada 31 Disember	26,025	39,900

- b. Jumlah sebagaimana dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Nilai Semasa Obligasi Tidak Dibiayai	26,025	39,900
Liabiliti Bersih Pada 31 Disember	26,025	39,900

- c. Jumlah yang diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Kos Dicatat Semula/Kos Perkhidmatan Semasa	(15,854)	5,557
Kos Faedah	738	1,967
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi	(15,116)	7,524
Kerugian/(Keuntungan) Aktuari Bersih	7,370	(4,342)
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Pendapatan Komprehensif Lain	7,370	(4,342)
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain	(7,746)	3,182

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

20. MANFAAT PEKERJA (SAMB.)

20.1 Manfaat Perubatan Pesara (Samb.)

- d. Penyesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Nilai Semasa Obligasi Tidak Dibiayai	39,900	42,497
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain	(7,746)	3,182
Manfaat Dibayar Daripada Pelan	(6,129)	(5,779)
Liabiliti Bersih Pada 31 Disember	26,025	39,900

- e. Andaian utama yang digunakan dalam penilaian aktuari adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Kadar Diskaun (%)	4	4
Kadar Inflasi Kos Perubatan (%)	2	4
Kadar Jangka Hayat Purata (Tahun):		
Lelaki	87	80
Perempuan	91	89

- f. Analisis sensitiviti di bawah ditentukan berdasarkan perubahan munasabah dalam andaian yang digunakan sewaktu menjalankan penilaian aktuari setakat Penyata Kedudukan Kewangan, dengan anggapan andaian lain tidak berubah:

	KUMPULAN DAN KWSP		
	2018 (RM'000)	Naik (+) (RM'000)	Turun (-) (RM'000)
Nilai Obligasi Manfaat Pada 31 Disember		26,025	
Kadar Diskaun (Perubahan 1%)		(2,892)	2,445
Kadar Jangka Hayat Purata (Perubahan 1 Tahun)		504	(546)

	KUMPULAN DAN KWSP		
	2017 (RM'000)	Naik (+) (RM'000)	Turun (-) (RM'000)
Nilai Obligasi Manfaat Pada 31 Disember		39,900	
Kadar Diskaun (Perubahan 1%)		(4,659)	5,644
Kadar Jangka Hayat Purata (Perubahan 1 Tahun)		1,744	(1,713)

Walaupun analisis ini tidak mengambil kira pengagihan penuh jangkaan aliran tunai di bawah pelan, ia masih menunjukkan anggaran sensitiviti bagi andaian yang digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

20. MANFAAT PEKERJA (SAMB.)

20.2 Gratuiti Bagi Pesara

- a. Pergerakan nilai semasa obligasi tidak dibiayai adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Pada 1 Januari	301,814	274,954
Kos Dicatat Semula/Kos Perkhidmatan Semasa	(11,569)	9,375
Kos Faedah	13,465	11,737
Manfaat Dibayar Daripada Pelan (Keuntungan)/Kerugian Aktuari Bersih	(4,434)	(2,852)
	(3,491)	8,600
Pada 31 Disember	295,785	301,814

- b. Jumlah sebagaimana dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Nilai Semasa Obligasi Tidak Dibiayai	295,785	301,814
Liabiliti Bersih Pada 31 Disember	295,785	301,814

- c. Jumlah yang diiktiraf dalam Penyata Untung Atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
	Kos Dicatat Semula/Kos Perkhidmatan Semasa	(11,569)
Kos Faedah	13,465	11,737
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi	1,896	21,112
(Keuntungan)/Kerugian Aktuari Bersih	(3,491)	8,600
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Pendapatan Komprehensif Lain	(3,491)	8,600
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain	(1,595)	29,712

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

20. MANFAAT PEKERJA (SAMB.)

20.2 Gratuiti Bagi Pesara (Samb.)

- d. Penyesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Nilai Semasa Obligasi Tidak Dibiayai	301,814	274,954
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain	(1,595)	29,712
Manfaat Dibayar Daripada Pelan	(4,434)	(2,852)
Liabiliti Bersih Pada 31 Disember	295,785	301,814

- e. Andaian utama yang digunakan dalam penilaian aktuari adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWSP	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Kadar Diskaun (%)	4.00	4.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (%)	5.80	5.00
Kadar Pelarasan Gaji (%)*	8.50	10.00

* Pelarasan gaji dilaksanakan tiga tahun sekali dengan tahun terakhir pelaksanaan adalah 2017.

- f. Analisis sensitiviti di bawah ditentukan berdasarkan perubahan munasabah dalam andaian yang digunakan sewaktu menjalankan penilaian aktuari setakat Penyata Kedudukan Kewangan, dengan anggapan andaian lain tidak berubah:

	KUMPULAN DAN KWSP		
	2018 (RM'000)	Naik (+)	Turun (-)
		(RM'000)	(RM'000)
Nilai Obligasi Manfaat Pada 31 Disember	295,785		
Kadar Diskaun (Perubahan 1%)		(845)	916
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (Perubahan 1%)		256	(415)

	KUMPULAN DAN KWSP		
	2017 (RM'000)	Naik (+)	Turun (-)
		(RM'000)	(RM'000)
Nilai Obligasi Manfaat Pada 31 Disember	301,814		
Kadar Diskaun (Perubahan 1%)		(3,503)	3,563
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (Perubahan 1%)		178	(703)

Walaupun analisis ini tidak mengambil kira pengagihan penuh jangkaan aliran tunai di bawah pelan, ia masih menunjukkan anggaran sensitiviti bagi andaian yang digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

21. PINJAMAN DAN OVERDRAF

	KUMPULAN	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Pinjaman Bank Dan Overdraf	12,840,653	12,283,351
Tanggungan Atas Jualan Pinjaman Kepada Cagamas	2,135,518	2,238,167
Lain-lain Pinjaman	851,809	1,165,990
	15,827,980	15,687,508

Struktur kematangan Pinjaman Dan Overdraf adalah seperti berikut:

	KUMPULAN	
	31 DISEMBER 2018 (RM'000)	31 DISEMBER 2017 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	2,510,310	2,445,820
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	13,317,670	13,241,688
	15,827,980	15,687,508

Berikut adalah butiran mengenai pinjaman bank yang telah dibuat oleh Kumpulan sebagaimana yang telah dilaporkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan:

21.1 Pinjaman Bank Sedia Ada

- Pada bulan April 2015, syarikat subsidiari global mendapat pembiayaan bank luar sebanyak EUR128.86 juta dari Deka Bank dengan kadar faedah sebanyak 3 bulan Euribor ditambah margin 1.0% dan akan matang pada 4 Februari 2022. Pinjaman ini dijamin oleh hartanah yang dimiliki oleh syarikat subsidiari global tersebut.
- Pada 3 Julai 2015, syarikat subsidiari global mendapat pembiayaan bank luar sebanyak EUR188.32 juta dari Deutchsh Hypo dengan kadar faedah LIBOR tiga (3) bulan dicampur kos kecairan dan ditambah margin. Setakat 1 Jun 2018, jumlah pinjaman sebanyak EUR74.49 juta telah dibayar berikutan penjualan hartanah yang dimiliki oleh syarikat subsidiari tersebut, manakala bakinya akan matang pada 22 Jun 2022. Pinjaman ini dijamin oleh hartanah-hartanah yang dimiliki oleh syarikat subsidiari global tersebut.
